05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEBERKESANAN MODUL PENDIDIKAN AKHLAK BERDASARKAN SURAH LUQMAN TERHADAP PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU POSITIF KANAK-KANAK: SATU KAJIAN KES DI KEDAH

NOR FAUZIAN BINTI KASSIM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)

PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membina Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) berpandukan model reka bentuk pengajaran Dick, Carey dan Carey serta model pembinaan modul Sidek dan Jamaludin. Dalam konteks pembinaan akhlak, teori moral Kohlberg dan Piaget serta perspektif Al-Ghazali telah dijadikan asas teorikal kajian. Pada peringkat pembinaan modul, MPAL telah melalui proses kesahan kandungan oleh panel pakar bidang. Kajian ini juga untuk menentukan keberkesanan MPAL terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah dipilih. Pemilihan peserta kajian dijalankan secara pensampelan bertujuan melibatkan enam orang kanak-kanak yang berusia tiga hingga empat tahun. Peserta kajian dipilih daripada sebuah Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di negeri Kedah. Tiga jenis instrumen telah digunakan dalam kajian ini iaitu soal selidik, senarai semak pemerhatian, dan protokol temu bual separa struktur. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS dan Atlas.ti 8. Instrumen soal selidik menunjukkan kesahan kandungan adalah tinggi iaitu 0.92% dan nilai kebolehpercayaan instrumen iaitu pekali *Cronbach's Alpha* ialah 0.896. Dapatan pemerhatian dan temu bual menunjukkan terdapat empat tema utama yang muncul daripada peserta kajian iaitu tingkah laku berbuat baik kepada ibu bapa, rendah hati (tidak sombong), bersederhana, dan bertutur secara sopan. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan MPAL dapat membantu pembentukan tingkah laku positif dalam kalangan kanak-kanak di sebuah TASKA. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan MPAL dapat dijadikan sebagai panduan kepada pendidik awal kanak-kanak untuk mengajar pendidikan akhlak kepada kanak-kanak yang berusia tiga hingga empat tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

EFFECTIVENESS OF AKHLAQ EDUCATION MODULE BASED ON SURAH LUQMAN TOWARDS THE FORMATION OF CHILDREN'S POSITIVE BEHAVIOURS: A CASE STUDY IN KEDAH

ABSTRACT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

The purpose of this study was to develop the Akhlaq Education Module based on Surah Luqman (MPAL) in accordance with the Dick, Carey and Carey instructional design model and also Sidek and Jamaludin module construction model. In the context of moral development, Kohlberg and Piaget's moral theory and Al-Ghazali's perspective have been used as the theoretical basis for this study. At the development stage of the MPAL, it has undergone the content validity process by expert panels. This study was also designed to determine the effectiveness of MPAL towards the formation of the children's positive behaviours. Qualitative approach with a case study design was used in this study. A purposive sampling involve six children age three to four years old was utilised. Participants were selected from a Child Care Center (TASKA) in Kedah. Three types of instrument were used in this study, such as questionnaires, observation checklist, and interview protocol. The data were analysed using SPSS and Atlas.ti 8 software. The results showed that the value of the validity of the module content was high that is 0.92% and the value of instrument reliability that is Cronbach's Alpha coefficient was 0.896. Observation and interviews findings show that there are four main themes emerged from the study: good behaviours towards parents, being humble (not arrogant), moderate, and polite. In conclusion, this study has shown that MPAL could asssist children to form positive behaviours. Main implication indicates that the MPAL could be used as a guidance to early childhood educators to teach akhlaq education to children age three to four years old.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xii
SENARAI RAJAH		xiv
SENARAI SINGKATAN		xvi
BAB 1	**PENDAHULUAN**	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	23
	1.5 Soalan Kajian	24
	1.6 Kepentingan Kajian	26
	1.7 Batasan Kajian	30

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Operasional 33

1.8.1 Modul Pendidikan Akhlak 33

1.8.2 Tingkah laku Positif 37

1.8.3 Kanak-kanak 40

1.9 Rumusan 43

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 43

2.2 Pendidikan Akhlak Kanak-kanak 44

2.3 Kepentingan Pendidikan Akhlak dan Moral Kanak-kanak 56

2.4 Latar Belakang Teoritikal 57

2.4.1 Pandangan Imam Al-Ghazali 57

2.4.2 Pandangan Abdullah Nashih Ulwan 63

2.4.3 Teori-teori Moral 64

2.5 Teori Perkembangan Moral Piaget 66

2.6 Teori Perkembangan Moral Kohlberg 70

2.7 Kerangka Teoritikal Kajian 75

2.8 Kerangka Konseptual Kajian 76

2.9 Model Pembinaan Modul 78

2.9.1 Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey 79

2.9.2 Model Pembinaan Modul Sidek 88

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10 Surah Luqman 94
2.11 Model-model Lepas Berkaitan Surah Luqman 101
2.12 Keperibadian Luqman Al-Hakim 104
2.13 Metodologi Pendidikan Luqman 110
2.14 Tingkah laku Positif Kanak-kanak 112
2.15 Kajian Luar Negara 120
2.16 Kajian Dalam Negara 142
2.17 Rumusan 150

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 151
3.2 Pendekatan Kajian 152
3.3 Reka Bentuk Kajian 153
3.4 Pensampelan Kajian 155
3.5 Lokasi Kajian 160
3.6 Kaedah Pengumpulan Data 161
3.6.1 Pemerhatian 162
3.6.2 Temu bual 164
3.6.3 Analisis Dokumen 166
3.7 Instrumen Kajian 167
3.8 Prosedur Penganalisisan Data 171

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Menentukan Kesahan Modul 174

3.10 Menentukan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian 175

3.11 Kajian Rintis Modul Pendidikan Akhlak (MPAL) 176

3.12 Prosedur Pelaksanaan Kajian 178

3.13 Triangulasi Data 182

3.14 Etika Pelaksanaan Kajian 183

3.15 Rumusan 184

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 185

4.2 Analisis prosedur pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dengan menggunakan kaedah Analisis Dokumen 186

4.3 Analisis dapatan data dari instrumen Soal Selidik Kandungan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) 202

4.4 Analisis dapatan data dari Soal Selidik Kebolehpercayaan Instrumen Senarai Semak Tingkah Laku Kanak-kanak Berumur Tiga hingga Empat Tahun 206

4.5 Analisis data pemerhatian tingkah laku kanak-kanak berumur tiga hingga empat tahun 208

4.6 Analisis data temu bual separa struktur berkaitan pembentukan tingkah laku kanak-kanak berumur tiga hingga Empat 219

4.7 Rumusan 243

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	222
5.2	Perbincangan	246
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	256
5.4	Sumbangan Kajian	258
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	258
5.6	Kesimpulan	260

RUJUKAN

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Kanak-kanak Terlibat dengan Jenayah mengikut Jantina bagi Tahun 2010-2014	9
1.2	Kesalahan Jenayah Melibatkan Kanak-kanak bagi Tahun 2014 dan 2015	11
3.1	Profil Peserta Kajian	158
3.2	Metodologi Kajian bagi Fasa Pembinaan Modul	180
3.3	Metodologi Kajian bagi Fasa Penilaian Modul	181
4.1	Dapatan Analisis Dokumen semasa Proses Pembinaan Modul	187
4.2	Dapatan Analisis Dokumen Berdasarkan Instrumen Kajian	188
4.3	Senarai Tajuk Kandungan MPAL	199
4.4	Senarai Bahan Media Mengikut Tajuk dan Aktiviti MPAL	200
4.5	Analisis Dapatan Data dari Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan MPAL	203
4.6	Cadangan Penambahbaikan dari Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan MPAL	205
4.7	Data Pemerhatian Tajuk 1	210
4.8	Data Pemerhatian Tajuk 2	213

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9	Data Pemerhatian Tajuk 3	215
4.10	Data Pemerhatian Tajuk 4	218
4.11	Kod Informan Temu bual	220
4.12	Data Temu bual dengan Informan D1	232
4.13	Data Temu bual dengan Informan D2	233
4.14	Data Temu bual dengan Informan D3	235
4.15	Data Temu bual dengan Informan D4	238
4.16	Data Temu bual dengan Informan D5	239
4.17	Data Temu bual dengan Informan D6	242

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Kerangka Teoritikal Kajian	75
2.2	Fasa Pembinaan dan Penilaian Modul	77
2.3	Kerangka Konseptual Kajian	78
2.4	Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey, 2005.	80
2.5	Model Pembinaan Modul Sidek	89
3.1	Kronologi Fasa Pembinaan dan Penilaian Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman (MPAL)	181
4.1	Sepuluh Langkah Pembinaan Modul yang disesuaikan dari Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey	190
4.2	Sembilan Langkah Pembinaan Draf Modul	191
4.3	Kerangka Prosedur Pembinaan Modul diadaptasi daripada Model Rekabentuk Pengajaran Dick & Carey, 2005 dan disesuaikan dengan Model Pembinaan Modul Sidek , 2005.	192
4.4	Dapatan Data bagi Tingkah Laku Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa	211
4.5	Dapatan Data bagi Tingkah Laku Rendah Hati (tidak sombong)	214
4.6	Dapatan Data bagi Tingkah Laku Bersederhana	216

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7	Dapatan Data bagi Tingkah Laku Bertutur Secara Sopan	218
4.8	Data diperoleh daripada Informan D1	233
4.9	Data diperoleh daripada Informan D2	235
4.10	Data diperoleh daripada Infoman D3	237
4.11	Data diperoleh daripada Informan D4	239
4.12	Data diperoleh daripada Informan D5	241
4.13	Data diperoleh daripada Informan D6	243

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPG	Institut Pendidikan Guru
KAAK	Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia/ Kementerian Pelajaran Malaysia
MPAL	Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman
NAEYC	*National Association for the Education of Young Children*
PAKK	Pendidikan Awal Kanak-kanak
PAPN	Pusat Anak PERMATA Negara
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PI	Pendidikan Islam
SAW	Salallah Alaihi Wasallam
SPSS	*Statistical Packages for the Social Science*
SWT	Subhanahu Wa Taala
TADIKA	Taman Didikan Kanak-kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul
B	Borang Soal Selidik Kebolehpercayaan Instrumen
C	Borang Senarai Semak Pemerhatian
D	Protokol Temu Bual Separa Struktur
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
F	Surat Pelantikan sebagai Pakar Penilai
G	Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab pendahuluan yang akan menjelaskan tentang latar belakang, pernyataan masalah kajian, objektif, diikuti dengan soalan kajian, kepentingan dan batasan kajian. Seterusnya, pengkaji menjelaskan definisi operasional berkaitan tajuk iaitu Pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman dan kesannya terhadap tingkah laku positif kanak-kanak serta diakhiri dengan rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam latar belakang kajian. dibincangkan beberapa perkara seperti latar belakang pendidikan awal kanak-kanak dan kepentingannya, pendidikan akhlak dan hubungannya dengan kandungan Surah Luqman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.1 Pendidikan Awal Kanak-kanak

Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) atau *early childhood education* merupakan peringkat pendidikan yang paling asas dalam kehidupan seseorang. PAKK menjadi tapak pertama sebelum seseorang individu melangkah masuk ke alam pendidikan yang formal. Setiap individu manusia berhak mendapat pendidikan asas yang menyeluruh kerana pendidikan yang baik akan menghasilkan pertimbangan sosial yang baik (Nor Fauzian, 2015).

Program PAKK merangkumi semua program pendidikan yang disediakan bagi kanak-kanak yang berusia sejak lahir hingga ke lapan tahun (0-8 tahun). Program PAKK meliputi program-program yang menyediakan perkhidmatan seperti layanan, asuhan dan bimbingan kepada kanak-kanak (Sue Bredekamp dan Carol Copple,1992; 1995; 1997, NAEYC, 2011; Azizah, 2002; Aminah, 2005 dan Nor Fauzian, 2009).

Program-program PAKK menyediakan kanak-kanak dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang berfokus kepada pencapaian dalam semua aspek perkembangan termasuk jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial secara menyeluruh dan seimbang. Menurut Azizah (2002), PAKK melibatkan program-program yang disediakan bagi peringkat bayi *(infants*), kanak-kanak bertatih *(toddlers),* sekolah asuhan *(nursery school),* jagaan kanak-kanak *(child-care),* dan program-program seperti *kindergarten*, tadika, prasekolah dan juga sekolah rendah (Tahap Satu).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Morrison (2000) pula mendefinisikan program awal kanak-kanak sebagai;

> *The term early childhood refers to the period from birth to age eight. Early Childhood program provide services for children from birth through age eight in part day and full day group programs in centers, home and institution kindergartens and primary school and recreational program* (Morrison, 2000).

Sejarah PAKK telah bermula sejak zaman sebelum Malaysia merdeka lagi. Namun begitu, PAKK mula mendapat perhatian khususnya apabila kerajaan menggubal Akta Pendidikan 1961, Kaedah-kaedah Pelajaran 1972, dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak,1984.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selari dengan itu, konsep PAKK di Malaysia pada umumnya dapat dikategorikan kepada dua peringkat yang utama iaitu TASKA (Taman Asuhan Kanak-kanak) dan TADIKA (Taman Didikan Kanak-kanak) berdasarkan tahap umur kanak-kanak.

Peringkat TASKA dikhususkan bagi kanak-kanak yang berumur di bawah empat tahun (0-4 tahun) manakala peringkat TADIKA pula adalah bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun (4-6 tahun). Pendidikan pada peringkat awal kanak-kanak amat penting bagi memastikan aspek perkembangan kanak-kanak berlaku secara menyeluruh dan bersepadu di samping dapat menyuburkan potensi yang ada pada diri setiap kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, beberapa dasar dan polisi telah diwujudkan bagi menentukan hala tuju program pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Penjelasan berkaitan dasar negara jelas dilihat menerusi penyataan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (2008) iaitu;

> Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan ialah dasar yang komprehensif bagi memastikan perkembangan yang holistik bagi semua kanak-kanak dari lahir hingga empat tahun. Ia menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Dasar ini adalah pengukuh serta pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan sedia ada (Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pernyataan yang terkandung dalam Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (2008) memberi signifikan penting. Ini adalah kerana kanak-kanak merupakan kumpulan masyarakat yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak termasuk kerajaan, badan bukan kerajaan atau *Non-Government Organisation* (NGO), pihak swasta, dan ibu bapa supaya mereka dapat membesar mengikut acuan Malaysia.

Justeru, bagi mencapai hasrat negara ke arah melahirkan modal insan yang berakhlak mulia dan berkualiti tinggi, maka pelbagai pihak perlu bertanggungjawab, dan bersama-sama menggembeleng usaha dan tenaga serta sumber kepakaran yang ada. Di samping menyediakan program perkhidmatan, pendidikan, latihan, perlindungan dan kemudahan yang dapat merangsang perkembangan positif kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (2008) juga menjadi titik tolak kepada perancangan jangka panjang negara. Pelaburan awal dalam pembangunan modal insan amat perlu seperti yang termaktub. dalam Rancangan Malaysia ke-9 bagi mencapai wawasan negara menjelang tahun 2020.

Perhatian khusus yang diberikan kepada PAKK merupakan salah satu strategi mekanisme negara sebagai gagasan pendidikan sepanjang hayat. Adalah diharapkan melalui gagasan ini, negara dapat menghasilkan warga yang mempunyai jati diri yang mantap, berakhlak mulia, berilmu pengetahuan, dan berkemahiran serta berjaya menangani cabaran sosio ekonomi dan teknologi global terkini.

Umum mengetahui tentang kepentingan pendidikan diberikan sebaiknya peringkat awal kanak-kanak. Ini adalah kerana perkembangan menyeluruh kanak-kanak berlaku dengan pesat dan optimum pada usia lapan tahun ke bawah.

Hal ini diperkukuhkan dengan pernyataan Bredekamp dan Copple (1997) seperti berikut;

> *In the first three years of life, children learns, or fail to learn, how to get along with others, how to resolve disputes peacefully, how to use language as a tool of learning and persuasion, and how to explore the world without fear. Brain research reveals that most of the connections that will be maintained throughout life are formed during childhood* (Bredekamp & Copple,1997).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) adalah asas terpenting dalam kehidupan manusia. Ia berfungsi mencorakkan peribadi dan sahsiah seseorang. Asas pendidikan yang diterima pada peringkat awal usia memberi impak yang sangat hebat kepada peringkat kehidupan seterusnya. Oleh itu, corak pendidikan yang diterima seharusnya menjelaskan konsep dan prinsip-prinsip yang digarap dengan konsep pengajaran yang efektif. Pendidikan berkualiti yang diterima akan melahirkan generasi yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab terhadap agama, masyarakat dan negara.

Dari sudut pandangan tokoh pendidikan Islam, Iman Al-Ghazali (2003) menyebut bahawa kanak-kanak perlu dididik sejak dilahirkan. Beliau menegaskan, hanya wanita yang solehah dan memiliki tingkah laku mulia sahaja yang layak menjaga atau mengasuh seorang bayi atau kanak-kanak. Ini adalah kerana kanak-kanak perlu diajar dengan pendidikan agama dan adab-adab sopan dalam kehidupan. Ini selaras dengan tujuan pendidikan awal kanak-kanak iaitu supaya kanak-kanak bertingkah laku yang baik, seperti sentiasa merendah diri, tidak bercakap bohong, bersederhana, bersahabat dengan orang yang baik dan tidak sombong atau membangga diri (Iman Al-Ghazali, 2015).

1.2.2 Pendidikan Akhlak

Dalam konteks Islam, Al-Quran merupakan sumber bagi segala ilmu. Isi kandungan dan ayat-ayat Al-Quran adalah wahyu Allah SWT yang telah diturunkan melalui malaikat Jibrail kepada Rasulullah SAW dengan pelbagai keistimewaan. Kandungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ilmunya selari dengan kemajuan dunia sehingga hari Kiamat (Shahabuddin & Nazrul, 2011). Selain itu, agama Islam telah menganjurkan beberapa metode pendidikan yang mantap dan relevan seperti yang terdapat dalam Al-Quran melalui Surah Luqman (Rosnaaini Hamid, Suhanim Abdullah dan Syahrul Faizaz Abdullah, 2008; Rosnaaini dan Suhanim, 2012).

Aspek yang berkaitan dengan pendidikan akhlak kanak-kanak banyak disebut di dalam Al-Quran khususnya menerusi ayat-ayat 30 hingga 34, dan ayat 151 dari Surah Al-Baqarah serta dari ayat 12 hingga ayat 19, Surah Luqman. Menerusi Surah Luqman, Allah SWT telah memberi garis panduan yang jelas mengenai kaedah pendidikan untuk anak-anak. Kaedah pendidikan yang disarankan oleh Luqman bukan sahaja menepati kehendak dan keperluan masa kini, malah kaedah seperti nasihat adalah sesuai sepanjang zaman (Rosnaaini dan Suhanim, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peribahasa Bahasa Melayu ada menyebut bahawa "jika hendak melentur buluh; biarlah dari rebungnya". Peribahasa berkenaan merujuk kepada proses pendidikan yang sepatutnya bermula sejak dari kecil lagi. Oleh itu, PAKK seharusnya menjadi platform yang terbaik untuk kanak-kanak diberi asuhan dan didikan yang sewajarnya. Segala bentuk pendidikan sepatutnya disemai dan diperkukuhkan pada peringkat asas ini termasuklah pendidikan akhlak dan pemupukan tingkah laku yang baik dan positif. Maka, dalam memberi pendidikan yang sempurna, sewajarnya pendidik merujuk kepada Al-Quran menerusi Surah Luqman (Surah ke-31; Juzuk 21; ayat 12-19) sebagai panduan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kini, telah tiba masanya sistem pendidikan kembali terarah ke landasan yang benar. Pendidikan awal yang diberikan kepada kanak-kanak seharusnya berpandukan kepada Al-Quran dan Hadis yang didasari oleh keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Sekiranya pendidikan gagal meletakkan Al-Quran dan Hadis sebagai tonggak utama, maka proses pembentukan sahsiah muslim yang komited terhadap tuntutan agama juga akan menghadapi kegagalan (Shahabuddin dan Nazrul, 2011).

Hakikatnya, Barat dan Islam mempunyai perspektif yang hampir sama dalam hal yang berkaitan dengan pendidikan pada peringkat awal usia kanak-kanak. Namun, Islam lebih menekankan pembentukan sahsiah seseorang kanak-kanak berbanding tingkah laku fizikal. Akhlak perlu diterapkan seiring dengan penerapan iman dalam roh dan jiwa (Mastura Badzis, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mengemukakan satu alternatif sebagai sumbangan dalam bidang asuhan dan didikan kepada kanak-kanak pada peringkat awal usia dengan membina satu modul yang dinamakan sebagai Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) sebagai panduan pendidikan akhlak kepada para pendidik PAKK.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam usaha negara mencapai status negara maju, gejala keruntuhan akhlak semakin menjadi-jadi. Kewujudan permasalahan akhlak dalam kalangan kanak-kanak sering dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan negara. Walaupun akhlak luaran mahu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pun yang melibatkan hubungan dengan Allah; kedua-duanya bukan faktor penyebab yang utama (Zaharah, 2005).

Trenda kehidupan pada masa kini penuh dengan pelbagai isu dan permasalahan yang semakin mencabar. Sistem pendidikan yang sedia ada tidak mampu memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat dalam menangani isu dan permasalahan yang dihadapi. Norma kehidupan masyarakat adakalanya tidak seiring dengan matlamat sistem pendidikan. Sebagai bukti, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Buku JKM (2014) amat membimbangkan. Bilangan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah mengikut jantina dilaporkan seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Kanak-kanak Terlibat dengan Jenayah Mengikut Jantina bagi Tahun 2010-2014

Tahun Jantina	2010	2011	2012	2013	2014
Lelaki	4,182	5,270	5,614	5,254	4,837
Perempuan	283	277	406	330	316

(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014)

Berdasarkan dapatan analisis statistik yang diperolehi oleh JKM di atas, jelas menunjukkan kepincangan sistem pendidikan yang menjadi salah satu faktor kepada permasalahan moral yang berlaku dalam masyarakat.

Selain itu, senario masa kini memperlihatkan ciri kanak-kanak yang semakin membimbangkan. Pembentukan akhlak mulia dalam kalangan kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghadapi cabaran getir, Terdapat kanak-kanak yang terlibat dengan pelbagai tingkah laku yang negatif seperti mencuri, berbohong, tidak solat, boros, merokok, merogol dan bermegah-megah (Fauziah Hanim, Nazariah, Ibrahim dan Melati (2014).

Pada masa kini, kebanyakan kanak-kanak mudah terpengaruh dengan gejala negatif ekoran dari penularan rancangan hiburan di televisyen, video dan media massa yang lain. Pengaruh gadget seperti telefon pintar memudahkan kanak-kanak mengekses maklumat-maklumat yang tidak sewajarnya diketahui oleh mereka. Menurut Latifah, Wan Nasyrudin, dan Nurul Hidayah (2012), kanak-kanak terdedah kepada media massa dan teknologi maklumat seperti rancangan berbentuk hiburan melalui televisyen, CD-ROM dan video-video hiburan yang boleh memberikan kesan negatif ke atas perkembangan akhlak dan jati diri mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat juga tingkah laku langsang seperti buli, peras ugut, dendam dan anti sosial dalam kalangan kanak-kanak (Shahabuddin Hashim dan Noor Miza Abdul Rahman, 2014). Malah, lebih serius lagi gejala vandalisme, gansterisme, dan jenayah berat seperti membunuh dan terjerumus dalam kancah penyalahgunaan dan pengedaran dadah yang melibatkan kanak-kanak semakin berleluasa kini.

Berdasarkan statistik kadar jenayah dalam kalangan kanak-kanak yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertarikh 15 Disember 2016, menunjukkan kadar jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak berada pada tahap yang amat meruncing. Berikut adalah **Jadual 1.2** yang menunjukkan statistik PDRM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Kesalahan Jenayah Melibatkan Kanak-kanak bagi Tahun 2014 dan 2015

Tahun	2014	2015	%
Bilangan kanak-kanak	5,096	4,569	10.3
Bilangan Kes Kesalahan berulang	371	417	12.4

(Sumber: PDRM, 2016)

Merujuk kepada **Jadual 1.2**, statistik menunjukkan bilangan kanak-kanak yang terlibat sebagai pesalah juvana telah menurun sebanyak 10.3%. Begitu juga, bilangan kes mencatatkan penurunan bilangan kes pada tahun 2014 berbanding tahun 2015. Kesalahan pertama turut mencatatkan penurunan 12.1 peratus. Sebaliknya, kesalahan berulang mencatatkan kenaikan 12.4 % iaitu bilangan kes sebanyak 371 kes pada tahun 2014 kepada 417 kes pada tahun 2015 (PDRM, 2016). Peratusan ini adalah tinggi dan amat membimbangkan. Perkara ini tidak seharusnya dipandang remeh. Justeru, semua pihak perlu mengembeleng tenaga mencari mekanisme bagi mengatasi gejala ini dari akar umbi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian berkaitan realiti, trend dan isu dalam PAKK semakin diberi perhatian. Sebagai contoh, Kajian Aminah Ayob (2005) mendapati negara maju kini memberi tumpuan utama meningkatkan kualiti PAKK. Perkara ini dipersetujui oleh Mariani Md Nor (2006) dan Sopia Md Yassin (2012). Trend PAKK kini ialah untuk melibatkan kanak-kanak seawal umur tiga tahun (Aminah, 2005). Namun, dalam mengejar kualiti pendidikan ke arah negara maju, perhatian terhadap pembentukan akhlak kanak-kanak seawal usia kurang diberi penekanan. Hal ini amat berbeza jika

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibandingkan dengan negara Asia yang lain seperti Jepun yang menitikberatkan pendidikan nilai di peringkat sekolah rendah.

Selain itu, kajian-kajian yang menghuraikan isu-isu dalam PAKK seperti dasar, polisi kurikulum, pengajaran dan pembelajaran (PdP), penglibatan ibu bapa dan peranan pendidik PAKK juga banyak dijalankan. Sebagai contoh, dapatan dari kajian yang dijalankan oleh Imran Ariff, Faizul, Khadijah, Rizawati dan Wan Zurianti (2010) menunjukkan bahawa pihak ibu bapa dan pendidik menghadapi pelbagai cabaran dalam memberi pendidikan kepada kanak-kanak.

Peranan ibu bapa juga sangat penting dalam mengaplikasikan pencegahan perbuatan jenayah oleh anak-anak mereka. Didikan agama perlu diberatkan kerana semua agama mewajibkan berkelakuan baik. Bimbingan moral dan pendidikan sivik di sekolah juga memainkan peranan yang tidak kurang penting (Roos Niza, 2017). Justeru, modul pendidikan akhlak dilihat sebagai satu keperluan dalam kehidupan pada masa kini.

Program pendidikan memerlukan kurikulum atau sukatan pelajaran yang berstruktur dan khusus. Kurikulum ditakrifkan sebagai semua perancangan pendidikan yang diperlukan oleh sesebuah institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan. Kurikulum juga merupakan dokumen yang mencerakinkan konsep dan falsafah pendidikan secara lebih terperinci.

Dalam hal ini, Nor Fauzian dan Fauziah Hanim (2012), menjelaskan bahawa kurikulum dalam PAKK mempunyai isu dan cabarannya yang tersendiri. Kurikulum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PAKK yang sedia ada sering berubah, sesuai dengan transformasi pendidikan namun, didapati kurang mementingkan komponen kerohanian dan perkembangan sahsiah kanak-kanak.

Kurikulum PAKK bukan hanya bertujuan untuk mendidik kanak-kanak supaya pandai membaca, menulis dan mengira sahaja tetapi juga bermatlamat bagi menyuburkan potensi dalam semua aspek perkembangan diri kanak-kanak ke arah perkembangan yang seimbang, menyeluruh dan bersepadu. Sehubungan dengan itu, kurikulum Pendidikan Islam bagi awal kanak-kanak harus diajar dengan lebih berkesan. Perkara ini penting bagi memantapkan akidah Islamiyah, meningkatkan minat dan kecenderungan terhadap ilmu, menambah keimanan dan seterusnya bagi mencapai matlamat pembinaan modal insan. Namun begitu, hasrat dan tujuan kurikulum PAKK sukar untuk dipastikan tahap keberhasilannya. Ini menyebabkan penilaian terhadap keberkesanan kurikulum sukar dilaksanakan apatah lagi penilaian terhadap perubahan tingkah laku kanak-kanak yang sukar dijangka.

Pada masa kini, belum ada satu pun dokumen yang diiktiraf sebagai panduan yang standard bagi mengintegrasikan amalan asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur empat tahun di Malaysia. Walaupun terdapat kursus-kursus berkaitan seperti Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) dan kini dikenali sebagai Kursus Asuhan PERMATA (KAP) diwajibkan kepada semua pengusaha dan pengasuh yang berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak (Akta 308), namun aspek utama KAAK dan KAP didapati lebih memberi tumpuan kepada amalan asuhan dan keselamatan kanak-kanak berbanding dengan aspek pendidikan dan kurikulum dalam PAKK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembangunan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak yang komprehensif bagi perkembangan secara menyeluruh adalah sangat penting. Kurikulum yang mantap diperlukan sebagai kesinambungan terutamanya yang berkaitan dengan pedagogi dalam sesi PdP, amalan pengasuhan dan didikan dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Sehubungan dengan itu, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara atau *National Children Development Research Center (NCDRC)* dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri telah pun memperkenalkan Kurikulum PERMATA. Kurikulum PERMATA telah dibentuk mengikut acuan tersendiri, sesuai dengan konteks negara Malaysia. Beberapa ujian rintis dan penyelidikan sebenar berkaitan penggunaan kurikulum PERMATA telah dijalankan ke atas kanak-kanak di Pusat-pusat PERMATA Anak Negara (PAPN).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan hasil kajian yang diperolehi melalui program PERMATA amat memberangsangkan terutama yang berkaitan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh merangkumi hal-hal pendidikan, amalan pengasuhan dan nutrisi serta kesihatan kanak-kanak, maka Kurikulum PERMATA telah dipersetujui dijadikan sebagai garis panduan kurikulum asuhan dan didikan awal kanak-kanak di peringkat kebangsaan mulai tahun 2010.

Tidak dinafikan, terdapat lima modul yang dikenali sebagai Modul PERMATA yang digubal untuk program PERMATA telah diaplikasikan mulai tahun 2010 dan dimurnikan pada tahun 2012. Kandungan kesemua modul PERMATA memberi tumpuan kepada kanak-kanak seawal usia (sejak lahir hingga empat tahun).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai contoh, Kandungan Modul 5 (bagi kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun) dalam Kurikulum PERMATA, tumpuan yang lebih diberikan kepada bidang Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal, Pengamatan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran, Perkembangan Fizikal, Perkembangan Kreativiti dan Estetika, Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik berbanding bidang Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi, dan Kerohanian.

Walaupun Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi dan Kerohanian diletak pada bahagian awal kandungan kurikulum namun panduan pelaksanaan aktiviti PERMATA menunjukkan bidang tersebut hanya dilaksanakan sebagai rutin atau digabungjalinkan dalam bidang pembelajaran yang lain. Ini membuktikan bahawa aspek kerohanian kurang dititikberatkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemberatan aktiviti lebih difokuskan kepada Perkembangan Sosioemosi berbanding Perkembangan Sahsiah dan Perkembangan Kerohanian dikhususkan kepada kanak-kanak Islam sahaja. Panduan aktiviti-aktiviti yang dijalankan berdasarkan 10 tema iaitu Diri Saya, Keluarga Saya, Badan Saya, Bentuk, Warna, Bunyi dan Muzik, Benda Yang Bergerak, Ruang dan Kedudukan, Air dan Nombor.

Di samping itu, terdapat 10 aktiviti tambahan Komponen Kerohanian disediakan pada bahagian akhir setiap modul tetapi kesemuanya lebih menjurus kepada elemen akidah berbanding elemen akhlak yang sepatutnya diberi perhatian. Terdapat hanya satu elemen berkaitan akhlak sahaja yang dijadikan sebagai objektif pembelajaran iaitu menunjukkan akhlak mulia dan hormat orang dewasa manakala bagi Perkembangan Kerohanian pula kanak-kanak mesti berbuat baik kepada ibu bapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan menghormati mereka, Allah akan beri pahala (Panduan Pelaksanaan Aktiviti PERMATA (2010, m.s 208).

Penyampaian kandungan semasa pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kesemua Modul PERMATA juga didapati tidak menyarankan sebarang pendekatan khusus bagi memudahkan pendidik menterjemahkannya dalam bentuk pengajaran. Aktiviti-aktiviti seperti berzikir, berselawat dan bersyukur yang dicadangkan juga lebih merupakan aktiviti yang hanya dijadikan sebagai rutin atau amalan dalam pengasuhan seharian. Pembinaan modul-modul PERMATA juga didapati tidak merujuk kepada mana-mana ayat atau surah yang terkandung dalam Al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malah, isi kandungan modul–modul tersebut juga tidak melalui proses penyelidikan seperti pembinaan dan pengujian modul iaitu proses kesahan dan kebolehpercayaan. Sehingga kini, belum ada sebarang kajian dijalankan bagi melihat keberkesanan pelaksanaan atau kesan penggunaan kesemua modul PERMATA khususnya bagi Bidang Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi dan Kerohanian walau pun telah hampir tujuh tahun diaplikasikan dalam program PAKK.

Mazlini, Aminah, Ong Eng Tek, Mohd Nasir, Noriah, Jameyah (2016), telah menjalankan kajian yang bertajuk Pembangunan modal insan dan kebolehlaksanaan dan kebolehintegrasian pendidikan STEM dalam kurikulum PERMATA. Kajian tersebut membuktikan bahawa pengkaji dalam bidang PAKK kini, lebih cenderung untuk mengkaji tentang elemen-elemen yang terdapat dalam pedagogi abad ke-21 seperti sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik *(STEM*) pada peringkat awal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak. Kajian yang berkaitan dengan perkembangan kerohanian amat kurang diminati untuk dikaji.

Di samping itu, setelah dianalisis Kurikulum PERMATA (2012), didapati kandungan Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi dan Perkembangan Kerohanian terpisah-pisah. Perkembangan Kerohanian dikhususkan kepada kanak-kanak yang beragama Islam sahaja sementara Perkembangan Sosioemosi dilihat lebih dominan berbanding Perkembangan Sahsiah kanak-kanak. Tambahan pula tajuk seperti Allah Ciptakan Kita, Allah Rahmati Keluarga Kita dan Allah Ciptakan Alam yang terkandung dalam Perkembangan Kerohanian lebih menfokus kepada pemupukan akidah berbanding perkembangan sahsiah atau pembentukan akhlak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada kandungan kurikulum yang dijelaskan, ternyata pencapaian matlamat dan objektif kurikulum sejajar dengan hasrat FPK, menuntut komitmen yang padu dari para pendidik. Permasalahan timbul bila mana pendidik PAKK didapati kurang memahami kandungan kurikulum, keperluan pelaksanaannya dan kurang arif pula untuk menterjemahkan kurikulum dalam bentuk pengajaran.

Sehingga kini, belum terdapat kajian yang mendalam mengenai isu dan permasalahan ini di peringkat PAKK. Kajian awal oleh Hussin Salamon, Ahmad Puhad , Mohd Abas Abd Latif dan Mariam Tarmuji (2012) menyarankan beberapa metode menurut perspektif Islam khususnya dalam bidang PAKK. Antaranya ialah Metode Al-Ghazali, Abdullah Nashih Ulwan dan Muhammad Khayr Fatimah dengan merujuk kepada Al-Quran dan Sunnah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Mariani Md Nor (2006) merumuskan melalui kajiannya yang bertajuk Realiti Trend dan Isu Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak mendapati bahawa asas kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti adalah bergantung kepada tiga elemen penting iaitu kesan sosial, kesan kurikulum, dan persediaan tenaga akademik iaitu pendidik.

Dapatan kajian Mariani (2006), turut menunjukkan bahawa antara faktor yang signifikan dalam mempengaruhi proses perkembangan kanak-kanak adalah bahan pembelajaran yang pelbagai, persekitaran yang merangsang, aktiviti yang sesuai dan pendidik yang berilmu pengetahuan yang mantap. Oleh itu, para pendidik PAKK perlu memiliki ciri-ciri pendidik yang berkesan. Di antara ciri-ciri pendidik yang berkesan ialah bijak, berperibadi baik, rajin berkerja, dan penyabar (Mohd Salleh, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hakikatnya, kebanyakan pendidik PAKK didapati kurang mempunyai ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemahiran untuk menyampaikan pengajaran khususnya dalam hal berkaitan dengan pendidikan akhlak. Daripada tinjauan awal yang dibuat oleh Nor Fauzian (2015), mendapati kebanyakan pendidik kurang yakin untuk mengajar Perkembangan Kerohanian kerana tahap kelayakan dan pengetahuan asas tentang Islam kurang dikuasai oleh mereka. Di kebanyakan TASKA, peranan dan tanggungjawab mengajar Perkembangan Kerohanian disandarkan kepada pendidik yang bergelar *Ustaz* atau *Ustazah*.

Selain dari itu, kajian-kajian yang dijalankan oleh Ahmad (1997); Ab Halim, dan rakan-rakan (2004), juga telah membincangkan mengenai ketidakupayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesetengah pendidik dan mereka gagal memainkan peranan sebagai *role model* atau pembimbing kepada pelajar. Dapatan kajian juga telah membuktikan bahawa pendidik kurang menghayati peranan mereka yang sebenar sewaktu mendidik.

Hal ini selari dengan kajian-kajian yang dibuat dalam bidang pendidikan yang lain. Antara lain faktor kegagalan kurikulum adalah dari aspek ciri dan peranan pendidik, amalan pengajaran pendidik serta keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran (Asmawati, 2006; 2012); Ahmad Sohaimi (2003); Ab. Halim, dan rakan-rakan (2004); Kamarul Azmi dan Nor Fadhlina (2010; 2012), serta Muhamad Faiz, Kamarul Azmi, dan Ab. Halim (2012). Sehubungan dengan itu, Kamarul Azmi dan Noor Fadhlina (2010) serta Mohd Rizmi (2012) telah mengetengahkan model pendidik berkualiti dan berkesan mengikut persepektif Islam dan Barat sebagai jalan penyelesaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam hal ini, Ismail (2007) bersetuju bahawa negara memerlukan generasi pendidik yang benar-benar berwibawa. Ini adalah kerana keberkesanan peranan pendidik pada masa ini akan mempengaruhi kualiti manusia dan sekali gus menentukan wajah acuan sendiri generasi Malaysia yang bakal mewarisi negara ini pada tahun 2020.

Permasalahan ini bertambah dengan ketiadaan bahan sumber yang boleh dirujuk khususnya dalam bentuk modul yang merangkumi panduan pelaksanaan aktiviti di dalam dan luar kelas PAKK. Selain itu, keupayaan pendidik dalam memahami ilmu psikologi dan pedagogi menambahkan lagi permasalahan yang dihadapi. Novie Adilah Sondig (2010) menjelaskan bahawa konsep kesediaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum PAKK berkaitan Perkembangan Kognitif, Psikomotor dan Afektif perlu disesuaikan mengikut tahap perkembangan kanak-kanak.

Model-model pendidikan Islam khususnya dalam bidang PAKK ternyata terlebih dahulu berada dalam dunia pendidikan. Model pendidikan menurut sunnah Rasulullah SAW ternyata unggul dan relevan untuk diteladani oleh semua (Imam Al-Ghazali, 2015; Huzaemah Tahido Yanggo, 2011). Begitu juga model pendidikan yang disampaikan oleh Luqman al Hakim.

Hasil Kajian Fauziah Hanim, Nazariah, Ibrahim dan Melati (2014) mendapati empat dimensi dapat dikupas menerusi Surah Luqman (Surah 31; ayat 12-19) dalam Al-Quran iaitu dimensi akidah, ibadah, akhlak dan dakwah. Ini menunjukkan kesesuaian model pendidikan Luqman dalam bidang ilmu seperti pendidikan keibubapaan tidak dapat disangkal lagi.

Pada dasarnya, Islam telah menggariskan panduan yang jelas mengenai proses pendidikan akhlak kanak-kanak. Tingkah laku kanak-kanak yang baik dilihat perlu seiring dengan kemajuan negara. Proses pen*tarbiyah*an kanak-kanak seharusnya dimulai dari awal kelahiran hinggalah mereka meningkat dewasa. Sehubungan dengan itu, pengkaji bersetuju dengan pandangan Wan Nurulhuda, (2011) yang menyarankan agar tumpuan diberikan secara khusus terhadap kaedah atau metodologi pendidikan kanak-kanak yang diperkenalkan oleh Allah SWT. Ayat-ayat yang terkandung dalam Surah Luqman sewajarnya diberikan perhatian agar kaedah pendidikan yang dipelopori oleh Luqman Al-Hakim dapat diaplikasikan di dalam pendidikan kanak-kanak pada masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan, pengkaji mendapati belum terdapat mana-mana kajian yang berkaitan dengan pembinaan modul khususnya modul pendidikan akhlak yang merujuk kepada Surah Luqman, apatah lagi kajian yang melihat kesan modul terhadap tingkah laku kanak-kanak di bawah umur empat tahun. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Abdul Rashid (1996) yang bertajuk Pendidikan Islam KBSM: Satu Analisis dari Perspektif Pendidikan Luqman dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada kajian-kajian yang seumpamanya.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Kamarul Ariffin (1998) yang mengkaji perkaitan antara konsep pendidikan dalam Surah Luqman dengan kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang penekanannya diberikan kepada ayat 12 hingga 19 dalam Surah Luqman. Selain itu, kajian berkaitan Surah Luqman sebagai model pengajaran juga banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji di Indonesia sebagai contoh kajian oleh Sardiman (2006) yang bertajuk Telaah Model Pendidikan Luqman Al-Halim di dalam Al-Quran.

Kajian bertajuk Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Luqman yang dijalankan oleh Rosnaaini, Suhanim dan Syahrul Faizaz (2004) pula telah memberi fokus kepada bidang pendidikan kaunseling dan keibubapaan. Kajian seumpamanya juga dijalankan oleh Fauziah Hanim, Nazariah dan Ibrahim (2010) yang bertajuk Pembangunan Modul Keibubapaan Berkonsepkan Pendidikan Al-Luqman: Kajian Dalam Kalangan Keluarga Muslim di Malaysia.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Wan Nurulhuda (2011) yang bertajuk Metodologi Pendidikan Anak Menurut Surah Luqman. Pengkaji mendapati kesemua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian tersebut lebih berfokus kepada aspek keibubapaan, bidang kaunseling dan kaedah pendidikan yang wajar dilaksanakan oleh ibu bapa dan pendidik-pendidik pada peringkat remaja atau sekolah menengah tetapi tidak memberi tumpuan kepada peringkat pendidikan yang terdahulu iaitu pada peringkat PAKK.

Kajian terdahulu dan modul-modul sedia ada, lebih menjurus kepada usaha untuk menangani pemasalahan keruntukan akhlak dalam kalangan remaja. Kebanyakannya menggunakan pendekatan kaunseling atau keibubapaan. Sebagai kesimpulannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa belum terdapat satu pun modul yang dibina dengan merujuk Surah Luqman dan memberi tumpuan khusus kepada pendidikan akhlak dan tingkah laku kanak-kanak di negara ini. Pada hal peringkat awal kanak-kanak merupakan peringkat yang harus diberi keutamaan kerana ia merupakan asas kepada peringkat kehidupan yang seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, ramai pengkaji sependapat mengatakan bahawa sudah sampai masanya para pendidik merujuk kepada model dan metod pendidikan yang berpandukan kepada ajaran Al-Quran dan As-Sunnah (Rosli, 2000; Ummu Ihsan Choiriyah &Abu Ihsan Ai-Atsary; 2010 dan Hussin, Ahmad Puhad, Mohd Abas dan Mariam, 2012). Maka dengan itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk membina satu modul sebagai panduan pengajaran kepada para pendidik PAKK bagi mengajar pendidikan akhlak kepada kanak-kanak seawal usia tiga hingga empat tahun yang akan dikenali sebagai Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menghasilkan sebuah modul pengajaran berdasarkan prosedur pembinaan modul sebagai panduan kepada pendidik PAKK bagi mengajar pendidikan akhlak dalam komponen Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi dan Kerohanian. Modul tersebut dinamakan sebagai Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

Kajian ini juga dijalankan bagi menentukan prosedur pembinaan modul termasuk proses mendapatkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan terhadap kandungan modul dan instrumen yang dibina. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauhmana Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) berkesan terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun melalui kajian rintis dan kajian sebenar yang telah dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif kajian ini secara khususnya adalah untuk :

1. Membina Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dari ayat 14,18, dan 19 melalui prosedur pembinaan modul.
2. Mengukur nilai kesahan kandungan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).
3. Mengukur nilai kebolehpercayaan instrumen Senarai Semak Tingkah Laku Kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun bagi tajuk tingkah laku berbuat baik kepada kedua ibu bapa, rendah hati, bersederhana, dan bertutur secara sopan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Melihat sejauhmana tingkah laku positif kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL);

4.1 Melihat sejauhmana tingkah laku berbuat baik kepada ibu bapa kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

4.2 Melihat sejauhmana tingkah laku rendah hati kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

4.3 Melihat sejauhmana tingkah laku bersederhana kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Melihat sejuahmana tingkah laku bertutur secara sopan kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

1.5 Soalan Kajian

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan bagi mencari jawapan kepada soalan-soalan kajian yang berikut :

1. Bagaimanakah Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dari ayat 14, 18, dan 19 dibina?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Apakah prosedur pembinaan modul yang digunakan bagi pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dari ayat 14,18, dan 19?

2. Apakah nilai kesahan kandungan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

3. Apakah nilai kebolehpercayaan instrumen Senarai Semak Tingkah Laku Kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun bagi tajuk tingkah laku berbuat baik kepada kedua ibu bapa, rendah hati, bersederhana, dan bertutur secara sopan?

4. Sejauhmanakah tingkah laku positif kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Sejauhmanakah tingkah laku berbuat baik kepada ibu bapa kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

4.2 Sejauhmanakah tingkah laku rendah hati kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

4.3 Sejauhmanakah tingkah laku bersederhana kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

4.4 Sejauhmanakah tingkah laku bertutur secara sopan kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat pelbagai kajian pembinaan modul yang telah dijalankan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran dalam konteks pendidikan. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Fazilah Amzah, Merza Abbas dan Mahzan Arshad (2009), yang bertajuk Modul Pengajaran Sajak Berasaskan Model Reka Bentuk Pengajaran oleh Dick, Carey dan Carey. Namun, hakikatnya masih kurang kajian yang dijalankan ke atas pembinaan modul yang boleh digunakan secara efektif dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Kebanyakan modul yang dibina hanya tertumpu kepada keperluan dan matlamat sesebuah organisasi tanpa memenuhi prosedur-prosedur pembinaan modul yang sebenar. Sebagai contoh, dalam bidang PAKK terdapat pelbagai modul dibina sebagai panduan pendidik untuk menterjemahkan kandungan kurikulum dalam bentuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Namun, kriteria pembinaan modul-modul tersebut tidak diasaskan dari mana-mana model pembinaan modul. Justeru, adalah sukar untuk mengukur keberkesanan sesuatu modul tersebut.

Kesignifikan kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan kepada para pendidik PAKK serta mereka yang terlibat dengan pembangunan manusia tentang kepentingan pembinaan modul berdasarkan model atau prosedur pembinaan modul yang jelas dan seterusnya dapat mengukur keberkesanan sesuatu modul berkenaan. Usaha bagi melahirkan modal insan atau warganegara Malaysia yang berakhlak mulia bukanlah satu perkara yang mudah sekiranya tidak dimulai dari peringkat awal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, adalah diharapkan kajian Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dapat dijadikan panduan kepada para pendidik untuk mendidik akhlak dalam kalangan kanak-kanak seawal usia tiga hingga empat tahun. MPAL juga diperlukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku positif terutamanya tingkah laku berbuat baik kepada ibu bapa, rendah hati, bersederhana dan bertutur secara sopan ini. Semoga MPAL ini dapat mengisi kelompangan yang terdapat dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak seterusnya dapat memandu ke arah mencapai matlamat pendidikan negara.

Kebanyakan pendidik PAKK kurang memberi tumpuan kepada penyelidikan bercorak intervensi. Kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai sumbangan kepada amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran dalam bidang PAKK. Selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mensasarkan *best practices* dalam kalangan pendidik selaras dengan program transformasi pendidikan di negara ini.

Matlamat Kurikulum PERMATA Negara ialah untuk menyediakan program asuhan dan didikan awal yang bersepadu untuk kanak-kanak yang berumur 0-4 tahun. Kurikulum ini juga menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk mendapat pengalaman pembelajaran awal, sahsiah mulia, kerohanian yang mantap, kecerdasan intelek yang tinggi, menghargai kepelbagaian budaya, patriotik, dan mengamalkan gaya hidup yang sihat. (Kurikulum PERMATA Negara, 2012, m.s 12).

Oleh itu, wajarlah kurikulum ini diaplikasikan di pusat-pusat asuhan dan bimbingan kanak-kanak di negara ini. Bagi melahirkan modal insan negara yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berakhlak mulia dan memiliki nilai kerohanian yang mantap, maka Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) sewajarnya diperlukan sebagai panduan pengajaran pendidikan akhlak bagi peringkat awal kanak-kanak.

Selain dari Kurikulum PERMATA Negara (2012), Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK, 2016) turut mempunyai matlamat yang hampir sama. Matlamat KSPK adalah bertujuan memperkembang potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu. Perkembangan dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial ini dapat dicapai melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, dan menyuburkan di samping aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, matlamat KSPK adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep kendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2016, m.s 2).

Kedua-dua kurikulum yang berkaitan dengan bidang PAKK di Malaysia digubal berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK menjelaskan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984).

Modul pendidikan yang berteraskan Pendidikan Islam masih kurang diterokai oleh para pengkaji dan pendidik PAKK sama ada di dalam mahu pun di luar negara. Kecenderungan pengkaji dan pendidik PAKK terhadap isu-isu yang berkaitan kerohanian atau spiritualiti khususnya yang berperspektif Islam agak terbatas. Meski pun terdapat pelbagai penulisan yang menyentuh isu ini, akan tetapi masih berkisar terhadap konsep tanpa kajian yang menyeluruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesignifikan kajian ini ialah dalam bentuk sumbangan untuk mengetengahkan modul pendidikan akhlak yang berdasarkan Surah Luqman yang belum diterokai sepenuhnya. Oleh itu, adalah diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada khazanah ilmu sebagai salah satu kajian pembinaan modul yang berteraskan Islam dalam bidang PAKK yang masih berkurangan di negara Malaysia.

Kekurangan modul yang didasari dengan ayat-ayat yang terkandung dalam Al-Quran seperti Surah Luqman amat dirasai. Keadaan ini berlaku disebabkan sangat kurang pengkaji tempatan yang mengkaji kepentingan dan keberkesanannya yang sekali gus dapat memartabatkan sistem pendidikan yang berteraskan Islam di negara ini. Kajian berkaitan pendidikan akhlak kebanyakannya berkisar tentang fenomena keruntuhan akhlak dan hubungannya dengan pemboleh ubah seperti pelajar sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menengah dan ibu bapa, namun masih kurang kajian yang mencadangkan pendekatan menggunakan surah–surah di dalam Al-Quran sebagai solusinya.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberi sumbangan besar kepada sistem pendidikan khususnya Pendidikan Islam agar kembali berpandukan Al-Quran dan Sunnah. Secara tidak langsung kajian Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) ini sangat sesuai untuk dirujuk oleh para pendidik bagi membentuk tingkah laku positif khususnya pada peringkat awal kanak-kanak.

1.7 Batasan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) ini merujuk khusus kepada ayat 14,18 dan 19 yang terdapat dalam Surah Luqman. Oleh itu, kajian ini adalah terbatas kepada pendidikan akhlak kanak-kanak Islam, yang skopnya berkaitan aspek-aspek disiplin ilmu yang ditekankan di dalam surah tersebut. Surah Luqman dipilih memandangkan di dalamnya terdapat banyak hikmah yang diturunkan oleh Allah menerusi rasulnya Nabi Muhammad SAW sebagai panduan pendidikan untuk kanak-kanak. Kisah kebijaksanaan Luqman mendidik anaknya dengan penuh berhemah patut diteladani oleh para pendidik awal kanak-kanak. Oleh itu, tafsiran surah ini dipilih sebagai rujukan utama dalam kajian ini. Saranan kaedah-kaedah lain berkaitan hal pendidikan yang terdapat dalam Al-Quran menerusi surah-surah lain tidak dibincangkan secara mendalam dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fokus kajian ini tertumpu kepada isi kandungan ayat 14, 18 dan ayat ke 19 dalam Surah Luqman. Ini adalah kerana ayat-ayat berkenaan merupakan pesanan dan nasihat Luqman al-Hakim secara terus berkaitan pendidikan akhlak kepada anaknya. Ayat-ayat lain dalam surah ini tidak dibincangkan secara teliti sebaliknya dihuraikan secara menyeluruh dan dijadikan sebagai penguat atau *taukid* kepada pesanan dan nasihat-nasihat Luqman.

Kandungan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) juga adalah terbatas kepada elemen pendidikan akhlak sahaja walau pun hakikatnya Surah Luqman mengandungi elemen lain seperti akidah, ibadah dan dakwah. Kandungan elemen Pendidikan Akhlak pula tertumpu kepada empat tema tingkah laku positif sahaja iaitu berbuat baik kepada ibu bapa, rendah hati, bersederhana dan bertutur secara sopan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan tema tersebut dibuat setelah mengambil kira bahawa keempat-empat tingkah laku positif tersebut dapat diperhatikan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal. Tema tersebut juga menjadi tajuk utama dalam kajian dan sebagai konstruk utama dalam instrumen senarai semak yang digunakan semasa sesi pemerhatian dijalankan. Oleh yang demikian, Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) ini boleh diperluaskan kepada elemen yang lain oleh pengkaji seterusnya pada masa hadapan.

Selain itu, kajian ini juga memberikan tumpuan kepada kumpulan sasaran utama iaitu kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan umur tiga hingga empat tahun. Pendedahan penggunaan modul diberikan kepada para pendidik PAKK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khususnya pendidik Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) Islam sahaja. Ia bertujuan mengkaji kesan modul terhadap tingkah laku positif kanak-kanak. Tujuan kajian ini boleh diperluaskan misalnya bagi menguji tahap kesesuaian modul sebagai panduan pengajaran yang efektif dalam bidang PAKK.

Kajian ini juga terbatas kerana dijalankan ke atas sampel seramai enam orang kanak-kanak sahaja yang terdiri daripada empat orang kanak-kanak perempuan dan dua orang kanak-kanak lelaki yang berumur sekitar tiga hingga empat tahun. Kanak-kanak tersebut dipilih dari salah satu populasi yang terpilih di negeri Kedah sahaja. Selain itu, informen yang terlibat, terdiri daripada enam orang pendidik TASKA, dan lima orang ibu dan seorang bapa sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual, maka saiz sampel adalah kecil. Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian ini tidak dapat menggambarkan kesan yang boleh digeneralisasikan bagi kanak-kanak di populasi lain di Malaysia.

Walaupun kajian ini terhad dengan beberapa batasan namun, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pengkaji lain untuk menjalankan kajian-kajian selanjutnya. Panduan dan isi kandungan yang terdapat dalam Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL), diharap sesuai dijadikan sebagai rujukan oleh para pendidik PAKK selepas ini. Semoga dapatan kajian ini juga menjadi panduan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang PAKK, khususnya pembuat dan peneraju dasar pendidikan negara dan ibu bapa dalam memilih modul pendidikan yang tepat demi kecemerlangan anak-anak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Operasional

Pengkaji akan menjelaskan beberapa konsep yang digunakan sebagai tajuk dalam kajian terlebih dahulu sebelum meneruskan kajian supaya kajian ini terarah pada lingkungan yang tepat.

1.8.1 Modul Pendidikan Akhlak

Modul merupakan sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin, dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010: 1030). Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003; 1783) pula mendefinisikan modul sebagai cara yang tertentu dan terancang (terfikir) untuk mencapai maksud atau matlamat sama ada dalam pelajaran dan sebagainya. Dalam erti kata lain, modul merupakan suatu prosedur kerja yang bersistem bagi memudahkan perlaksanaan sesuatu aktiviti untuk mencapai matlamat tertentu.

Dari sudut pandangan yang lain, Mahyuddin Arsat dan Norshahidah Shafie, (2011) pula menjelaskan bahawa modul merupakan bahan pembelajaran yang bertujuan untuk membantu dan membolehkan para pelajar belajar dengan cara yang tersendiri. Penggunaan modul bukan sahaja dapat membolehkan pengguna memahami isi pelajaran, tetapi juga dapat menambah penguasaan terhadap sesuatu topik atau tajuk yang terdapat dalam modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembinaan modul merupakan fasa terpenting dalam kajian ini. Oleh yang demikian, pengkaji memberi tumpuan kepada langkah-langkah yang diambil sebagai proses pembinaan modul. Bagi membina Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) ini, pengkaji telah merujuk beberapa model pembinaan modul yang telah diperkenalkan.

Menurut Md Noor Saper (2012), pembinaan sesebuah modul memerlukan pendekatan dan kepatuhan kepada prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Rusell (1974) pula telah memberikan garis panduan yang mantap berkaitan dengan proses pembinaan sesuatu modul. Begitu juga penulisan oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaluddin Ahmad (2005), telah memberi garis panduan mengenai prosedur pembinaan modul latihan dan akademik yang sempurna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhlak pula merupakan sifat yang ada dalam diri (jiwa) bertindak sebagai sumber peramalan tindakan dalam kehidupan manusia seperti benar, amanah, berani, pemaaf dan sebagainya. Ia juga merupakan satu ilmu (pengetahuan) yang membangkitkan kesempurnaan dalam jiwa dan menumbuhkan kekuatan kepada manusia (Ramli, 1997). Akhlak dikaitkan dengan perangai, tingkah laku, tabiat, nilai dan sifat-sifat yang sebati di dalam diri sehingga menjadi amalan diri seseorang.

Perkataan akhlak adalah berasal daripada perkataan Arab iaitu al-akhlaqku yakni kata jamak daripada perkataan al-khuluqu yang bermaksud tabiat, kelakuan, perangai, tingkah laku, matuah, adat kebiasaan, malah ada pendapat yang mengatakan akhlak bermaksud agama (Asmawati, 2005; 2006 dan Norashikin, 2010) . Antara lain definisi akhlak menurut istilah ialah sifat yang terdapat dalam diri yang boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghasilkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan.

Imam Al-Ghazali (2005) menjelaskan bahawa akhlak ialah suatu keadaan yang tertanam di dalam jiwa yang melahirkan perbuatan-perbuatan dengan senang tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian. Apabila perbuatan yang terkeluar itu baik dan terpuji menurut syarak dan akal, perbuatan itu dinamakan sebagai akhlak yang mulia. Sebaliknya apabila terkeluar perbuatan yang buruk, ia dinamakan sebagai akhlak yang buruk.

Islam mempunyai dua sumber iaitu Al-Quran dan As-Sunnah yang menjadi pegangan dalam menentukan segala urusan dunia dan akhirat. Kedua-dua sumber itulah juga yang menjadi sumber akhlak Islamiyah. Prinsip-prinsip dan kaedah ilmu akhlak Islam adalah didasarkan kepada wahyu yang bersifat mutlak dan tepat.

Apabila melihat perbahasan bidang akhlak Islamiyah sebagai satu ilmu berdasarkan kepada dua sumber yang mutlak ini, dapatlah dirumuskan bahawa definisi akhlak Islamiyah adalah satu ilmu yang membahaskan tentang tata nilai, hukum-hukum dan prinsip-prinsip tertentu. Akhlak Islamiyah adalah bertujuan bagi mengenal pasti sifat-sifat baik untuk dihayati dan diamalkan dan mengenal pasti sifat-sifat tercela untuk dijauhi dengan tujuan membersihkan jiwa berasaskan wahyu Ilahi bagi mencapai keredhaan Allah (ridwaanullah).

Manakala akhlak pula dapat disimpulkan sebagai satu sifat atau sikap keperibadian yang melahirkan tingkah laku perbuatan manusia dalam usaha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membentuk kehidupan yang sempurna berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Allah. Pendidikan akhlak mempunyai perkaitan antara proses mendidik dengan nilai kerohanian. Al-Ghazali (1058-1111), menekankan bahawa pendidikan akhlak adalah proses menanam perangai baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka dapat menilai antara yang benar dan yang salah (Hamid Fahmy 1990; Asmawati, 2006). Terdapat pelbagai falsafah dan pandangan dari tokoh-tokoh bagi mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat awal kanak-kanak.

Abdullah Nashih Ulwan (1996) dalam penulisannya yang terkenal iaitu *Tarbiyatu'l-Aulad fi'l-Islam* (Pedoman Pendidikan Anak dalam Islam) menjelaskan tanggungjawab terbesar bagi para pendidik terdiri daripada tujuh iaitu tanggungjawab Pendidikan Iman, tanggungjawab Pendidikan Akhlak (Moral), tanggungjawab Pendidikan Fizikal, tanggungjawab Pendidikan Intelektual, tanggungjawab Pendidikan Psikologi, tanggungjawab Pendidikan Sosial dan tanggungjawab Pendidikan Seksual.

Menurut Abdullah Nashih Ulwan (1996), ibu bapa dan pendidik bertanggungjawab mencorakkan kehidupan anak dengan memberikan pendidikan yang sempurna dan sewajarnya. Ibu bapa juga merupakan teladan kepada anak-anak. Apa yang dilakukan oleh ibu bapa, bakal menjadi ikutan mereka dalam proses pembentukan tingkah laku dan keperibadian diri. Dalam hal ini, Imam Al-Ghazali (1996) turut bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa anak merupakan amanah Allah SWT kepada ibu bapa. Tanggungjawab ibu bapa amat besar dan seharusnya dilaksanakan dengan sebaiknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, pengertian pendidikan akhlak dapat dirumuskan sebagai satu tatacara yang bersistem bagi membentuk dan menilai perbuatan zahir dan batin manusia baik secara individu, kumpulan dan masyarakat dalam interaksi hidup antara manusia dengan baik secara individu, kumpulan dan masyarakat dalam interaksi hidup antara manusia dengan Allah, manusia sesama manusia, manusia dengan haiwan, dengan malaikat, dengan jin dan juga dengan alam sekitar melalui tingkah laku atau perlakuan.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji memberi maksud modul sebagai satu set panduan khusus kepada pendidik khususnya dalam bidang PAKK yang mengandungi cara yang bersistem merangkumi petikan dan terjemahan ayat Al-Quran dari Surah Luqman, tajuk kandungan kurikulum, teknik, aktiviti, langkah pelaksanaan dan bahan pembelajaran yang sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya kepada kanak-kanak. Pendidikan akhlak dalam kajian ini pula merujuk kepada pendidikan tingkah laku baik yang diteladani daripada Luqman berdasarkan Surah Luqman (ayat 14,18, dan19) yang terkandung di dalam Al-Quran.

1.8.2 Tingkah laku Positif

Pada umumnya, tingkah laku boleh didefinisikan sebagai perkara yang dilakukan atau diperkatakan oleh seseorang individu. Tingkah laku merupakan tindakan manusia yang boleh diperhatikan, diukur dan dinilai. Tingkah laku adalah manifestasi fizikal sebarang sikap yang berasaskan nilai-nilai tertentu. Menurut Lewis M. Beaker (2001), tingkah laku merujuk kepada sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara terus atau tidak, secara sedar atau separa sedar. Mohamad Faizal Zakri (2012) pula menjelaskan bahawa tingkah laku merangkumi aktiviti, aksi, prestasi, bertindak balas, tindakan, dan reaksi dari segi teknik, aktiviti yang melibatkan otot-otot kelenjar (glandular) dan aktiviti elektrik oleh setiap organ.

Dalam memberi maksud kepada istilah tingkah laku mengikut perspektif Islam, Imam Al-Ghazali (2005) mentafsirkan tingkah laku sebagai perlakuan manusia yang mempunyai tujuaan agama dan kemanusiaan. Manakala, pandangan kebanyakan umum dan pengkaji Barat mengaitkan tingkah laku dengan perkataan normal dan abnormal yang bermaksud perlakuan yang bertentangan dengan kelaziman yang dialami oleh kebanyakan orang. Misalnya tingkah laku normal bagi kanak-kanak ialah aktif, suka bermain, berminat kepada sesuatu yang baru, suka bertanya dan suka meniru tingkah laku orang lain samada dari segi pertuturan mahu pun perbuatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala tingkah laku abnormal pula lebih merujuk kepada tingkah laku yang luar biasa seperti bercakap sendiri, pasif, tidak suka bermain dan lain-lain yang bertentangan dengan tingkah laku normal . Biasanya tingkah laku yang ditunjukkan lebih merupakan ciri kanak-kanak yang boleh dikategorikan sebagai istimewa, kelainan upaya atau berkeperluan khas.

Istilah lain bagi tingkah laku yang sering diperkatakan dalam konteks sosial ialah tingkah laku devian iaitu tingkah laku yang menyimpang, melencong, melanggar dan berlawanan dengan norma-norma masyarakat atau dalam satu sistem sosial (Azizi, Cathy Suhaila, Roslee dan Sharifuddin, 2005 dan Badrulzaman, 2006). Manakala tingkah laku delinkuen pula merujuk kepada salah laku yang dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh individu yang berada di bawah umur 21 tahun. Biasanya tingkah laku ini dikategorikan sebagai pelanggaran disiplin dan peraturan dan lebih teruk lagi dikaitkan dengan salah laku yang melanggar undang-undang seperti jenayah juvana, sivil dan jenayah berat.

Dalam konteks pendidikan, istilah yang sering digunakan ialah ialah tingkah laku bermasalah. Menurut Mohd Nazar (1990) , tingkah laku bermasalah ialah tingkah laku yang mengganggu perjalanan kehidupannya. Tingkah laku bermasalah merujuk kepada tingkah laku murid yang boleh menjejaskan kelancaran dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Pandangan ini disokong oleh Saadah Sumrah, Salwan Sudirman dan Roslee Ahmad (2008) dengan memberi contoh tingkah laku yang dimaksudkan seperti bertingkah laku ganas, menentang dan tidak menurut arahan, terlalu bergantung, suka mengelak dan pasif. Pandangan lain dikemukakan oleh Deborah, Gustavo, Tia Murphy, Mairin, dan Scott, (2014) sebagai tingkah laku prososial seperti bekerjasama dan anti sosial seperti pemarah dan tidak mahu berkongsi. Siti Hajar dan Ah Haris (2005) pula melaporkan bahawa salah laku antisosial yang semakin menular di kalangan kanak-kanak merupakan salah satu isu sosial serius negara, dan harus diperhatikan secara mendalam.

Namun, dalam bidang PAKK banyak pandangan yang menyebut tingkah laku kanak-kanak boleh dikategori kepada dua iaitu tingkah laku positif dan tingkah laku negatif. Menurut Mohamad Faizal (2012), tingkah laku positif terbahagi kepada empat iaitu sikap ingin tahu, cepat belajar, proaktif dan pintar cerdas. Manakala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tingkah laku negatif pula terbahagi kepada tiga iaitu tingkah laku distruktif, distruptif dan sikap bergantung. Jika seseorang kanak-kanak bertingkah laku positif atau negatif, ia pasti akan menjejaskan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, pendidik harus peka dan prihatin terhadap muridnya agar dapat mengawal tingkah laku seperti yang diharapkan demi menjamin iklim bilik darjah yang kondusif.

Walaupun terdapat pelbagai definisi tingkah laku yang dibincangkan namun dalam konteks kajian ini, tingkah laku yang dikaji adalah tingkah laku positif kanak-kanak. Tingkah laku positif yang dimaksudkan ialah berbuat baik kepada ibu bapa, bersederhana, rendah hati dan bertutur secara sopan seperti yang disarankan dalam agama Islam sebagaimana yang termaktub dalam Al-Quran menerusi Surah Luqman (ayat 14, 18 dan 19).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3 Kanak-kanak

Umum mengetahui bahawa kanak-kanak berasal dari kata dasar iaitu anak. Anak merupakan anugerah yang diberikan oleh Allah kepada mahluknya termasuk manusia. Kanak-kanak adalah individu yang kecil yang diletakkan dalam jagaan dan di bawah tanggungjawab ibu bapa atau penjaga.

Tiga prinsip yang terkandung dalam Deklarasi Konvensyen Hak Kanak-kanak atau *Children Right Convention* (CRC), 1989 menjelaskan bahawa kanak-kanak adalah seseorang yang berumur di bawah 18 tahun. Setiap kanak-kanak mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hak dan kebebasan tanpa mengira keturunan, warna kulit, jantina, bahasa, agama, fahaman politik, kenegaraan, kedudukan sosial, kecacatan dan lain-lain status. Semua tindakan yang diambil mestilah dilakukan berdasarkan kepada prinsip demi kepentingan terbaik bagi kanak-kanak (*the best interest of the child*).

Terdapat beberapa pandangan tokoh Barat dan Islam yang membincangkan maksud yang spesifik tentang kanak-kanak dan kebanyakkannya mengaitkan kanak-kanak dengan peringkat umur serta aspek perkembangan. Antaranya pandangan mengenai kanak-kanak yang dikemukakan oleh tokoh PAKK seperti Maria Montessori, Froebel, Imam Al-Ghazali dan Abdullah Nashih Ulwan. Malah ciri individu kanak-kanak juga banyak dinyatakan dalam teori-teori Teori Perkembangan kanak-kanak seperti Teori Perkembangan Kognitif dan Moral oleh Jean Piaget (1970) dan Lawrence Kohlberg (1976) yang menjelaskan kanak-kanak mengikut tahap umur dan peringkat- peringkat perkembangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Teori Perkembangan fizikal, kognitif, bahasa, sosial dan rohani, kanak-kanak pada peringkat umur tertentu sewajarnya boleh menunjukkan indikator-indikator perkembangan dalam bentuk kebolehan dan tingkah laku kecuali kanak-kanak yang dikategorikan sebagai kanak-kanak abnormal, istimewa atau berkeperluan khas. Walaupun begitu, prinsip pertumbuhan dan perkembangan menjelaskan bahawa kanak-kanak adalah individu yang unik dan berbeza antara satu sama lain. .

Dalam kajian ini, kanak-kanak yang menjadi sasaran kajian ialah kanak-kanak dikategorikan sebagai awal kanak-kanak iaitu pada peringkat umur tiga hingga empat tahun. Ini adalah kerana otak kanak-kanak berpotensi besar untuk berkembang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sehingga 90% ketika usia mereka di bawah lima tahun. Pada peringkat ini, mereka memerhati, menaakul dan membuat kesimpulan terhadap apa yang mereka lihat. Sekiranya bimbingan didikan yang sewajarnya tidak diberi pada usia ini, mereka akan menjadikan kesimpulan yang mereka lakukan sendiri tanpa mengetahui baik atau buruk sebagai landasan hidup (Azizah, 2002).

1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan latar belakang, pernyataan masalah, objektif, soalan, kepentingan, batasan kajian, definisi operasional, iaitu modul pendidikan akhlak, tingkah laku positif, kanak-kanak dan diakhiri dengan rumusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan beberapa aspek, berkaitan konstruk-konstruk yang terdapat dalam kajian ini iaitu, pendidikan akhlak kanak-kanak, pendidikan moral, aspek perkembangan moral kanak-kanak serta kepentingan pendidikan akhlak dan moral kanak-kanak. Selain itu, pendekatan teori dan konsep turut dibincangkan dengan mengambil kira pandangan tokoh–tokoh Islam dan Barat. Teori-teori yang mendasari kajian ini dan konseptual kajian diperjelaskan dalam bentuk Kerangka Teoritikal dan Kerangka Konseptual kajian. Model pembinaan modul turut dibincangkan dan Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman (MPAL) diperkenalkan dengan kandungan, keistimewaan dan kepentingannya diperjelaskan. Empat konstruk tingkah laku positif kanak-kanak yang terkandung dalam MPAL juga dihuraikan secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terperinci. Dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan pendidikan akhlak di peringkat awal kanak-kanak sama ada di dalam dan luar negara turut dibincangkan.

2.2 Pendidikan Akhlak Kanak-kanak

Pendidikan merupakan elemen yang sangat penting dalam menjana pembentukan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Pendidikan yang diterima pada peringkat awal kanak-kanak samada di TASKA, TADIKA atau Prasekolah merupakan pendidikan asas sebelum melangkah ke alam persekolahan formal. Pendidikan akhlak yang dipelajari melalui komponen atau tunjang Perkembangan Kerohanian sering dianggap mudah dan kurang diberi penekanan. Walhal, pendidikan akhlak merupakan pendidikan paling asas yang harus dimantapkan sejak kecil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasbullah dan Aerisuli (2013) menerusi kertas prosiding mereka yang bertajuk Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut Al-Quran membahaskan asas-asas pendidikan awal kanak-kanak atau *manhaj* yang telah dinyatakan oleh Al-Quran sebagai panduan untuk manusia sejagat untuk mewujudkan ummah yang mempunyai nilai akhlak yang tinggi. Selain itu, turut dinyatakan beberapa contoh petikan ayat dari Al-Quran tentang pendidikan awal kanak-kanak Islam telah meletakkan teras pendidikan semenjak dari kanak-kanak lagi.

Pada dasarnya, Islam telah meletakkan asas dan matlamat yang kukuh lagi mantap dalam pendidikan akhlak agar dapat diselaraskan dan memenuhi keperluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam tuntutan beragama. Faktor utama keruntuhan akhlak yang berleluasa dalam masyarakat kini adalah disebabkan kepincangan dalam menunaikan tuntutan agama. Kanak-kanak yang membesar dalam budaya seperti ini, pastinya terpengaruh dengan fenomena keruntuhan akhlak yang berlaku di sekeliling mereka. Tambahan pula dalam era globalisasi tanpa sempadan kini, segala akses diperolehi dengan begitu cepat sekali dan sukar dikawal. Dalam memperkatakan pendidikan awal dari perspektif Islam, Hasan Langgulung (1979) memetik pandangan Al-Ghazali iaitu;

> Kanak-kanak merupakan amanah dan tanggungjawab terhadap kedua orang tuanya, jiwanya suci murni merupakan permata mahal yang bersahaja dan bebas dari ukiran dan gambaran dan ia boleh menerima setiap ukiran dan cenderung kepada apa yang dicenderungkan kepadanya (Hasan Langgulung , 1979).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seorang ahli falsafah Perancis bernama Rousseau mengakui bahawa idea beliau adalah berpandukan pandangan tokoh falsafah Islam yang terdahulu dari beliau. Rousseau (1762) dinyatakan dalam Hasan Langgulung (1979) berpendapat, jangka hayat manusia adalah lebih panjang jika dibandingkan dengan haiwan. Oleh yang demikian, sebagai seorang manusia, kanak-kanak memerlukan perlindungan.

Perlindungan yang diperlukan oleh kanak-kanak adalah persekitaran yang sihat dan dapat mengembangkan potensi sedia ada yang terdapat dalam diri kanak-kanak. Pendedahan kepada persekitaran yang sesuai, sihat dan selamat membolehkan kanak-kanak menjalani kehidupan dengan sempurna. Kanak-kanak tidak sepatutnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditinggalkan seorang diri kerana bimbang akan terdedah dengan pengaruh atau anasir negatif yang membawa kepada kejahatan dan kejahilan.

Selanjutnya Hasan Langgulung (1979) merujuk kata-kata Rousseau (1762) yang menjelaskan bahawa;

> Pentingnya masa kanak-kanak di mana peribadi kanak-kanak terbentuk dan pengaruhnya besar sekali pada kehidupan selanjutnya, yakni masa dewasa dan masa tua, hal-hal pertamalah yang patut dipelihara, sebab kanak-kanak pada asalnya diciptakan siap untuk menerima baik atau buruk. Hanya orang tuanyalah yang mencenderungkan kepada salah satu di antaranya (Rousseau (1762).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pernyataan tersebut, jelaslah bahawa pendidikan pada peringkat awal sangat dititikberatkan oleh ahli falsafah Islam dan Barat. Mereka sependapat bahawa pendidikan pada peringkat awal kanak-kanak harus mendapat perhatian yang sepenuhnya. Ini adalah kerana tempoh perkembangan bagi kanak-kanak adalah sangat cepat dan singkat yang memerlukan perhatian serius. Tempoh yang dimaksudkan disebut sebagai tempoh kritikal *(critical period).*

Perkembangan fizikal, intelek, emosi, dan rohani kanak-kanak bergantung kepada kesempurnaan pengasuhan yang diperoleh terutama sekali dalam tempoh kritikal tersebut. Oleh yang demikian, bagi menyempurnakan tugas ibu bapa, para pendidik perlulah memainkan peranan yang penting dalam membentuk modal insan yang cemerlang yang bakal menjadi aset negara yang unggul pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1 Pendidikan Akhlak Islamiyah

Islam mempunyai dua sumber panduan iaitu Al-Quran dan As-Sunnah yang menjadi pegangan dalam menentukan segala urusan kehidupan di dunia dan akhirat. Kedua-dua sumber itulah juga yang menjadi sumber akhlak Islamiyah. Prinsip-prinsip dan kaedah ilmu akhlak Islam semuanya didasarkan kepada wahyu yang bersifat mutlak dan tepat neraca timbangannya (Imam Al-Ghazali, 2005).

Akhlak Islamiyah merupakan salah satu daripada cabang ilmu yang membahaskan tata nilai, hukum-hakam dan prinsip-prinsip tertentu bagi mengenal pasti sifat-sifat keutamaan untuk dihayati dan diamalkan dan mengenal pasti sifat-sifat tercela untuk dijauhi dengan tujuan membersihkan jiwa berasaskan wahyu Ilahi bagi mencapai keredhaan Allah SWT. Konsep akhlak pula dapat dijelaskan sebagai satu sifat atau sikap keperibadian yang melahirkan tingkah laku perbuatan manusia dalam usaha membentuk kehidupan yang sempurna berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Allah.

Pendidikan akhlak mempunyai perkaitan antara proses mendidik dengan nilai kerohanian. Al-Ghazali, misalnya, menekankan bahawa pendidikan akhlak adalah proses menanam perangai baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka dapat menilai antara yang benar dan yang salah (Hamid Fahmy1990; Asmawati, 2006).

Akhlak merujuk kepada sifat semula jadi, tabiat, adat, kebiasaan maruah atau gaya hidup seseorang. Tabiat itu boleh dimiliki secara fitrah atau melalui latihan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan, disiplin diri dan *riadhah* (latihan bertahap) sehingga suatu kebaikan itu menjadi darah daging dan adat kebiasaan (Mohd Nasir, 2002).

Akhlak juga merupakan satu kedudukan dalaman yang mana ia akan melahirkan tindakan dengan tidak berfikir panjang. Akhlak yang baik akan melahirkan tindakan yang baik, begitulah sebaliknya (Ab Halim & Zarin, 2002). Abu Urwah (2001) berpendapat akhlak adalah kumpulan sifat yang bersemadi di dalam jiwa dan berdasarkan kepada dorongan serta pertimbangan sifat tersebut sama ada ia dikatakan baik atau buruk.

Pandangan Ramli (1997) memperjelaskan lagi mengenai perbezaan antara akhlak dan ibadah. Ibadah dilakukan kerana melaksanakan perintah atau suruhan Allah manakala akhlak pula merupakan sifat yang terdapat dalam diri individu sendiri. Akhlak bertindak sebagai sumber kepada amalan tindakan dalam kehidupan manusia seperti benar, amanah, sabar, setia, berani, pemaaf dan seumpamanya. Akhlak juga merupakan sumber ilmu pengetahuan. Hasil pembelajaran akhlak akan mencakna kesempurnaan dalam jiwa manusia dan seterusnya menjadi sumber kekuatan diri.

Berbeza dengan pandangan Mohd Nasir (2005) yang mentakrifkan akhlak sebagai dimensi dalaman iaitu situasi kejiwaan yang menjadi punca kepada perbuatan luaran seseorang. Menurut beliau, semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia adalah manifestasi kepada situasi dalaman atau pun akhlak seseorang. Jika situasi dalaman itu baik, maka sudah tentu akan menghasilkan perbuatan yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala sebaliknya jika situasi dalaman yang buruk. maka perbuatan yang buruk akan terhasil.

Muhammad Nur (2010) pula mengkategorikan pembinaan akhlak kepada lima asas utama iaitu:

i. berhubung dengan adab atau pergaulan yang baik. Ini termasuklah pergaulan dengan Ibu bapa dan orang tua, pergaulan terhadap ulama, pergaulan sesama saudara, adab dengan jiran, adab meminta izin, adab makan, adab penampilan anak dan adab memperdengarkan Al-Quran;

ii. jujur, termasuklah ketika berjanji dan menjauhi dari berbohong;

iii. menjaga rahsia;

iv. amanah; dan

v. berlapang dada dan tidak berdengki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks sistem pendidikan yang diamalkan di Malaysia, konsep adab dan akhlak Islamiah yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah meliputi adab dalam kehidupan harian, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab dalam kehidupan bersosial, adab menuntut ilmu, dan adab dengan Al-Quran (Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, 2002).

Di peringkat sekolah menengah pula, skop adab dan akhlak meliputi adab dalam kehidupan seharian, adab dalam kehidupan bersosial, adab dalam menunaikan ibadat, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab menuntut ilmu dan adab terhadap Allah dan Rasul. Selain dari itu, konsep akhlak juga turut dimasukkan dalam beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang lain khususnya bidang tilawah Al-Quran, hadis dan aqidah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Konsep akhlak telah banyak dibincangkan oleh para sarjana dan tokoh-tokoh Islam mahu pun Barat. Menurut pandangan Imam Al-Ghazali, akhlak yang mulia merangkumi empat sifat iaitu bijaksana, keberanian dalam menundukkan hawa nafsu, adil dan memelihara diri daripada melakukan sesuatu yang tidak baik (Abdul Salam, 2003). Islam meletakkan akhlak sebagai tunggak utama yang perlu dimiliki oleh seseorang individu selain iman dan amal (ibadah).

Dalam hal ini, Al-Quran telah menjelaskan melalui ayat-ayat yang menyentuh tentang akhlak mulia dan pembangunan tingkah laku manusia. Kandungan Al-Quran sendiri merupakan nilai mulia kerana ia merupakan bimbingan yang diturunkan Allah kepada manusia dalam urusan kehidupan manusia termasuklah persoalan berkaitan akhlak (Rusini, 2016).

Banyak pihak yang cuba menghuraikan definisi akhlak dari perspektif yang berbeza. Ada yang mengaitkan pendidikan akhlak dengan pendidikan moral sedangkan antara keduanya ternyata berbeza. Akhlak adalah tingkah laku yang dituntut dalam agama manakala moral adalah tingkah laku yang dituntut oleh masyarakat dalam konteks sosial.

Perkara ini diperjelaskan oleh Ajat Sudrajat (2011) bahawa istilah Pendidikan Moral *(Moral Education)* digunakan di Amerika manakala di negara Inggeris disebut sebagai Pendidikan Nilai *(Value Education*). Sebaliknya di Asia, dikenali sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Karakter *(Character Education).* Sementara di Indonesia sendiri disebut sebagai Pendidikan Budi pekerti dan Pendidikan Moral Pancasila. Namun, kesemuanya mempunyai tujuan yang sama iaitu menjadikan manusia yang baik.

Elemen akhlak dalam kandungan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) merupakan fokus tingkah laku yang dingini dalam proses perubahan diri yang dilakukan oleh kanak-kanak. Tingkah laku yang diingini boleh dimiliki secara fitrah melalui latihan, pendidikan, disiplin diri dan *riadhah* (latihan bertahap) sehingga tingkah laku positif berkenaan diperoleh. Akhlak dalam modul ini juga melibatkan hubungan kanak-kanak dengan Maha Pencipta dan hubungannya dengan sesama manusia sama ada ibu bapa, pendidik mahu pun dengan rakan-rakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Pendidikan Moral

Perkataan moral berasal dari perkataan Latin iaitu ‘Mores’ yang bermaksud sistem pelakuan berdasarkan prinsip baik, benar dan patut, selaras dengan peraturan masyarakat (Rohani, 2001). Moral adalah satu sistem pelakuan yang didasari oleh prinsip-prinsip tingkah laku baik, benar dan patut dilakukan oleh seseorang. Moral juga merujuk kepada hubungan sesama manusia.

Jas Laile Suzana (2008) pula mentakrifkan moral sebagai satu kesedaran tentang apa yang buruk dan apa yang baik, apa yang betul dan apa yang salah. Sebaliknya, Immoral bermaksud pelakuan yang melanggar prinsip baik, benar dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

patut manakala Amoral bermaksud tidak mempunyai kesedaran moral, tidak tahu membezakan tentang tingkah laku yang salah dan tingkah laku yang betul.

Definisi moral menurut Kamus Kanak-kanak Baru (1989) merupakan ajaran atau pegangan berkenaan dengan buruk atau baik sesuatu perbuatan. Moralis pula bermaksud amalan kepada ajaran keadilan dan kebaikan. Oleh itu, moral boleh ditarifkan sebagai tingkah laku atau amalan yang sejajar dengan tatasusila dan undang-undang masyarakat. Tatasusila dan undang-undang masyarakat Malaysia merangkumi nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, toleransi, kerjasama, dan lain-lain.

Secara amnya, kebanyakan ahli falsafah berpendapat bahawa perkataan moral dirujuk kepada manusia yang rasional yang berpandukan kepada prinsip-prinsip rasionaliti sahaja. Sebagai contoh, perbuatan yang 'tidak senonoh' seperti bercium di khalayak ramai misalnya akan dinyatakan sebagai kelakuan yang tidak bermoral dan tidak dapat diterima oleh masyarakat di negara kita.

Oleh yang demikian, maksud moral hanya ditujukan kepada manusia yang boleh berkelakuan sejajar dengan prinsip-prinsip serta peraturan dalam masyarakat tertentu. Moral seterusnya dapat menstrukturkan atau mengarahkan rupa bentuk tingkah laku sesebuah masyarakat. Dalam erti kata lain, perkataan 'moral' hanya sesuai digunakan ke atas manusia berbanding haiwan kerana manusia berupaya mengawal keinginan, kemahuan, dan kehendak yang didasari oleh prinsip-prinsip rasionaliti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tindakan atau amalan yang bermoral pula boleh dilihat dari segi tindak balas atau reaksi seseorang terhadap sesuatu situasi. Kebolehan sesorang mengawal atau menahankan diri dari keinginan nafsu untuk melakukan sesuatu tingkah laku yang dianggap salah adalah tindakan yang bermoral. Amalan seperti kawalan terhadap keperluan fizikal yang tidak melanggar peraturan-peraturan mesyarakat, bertindak secara rasional adalah dikatakan sebagai satu tindakan yang betul. Begitu juga jika seseorang itu sentiasa menjaga tingkah laku dan berdisiplin serta menghayati sesuatu standard hidup yang ditetapkan oleh masyarakat maka individu tersebut dianggap bermoral.

Konsep kemoralan pula menggambarkan identiti sesebuah masyarakat berlandaskan kepercayaan, adat resam, tatasusila atau tatahukum dan peraturannya tersendiri. Peraturan-peraturan sosial yang ditentukan oleh ahli masyarakat wujud secara tercatat atau tersirat dalam sosial budaya setiap kaum. Peraturan –perturan sosial tersebut dijadikan sebagai kayu ukur kemurnian hidup bermasyarakat.

Oleh itu, kemoralan merupakan sesuatu yang berkait dengan peraturan-peraturan masyarakat yang wujud di luar kawalan individu. Dorothy Emmet (1979) mengatakan bahawa manusia bergantung kepada tatasusila, adat, kebiasaan masyarakat mestilah diterima sebagai fakta-fakta kehidupan sosial masyarakat. Ia merupakan garis panduan atau batasan dalam pergaulan dan hubungan antara satu sama lain.

Melalui konsep moral ini, kanak-kanak dapat dipupuk dengan nilai-nilai yang berkaitan dengan perkembangan diri, diri dan keluarga, diri dan masyarakat, diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan alam sekitar dan diri dengan negara. Pembentukan kerohanian dan moral dalam kalangan kanak-kanak patut dimulakan dari peringkat awal usia lagi. Dalam konteks di Malaysia, Perkembangan Kerohanian dan Moral amat penting bagi pemupukan nilai Islam dan nilai murni masyarakat berbilang kaum bagi melahirkan rakyat yang percaya kepada Tuhan, berperibadi mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara sejajar dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pendidikan kerohanian dan moral merupakan salah satu daripada tujuan pengajaran dan juga pembelajaran. Antara aktiviti yang dijalankan adalah berlandaskan kepada kepercayaan kepada tuhan. Kerohanian yang baik akan menjuruskan kepada pembentukan konsep kendiri yang positif. Nilai-nilai kerohanian yang dipupuk oleh pendidik melalui teknik permudahcaraan adalah untuk melahirkan kanak-kanak yang memiliki ciri-ciri menghargai orang lain dan tidak mudah beremosional tetapi sentiasa rasional dengan keadaan di persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3 Aspek Perkembangan Moral Kanak-kanak

Perkembangan moral kanak-kanak merujuk kepada nilai yang diperoleh dan kesedaran tentang apa yang buruk dan apa yang baik, apa yang betul dan apa yang salah, berdasarkan kod etika masyarakat setempat (Rohani, 2001). Hubungan antara agama dan moral adalah saling berkait. Mengupas pandangan Cox dalam *Changing Aims in Religious Education,* Asmawati (2014), menyatakan bahawa pada masa kini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sudah diperakui bahawa idea tentang kesediaan pembelajaran boleh diterap kepada pendidikan agama.

Ekoran daripada pandangan Cox tersebut, terdapat suatu hubungan yang rapat di antara konsep-konsep agama dan moral. Hujah berkaitan pendidikan moral dan agama atau akhlak sekarang sudah boleh diketengahkan sebagai *'readiness for morality'*. Asmawati (2014), menambah bahawa dalam perkembangan moral, seperti juga kematangan fizikal dan perkembangan intelektual, terdapat peringkat-peringkat yang jelas, dan setiap satunya mempunyai *tasks* yang sesuai dan penting untuk perkembangan seterusnya.

Perkembangan kanak-kanak terbahagi kepada beberapa aspek dan peringkat tertentu. Menurut Rohani (2001); Berk (2006); Santrock (2007); Kail & Cavanaugh (2007), dan Morrison (2011; 2012; 2014), menjelaskan bahawa aspek perkembangan fizikal, kognitif, bahasa, dan sosioemosi saling berkait antara satu sama lain. Hal ini selaras dengan prinsip amalan bersesuaian perkembangan *(Developmental Appropriate Practices-DAP*) yang disarankan oleh Copple & Bredekamp (2009) dan *National Association for the Education of Young Children* (2009).

Dari aspek kerohanian pula, Nik Rosila (2010) membahagikan perkembangan kanak-kanak kepada dua peringkat iaitu sejak lahir hingga usia *mumayyiz* dan seterusnya *mumayyiz* sehingga mencapai usia *baligh*. Pengetahuan psikologi yang mendalam mengenai ciri dan tingkah laku kanak-kanak pada peringkat umur bawah empat tahun amat penting diketahui oleh para ibu bapa dan pendidik. Ini disebabkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ilmu psikologi dapat memandu para pendidik ke arah pembentukan tingkah laku kanak-kanak yang positif.

2.3 Kepentingan Pendidikan Akhlak dan Moral Kanak-kanak

Pada masa kini terdapat pelbagai model pengajaran dan pembelajaran dalam dunia pendidikan tetapi kebanyakannya berteraskan pandangan dan teori Barat yang bertentangan dengan fitrah manusia. Islam telah menggariskan beberapa panduan yang khusus menerusi Al-Quran dan As-Sunnah untuk menangani segala permasalahan yang dihadapi oleh manusia. Penyataan-penyataan yang terkandung dalam Al-Quran bukan sahaja menyentuh aspek syariat, ibadah dan akhlak malah mencangkupi seluruh sistem kehidupan dan kemajuan yang bakal dicapai oleh manusia. Al-Quran meletakkan akidah sebagai paksi sudut pandangan keseluruhan kehidupan berbanding fahaman sekular Barat yang meletakkan falsafah atau spekulasi sebagai paksi sudut pandangan (Shahabuddin dan Nazrul, 2011).

Dalam era kehidupan masa kini, kepentingan pendidikan akhlak dan moral dilihat semakin diperlukan. Cabaran dalam mendepani masalah keruntuhan akhlak yang semakin menjadi-jadi dalam kalangan kanak-kanak dan remaja membuatkan masyarakat terpaksa bergantung harap kepada sistem pendidikan. Walau pun terdapat beberapa pihak yang sering menyalahkan sistem pendidikan namun hakikatnya pendidikan bukan sekadar memberi ilmu pengetahuan semata-mata sebaliknya bermatlamat untuk melahirkan warganegara yang seimbang dan meneyeluruh dari semua aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan pendidikan akhlak dan moral kanak-kanak diberi keutamaan dan dimasukkan sebagai kandungan kurikulum yang terdapat dalam Dokuman Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), (2016) dan Kurikulum PERMATA, (2012). Tunjang Kerohanian, sikap dan nilai dan Bidang Perkembangan Sahsiah, sosioemosi dan kerohanian dalam kedua-dua kurikulum tersebut sebagai bukti bahawa pendidikan akhlak dan moral adalah penting diberikan di peringkat pendidikan awal kanak-kanak.

2.4 Latar Belakang Teoritikal

Perbincangan pada bahagian ini tertumpu kepada gabungan pandangan tokoh-tokoh Timur dan Teori-teori Barat yang mendasari kajian ini. Pandangan dua orang tokoh pendidikan dari Timur ialah pandangan Imam Al-Ghazali dan Abdullah Nashih Ulwan. Teori-teori Barat yang menjadi rujukan utama kajian ini pula ialah Teori Perkembangan Moral Piaget dan Teori Perkembangan Moral Kohlberg. Selain itu, teori-teori moral yang lain juga dibincangkan sebagai rujukan tambahan.

2.4.1 Pandangan Imam Al-Ghazali

Rangkuman ilmu Islam yang digarap oleh Imam Al-Ghazali (1058-1111) dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* merupakan satu sumbangan besar kepada dunia pendidikan apabila ia boleh dijadikan asas bagi membina model pendidikan akhlak. Satu disiplin ilmu berkaitan dengan pembinaan akhlak dan tingkah laku kanak-kanak telah dihuraikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara terperinci dalam kitab berkenaan. Ia bukan sahaja membincangkan tentang sifat-sifat dan keperluan manusia bahkan meliputi bentuk intervensi rawatan terhadap kecelaruan dan perbuatan keji *(mazmumah)* yang dilakukan oleh individu.

Imam Al-Ghazali merupakan antara ahli psikologi dan psikoterapi Islam yang awal yang merupakan antara perintis kepada terapi moden (Malik Badri, 1997) di mana telah meninggalkan khazanah ilmu yang tidak ternilai. Perkara ini turut diakui oleh Khalil (2001) yang mengatakan Imam Al-Ghazali merupakan salah seorang tokoh yang telah memberi sumbangan besar membangunkan bidang psikologi dan pendidikan Islam yang amat bermakna.

Pendekatan Imam Al-Ghazali meskipun menjurus kepada metodologi *tasawuf* (berkaitan jiwa) namun pendekatan bimbingan sangat komprehensif melibatkan aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, Imam Al-Ghazali diiktiraf sebagai tokoh pendidikan terulung berbanding tokoh-tokoh Barat seperti Froebel dan Montessori. Pandangan Imam Al-Ghazali menekankan konsep fitrah dan akhlak mulia diakui dalam pendidikan awal kanak-kanak. Malah Mok Soon Sang (2008) menamakan pandangan beliau sebagai Teori Keperluan Fitrah Manusia setanding dengan Teori Keperluan Manusia yang dipelopori oleh Abraham Maslow (1908-1970).

Imam Al-Ghazali mementingkan pendidikan akhlak dan moral kanak-kanak. Menurut Al-Ghazali (2001), ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya dan persekitaran memainkan peranan yang penting dalam pembentukan akhlak kanak-kanak. Kanak-kanak memerlukan latihan, disiplin, pujian dan bimbingan moral agar mereka dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertingkah laku yang baik. Oleh itu, ibu bapa dan guru harus mendidik kanak-kanak melalui contoh teladan dan nasihat.

Sifat kesopanan, budi bahasa, kerendahan hati,dan mengelakkan diri dari sifat tercela seperti kemalasan atau menurut nafsu secara berlebihan dan bercakap besar atau sombong harus diajarkan kepada kanak-kanak dengan sebaiknya. Di samping itu, rakan sebaya juga boleh memberi pengaruh yang positif dan negatif terhadap kanak-kanak. Mereka seharusnya memilih rakan sebaya yang baik budi pekerti, berdisiplin dan saling membantu ke arah perkembangan diri yang sihat dan kematangan moral yang baik (Al-Ghazali, 2005).

Sabiluna (1999) mengetengahkan Teori Nasihat Imam Al-Ghazali. Menerusi kajiannya, Sabiluna menyebut bahawa nasihat merupakan aspek yang penting dalam kehidupan manusia bagi membentuk perbuatan yang baik ke arah kehidupan yang bermoral. Nasihat merupakan pendekatan pendidikan yang diusulkan oleh Allah SWT menerusi ayat-ayat dan surah-surah tertentu dalam Al-Quran. Nasihat berbeza dengan teguran kerana keduanya mungkin mempunyai aspek-aspek yang sama tetapi meninggalkan kesan yang berbeza (Sabiluna 1999).

Menurut Al-Ghazali, prinsip nasihat adalah berbeza dengan teguran. Nasihat bersifat rahsia dan bersopan manakala teguran pula adalah bersifat terbuka. Dalam hal ini, pendapat Imam Al-Ghazali sepadan dengan pandangan Imam Asy-Syafi'i yang menyatakan bahawa jika seseorang menasihati saudaranya dengan diam, ia telah memberi saudaranya itu suatu nasihat, tetapi jika ia telah memberi saudaranya itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nasihat secara terbuka, ia telah mengejek dan memalukan saudaranya itu (Imam Asy-Syafi'i dalam Sabiluna, 1999).

Sehubungan dengan itu, nasihat tidak seharusnya digunakan untuk membuka rahsia dan kelemahan orang lain. Bagi mematuhi ajaran Al-Quran dan As-Sunnah, nasihat sebaiknya tidak berupa tohmahan, spekulasi, perkiraan, atau prasangka. Nasihat pula perlu ikhlas kerana jika tidak; nasihat tidak akan bernilai malah membentuk satu perbuatan yang tidak bermoral. Tambahan pula, sekiranya nasihat tersebut lahir dari rasa bongkak, sombong dan bangga diri, maka akan menjadikan perbuatan seseorang lebih tidak bermoral.

Justeru, bagi melahirkan insan yang bermoral, nasihat yang baik dan berkesan perlu didorong dengan keyakinan moral. Nasihat yang efektif hanya akan dapat dicapai sekiranya pemberi nasihat mempunyai keyakinan moral, tidak takut akan kehilangan kedudukan mahu pun keuntungan material. Keyakinan terhadap Allah bahawa hanya Dialah yang menentukan nasib setiap insan merupakan sumber terbesar dalam teori nasihat ini (Sabiluna 1999).

Pendidikan merupakan satu proses bagi mendapatkan ilmu pengetahuan. Manakala perubahan tingkah laku merupakan hasil pendidikan yang diterima melalui proses pembelajaran. Dalam hal ini, Al-Ghazali (1998) menegaskan bahawa tugas pendidik bukan sekadar menyampaikan pengetahuan tetapi melibatkan tanggungjawab pembangunan keseluruhan diri kanak-kanak termasuk personaliti, karekter, keupayaan membuat keputusan dan pembentukan tingkah laku yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, pendidikan dan pembelajaran harus terarah kepada pencapaian matlamat pendidikan.

Al-Ghazali (2001) menjelaskan matlamat utama pendidikan ialah untuk mendekatkan diri kepada Tuhan selain mencari ilmu pengetahuan yang dapat memandu ke arah pembentukan perilaku yang baik dan mulia. Berdasarkan pandangan Imam Al-Ghazali, dapat disimpulkan bahawa pandangan beliau sejajar dengan pernyataan hasrat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berteraskan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, dan berakhlak mulia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hamid Fahmy (1990) telah menggariskan beberapa strategi pengajaran yang berkesan berdasarkan pandangan dan metodologi yang diutarakan oleh Al-Ghazali. Antara strategi yang digariskan bagi membina sahsiah diri pelajar adalah seperti berikut:

i. guru hendaklah melahirkan perasaan simpati kepada murid seolah-olah mereka anaknya,

ii. guru tidak seharusnya merasakan murid menjadi beban kepadanya malah perlu mempunyai perasaan berkewajipan ke atas murid-murid,

iii. guru seharusnya memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada murid-murid tentang tujuan ilmu pengetahuan, iaitu menghampiri diri kepada Tuhan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. kaedah tunjuk ajar yang digunakan oleh guru hendaklah dengan cara yang simpati, bukannya dengan cara membenci dan meggalakkan sifat durhaka dan melahirkan kedegilan.

Berdasarkan garis panduan strategi aspek pengajaran yang diperkenalkan oleh Al-Ghazali jelas menunjukkan peri pentingnya peranan guru sebagai pendidik dan pembentuk akhlak mulia. Sekiranya pendidik dapat mempraktikkan strategi yang disarankan, pasti tingkah laku yang positif dapat dibentuk dalam kalangan kanak-kanak. Sebagai kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa metodologi pendidikan yang diasaskan oleh Al-Ghazali seharusnya dijadikan sebagai asas kepada pembentukan peribadi guru dan akhlak mulia kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan penulisan dan kajian lebih berkisar kepada gagasan pemikiran Imam Al-Ghazali. Kajian yang berfokus kepada rawatan dan intervensi dalam bidang Pendidikan awal kanak-kanak masih berkurangan. Kajian lepas lebih tertumpu kepada bidang kaunseling (Mohd Tajudin, 1998; Yatimah, 2005; Md Noor, 2012) dan keperluan intervensi keagamaan, konsep manusia menurut Al-Ghazali di samping beberapa aspek lain yang kurang berfokus kepada model bimbingan dan intervensi Al-Ghazali secara empirikal. Kajian pembinaan modul pendidikan akhlak ini yang mencerap model Imam Al-Ghazali akan melengkapkan lagi kajian-kajian lain sebelum ini. Selari dengan kajian ini, perbincangan terperinci adalah berfokus kepada pencapaian matlamat iaitu mengkaji kesan modul pendidikan akhlak terhadap tingkah laku positif kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Pandangan Abdullah Nashih Ulwan

Terdapat pelbagai falsafah dan pandangan dari tokoh-tokoh bagi mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak pada peringkat awal. Abdullah Nashih Ulwan (1996) dalam penulisannya yang terkenal iaitu *Tarbiyatu'l-Aulad fi'l-Islam* (Pedoman Pendidikan Anak dalam Islam) menjelaskan tangungjawab terbesar bagi para pendidik terdiri daripada tujuh iaitu tanggungjawab Pendidikan Iman, tanggungjawab Pendidikan Akhlak (Moral), tanggungjawab Pendidikan Fizik, tanggungjawab Pendidikan Intelektual, tanggungjawab Pendidikan Psikologi, tanggungjawab Pendidikan Sosial dan tanggungjawab Pendidikan Seksual.

Menurut Abdullah Nashih (1996), ibu bapa dan pendidik bertanggungjawab mencorakkan kehidupan anak dengan memberikan pendidikan yang sempurna dan sewajarnya. Ibu bapa juga merupakan teladan kepada anak-anak. Apa yang dilakukan oleh ibu bapa, bakal menjadi ikutan mereka dalam proses pembentukan tingkah laku dan keperibadian diri. Dalam hal ini, Imam Al-Ghazali (2001) turut bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa anak merupakan amanah Allah SWT kepada ibu bapa. Tanggungjawab ibu bapa amat besar dan seharusnya dilaksanakan dengan sebaiknya.

2.4.3 Teori-teori Moral

Moral dapat ditafsirkan sebagai satu hasil produk sosial yang terbentuk dari kelaziman dalam kehidupan manusia. Moral sering dikaitkan dengan dua tingkah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu baik atau buruk; perkara yang betul dan harus dilakukan, dengan perkara yang salah dan tidak sepatutnya dilakukan. Ini menunjukkan bahawa sesebuah masyarakat berhak dan sepakat bagi menentukan bentuk tingkah laku bermoral atau tidak bermoral sebagai garis panduan ke atas ahlinya.

Tingkah laku yang ditentukan dan diputuskan oleh masyarakat dengan berteraskan kepada sumber-sumber tertentu seperti agama, kepercayaan, adat resam, dan budaya menjadi panduan kepada tingkah laku seluruh ahli bagi masyarakat. Namun begitu fahaman mengenai konsep moral yang dipegang oleh sesebuah masyarakat juga sering berubah-ubah.

Terdapat beberapa teori moral terdahulu dan terkini yang memberi pandangan mengenai tingkah laku bermoral atau sebaliknya. Teori–teori ini pula menggariskan kriteria tertentu bagi pengaplikasian konsep moral dengan tepat. Dengan demikian, teori boleh membekalkan asas kepada penilaian kelakuan moral yang kukuh. Dalam kajian ini, pengkaji cuba mengupas dan menganalisa beberapa teori penting yang mempunyai hubungan dengan tingkah laku kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3.1 Teori Kebaikan Dalam Etika

Antara teori-teori moral yang dirujuk oleh pengkaji ialah Teori Kebaikan dalam Etika yang diperkenalkan oleh Rorzali (2001). Perkataan etika dan moral adalah dua perkataan yang saling berkait. Ramai pengkaji dan ahli-ahli falsafah dalam bidang sosiologi menggunakan maksud yang sama bagi kedua-dua perkataan ini. Namun,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menurut Rorzali (2001) etika tidak bersangkutan dengan fakta atau fizikal manusia tetapi merupakan suatu falsafah moral yang mengambil kira tindakan atau tingkah laku manusia.

Selain itu, etika juga merupakan satu disiplin ilmu yang menghuraikan mengenai, prinsip moral, kaedah, dan tindakan serta kelakuan manusia yang bermoral atau sebaliknya. Etika boleh diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu *normatic* yang merujuk kepada panduan dan peraturan yang ada hubungan dengan tingkah laku yang baik dan jahat. Manakala *metatethic* pula boleh dipecahkan kepada dua iaitu analitik yang menganalisa semua peraturan yang berkaitan dengan tingkah laku baik dan jahat. *Metatethic* juga berkaitan dengan kritikan terhadap perkara-perkara yang telah dianalisis. Dalam pengertian yang lain, etika dapat ditafsirkan sebagai sains moral dan prinsip-prinsip moral.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rorzali (2001) menjelaskan bahawa Teori Kebaikan dalam Etika adalah teori yang berkaitan dengan tindakan, hujah dan tujuan sesuatu tindakan dilakukan. Etika kebaikan mempunyai perkaitan yang rapat dengan teori penyemaian akhlak mulia dalam sifat seseorang sebagai fungsi asas perlakuan moral. Tambahan pula, etika kebaikan adalah berkaitan dengan sifat semula jadi, tabiat yang terdapat pada diri seseorang atau keinginan yang dimilikinya (Rorzali, 2001).

Sebaliknya, istilah moral kebaikan pula merujuk kepada sifat semula jadi yang kekal dan tabiat yang berkaitan dengan moral yang terpuji. Berdasarkan penjelasan maksud yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa kebaikan adalah berhubung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan kualiti dalaman yang dimiliki oleh seseorang dan dilihat menerusi aktiviti sehariannya.

Bertentangan dengan pandangan Asmawati (2014) yang menyebut bahawa dalam domain pendidikan nilai (moral dan agama atau akhlak) gagasan 'kesediaan pembelajaran' telah diperakui oleh beberapa tokoh pendidikan. Namun begitu, Piaget dan Kohlberg yang mengetengahkan pendekatan moral kognitif dalam pendidikan moral turut menjelaskan bahawa perkembangan moral kanak-kanak adalah berperingkat-peringkat.

Dalam hal ini, Piaget (1968) dan Kohlberg (1969) sependapat mengatakan bahawa kebolehan penaakulan moral dipengaruhi oleh perkembangan pertumbuhan yang berperingkat-peringkat. Bermula dari peringkat kanak-kanak yang mematuhi peraturan moral, menerima peraturan moral dan akhirnya memahami peraturan-peraturan moral itu (Piaget; 1968 dan Kohlberg; 1969).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Teori Perkembangan Moral Piaget

Jean Piaget (1896-1980) memperkenalkan Teori Perkembangan Moral Piaget melalui bukunya yang bertajuk *The moral judgement of the child (1923*). Piaget menyatakan bahawa kesedaran moral kanak-kanak mengalami perkembangan dari satu tahap yang lebih tinggi. Menurut Piaget, keupayaan mengurus maklumat dan pengetahuan berlaku secara berperingkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses membina pengetahuan juga berlaku mengikut peringkat yang bermula dengan pengetahuan sedia ada dalam struktur kognitif. Menurut Rohani (2001), Piaget membahagikan perkembangan moral kepada dua tahap utama iaitu Moraliti *Heteronomus* (6 hingga 10 tahun) dan Moraliti *Autonomus* atau Kerjasama (10 hingga 11 tahun ke atas).

Namun, Abdul Rahman (2008) dan Baptiste, & Reyes, Luis-Vicente (2008) pula membahagikan perkembangan moral Piaget kepada empat peringkat sejajar dengan peringkat perkembangan kognitif kanak-kanak.

Berikut merupakan peringkat-peringkat perkembangan moral kanak-kanak menurut Teori Perkembangan Moral Piaget:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat 1

Sensorimotor (peringkat lahir – 1 ½ tahun). Tingkah laku pada peringkat awal ini lebih berasaskan kepada tabiat dan bersifat ulangan. Kanak-kanak pada peringkat ini akan mematuhi peraturan atau arahan dari autoriti luar tanpa persoalan.

Peringkat 2

Pra operasi (1 ½ – 7 tahun). Di peringkat ini, kanak-kanak mempunyai sikap ingin tahu dan mudah dipengaruhi oleh autoriti seperti ibu bapa dan pendidik.

Peringkat 3

Operasi konkrit (7 – 11 tahun). Kanak-kanak berupaya untuk berfikir secara logik. Pada peringkat ini, mereka lebih memahami dan akan berkomunikasi dengan aktif serta bekerjasama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat 4

Operasi formal (11 tahun ke atas). Di peringkat ini, kanak-kanak tidak akan terikat dengan autoriti dalam membuat pertimbangan moral kerana mula mempunyai idea yang tersendiri.

Menurut Burhanuddin, (1997), melalui perkembangan umur, orientasi perkembangan berkembang dari sikap *heteronomus* (peraturan itu berasal dari diri orang lain) menjadi *autonomus* (dari dalam diri sendiri). Pada tahap *heteronomus*, kanak-kanak mengganggap bahawa peraturan yang dibentuk bukan berasal dari dirinya, merupakan sesuatu yang patut dipatuhi, dihormati, diikuti dan ditaati. Pada tahap autonomus, kanak-kanak beranggapan bahwa perauran-peraturan merupakan hasil kesepakatan bersama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kanak-kanak pada usia paling muda hingga umur dua tahun melakukan aktiviti bermain dengan bahan, tanpa aturan dan tanpa ada hal yang patut untuk mereka patuhi. Mereka adalah *motor activity* tanpa dipimpin oleh pemikiran. Pada tahap ini mereka belum menyedari adanya peraturan yang *koersi*f, atau bersifat memaksa dan harus ditaati. Dalam pelaksanaannya peraturan kegiatan kanak-anak pada umur itu merupakan *motor activity.* Kanak-kanak pada umur antara dua hingga enam tahun, telah mulai memperhatikan dan bahkan meniru cara bermain kanak-kanak yang lebih besar dari mereka.

Pada tahap *heteronomus*, kanak-kanak telah mulai menyedari adanya peraturan dan ketaatan yang telah dibuat dari luar dirinya dan harus ditaati dan tidak boleh diganggu gugat. Pada tahap ini, kanak-kanak cenderung bersikap *egosentrik*,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka akan memandang ‘sangat salah’ apabila aturan yang telah ada diubah dan dilanggar. Mereka meniru apa yang dilihatnya semata-mata demi untuk dirinya sendiri, tidak tahu bahawa bermain adalah aktiviti yang dilakukan dengan kanak-kanak lainnya. Meskipun bermain dilakukan secara bersama-sama namun sebenarnya mereka bermain secara individu, sendiri-sendiri dengan melakukan pola dan cara yang mereka yakini sendiri. Pelaksanaan yang bersifat *egosentrik* merupakan tahap peralihan dari tahap yang individualis murni ke tahap permainan yang bersifat sosial.

Kanak-kanak pada usia tujuh hingga 10 tahun beralih dari kesenangan yang semata-mata psikomotor kepada kesenangan yang didapatkan dari persaingan dengan kawan main dengan mengikuti peraturan-peraturan yang berlaku dan disetujui bersama. Walaupun sebenarnya tidak faham akan peraturan sampai hal yang paling kecil namun keinginan untuk bekerja sama dengan kawan bermain amatlah besar. Kanak-kanak ingin memahami peraturan dan bermain dengan setiap mengikuti peraturan itu. Pada tahap ini sifat *heteronomus* beransur menjadi *autonomus.*

Pada usia 11 hingga 12 tahun pula kemampuan kanak-kanak untuk berfikir secara abstrak mulai berkembang. Pada umur tersebut, kodifikasi (penentuan) peraturan sudah dianggap perlu. Ada kalanya kanak-kanak lebih tertarik pada soal-soal peraturan daripada menjalankan permainannya sendiri.

Pada tahap Moraliti *Autonomus* atau kerjasama, kanak-kanak sudah kurang *egosentrik* dan lebih terbuka dalam membuat sesuatu penakrifan moral. Pada tahap ini, peraturan tidak lagi dilihat sebagai sesuatu yang tidak boleh berubah atau mutlak tetapi boleh berubah mengikut individu. Perasaan saling hormat-menghormati dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bekerjasama dengan rakan sebaya mula menjadi dasar penaakulan moral (Rohani, 2001: Jas Laile Suzana, 2008).

Walaupun Teori Perkembangan Moral Piaget didapati relevan dan selari dengan teori perkembangan kognitif kanak-kanak namun teori ini mendapat kritikan daripada pengkaji lain seperti Bussey, (1992); Nelson-Le Gall, (1985); Yiull & Perner,(1988) dalam Rohani (2001) yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang lebih muda iaitu empat tahun sudah dapat mengesan niat di sebalik sesuatu tingkah laku dan dapat membezakan antara niat bercakap bohong dengan bercakap benar.

Teori Perkembangan Moral Piaget memperlihatkan bagaimana kanak-kanak melalui proses perkembangan mencapai tahap kematangan moralnya secara berperingkat-peringkat. Dalam kajian ini, pengkaji merujuk Teori Perkembangan Moral Piaget bagi menentukan aktiviti-akvititi yang dirancang di dalam Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dapat disesuaikan mengikut tahap kesediaan dan kebolehan kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Teori Perkembangan Moral Kolhberg

Teori Piaget kemudian menjadi inspirasi kepada Lawrence Kohlberg (1969). Melalui penelitian yang dilakukannya selama 14 tahun, Kohlberg berpendapat bahawa moraliti berkembang secara universal mengikut satu siri dari satu tahap ke tahap yang lebih tinggi. Kohlberg membina teorinya berdasarkan gerak balas kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap satu dilema. Kohlberg telah mengubah suai Teori Piaget dan mengidentifikasi tiga tahap dan enam peringkat dalam penaakulan moral.

i. Tahap Moraliti Pra Konvensional (0 hingga 9 tahun)

Pada tahap pertama, betul atau salah sesuatu tingkah laku bergantung kepada kesannya. Tingkah laku kanak-kanak didorong oleh tekanan luaran. Kanak-kanak akan mematuhi peraturan demi mengelak dendaan atau untuk memperolehi ganjaran. Kanak-kanak di bawah umur lima tahun sudah mula memperkembangkan konsep moraliti (Rohani, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahap Pra Konvensional, perkembangan moral kanak-kanak dibahagi kepada dua peringkat iaitu:

Peringkat 1: Orientasi Dendaan dan Taat

Pada peringkat ini, motif utama tingkah laku ialah untuk mengelak diri dari didenda.

Peringkat 2 : Headonisme Instrumental/ Orientasi Egoistik

Pada peringkat 2 pula, kanak-kanak mematuhi peraturan demi untuk mendapatkan ganjaran atau memuaskan kehendak peribadi.

ii. Tahap Moraliti Konvensional (9 hingga 15 tahun)

Pada tahap Moraliti Konvensional pula, cara utama penaakulan moral adalah pengakuran terhadap norma yang dipegang oleh majoriti dalam masyarakat. Kanak-kanak sudah boleh memahami orang lain, menerima pendapat, niat dan motif orang lain. Kanak-kanak mula menunjukkan rasa bertanggungjawab ke atas tingkah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sendiri dan mulai cuba mengekalkan peraturan umum serta bersedia menyumbang sesuatu yang baik kepada masyarakat.

Pada tahap ini, perkembangan moral kanak-kanak dibahagi kepada dua peringkat iaitu:

Peringkat 3: Moraliti 'Budak Baik'/ *Good boy*

Pada peringkat ini, kanak-kanak menerima bahawa tingkah laku yang betul adalah tingkah laku yang dipuji dan diterima oleh ahli masyarakat.

Peringkat 4 : Moraliti Mengekalkan Susunan Sosial dan Autoriti

Pada peringkat ini pula, kanak-kanak akur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh autoriti. Sesuatu tingkah laku yang salah adalah tingkah laku yang melanggar peraturan atau yang mendatangkan kemudaratan kepada orang lain.

iii. Tahap Moraliti Pascakonvensional (16 tahun ke atas)

Pada tahap Moraliti Pascakonvensional, remaja sudah memahami asas pembentukan peraturan dan undang-undang. Ia merupakan kontrak sosial yang harus dipatuhi oleh setiap individu demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat.

Pada tahap ketiga ini, perkembangan moral remaja dibahagi kepada dua peringkat juga iaitu:

Peringkat 5: Moraliti Kontrak, Hak-hak Individu dan Undang-undang Secara Demokrasi.

Pada peringkat ini, individu lebih memahami justifikasi yang tersirat di undang-undang atau peraturan yang dibentuk. Individu akan memilih prinsip moral sebagai penentu tingkah laku. Individu akan lebih prihatin dan lebih menghormati prinsip dan hak orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat 6 : Orientasi Prinsip-prinsip Moral yang Universal dan Beretika

Pada peringkat terakhir ini, individu akan melebalkan sesuatu tingkah laku sebagai bermoral dan beretika berdasarkan prinsip sejagat. Prinsip tersebut dibuat berdasarkan rasa kemanusiaan dan hormat kepada individu lain di dunia. Semua hak asasi termasuk hak beragama dan autoriti moral dianggap sebagai tingkah laku bermoral.

Setiap orang memiliki potensi moral yang tersendiri dan sedia untuk dikembangkan melalui berbagai pengalaman sosial yang dialami. Individu belajar mengenai perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Perkembangan moral pada diri manusia terutama pada usia kanak-kanak penting untuk mendapat perhatian. Adalah diharapkan dengan memiliki moral yang baik, kanak-kanak dapat diterima dengan baik dalam lingkungan masyarakat.

Tanggungjawab, prinsip moral dan tindakan bermoral bukanlah suatu yang bertentangan sebaliknya merupakan perkaitan dalam aspek tingkah laku yang bermoral. Walau apa pun bentuk teori dan falsafah yang dipegang, kehidupan bermoral adalah asas kepada setiap teori yang dinyatakan. Seseorang itu boleh membentuk dirinya mencapai peringkat berakhlak mulia dan seterusnya dapat bertindak ke arah kebaikan menerusi alasan-alasan serta berdasarkan persekitaran yang wujud apabila memiliki ciri-ciri kebaikan yang berlandaskan kepada panduan dan peraturan moral (Muhammad Syamsudin, 2005; Crain, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji merujuk Teori Perkembangan Kohlberg ini bagi melihat kesan tingkah laku positif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak menerusi aktiviti-aktiviti seperti bercerita dan lakonan simulasi. Di samping itu, pertimbangan moral kanak-kanak dapat diperhatikan menerusi aktiviti membandingkan tingkah laku yang baik atau buruk dalam Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

2.7 Kerangka Teoritikal Kajian

Berdasarkan perincian latar belakang teoritikal yang dikemukan, pengkaji telah membina satu kerangka teoritikal kajian bagi memberi gambaran berkaitan pandangan-pandangan dan teori-teori yang mendasari kajian ini seperti yang dipaparkan pada Rajah 2.1. Secara prinsipnya, kajian ini didasari oleh dua perspektif iaitu Perspektif Timur dan Perspektif Barat.

Perspektif Timur mengambil kira pandangan dua orang tokoh iaitu Imam Al-Ghazali dan Abdullah Nashih Ulwan yang dijadikan sebagai asas pendidikan akhlak manakala Perspektif Barat pula mengambil kira Teori Perkembangan Moral Piaget dan Teori Perkembangan Moral Kohlberg yang mengambil kira perkembangan moral kanak-kanak. Ini adalah kerana kedua-dua perspektif ini selari dengan tajuk dan keperluan kajian yang berfokus kepada pendidikan akhlak dan tingkah laku positif kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Kerangka Teoritikal Kajian

Merujuk kepada **Rajah 2.1**, gabungan Perspektif Timur dan Barat kedua-duanya sama penting dalam menentukan tingkah laku positif kanak-kanak. Ini adalah kerana. pendidikan adalah untuk menyemai perangai yang baik dalam diri kanak-kanak agar mereka dapat membezakan perkara yang betul dan salah (Al-Ghazali, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasi dua model utama sebagai kerangka prosedur kajian iaitu Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005) dan Model Pembinaan Modul Sidek (2005). Model Model Reka bentuk Pengajaran Dick,Carey dan Carey (2005) diaplikasikan pengkaji bertujuan membangunkan satu modul pengajaran alternatif iaitu Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Luqman dan melihat kesannya terhadap tingkah laku positif kanak-kanak. Manakala Model Pembinaan Modul Sidek (2005) pula adalah antara model utama yang dirujuk oleh pengkaji selain model-model lain untuk tujuan pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

Berdasarkan kepada Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005), pengkaji melalui sepuluh langkah dalam membangunkan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) yang digunakan sebagai panduan kepada pendidik PAKK. Sepuluh langkah tersebut ialah;

i. menganalisis pengajaran,
ii. menyemak pengajaran,
iii. mengenal pasti matlamat pengajaran,
iv. menulis objektif tingkah laku,
v. membina item-item rujukan kriteria,
vi. membina strategi pengajaran,
vii. membina dan memilih bahan pengajaran,
viii. membina dan mengendalikan penilaian formatif,
ix. membina dan mengendalikan penilaian sumatif,
x. mengenal pasti kelakuan masuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah-langkah pembinaan modul ini dibincangkan secara terperinci dalam Bab 4 dengan merujuk juga kepada Model Pembinaan Modul Sidek (2005). Secara ringkasnya, kronologi kajian ini mengandungi dua Fasa. Fasa 1 merupakan Fasa Pembinaan Modul manakala Fasa 2 adalah Fasa Penilaian Modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2. Fasa Pembinaan dan Penilaian Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan **Rajah 2.2** yang telah diperjelaskan, maka pengkaji telah membina kerangka konseptual kajian seperti berikut. **Rajah 2.3** memaparkan Kerangka Konseptual Kajian yang dibina berdasarkan Kerangka Prosedur Pembinaan Modul yang memaparkan secara jelas Fasa Pembinaan dan Penilaian Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.3. Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 Model Pembinaan Modul

Pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) ini didasari oleh beberapa eleman. Prosedur pembinaan model merujuk kepada dua model utama iaitu Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005) dan Model Pembinaan Modul Sidek (2005). Manakala kandungan modul pula didasari oleh Surah Luqman dari ayat 12 hingga 19. Di mana tiga ayat sahaja iaitu ayat 14,18 dan 19 yang memberi penekanan kepada fokus kajian iaitu pendidikan akhlak. Selain itu, MPAL juga memberi fokus kepada dua fasa kajian iaitu Fasa Pembinaan Modul dan Fasa Penilaiar keberkesanan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembinaan sesebuah modul memerlukan pendekatan dan kepatuhan kepada prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Rusell (1974) telah memberikan garis panduan yang mantap berkaitan dengan proses pembinaan sesuatu modul. Begitu juga penulisan oleh Sidek dan Jamaludin (2005), telah menggariskan tentang bagaimana membina modul latihan dan akademik yang sempurna.

2.9.1 Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey

Dalam kajian ini, pengkaji merujuk dan mengadaptasikan Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005) kerana pengkaji mendapati keseluruhan prosedur dalam sistem pengajarannya melengkapi antara satu sama lain iaitu hubungan antara kandungan isi pelajaran, cara kanak-kanak belajar dan peranan pendidik dalam merencanakan pengajaran dan kemahiran yang telah ditetapkan. Prosedur ini selaras dengan cadangan Landa (1983) dalam perancangan sesuatu pengajaran.

Menurut Landa (1983), terdapat tiga kompenan utama dalam pengajaran dan pembelajaran disebut sebagai *task algorithm, student's algorithm* dan *teacher algorithm.* Landa (1983) menjelaskan *task algorithm* adalah merujuk kepada kandungan isi, kanak-kanak dan kemahiran yang hendak diajar. Manakala *Student's algorithm* menjurus kepada bagaimana kanak-kanak dapat melaksanakan tugasan atau kemahiran yang diberikan oleh seseorang pendidik sementara *teacher algorithm* adalah peranan pendidik dalam melaksanakan bentuk-bentuk pengajaran dan kemahiran yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keseluruhan model reka bentuk pengajaran ini adalah lengkap bermula dengan penetapan matlamat pengajaran, proses pembentukan bahan pengajaran, pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu model Reka bentuk pengajaran ini juga merangkumi proses penilaian yang merupakan medium perantara bagi mengenalpasti keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam kajian ini, Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005; 2014) dijadikan sebagai landasan dan panduan dalam menghasilkan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL). Model Dick, Carey & Carey (2005) merangkumi 10 komponen yang dianggap sesuai oleh pengkaji kerana ianya lengkap dan merangkumi semua aspek bermula dari penentuan matlamat pengajaran sehinggalah kepada penilaian sumatif. Berikut adalah **Rajah 2.4** Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey (2005; 2014) yang menjadi panduan ke arah prosedur pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.4. Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey, 2005.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah pertama dalam Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005; 2014) ini bermula dengan mengenal pasti matlamat pengajaran. Menurut Dick, Carey & Carey (2005:2014), matlamat pengajaran adalah hasil yang kanak-kanak perolehi apabila mereka menamatkan pembelajaran mereka. Justeru, matlamat pengajaran ini boleh diadaptasikan dari analisis keperluan kanak-kanak.

Crawford (2002) menjelaskan analisis keperluan merupakan titik permulaan bagi penggubal atau pengkaji untuk membangunkan sesuatu program atau bahan pengajaran. Selain itu melalui analisis keperluan pereka bentuk pengajaran dapat mengenal pasti matlamat pendidik terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak. Oleh itu fokus utama pada peringkat ini adalah kanak-kanak dan matlamat pembelajaran dan bukan kepada proses melaksanakan pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Dick & Carey (1996) terdapat empat ciri objektif pengajaran yang baik iaitu;

i. matlamat (*output)* kanak-kanak perlu dinyatakan dengan jelas,
ii. menjelaskan apa yang kanak-kanak perlu capai,
iii. matlamat pengajaran hendaklah berkait rapat dengan masalah pembelajaran yang telah dikenal pasti,
iv. matlamat tersebut boleh dicapai melalui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

Langkah kedua dalam Model Dick, Carey & Carey (2005; 2014) adalah mengendalikan analisis pengajaran. Selepas mengenal pasti matlamat pengajaran, pengkaji perlu mengenal pasti langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pendidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi mencapai matlamat pengajaran *(goal).* Langkah utama dalam analisis pengajaran ini adalah proses mengenal pasti kemahiran, pengetahuan, dan sikap. Semua ini dikenali sebagai kelakuan masuk *(entry behaviour)* kanak-kanak. Ianya amat penting sebelum proses pengajaran dimulakan.

Seterusnya, peringkat ketiga, iaitu menganalisis kanak-kanak dan konteks. Menurut Dick, Carey & Carey (2005; 2014), langkah tambahan kepada menganalisa matlamat pengajaran, proses menganalisa kanak-kanak dan konteks dilakukan serentak dan selari. Konteks bermaksud persekitaran pembelajaran di mana kanak-kanak memperolehi sesuatu kemahiran *(skill).*

Sementara analisis kanak-kanak pula adalah mengumpulkan maklumat asas mengenai kanak-kanak termasuk kemahiran dan pengetahuan sedia ada kanak-kanak, kelebihan dan sikap kanak-kanak terhadap pembelajaran. Semua maklumat ini digunakan semasa menyusun kriteria-kriteria pengajaran serta memastikan kemahiran yang sesuai digunakan. Maklumat-maklumat ini juga membantu menjayakan langkah seterusnya dalam model ini terutamanya pemilihan strategi pengajaran.

Langkah keempat ini merupakan penetapan objektif pembelajaran. Daripada kemahiran sedia ada yang telah dikenalpasti dalam analisis pengajaran, maka pengkaji atau pereka bentuk pengajaran perlu menentukan kemahiran atau objektif yang hendak dicapai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Morrison (1998), tujuan utama menentukan objektif pembelajaran iaitu;

i. membantu pengkaji untuk mereka bentuk pengajaran yang sesuai dalam memilih dan menyusun aktiviti pengajaran,

ii. sebagai panduan kepada pengajar membina ujian bagi menilai pencapaian kanak-kanak, dan memberi garis panduan tentang apa yang kanak-kanak perlu pelajari dan kemahiran yang perlu dikuasai.

Langkah kelima berkembang kepada peringkat membangunkan instrumen ujian. Pembangunan instrumen ujian ini dibangunkan berdasarkan objektif pembelajaran yang telah ditetapkan sebelum ini. Instrumen-instrumen ujian ini adalah selari dan khusus kepada kemahiran dan pengetahuan sedia ada kanak-kanak seperti yang telah ditetapkan sebelum ini. Ujian ini penting kerana ianya dapat membantu pengkaji untuk menilai kanak-kanak serta menilai keberkesanan program pengajaran yang dijalankan berdasarkan model ini.

Langkah keenam dalam Model Dick, Carey & Carey (2005; 2014) ialah membangunkan strategi pengajaran. Pembangunan strategi pengajaran ini adalah berdasarkan lima langkah yang telah dijalankan sebelum ini. Strategi pengajaran ini merangkumi aktiviti pra pengajaran, penyampaian isi pengajaran, penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, ujian-ujian penilaian, langkah-langkah susulan dalam aktiviti pengajaran seperti pemulihan dan pengayaan.

Menurut Dick, Carey & Carey (2005; 2014), strategi pembelajaran hendaklah berdasarkan kepada teori pembelajaran semasa, dapatan-dapatan kajian tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran, kandungan pengajaran, dan kriteria-kriteria yang digunakan sebagai media pengajaran. Selain itu, sikap kanak-kanak semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku perlu diberi perhatian oleh pendidik.

Langkah ketujuh adalah membina atau memilih bahan-bahan pengajaran. Dalam langkah ini, pengkaji perlu menggunakan strategi pengajaran dalam membina atau bahan pengajaran. Media-media pengajaran ini termasuklah manual tugasan kanak-kanak, bahan pengajaran, dan set-set ujian. Sementara itu, bahan-bahan pengajaran yang dimaksudkan adalah apa jua alat, benda dan bahan sumber yang dapat membantu memudahkan aktiviti kanak-kanak ketika belajar. Sebagai contoh, modul pengajaran, rakaman audio, video, komputer dan lain-lain. Selain itu, pendidik juga boleh membina sendiri bahan-bahan pengajaran yang dirasakan sesuai dengan strategi pengajaran yang hendak digunakannya. Dalam memilih media pengajaran faktor-faktor berikut perlu dipertimbangkan iaitu ketersediaan media, pengurusan media, daya ketahanan media dan kos penggunaannya.

Selain itu, Kamarudin (1998) berpendapat, pendidik atau pereka bentuk pengajaran hendaklah memikirkan tentang keperluan belajar kanak-kanak. Ini bermakna bahan pembelajaran itu disampaikan dalam bentuk supaya kanak-kanak dapat menambahkan pengetahuannya dari semasa ke semasa. Oleh itu, bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan dan licin, kanak-kanak mestilah diperkenalkan dengan unit-unit pembelajaran yang sentiasa berkaitan antara satu sama lain supaya kanak-kanak dapat memperkembangkan pengetahuan mereka dengan mengaitkan apa yang dipelajari dengan pengalaman atau pengetahuan yang diperolehi dari pembelajaran-pembelajaran yang lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam merancang persediaan mengajar, aktiviti-aktiviti yang dipilih perlu mempunyai urutan yang baik. Ia perlu diselaraskan dengan isi kemahiran dan objektif pengajaran. Lazimnya aktiviti yang dipilih itu adalah gerak kerja yang mampu memberi pengaruh terhadap perhatian, berupaya meningkatkan kesan terhadap intelek, ingatan, emosi, minat dan kecenderungan serta mampu membantu pendidik untuk menjelaskan pengajarannya.

Bagi memastikan aktiviti pengajaran yang berkesan dan bermakna kepada kanak-kanak, pendidik haruslah memikirkan terlebih dahulu tentang kaedah dan teknik serta strategi yang akan digunakan. Teknik-teknik yang digunakan dapat merangsang minda serta minat kanak-kanak dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Selain itu, pemilihan strategi secara bijaksana mampu menjamin kelicinan serta keberkesanan penyampaian sesuatu subjek atau modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk memenuhi kejayaan proses pengajaran dan memastikan pengajaran pendidik dapat menarik minat kanak-kanak belajar, maka tidak dapat dinafikan ia bergantung kepada kepentingan peranan kaedah pengajaran yang dipilih. Oleh itu pemilihan kaedah yang bertepatan dengan kehendak dan matlamat sesuatu tugas amatlah penting apatah lagi pengajaran yang diberikan adalah dalam bentuk pendidikan kepada kanak-kanak yang berusia tiga hingga empat tahun.

Langkah kelapan iaitu membina dan menjalankan ujian formatif. Penilaian formatif ini adalah proses pengumpulan maklumat sepanjang proses pembinaan dan pembangunan pengajaran yang mana data yang diperolehi digunakan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan Reka bentuk pengajaran termasuk bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan strategi serta teknik pengajaran. Berdasarkan Dick, Carey & Carey (2005; 2014) terdapat 3 fasa penilaian formatif iaitu dalam format ujian satu dengan satu *(one-to-one evaluation),* ujian kumpulan kecil *(small group evaluation),* dan ujian kumpulan lapangan *(field evaluation).* Dapatan dari ujian-ujian ini boleh digunakan oleh pereka bentuk bahan pengajaran untuk memperbaiki dan menambahbaik program pengajaran yang telah disediakan.

Langkah kesembilan *(the first step in a repeat cycle)* adalah menyemak pengajaran. Data daripada ujian formatif digunakan untuk mengenal pasti kekangan-kekangan dan masalah yang dihadapi kanak-kanak ketika mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran, selain mengenal pasti samada objektif pengajaran tercapai atau sebaliknya. Penyemakan pengajaran ini merangkumi semua langkah-langkah dalam komponen pengajaran iaitu bermula dari langkah kedua hingga langkah ketujuh. Tujuan menyemak pengajaran ini bagi menjamin keberkesanan proses pengajaran tersebut bagi mencapai matlamat yang disasarkan dan proses pengajaran akan menjadi lebih baik dan efektif (Dick, Carey & Carey, 2005).

Langkah terakhir iaitu langkah kesepuluh adalah membina dan menjalankan penilaian sumatif. Menurut Dick, Carey & Carey (2005; 2014), penilaian sumatif adalah ujian pencapaian kanak-kanak setelah mengikuti keseluruhan sistem pengajaran dan bahan pengajaran yang dijalankan. Menurut Dick, Carey & Carey (2005; 2014) lagi langkah ke sepuluh bukanlah sebahagian daripada proses Reka bentuk pengajaran, tetapi suatu instrumen yang digunakan bagi menilai hasil pembelajaran kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya, Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005) digunakan sebagai landasan kajian ini kerana kompenan-kompenan yang terdapat di dalam model reka bentuk pengajaran ini saling melengkapi antara satu sama lain. Model ini menggunakan pendekatan sistem yang mana komponen-komponen di dalamnya saling berkait rapat antara satu sama lain terutamanya perkaitan antara strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran.

Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey lengkap bermula dengan penetapan matlamat pengajaran, analisis pengajaran, kenal pasti kelakuan masuk kanak-kanak, dan penetapan objektif tingkah laku kanak-kanak (objektif pembelajaran). Dalam kajian ini, tingkah laku yang dimaksudkan ialah tingkah laku positif kanak-kanak. Seterusnya ujian rujukan kriteria, pemilihan strategi pengajaran dan bahan pengajaran serta penilaian formatif dan sumatif dinyatakan dengan jitu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Model Reka bentuk Dick, Carey & Carey (2005; 2014) yang telah dibincangkan, pengkaji telah mengadaptasi model tersebut mengikut kesesuaian kajian ini. Ini adalah kerana idea yang diutarakan Dick, Carey & Carey melalui model reka bentuk pengajaran tersebut menepati keperluan kajian berbanding model-model reka bentuk pengajaran seperti Model ADDIE, ASSURE dan lain-lain.

2.9.2 Model Pembinaan Modul Sidek

Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), telah memperkenalkan satu model pembinaan modul integrasi yang lebih komprehensif. Model ini melibatkan dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peringkat iaitu peringkat menyediakan draf modul dan peringkat mencuba dan menilai modul. Model pendekatan pembinaan modul ini dinamakan sebagai Model Pembinaan Modul Sidek (2005). Pada masa kini, ramai pengkaji telah menjalankan kajian komprehensif dalam pelbagai bidang dengan menggarapkan modul dalam kajian mereka. Kebanyakannya membina atau membangunkan sendiri modul, ada pula yang menggunakan modul yang telah dibina dan menguji kesan penggunaan modul sahaja malah ada juga yang membina dan menguji kesan modul bagi mencapai matlamat kajian.

Walaupun terdapat pelbagai model reka bentuk modul dan pengajaran yang digunakan oleh ramai pengkaji namun model pembinaan modul oleh Sidek Mohd Noah ini menjadi antara model pembinaan modul yang popular dan mendapat perhatian serta menjadi panduan kepada ramai para pengkaji tempatan yang ingin membina atau membangunkan modul. Berikut adalah Model Pembinaan Modul Sidek (2005)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Nota ——— Pembinaan Modul Peringkat I, menyediakan draf modul
═══ Pembinaan Modul Peringkat II, mencuba dan menilai modul

Rajah 2.5. Model Pembinaan Modul Sidek. Sumber: Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad, 2005.

Peringkat penyediaan draf mempunyai sembilan langkah bermula dengan membina matlamat sehinggalah penyatuan draf modul. Manakala peringkat kedua iaitu mencuba dan menilai akan melalui kajian rintis untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya sebelum diterima sebagai modul yang lengkap. Penentuan sama ada modul bermutu atau pun tidak, akan dibuat. Sekiranya modul yang dibina didapati tidak bermutu, maka penilaian semula perlu dibuat dengan melalui proses penyediaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semula draf modul bermula dari langkah lima iaitu pemilihan kandungan, strategi, logistik dan media serta menyatukan semula draf modul.

Pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dalam kajian ini juga merujuk kepada Model Pembinaan Modul Sidek (2005) kerana merupakan model integrasi yang komprehensif. Model ini memberi panduan yang lengkap kepada pembina modul untuk membina atau membangunkan satu-satu modul sama ada modul pengajaran mahu pun modul akademik. Keistimewaan Model Pembinaan Modul Sidek adalah berbeza dari Model Reka bentuk Pengajaran kerana antara prosedur yang perlu dipatuhi ialah melalui proses percubaan atau kajian rintis untuk melihat kelemahan dan kekurangan yang ada.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Selaku pembina modul, pastinya pengkaji melalui proses membina draf atau *prototype* sebelum menghasilkan modul yang lengkap dan mantap. Justeru, model ini dipilih oleh pengkaji bagi memandu pengkaji membina MPAL. Seterusnya, bagi memastikan modul yang bermutu, pengkaji melalui proses menentukan kesahan dan kebolehpercayaan. Setelah itu baharulah dilakukan penilaian bagi menentukan keberkesanannya terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak.

Model Pembinaan Modul Sidek (2005), terdiri daripada dua peringkat prosedur iaitu peringkat menyediakan draf modul dan peringkat mencuba dan menilai Modul. Pada peringkat penyediaan draf modul ia melibatkan sembilan langkah iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah pertama; pembinaan matlamat di mana perlu dikenal pasti tujuan pembinaan modul berkenaan. Dengan adanya matlamat dapat menentukan apakah kandungan yang bersesuaian. MPAL yang dibina dalam kajian ini matlamat umumnya adalah untuk membentuk tingkah laku positif kanak-kanak. Objektif khusus secara lebih terperinci dinyatakan pada setiap modul yang dibina.

Langkah kedua; mengenal pasti teori, rasional, falsafah, konsep, sasaran dan tempoh masa. Teori akan menjadi asas kepada pembentukan modul. Dalam kajian ini, sebelum pembinaan modul, penyelidik telah mengenal pasti teori yang terlibat iaitu Teori Perkembangan Moral Piaget dan Teori Perkembangan Moral Kohlberg. Selain itu, bagi menyimbangi teori barat tersebut, pengkaji mengambil kira pandangan daripada tokoh pendidikan lslam iaitu Imam Al-Ghazali dan Abdullah Nashih Ulwan sesuai dengan kandungan MPAL yang merujuk kepada Surah Luqman dan pendekatan pendidikan menurut Islam yang menjadi tunjang dan kekuatan modul ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah ketiga; mengadakan kajian keperluan. Kajian keperluan MPAL adalah merujuk kepada dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan keperluan elemen pendidikan akhlak bagi membentuk tingkah laku positif kanak-kanak. Pengkaji juga melakukan temu bual pakar untuk mendapatkan maklumat berkaitan keperluan modul MPAL ini bagi membantu pendidik TASKA menjalankan pengajaran mereka.

Langkah keempat; menetapkan objektif. Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), objektif modul mestilah bersifat tingkah laku iaitu yang boleh dilihat dan boleh diukur di akhir pelaksanaan modul. Ianya mungkin meliputi siapa yang akan terlibat, apa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang akan dicapai, setakat mana penguasaan kemahiran yang perlu dipelajari dan berapa lama jangka masa yang diperlukan untuk kemahiran yang diajar akan dikuasai. Dalam pembinaan MPAL ini objektif dinyatakan secara eksplisit yang bersifat tingkah laku dan boleh diukur di akhir pelaksanaan modul.

Langkah kelima; pemilihan isi kandungan. Pada peringkat ini, isi kandungan perlu disenaraikan, dipilih dan disaring agar benar-benar bersesuaian dan bertepatan. Ini penting bagi memastikan ianya dapat mencapai objektif yang ditentukan (Sidek & Jamaludin, 2005; Mohammad Aziz Shah, 2010). Kandungan MPAL ini adalah berdasarkan kandungan ayat 14, 18 dan 19 yang terkandung dalam Surah Luqman. Pengkaji turut mendapatkan pandangan pakar dengan melakukan temu bual berkaitan kandungan yang bersesuaian di dalam MPAL ini. Dapatan temu bual, bahan dan dokumen berkaitan Surah Luqman ini disenaraikan, dipilih dan disaring berdasarkan objektif pada setiap modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah keenam; pemilihan strategi. Strategi dan langkah-langkah pelaksanaan modul ini penting bagi memastikan kelancaran dan seterusnya mencapai objektif yang digariskan. Pemilihan strategi bergantung kepada objektif pembelajaran yang hendak disampaikan dan juga isi kandungan atau pengetahuan yang diharap pelajar dapat menguasai di akhir pembelajaran (Nik Zaharah, 2007). Di antara strategi pelaksanaan MPAL ialah berpusatkan pendidik, kanak-kanak dan bahan yang dikelolakan secara kelas, kumpulan dan individu.

Langkah ketujuh; pemilihan logistik. Pemilihan logistik merupakan kemudahan, prasarana atau apa-apa sahaja bahan yang digunakan untuk membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan menyokong pembelajaran. Dalam hal ini ia perlu dirancang dengan teliti untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Penggunaan dan pemilihan logistik dapat menentukan apa yang dikehendaki dan bakal kanak-kanak peroleh, hasil dari pembelajaran.

Langkah kelapan; pemilihan media. Menurut Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), penggubal modul perlu menentukan cara modul akan disampaikan. Pemilihan media boleh dibuat secara tunggal. Gabungan dua ataupun gabungan pelbagai media. Apa yang paling penting, media yang digunakan mestilah mampu menarik minat, memotivasikan dan merangsang kumpulan sasaran bagi mengikuti modul yang dihasilkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah kesembilan; menyatukan draf modul. Setelah semua peringkat sebelum ini dilakukan, langkah seterusnya ialah menyatukan draf modul. Ia dipanggil draf kerana modul ini belum dibuktikan kesahan dan kebolehpercayaannya. Pada peringkat ini MPAL akan disatukan untuk melalui proses seterusnya iaitu mencuba dan menilai modul.

Peringkat seterusnya ialah mencuba dan menilai modul. Pada peringkat ini pengkaji melibatkan kajian rintis di samping menentukan kesahan dan kebolehpercayaan modul. Kemudian baharulah boleh dilakukan eksperimen untuk melihatkan keberkesanan modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat Kedua: Mencuba dan Menilai Modul. Pada peringkat ini modul yang telah dibangunkan perlu melalui kajian rintis untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Sekiranya draf modul ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, modul ini dianggap lengkap.

2.10 Surah Luqman

Surah Luqman merupakan surah yang ke-31 dari Juzuk 21 mengikut susunan di dalam Al-Quran dan mengandungi 34 ayat (Al-Quran dan terjemahan, 1412H). Surah ini dinamakan Luqman kerana terdapat kisah mengenai Luqman al-Hakim yang telah diberikan oleh Allah SWT hikmah iaitu kebijaksanaan, dikurniakan dengan makrifat tauhid yang menjadikan beliau seorang yang *abid*. Beliau juga memiliki akhlak yang terpuji dan sentiasa menjauhkan diri daripada perkara-perkara buruk serta mungkar (Rosnaaini, Suhanim dan Syahrul Faizaz, 2004).

Surah Luqman termasuk di dalam kumpulan surah Makkiyyah kecuali ayat 27, 28, dan 29 yang merupakan ayat Madaniyyah. Manakala ayat 34 turun selepas surah al-Saffat (Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahali dan Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-Sayuti, 1996). Surah Luqman menjelaskan tentang Luqman al-Hakim dengan wasiat yang kekal untuk anaknya. Anaknya bernama An'am atau Mushkam (Abi Muhammad Husini bin Mas'ud al-Fira' al-Baghawi al-Shafie, 1993) dan Tharan (Wahbah al-Zuhaili, 1991). Beliau berjaya mendidik anak-anak dan isterinya yang kafir kembali kepada Islam, tidak seperti anak dan isteri Nabi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nuh a.s. yang kafir. Begitu juga dengan kisah Nabi Lut a.s hanya anaknya sahaja yang Islam sedangkan isterinya masih kafir (Shaykh Ismail Haqqi al-Burusawi. t. th.)

Metode Pendidikan Luqman yang berasaskan nasihat menjadi pengajaran dan petunjuk kepada manusia. Luqman menegaskan perkara berkaitan dengan syirik, diikuti dengan perintah berbuat baik kepada kedua ibu bapa, waspada dengan pandangan Allah SWT terhadap semua perkara sama ada kecil atau besar, mendirikan solat, amar makruf dan nahi mungkar, rendah diri dan menjauhi perkara- perkara dosa, adab berjalan dan menjaga suara.

Surah Luqman diturunkan disebabkan bani Quraish sentiasa bertanyakan Rasulullah SAW tentang kisah Luqman bersama anaknya dan tentang berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Ayat 12 hingga 19 menceritakan secara khusus tentang pendidikan yang dilaksanakan oleh Luqman al-Hakim kepada anak-anaknya (Sayyid Qutb, 1988 dalam Rosnaaini Hamid, Suhanim Abdullah dan Syahrul Faizaz Abdullah, 2004). Berikut disertakan petikan Surah Luqman dari ayat 12 hingga ayat 19, terjemahan serta intipati kandungannya:

Surah Luqman 31: Ayat 12

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا لُقۡمَٰنَ ٱلۡحِكۡمَةَ أَنِ ٱشۡكُرۡ لِلَّهِۚ
وَمَن يَشۡكُرۡ فَإِنَّمَا يَشۡكُرُ لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن كَفَرَ
فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٞ ١٢

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terjemahannya:

12. Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu) dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji (Quran In MsWord, 2013).

Intipati kandungan:

Ayat 12 menjelaskan tentang peribadi Luqman al-Hakim. Berdasarkan ayat ini Luqman dikatakan seorang yang sangat bersyukur kepada Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Surah Luqman 31: Ayat 13

وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ١٣

Terjemahannya:

13. Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar (Quran In MsWord, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Intipati kandungan:

Ayat 13 menceritakan cara Luqman memberi pendidikan kepada anak-anak tentang bahaya syirik. Beliau berkata : Hai anakku, Janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar.

Surah Luqman 31: Ayat 14

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَٰلُهُۥ
فِي عَامَيْنِ أَنِ ٱشْكُرْ لِي وَلِوَٰلِدَيْكَ إِلَيَّ ٱلْمَصِيرُ ١٤

Terjemahannya:

14. Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan (Quran In MsWord, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Intipati Kandungan:

Ayat 14 memerintahkan setiap orang anak mesti berbuat baik kepada kedua orang tua.

Surah Luqman 31: Ayat 15

وَإِن جَٰهَدَاكَ عَلَىٰٓ أَن تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۖ وَصَاحِبْهُمَا فِي ٱلدُّنْيَا
مَعْرُوفًا ۖ وَٱتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ۚ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ١٥

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terjemahannya:

15. Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau dengan fikiran sihatmu tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan (Quran In MsWord, 2013).

Intipati kandungan:

Ayat 15 menjelaskan dengan lebih lanjut tentang ketaatan kepada orang tua yang harus dilandaskan oleh ketaatan kepada Allah SWT dan kewajiban mengikuti jalan orang-orang yang sentiasa bertaubat kepada Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Surah Luqman 31: Ayat 16

يَٰبُنَيَّ إِنَّهَآ إِن تَكُ مِثۡقَالَ حَبَّةٖ مِّنۡ خَرۡدَلٖ فَتَكُن فِي صَخۡرَةٍ أَوۡ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ أَوۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ يَأۡتِ بِهَا ٱللَّهُۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٞ ١٦

Terjemahannya:

16. (Luqman menasihati anaknya dengan berkata): Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi (Quran In MsWord, 2013).

Intipati Kandungannya:

Ayat 16 menjelaskan bagaimana Luqman menasihati anak-anaknya bahawa Allah SWT. akan membalas semua perbuatan manusia sama ada baik atau buruk walau sekecil mana sekali pun.

Surah Luqman 31: Ayat 17

يَٰبُنَيَّ أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ وَأۡمُرۡ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَٱنۡهَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ
وَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَآ أَصَابَكَۖ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنۡ عَزۡمِ ٱلۡأُمُورِ ١٧

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terjemahannya:

17. Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya (Quran In MsWord, 2013).

Intipati Kandungannya:

Ayat 17 menceritakan bagaimana Luqman menyuruh anak-anaknya menegakkan solat, mengerjakan *amal makruf nahi mungkar* dan bersabar di atas segala musibah yang menimpa diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Surah Luqman 31: Ayat 18

وَلَا تُصَعِّرۡ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمۡشِ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَرَحًاۖ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخۡتَالٖ فَخُورٖ ١٨

Terjemahannya:

18. Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri (Quran In MsWord, 2013).

Intipati Kandungannya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ayat 18 menceritakan bagaimana Luqman menegaskan kepada anak-anaknya supaya tidak bersikap angkuh dan sombong iaitu memalingkan muka dari manusia kerana sombong dan tidak berjalan di muka bumi dengan angkuh kerana sikap tersebut tidak disukai oleh Allah.

Surah Luqman 31: Ayat 19

وَٱقۡصِدۡ فِي مَشۡيِكَ وَٱغۡضُضۡ مِن صَوۡتِكَۚ
إِنَّ أَنكَرَ ٱلۡأَصۡوَٰتِ لَصَوۡتُ ٱلۡحَمِيرِ ١٩

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terjemahannya:

19. Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai (Quran In MsWord, 2013).

Intipati Kandungannya:

Ayat 19 menceritakan bagaimana Luqman menasihati anak-anaknya supaya bersikap bersederhana atau pertengahan dalam segala hal seperti sederhana dalam berjalan dan bertutur dengan sopan dalam kehidupan seharian.

Walaupun pengajaran yang diperoleh daripada intipati kandungan dalam Surah Luqman ini merangkumi 13 ayat namun dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada terjemahan dan penjelasan tiga ayat iaitu dari ayat 14, 18, dan ayat 19 sahaja kerana hanya tiga ayat berkenaan sahaja daripada surah tersebut yang berkaitan dengan pendidikan akhlak. Ketiga-tiga ayat tersebut menjadi intipati kandungan utama dalam Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) yang dibina.

2.11 Modul-modul Lepas Berkaitan Surah Luqman

Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan, pengkaji mendapati Surah Luqman telah dirujuk dan mendasari beberapa kajian terdahulu terutamanya dalam bidang Pendidikan Islam seperti kajian oleh Abdul Rashid (1996) yang bertajuk Pendidikan Islam KBSM: Satu Analisis dari Perspektif Pendidikan Luqman diikuti dengan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Kamarul Ariffin (1998) yang mengkaji perkaitan antara konsep pendidikan dalam Surah Luqman dengan kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang penekanannya diberikan kepada ayat 12 hingga 19 dalam Surah Luqman. Malah kajian berkaitan Surah Luqman sebagai model pengajaran juga banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji di Indonesia sebagai contoh kajian oleh Sardiman (2006) yang bertajuk Telaah Model Pendidikan Luqman Al-Halim di dalam Al-Quran.

Kajian bertajuk Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Luqman yang dijalankan oleh Rosnaaini, Suhanim dan Syahrul Faizaz (2004) pula telah memberi fokus kepada bidang pendidikan keibubapaan. Kajian seumpamanya juga dijalankan oleh Fauziah Hanim, Nazariah dan Ibrahim (2010) yang bertajuk Pembangunan Modul Keibubapaan Berkonsepkan Pendidikan Al-Luqman : Kajian Dalam Kalangan Keluarga Muslim di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian oleh Wan Nurulhuda (2011) yang bertajuk Metodologi Pendidikan Anak Menurut Surah Luqman. Pengkaji mendapati kesemua kajian tersebut lebih berfokus kepada aspek keibubapaan, bidang kaunseling dan kaedah pendidikan yang wajar dilaksanakan oleh ibu bapa dan pendidik-pendidik pada peringkat remaja atau sekolah menengah. Kesemua kajian tersebut tidak melibatkan tingkah laku kanak-kanak yang dikaji pada peringkat PAKK walhal umum mengetahui bahawa apa jua bentuk pendidikan yang ingin diberikan harus dimulakan dari peringkat paling asas.

Walaupun semua pihak sedia maklum tentang kepentingan Pendidikan Islam dalam PAKK namun, permasalahan besar yang timbul dalam kalangan pendidik ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekurangan modul yang boleh dijadikan panduan untuk menyampaikan isi kurikulum dalam bentuk pengajaran secara efektif. Modul pendidikan yang sesuai sangat diperlukan bagi merealisasikan matlamat FPK yang menjadi hasrat negara sekali gus menjadi harapan para pendidik dan ibu bapa dalam menangani isu dan permasalahan yang dihadapi pada masa kini.

Modul lain yang boleh dikaitkan dengan Surah Luqman juga telah dihasilkan oleh sekumpulan penyelidik dari Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) yang diketuai oleh Riduan Khairi yang bertajuk Modul Menjadi Pendidik Cemerlang Berdasarkan Surah Luqman sekitar tahun 2006. Modul tersebut diaplikasikan dalam bentuk ceramah kepada kalangan pendidik di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Walaupun modul tersebut digunakan dalam bidang pendidikan dan kependidikan namun, ia tetap tidak berfokus sebagai panduan untuk pendidik sebaliknya sebagai panduan kepada penceramah. Modul tersebut juga disasarkan kepada pendidik sekolah rendah bukan pendidik awal kanak-kanak (prasekolah dan TASKA).

Di Malaysia, panduan yang khusus pengajaran Pendidikan Islam dalam bidang PAKK yang merujuk kepada Surah Luqman masih belum dikaji secara meluas. Oleh yang demikian, usaha untuk membina modul pendidikan yang berpandukan surah tersebut amat penting agar tidak terus tersasar dari tujuan pendidikan yang sepatutnya. Menurut Abdulrahman (1995), untuk memperoleh hasil yang sesuai dengan matlamat, metod pendidikan yang dihasilkan haruslah merupakan paduan antara aspek keilahian (ketuhanan) dan keilmiahan (akademik) sehingga dapat dijadikan pegangan para pendidik dalam membina umat manusia sebagai modal insan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model-model pendidikan Islam khususnya dalam bidang PAKK ternyata terlebih dahulu berada dalam dunia pendidikan. Model pendidikan menurut sunnah Rasulullah SAW ternyata unggul dan relevan untuk diteladani oleh semua (Imam Al-Ghazali, 2010; Huzaemah Tahido Yanggo, 2011). Begitu juga model pendidikan yang disampaikan oleh Luqman al Hakim. Hasil Kajian Fauziah Hanim, Nazariah, Ibrahim dan Melati (2014) mendapati empat dimensi yang dikupas menerusi Surah Luqman (Surah 31; ayat 12-19) dalam Al-Quran iaitu dimensi akidah, ibadah, akhlak dan dakwah. Kesesuaian model pendidikan Luqman dalam bidang ilmu seperti pendidikan keibubapaan tidak dapat disangkal lagi.

2.12 Keperibadian Luqman Al-Hakim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keistimewaan peribadi Luqman al-Hakim tidak dapat disangkalkan lagi apabila Allah SWT mengangkat martabat Luqman sebagai tokoh dalam pendidikan dengan menamakan salah satu surah iaitu Surah Luqman dalam Al-Quran bersempena dengan nama Luqman.

Allah telah menjelaskan di dalam Al-Quran bahawa Luqman telah dikurniakan Allah hikmat yang isi kandungan dan tujuannya ialah supaya bersyukur kepada Allah seperti dalam firmannya yang bermaksudnya “dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hikmat kepada Luqman (dia berkata). Bersyukurlah kepada Allah” (Surah Luqman 31: 12) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat beberapa perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai Luqman al-Hakim yang disebut oleh Allah SWT di dalam Al-Quran dan perkara yang sama disebut juga oleh Rasulullah SAW menerusi beberapa hadis. Menurut Syarif Hade Masyah (2010), Luqman adalah seorang tokoh keibubapaan yang disebut Allah dalam Al-Quran. Luqman juga adalah tokoh sejarah masa lalu yang nama dan hikmahnya masih dikenang sehingga kini. Rosnaaini Hamid dan Suhanim Abdullah (2012) pula merumuskan bahawa Luqman merupakan insan biasa yang menjalani kehidupan dengan penuh tekun dan tabah serta sangat mencintai ilmu dan kehidupan suci. Keperibadiannya bersifat zuhud, rendah diri dan sangat bersyukur.

Menurut Al- Shaukani (1993) dalam Rosnaaini dan Suhanim (2012), nama Luqman ialah Luqman bin Ba'uran bin Nahur bin Tarakh, atau Luqman bin 'Unqan bin Marwan yang hidup pada zaman Nabi Daud. Pendapat lain menyebut Luqman adalah anak kepada Faghur bin Nakhur bin Tarikh (Azar), dengan demikian itu Luqman adalah anak saudara kepada Nabi Ibrahim a.s.; atau dikatakan juga Luqman itu anak saudara kepada Nabi Ayub a.s. Diriwayatkan juga bahawa Luqman telah hidup lama sampai seribu (1,000) tahun sehingga dapat menemui zaman kebangkitan Nabi Daud a.s. (bahkan dia juga pernah menolong Nabi Daud a.s. dengan memberikan kepadanya hikmah atau kebijaksanaan. Luqman pernah menjadi Kadi, yakni hakim, untuk mengadili perbicaraan kaum Bani Israel.

AI-Allahamah AI-Alusy berkata: "Kebanyakan pendapat mengatakan bahawa beliau hidup di zaman Nabi Daud a.s." Katanya lagi: "Orang juga berselisih pendapat, adakah beliau seorang yang merdeka atau seorang hamba? Kebanyakan pihak mengatakan beliau adalah seorang hamba Habsyi". Dipetik dari Ibnu 'Abbas katanya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Luqman bukanlah seorang nabi mahu pun raja tetapi beliau hanyalah seorang pengembala ternakan yang berkulit hitam. Lalu Allah telah memerdekakannya dan sesungguhnya Dia redha dengan segala kata-kata dan wasiat Luqman. Maka kerana itu, kisah ini diceritakan di dalam AI-Quran agar kita semua dapat mengambil pedoman dan berpegang dengan wasiat-wasiatnya."

Menurut Syarif Hade Masyah (2010), Ibnu Kathir pernah berkata: 'Ulama' salaf berselisih pendapat tentang diri Luqman; adakah dia seorang nabi atau pun seorang hamba yang soleh tanpa taraf kenabian? Di antara dua pendapat ini, kebanyakan mereka berpegang dengan pendapat yang kedua.' Para ulama' semuanya sepakat mengatakan Luqman itu seorang bertaraf wali dan Ahli Hikmah (bijak bistari), bukan seorang nabi, kerana lafaz hikmah dalam ayat di atas dimaknakan 'kenabian'. Dan dikatakan juga apabila Luqman disuruh memilih antara hikmah (kebijaksanaan) dengan Nubuwwah (kenabian), dipilihnya Hikmah. Di antara para ulama tersebut ialah seperti Mujahid, Sa'id bin AI-Musayyab dan Ibnu Abbas. Wallahu A'lam.

Ibnu Kathir ada menyebutkan di dalam kitab sejarahnya: "Beliau ialah Luqman bin Unqaa' bin Sadam." Diceritakan dari As-Suhaili, dari Ibnu Jarir dan AI-Qutaibi: "Beliau ialah Luqman bin Tharan". Dikatakan bahawa beliau ialah anak kepada AI- Baura'. Ibnu Ishaq ada menyebutkan beliau ialah Luqman bin AI Baura' bin Tarikh iaitu Aazar Abu Ibrahim AI-Khalil.

Adalah diceritakan, bahawa Luqman telah tidur di tengahari lalu kedengaran suara memanggilnya: "Hai Luqman! Mahukah kalau Allah jadikan engkau seorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Khalifah di bumi yang memerintah manusia dengan hukuman yang benar?" Dijawabnya: "Kalau Tuhanku menyuruh pilih, akan saya pilih 'Afiat (selamat) dan saya tidak mahu bala (ujian). Tetapi kalau saya ditugaskan juga saya akan turut kerana saya tahu bahawa Allah Taala kalau menetapkan sesuatu kepada saya pasti Dia menolong dan memelihara saya". Kemudian dikatakan para malaikat pula bertanya: "Hai Luqman! Adakah engkau suka diberi Hikmah?" Dijawabnya: "Sesungguhnya seorang hakim kedudukannya berat, dia akan didatangi oleh orang-orang yang teraniaya dari segenap tempat".

Sekiranya hakim adil, maka akan selamat tetapi jika sebaliknya, tersalah jalan maka tersalah pula jalannya ke neraka. Siapa yang keadaannya hidup di dunia, itu lebih baik daripada dia menjadi mulia. Dan siapa yang memilih dunia lebih daripada akhirat, akan terfitnah oleh dunia dan tidak mendapat akhirat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Para malaikat pun takjub mendengarkan kebijaksanaan kata-katanya itu. Apabila Luqman tertidur semula, dia dikurniakan hikmah, lalu terjaga dan berbicara dengan kata-kata yang berhikmah selepas itu. Juga diriwayatkan bahawa Luqman itu seorang hamba bangsa Habsyi, kerjanya sebagai tukang kayu, tukang jahit dan seorang penggembala kambing. Apabila bertemu dengan seorang lelaki dia bercakap dengan penuh hikmah, sehingga orang lelaki itu takjub lalu berkata: "Bukankah engkau seorang penggembala kambing?" Dijawabnya: "Benar!" Lalu ditanya orang lelaki itu lagi: "Bagaimana engkau telah dapat mencapai kedudukan engkau yang begini (bijak bestari)?". Luqman menjawab: "Saya mendapatnya dengan bercakap benar, memelihara amanah dan tak ambil tahu apa yang bukan urusan saya".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ada juga diriwayatkan bahawa Luqman berasal dari Sudan/ Mesir, berkulit hitam, bibirnya tebal dan kulit kakinya pula retak-retak. Juga dikatakan bahawa sebaik-baik orang dari benua Afrika itu adalah 3 orang, iaitu: Bilal bin Robah, Mahja' (yakni hamba sahaya Sayidina Umar ibn Khattab) dan Luqman al-Hakim. Orang yang ke empat pula ialah an-Najasyi (Raja Habsyah yang beriman di zaman Nabi Muhammad SAW).

Ibnu Qutaibah berkata: "Luqman adalah seorang hamba Habsyi kepada seorang lelaki dari kalangan bani Israil. Kemudian beliau dibebaskan dan diberikannya harta". Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a., dia telah berkata: Rasullullah s.a.w. pernah bersabda: "Adakah engkau semua tahu siapakah dia Luqman? "Mereka pun menjawab: "Allah dan Rasul-Nya sahaja yang lebih tahu." Baginda bersabda: "Dia adalah seorang Habsyi". Pendapat yang mengatakan dia adalah seorang habsyi, adalah dari lbnu Abbas dan Mujahid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

As-Suhaili berkata: "Luqman adalah Naubah dari penduduk Ielah (Sebuah bandar di tepi laut merah)". Demikian juga dipetik oleh Qatadah, dari Abdullah bin Az-Zubair: Aku telah bertanya kepada Jabir bin Abdullah: "Apakah cerita terakhir yang sampai kepadamu tentang perihal diri Luqman?. "Jabir menjawab: "Dia adalah seorang yang pendek, pesek hidungnya dari keturunan Naubah." lanya juga sebagaimana yang disebutkan dari Sa'id bin AI¬ Musayyab, katanya: "Luqman adalah dari Sudan, Mesir."

AI-Hassan AI-Basri pula berkata: "Luqman telah membina sebuah singgahsana di Ramlah, Syam. Pada masa itu, tempat tersebut masih lagi belum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibangunkan. Dia berada di sana sehinggalah Ianjut usianya dan meninggal dunia". Ibrahim bin Adham berkata: "Aku telah diberitahu bahawa kubur Luqman adalah di antara Masjid Ar-Ramlah dan tempat didirikan pasar pada hari ini. Di tempat tersebut terdapat 70 kubur nabi-nabi sebelum Luqman".

Dilaporkan juga, bahawa Luqman adalah seorang mufti sebelum Nabi Daud a.s dibangkitkan. Apabila baginda diutuskan kepada umatnya, Luqman berhenti dari memberikan fatwa. Ada orang bertanyakan; padanya tentang hal itu lalu dia pun berkata: "Adakah aku tidak mahu berhenti apabila aku telah merasa cukup?!! ", Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, dari Mujahid: "Beliau adalah seorang Qadhi di kalangan kaum bani Israil di zaman Nabi Daud a.s".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Demikian, pengenalan kepada keperibadian Luqman al-Hakim. Tidak kira siapa pun beliau, apa yang penting beliau adalah seorang tokoh yang mempunyai hikmah kebijaksanaan. Kata-kata beliau disebut sebagai wasiat dan diberkati Allah sehingga dirakamkan di dalam Al- Quran. Pengkaji tertarik dengan keperibadian unggul yang digambarkan terdapat pada diri Luqman al-Hakim sehingga kisahnya dirakamkan oleh Allah SWT sebagai satu surah yang dinamakan sebagai Surah Luqman di dalam Al-Quran.

2.13 Metodologi Pendidikan Luqman

Rosnaaini dan Suhanim (2008; 2012) sepakat menyatakan bahawa metodologi pendidikan Luqman al-Hakim selari dengan kehendak dan matlamat ajaran Islam. Pendidikan Luqman merupakan salah satu model pendidikan Islam yang baik dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berjaya. Kaedah pengajaran dan persembahan isi pendidikan Luqman tersusun rapi, mengikut urutan, mantap dan sangat menarik sebagai strategi yang berkesan untuk mendidik kanak-kanak. Metodologi pendidikan Luqman juga mencakupi pelbagai bidang dan sangat sempurna.

Menerusi Surah Luqman di dalam Al-Quran secara tidak langsung, Allah memerintahkan manusia supaya bersyukur kepada Allah sebagai mencontohi Luqman al-Hakim yang telah dipilih untuk mengemukakan kisahnya dan perkataannya. Di samping bimbingan secara tidak langsung ini terdapat pula satu bimbingan yang lain, iaitu kesyukuran kepada Allah merupakan satu bekalan yang berguna kepada orang yang bersyukur, sedangkan Allah terkaya darinya. Allah itu terpuji dengan zatNya walaupun tidak dipuji oleh sesiapa pun dan makhlukNya. Pendidikan yang diperkenalkan oleh Luqman menjadi mantap kerana menepati sasaran pendidikan yang menggunakan metodologi pendidikan yang ideal. Kecemerlangan pendidikan beliau lantaran kedapatan beberapa ciri penting yang tidak boleh dinafikan iaitu pendidikan aqidah, akhlak dan ibadah.

Luqman al-Hakim telah mengutarakan sebuah pendidikan yang baik selaras dengan objektif pendidikan Islam. Beliau telah mengemukakan kaedah pengajaran dan persembahan isi pendidikan yang tersusun rapi, mengikut urutan, mantap serta sangat menarik. Metodologi pendidikan yang dikemukakan oleh Luqman al-Hakim menekankan perkara suruhan dan larangan, yang diiringi pula dengan alasan yang munasabah. Aspek suruhan meliputi asas kesempurnaan beragama, kepercayaan kepada hari akhirat dan keutamaan berakhlak mulia. Sementara aspek larangan pula merangkumi larangan syirik dan sifat sombong.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Luqman al-Hakim juga mengetengahkan pelbagai bentuk nasihat dalam usaha mendidik anak-anaknya. Nasihat Luqman al-Hakim yang indah dan penuh kesopanan menyebabkan anak-anaknya tertarik serta mudah patuh kepada segala suruhan dan larangannya. Nasihat beliau juga menggunakan pelbagai gaya bahasa seperti bahasa seruan, bahasa kiasan dan bahasa isyarat untuk memantapkan pendidikan beliau. Proses mendidik anak-anak amat berkait rapat dengan sifat dan ilmu yang dimiliki oleh para ibu bapa. Luqman al-Hakim berjaya mendidik anak-anaknya kerana beliau mempunyai sifat syukur iaitu satu perkara yang sangat dituntut oleh Allah S.W.T. Hikmah yang diperolehi oleh Luqman al-Hakim juga telah berjaya membentuk beliau menjadi seorang mukmin yang sejati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, pengkaji memilih elemen pendidikan akhlak berdasarkan Surah Luqman dalam kajian ini memandangkan metodologi pendidikan Luqman yang disarankan amat sesuai digarap sebagai kandungan dan metodologi utama dalam MPAL. Metadologi yang dipilih juga amat tetap dan bersesuaian dengan kumpulan sasaran iaitu kanak-kanak dan matlamat pengajaran iaitu membentuk tingkah laku positif kanak-kanak.

2.14 Tingkah Laku Positif Kanak-kanak

Tingkah laku kanak-kanak adalah sesuatu yang abstrak dan sering berubah. Ini menyebabkan orang dewasa sukar memahami apatah lagi mengawal dan menanganinya. Namun begitu, tingkah laku kanak-kanak boleh dibentuk dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimodifikasi agar dapat disesuaikan mengikut aras keperluan dan kehendak majoriti dalam konteks moral dan sosial sesuatu kelompok manusia. Perubahan tingkah laku membuktikan bahawa sesuatu pembelajaran telah dikuasai menerusi pengajaran yang berkesan. Dalam hal ini, tingkah laku kanak-kanak sebenarnya boleh dijangka berdasarkan pendidikan yang diterima oleh mereka.

Hassan Langgulung (1997) mendefinisikan pendidikan sebagai kaedah yang merubah dan memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu melalui pelbagai proses dan cara bagi melahirkan manusia yang bertanggungjawab dan berbakti kepada Allah. Sehubungan dengan itu, Mazidah Muhammad dan Noor Hisham Md Nawi (2011) menyarankan asas-asas pendidikan kepada kanak-kanak termasuk asas pembinaan sosialisasi kanak-kanak menurut Al-Quran dan Sunnah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tingkah laku kanak-kanak dibahagikan kepada dua iaitu tingkah laku prososial dan tingkah laku antisosial. Tingkah laku prososial merangkumi tingkah laku altruistik iaitu perasaan empati kanak-kanak yang boleh dikenalpasti seawal usia setahun. Tingkah laku anti sosial pula merujuk kepada tingkah laku agresif, intrusif, disruptif, asertif dan suka mengawal orang lain atau pun melakukan keganasan yang boleh mencederakan orang lain (Mazidah dan Noor Hisham, 2011).

Di dalam Panduan Pelaksanaan Aktiviti Anak PERMATA (2010), terdapat sebanyak 21 ciri kanak-kanak yang berusia tiga hingga ke empat tahun disenaraikan khususnya bagi Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi dan Kerohanian.

Antaranya ialah kanak-kanak:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. mula menyedari diri sebagai seseorang individu dan sebahagian daripada masyarakat,

ii. mempelajari cara untuk mengawal diri (disiplin) dengan bantuan dan bimbingan pendidik atau penjaga.

iii. boleh menyesuaikan diri dalam keluarga dan ketika bermain bersama kawan,

iv. mula membina perhubungan positif dengan kanak-kanak yang lain dan orang dewasa yang dirasakan selamat,

v. boleh bekerjasama semasa bermain, menunggu giliran dan berkongsi , mengikut peraturan,

vi. mula mempengaruhi rakan dari segi sikap dan imej diri dan menunjukkan nilai-nilai diri dan keperibadian yang ditiru dari orang lain.

Ciri-ciri ini harus disesuaikan dengan kaedah pengajaran yang tepat agar pendidikan menjadi lebih berkesan dan bermakna kepada kanak-kanak. Oleh itu, MPAL yang dibina mengambil kira ciri-ciri kanak-kanak seperti yang digariskan dalam Panduan Pelaksanaan Aktiviti PERMATA sebagai indikator tanpa mengenepikan tingkah laku-tingkah laku yang lazim ditunjukkan oleh kanak-kanak yang berusia tiga hingga empat tahun.

2.14.1 Berbuat baik kepada ibu bapa

Berbuat baik kepada ibu bapa dikategorikan dalam hubungan dengan manusia. Hubungan manusia sesama manusia juga dititikberatkan dalam pendidikan Luqman al- Hakim. Kaedah pendidikan untuk berhubung sesama manusia yang dilaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Luqman mencakupi dua aspek utama iaitu berbuat baik kepada ibu bapa dan berakhlak mulia kepada masyarakat (Rosnaaini dan Suhanim, 2012). Pendidikan pertama yang ditekankan oleh Luqman dalam hubungan sesama manusia ialah berbuat baik kepada kedua ibu bapa.

Firman Allah SWT dalam Surah Luqman, ayat 14;

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَٰلُهُۥ فِي عَامَيْنِ أَنِ ٱشْكُرْ لِي وَلِوَٰلِدَيْكَ إِلَيَّ ٱلْمَصِيرُ ١٤

Terjemahannya:

Dan kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir sususnya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua iu bapamu; (Ingatlah) kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan) (Surah Luqman, 31:14).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tafsir *Fi Zilalil Qur'an* (2000) menterjemahkan bahawa di bawah bayangan nasihat bapa kepada anak, Al-Quran menjelaskan hubungan di antara dua ibu bapa dan anak-anak dengan *uslub* yang amat halus. Ia menggambarkan hubungan itu dengan satu gambaran yang menarik, penuh mesra dan lemah lembut, namun demikian hubungan aqidah tetap diutamakan dari hubungan darah yang erat itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penjelasan tentang berbuat baik atau berbakti kepada kedua ibu bapa dikaitkan dengan konteks kehidupan sebenar. Ibu bapa selalu mengutamakan sepenuhnya menjaga dan mengorbankan segalanya untuk anak-anak sedangkan anak-anak sering terlupa tentang kewajiban berbuat buat baik kepada ibu bapa sebaliknya mengarah perhatian mereka ke hadapan (Ibrahim, 2010).

Berbuat baik kepada ibu bapa mencakupi tiga perkara iaitu melalui perbuatan, sikap dan ucapan. Justeru, taat dan patuh kepada ibu bapa merupakan salah satu kewajiban utama manakala derhaka kepada keduanya tergolong sebagai dosa besar. Anak-anak yang baik akan sentiasa berbuat baik dan membahagiakan ibu bapa. Mereka akan sentiasa mendoakan agar kedua ibu bapa mereka sentiasa dikasihani oleh Allah SWT sebagai mana mereka dikasihani oleh ibu bapa mereka sejak dari kecil lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, tingkah laku berbuat baik kepada kedua ibu bapa ini dijadikan tajuk kandungan utama dalam MPAL. Pengkaji akan menyesuaikan kandungan surah dan terjemahannya agar dapat difahami oleh pendidik dan memilih aktiviti yang sesuai untuk dididik kepada kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun.

2.14.2 Rendah hati - tidak sombong

Istilah rendah hati atau *tawwadduk* adalah istilah yang berlawanan dengan sifat sombong atau *takbur*. Pengkaji menggunakan istilah ini bagi menerapkan tingkah laku positif berbanding dengan sifat sombong yang menampakkan ciri negatif. Sifat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sombong ditakrifkan sebagai memperkecilkan orang lain dan menolak kebenaran yang berpunca daripada kekaguman pada diri sendiri.

Dalam erti kata lain seseorang yang sombong akan berlagak dengan merasakan dirinya hebat berbanding orang lain. Seburuk-buruk sifat sombong ialah sombong kepada Allah SWT dan rasulNya. Sifat sombong adalah sifat yang dimurkai Allah SWT. Luqman memberi peringatan kepada anaknya agar berhati-hati dengan sifat sombong kerana sifat tersebut akan mengundang kemurkaan Allah SWT.

Melalui Surah Luqman, ayat 18 Allah telah berfirman;

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي ٱلْأَرْضِ مَرَحًا ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ١٨

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terjemahannya:

Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak suka orang yang sombong dan membangga-banggakan diri (Surah Luqman, 31:18).

Selanjutnya Ibrahim (2010) menyatakan bahawa sifat sombong menjadi penghalang syurga kerana sombong menghalang seseorang dari akhlak mukmin yang mengasihi orang lain, bersikap rendah hati, meninggalkan sikap hasad, dengki dan menahan amarah, menerima nasihat dan terhindar dari celaan orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, pengkaji memilih sifat rendah hati dalam kajian ini agar kanak-kanak dapat dididik dengan tingkah laku yang positif seterusnya dapat mencerminkan akhlak yang baik lagi disukai oleh Allah SWT.

2.14.3 Bersederhana

Luqman al-Hakim mendidik anaknya agar mengutamakan sifat sederhana dalam menunaikan setiap tanggungjawab dan urusan dunia. Titik fokus pendidikan Luqman ialah usaha menanam sifat sederhana dalam jiwa anaknya dilihat melalui gaya berjalan. Rosnaaini dan Suhanim (2012) menyebut Luqman menjelaskan cara berjalan yang sesuai ialah dengan gaya sederhana. Seperti yang disebut menerusi firman Allah SWT dalam Surah Luqman, Ayat 19;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

وَٱقۡصِدۡ فِي مَشۡيِكَ وَٱغۡضُضۡ مِن صَوۡتِكَۚ إِنَّ أَنكَرَ ٱلۡأَصۡوَٰتِ لَصَوۡتُ ٱلۡحَمِيرِ ١٩

Terjemahannya:

Dan sederhanakanlah dalam gaya berjalanmu, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai (Surah Luqman, 31:19).

Maksud sederhanakanlah dalam gaya berjalan tersebut ialah tidak berjalan lambat seperti orang lemah dan tidak pula terlalu cepat seperti orang yang tergopoh-gapah. Kesederhanaan melangkah sewaktu berjalan menggambarkan ketenangan jiwa dan kesopanan tingkah laku. Sifat tenang dan sopan santun merupakan budi pekerti mulia yang sangat dituntut oleh Islam (Rosnaaini dan Suhanim, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, pengkaji cuba menerapkan kaedah berjalan yang dianjurkan oleh Luqman melalui aktiviti yang dicadangkan dalam MPAL yang dibina. Latihan berjalan ini dilakukan berulang kali dengan cara yang menyeronokkan agar kanak-kanak akan terlazim dengan pembentukan tingkah laku positif ini.

2.14.4 Bertutur secara sopan

Pada masa kini, para pendidik sering kali berhadapan dengan tingkah laku kanak-kanak yang berbahasa kasar dan tidak sopan. Kanak-kanak yang di awal usia pun didapati sudah mula menggunakan bahasa-bahasa kesat malah bahasa lucah dalam pertuturan seharian mereka. Perkara seperti ini tidak sepatutnya dibiarkan berlaku dalam konteks masyarakat. Individu di sekeliling kanak-kanak seperti ibu bapa, ahli keluarga, rakan-rakan dan pendidik seharusnya berperanan sebagai *role model* kepada kanak-kanak bukan sahaja dari segi perlakuan tetapi juga melalui pertuturan.

Pertuturan dan percakapan juga merupakan perilaku lahir yang menjadi ukuran budi pekerti seseorang. Oleh itu, tingkah laku bertutur secara sopan dipilih sebagai tingkah laku positif yang diukur dalam kajian ini selari dengan pendidikan yang yang menitikberatkan tentang budi pekerti dan akhlak mulia yang dianjurkan oleh Luqman semasa memberi pengajaran kepada anaknya. Luqman telah menggunakan gaya bahasa yang lembut dan sopan terhadap anaknya. Malah beliau sentiasa menasihati anaknya supaya bertutur dengan suara yang lembut, tidak keras dan tidak terjerit-jerit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini terkandung dalam firman Allah SWT ayat 19, Surah Luqman:

وَٱقۡصِدۡ فِي مَشۡيِكَ وَٱغۡضُضۡ مِن صَوۡتِكَۚ إِنَّ أَنكَرَ ٱلۡأَصۡوَٰتِ لَصَوۡتُ ٱلۡحَمِيرِ ١٩

Terjemahannya:

Dan sederhanakanlah dalam gaya berjalanmu, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai (Surah Luqman, 31:19).

Selain itu, merendahkan suara dan bertutur secara sopan menggambarkan keyakinan terhadap diri sendiri tentang apa yang diucapkan adalah benar dan bernas. Hanya orang-orang yang biadab sahaja yang bercakap dengan suara yang keras dan menggunakan bahasa yang kesat. Seburuk-buruk suara yang dituturkan diumpamakan seperti suara keldai. Maka dengan itu, wajarlah kanak-kanak dididik agar bertutur dengan sopan dalam kehidupan seharian mereka.

Keempat-empat tingkah laku positif yang dibincangkan di atas merupakan konstruk atau tajuk-tajuk yang terkandung di dalam Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman. Isi kandungan modul diperincikan kepada dua aktiviti bagi setiap tajuk. Pengkaji yakin tingkah laku positif yang diharapkan dapat dibentuk dan ditunjukkan oleh kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.15 Kajian Luar Negara

Terdapat hanya segelintir pengkaji dari luar dan dalam negara yang mengkaji secara terperinci mengenai pendidikan akhlak berdasarkan Surah Luqman. Kebanyakan kajian lebih menjurus kepada perbincangan mengenai kepentingan pendidikan moral, pembentukan karakter dan penerapan nilai. Kajian-kajian yang berkaitan pendidikan awal kanak-kanak terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan kerohanian atau dalam pendidikan Islam pula kebanyakannya dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji Islam. Kajian-kajian yang mengkhusus kepada keperibadian dan metode nasihat yang disarankan oleh Luqman ketika mendidik anaknya ternyata masih kurang berbanding dengan kajian-kajian yang berkaitan dengan bidang pendidikan dan kemanusiaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, kebanyakan pengkaji lebih cenderung untuk mengkaji tentang kanak-kanak di peringkat prasekolah. Ini adalah kerana pendidikan prasekolah semakin mendapat perhatian masyarakat dunia. Aspek perkembangan kanak-kanak seperti perkembangan kognitif, fizikal, bahasa, emosi dan sosial menjadi pilihan para pengkaji. Amat sedikit dari kalangan pengkaji yang cenderung untuk mengkaji aspek spiritual atau kerohanian kanak-kanak apatah lagi aspek pendidikan akhlak. Hal ini, memberi cabaran kepada pengkaji dalam mendapatkan sumber rujukan.

Trenda pengkaji dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak juga dilihat semakin cenderung kepada kajian-kajian yang berbentuk kualitatif berbanding dengan kajian kuantitatif. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Jarvie (2012) membuktikan bahawa kerajaan di seluruh dunia telah mula memberi perhatian kepada bidang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PAKK. Penglibatan dan pelaburan dibuktikan dengan jelas melalui kajian-kajian kuantitatif berkaitan neurologi dan sosial memandangkan beberapa cabaran utama dalam PAKK hari ini memerlukan tumpuan terhadap pelaksanaannya. Oleh itu, pelbagai penyelidikan kualitatif diperlukan, termasuk pengetahuan tentang organisasi, tingkah laku, penglibatan ibu bapa, dan strategi untuk menjana sokongan untuk perubahan.

Sebagai contoh, Kajian Jarvie (2012) berkaitan dasar dan program yang melibatkan kanak-kanak minoriti etnik yang bertajuk *Qualitative Research In Early Childhood Education and Care Implementation,* menyimpulkan bahawa terdapat keperluan untuk pendidikan yang lebih sistematik. Pendekatan untuk menganalisis dan melaporkan pelaksanaan pendidkan awal kanak-kanak dan pengasuhan, di sepanjang garis pelaksanaan sains yang dibangunkan terutamanya dalam bidang kesihatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara yang sama dipersetujui oleh Mukherji & Albon (2010) dalam buku mereka yang bertajuk. *Research method in early childhood. An introductory guide*. Mereka mencadangkan kajian-kajian yang berkaitan bidang awal kanak-kanak sebaiknya dijalankan secara kualitatif berbanding kuantitatif. Kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian, kajian lapangan dan temu bual didapati amat sesuai untuk mengkaji fenomena yang berlaku terutama yang melibatkan kanak-kanak. Oleh yang demikian, wajarlah kebanyakan kajian-kajian lepas berkaitan bidang PAKK yang dirujuk menggunakan pendekatan kualitatif. Maka itu, pengkaji turut memilih pendekatan kualitatif dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian-kajian lepas dari luar negara banyak ditemui berkaitan pendidikan etika, dan moral, pembentukan nilai serta pembinaan karekter individu. Kebanyakan daripada kajian-kajian tersebut tidak terlepas dari membincangkan dari pelbagai sudut pendidikan, sosial dan budaya di samping berkait rapat dengan konteks agama di sesebuah negara. Pertembungan pandangan antara tokoh-tokoh Barat dan Timur juga dibincangkan dalam kebanyakan kajian yang berkaitan etika dan moral. Hal ini berlaku kerana hakikatmya, walaupun di bumi mana kita berada dengan kepelbagaian budaya dan agama, kesemuanya pegangan agama menuntut penganutnya agar bertingkah laku yang baik dan diterima sebagai beretika serta bermoral oleh masyarakat.

Sejak zaman Yunani dan Greek lagi, sistem etika telah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh falsafah seperti Plato dan Aristotle. Pun begitu, MacDonald (1905), dalam penulisannya bertajuk *The Moral Education of the young among Muslims*, mengakui tentang kehebatan ahli falsafah Islam iaitu Al-Ghazali (1058-1111) yang banyak membincangkan mengenai falsafah moral dan pendidikan akhlak melalui pelbagai risalah yang ditulis oleh beliau. Misalnya, subjek yang dikenali sebagai *ilr al-Akhiaq* yang bermaksud ‘sains watak-watak,’ merupakan terjemahan yang boleh diterima dari Greek. MacDonald (1905) bersetuju dengan pandangan Al-Ghazali bahawa takut kepada Allah adalah permulaan kebijaksanaan dari segala yang lain.

Ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW diakui benar dan sesuai diamalkan dalam kehidupan. Oleh itu, MacDonald (1905) bersetuju bahawa inilah permulaan dan asas semua pendidikan moral Islam dan jurnal etika dalam Islam. Latihan moral dan ketaatan beragama penting dalam kehidupan di dunia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua-duanya berjalan seiring disebabkan latihan moral merupakan prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan bagi perlakuan yang baik seterusnya membentuk akhlak dan keperibadian seseorang. Seorang kanak-kanak yang sentiasa diajar untuk menghormati ibu bapanya dengan mudah akan mempelajari makna dan nilai hormat, penghormatan, pengabdian, sebagai prinsip dalam kehidupan.

Kaedah didikan pada usia paling awal dan cara mendidik mereka dan mencantikkan watak-watak mereka yang diperkenalkan oleh Al-Ghazali. Menariknya, MacDonald (1905) menegaskan bahawa kaedah latihan yang diterapkan pada diri kanak-kanak sejak kecil adalah salah satu yang paling penting. MacDonald (1905) bersetuju dengan pandangan Al-Ghazali yang mengatakan bahawa anak-anak adalah amanah kepada ibu bapanya. Kanak-kanak memiliki hati yang bersihnya ibarat permata berharga, suci dan bebas dari segala ukiran atau bentuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain dari itu, Hunter (2009) telah membincangkan persoalan yang timbul mengenai peranan pendidik dalam pembentukan moral kanak-kanak. Penulisan artikel Brimi yang bertajuk *Academic Instructors or Moral Guides? Moral Education in America and the Teachers Dilemma.* menjelaskan bagaimana para guru di Amerika menghadapi dilema sebagai guru Pendidikan Moral. Umum mengetahui tentang status keruntuhan akhlak dalam kalangan rakyat Amerika yang semakin kritikal. Justeru, para pendidik tidak terlepas menjadi salah satu daripada faktor penyebab kepada gejala tersebut.

Menerusi artikel tersebut, Hunter (2009) meneliti peranan yang dimainkan oleh guru sebagai agen pembangunan moral pelajar Amerika. Secara historis, salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu tujuan pendidikan awam di Amerika telah menumpukan kepada perkembangan moral masyarakat. Bagaimana pun, golongan pendidik kini dibebani dengan akauntabiliti akademik ekoran daripada agenda negara yang berkaitan dengan dasar *No Child Left Behind.* Akibatnya, para pendidik harus menyeimbangkan antara mencapai standard akademik yang dapat diukur dengan membantu pembinaan karakter pelajar.

Hal yang hampir sama diperkatakan oleh Lickona (1993), melalui penulisannya bertajuk *The Return of Character Education.* Lickona memberikan tiga sebab Amerika perlu mengambil minat terhadap pembinaan karakter. Faktor pertama adalah kerana perpecahan keluarga. Beliau berhujah, "sekolah perlu mengajar nilai-nilai kerana anak-anak tidak diajar mengenai nilai di rumah" .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, beliau memberikan statistik secara terperinci yang menunjukkan kelakuan buruk remaja. Sebagai contoh, beliau mengutip satu kajian dari Kikuchi yang mendedahkan, dalam tinjauan ke atas seramai 2006 orang pelajar Gred Sembilan, dua pertiga daripada lelaki dan separuh daripada gadis itu merasakan ia "boleh diterima untuk lelaki memaksa seks ke atas seorang wanita" apabila terlibat dalam hubungan seks selama setengah tahun atau lebih.

Lickona (1998), menyamakan tingkah laku baik dengan tabiat; Dalam erti kata lain, tingkah laku ditanamkan secara kognitif. Beliau menyenaraikan tiga aspek psikologi watak atau karakter. Beliau menulis, watak mesti dikandung secara luas untuk merangkumi aspek kognitif, afektif, dan tingkah laku moral: pengetahuan moral, perasaan moral, dan tindakan moral. Ini bermakna seorang pelajar mesti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melakukan lebih daripada bertindak mengikut apa yang betul. Individu mesti tahu dan merasakan apa yang betul secara dalaman. Oleh itu, seseorang memerlukan lebih banyak pendekatan kognitif terhadap pendidikan moral dan watak daripada apa yang dicari oleh Amerika dalam 200 tahun yang lalu.

Akhirnya, Lickona menyeru usaha peningkatan dalam pendidikan karakter penting bagi sesebuah negara. Amerika perlu menyedari bahawa moraliti asas perlu dikongsi dan penting untuk kelangsungan hidup. Individu dewasa harus mempromosikan moraliti dengan mengajar golongan muda. Secara langsung dan tidak langsung, nilai-nilai seperti hormat-menghormati, bertanggungjawab, kepercayaan, keadilan, penyayang, dan nilai sivik yang baik. Nilai-nilai ini bukan sekadar sebagai keutamaan subjektif tetapi mempunyai nilai objektif dan tuntutan pada hati nurani secara umum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbanding dengan negara Barat yang lain, Britain sebagai contoh negara yang mempunyai peruntukan untuk pendidikan agama dan kewarganegaraan dalam Kurikulum Kebangsaannya (Jabatan Pendidikan dan Kemahiran, dan Lembaga Kualiti dan Kurikulum 2005). Jabatan Pendidikan dan Kemahiran dan Pihak Berkuasa Kualiti dan Kurikulum mempunyai kurikulum kebangsaan yang telah memberikan penekanan yang lebih besar ke atas pembangunan moral sejak krisis sosial pertengahan 1990-an (McCulloch dan Mathieson, 1995 dalam Hunter 2009).

Sistem British membahagikan kanak-kanak sekolah menjadi empat peringkat utama mengikut usia pelajar. Kurikulum ini termasuk seksyen yang dipanggil pendidikan karakter, sosial, dan kesihatan pada setiap peringkat utama. Pada setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahap, pelajar harus belajar untuk menangani tingkah laku, prasangka, buli, perkauman dan diskriminasi dengan tegas dan mengambil inisiatif dalam memberikan dan menerima sokongan dan belajar mengenai peranan dan tanggungjawab ibu bapa, dan kualiti keibubapaan yang baik dan nilainya kepada kehidupan keluarga (Jabatan Pendidikan dan Kemahiran, dan Kualiti dan Kurikulum, 2005, m.s 217). Penguatkuasakan mengenai standard ini dilakukan melalui pemeriksaan yang komprehensif dan laporan yang diterbitkan. Laporan naratif dari organisasi ini merangkumi kemajuan seluruh sekolah mengenai standard ini dan lain-lain.

Kesimpulannya, dilema asal yang dihadapi oleh para pendidik mengenai peranan sebagai guru akademik atau pembangunan moral pelajar mungkin boleh dirungkai dengan merujuk model pendidikan British. Ini tidak bermakna kita harus mempromosikan satu set piawaian untuk pendidikan moral, dan kita tentu tidak mahu membuat rubrik untuk mengukur piawaian tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Inggeris telah mengiktiraf beberapa ketidaksamaan yang wujud dalam masyarakat mereka.

Dari perspektif yang lain, seorang pengkaji muslim yang menetap di Amerika iaitu Ibrahim B. Syed (2009) menulis satu artikel yang bertajuk Mendidik kanak-kanak Islam: Cabaran dan peluang. Menerusi artikel tersebut, beliau berpandangan bahawa pendidikan adalah hak kelahiran setiap muslim dan muslimah. Islam meletakkan penekanan yang besar ke atas umatnya untuk memperoleh pengetahuan. Pelaburan di dalam pendidikan merupakan pelaburan terbaik bagi seseorang kerana akhirnya membawa kepada harta intelek. Hari ini, umat Islam di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seluruh dunia mempunyai kadar celik huruf yang paling rendah. Pendidikan kanak-kanak Islam di barat mempunyai kedua-dua peluang dan cabaran.

Pada perspektif dunia Barat, tujuan pendidikan adalah untuk mengadakan peruntukan bagi kemakmuran ekonomi negara. Pada abad ke-20, kerana penjajahan dan pengaruh Barat, ibu bapa Muslim tertumpu hanya kepada pendidikan sekular kepada anak-anak mereka. Umat Islam yang berhijrah ke negara-negara Barat menyedari identiti agama mereka dan mahu memberikan kedua-dua pendidikan Islam dan sekular, apa yang kini dikenali sebagai Pendidikan Bersepadu *(Integrated Learning).*

Mereka menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah awam pada minggu dan untuk sekolah-sekolah Islam di dalam masjid atau Pusat Islam pada hujung minggu. Selari dengan jumlah mereka yang semakin meningkat, mereka telah membuka sepenuh masa Sekolah Islam dari tadika (K gred) hingga gred 12 (tahun kanan atau akhir) di Sekolah Tinggi.

Di Amerika Utara sahaja, dianggarkan 300 Sekolah Islam berfungsi yang memberikan pendidikan bersepadu. Terdapat juga sepenuh masa beberapa sekolah Hifz di Amerika Utara mengeluarkan huffaz tempatan (jamak dari Hafeez-seorang ulama yang telah menghafal Al-Qur'an). Ia mengambil masa kira-kira dua hingga tiga tahun pengajian sepenuh masa untuk menjadi Hafeez.

Ibu bapa kanak-kanak Islam di Amerika menghadapi cabaran memilih sekolah yang sesuai untuk anak-anak mereka. Artikel Ibrahim, menganalisis pilihan ibu bapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat dalam menghantar anak-anak mereka ke sekolah awam, sekolah agama (*Islamic School*), atau *Home School*. kelebihan dan kekurangannya. Objektif yang paling besar pendidikan adalah untuk menyediakan kepimpinan dalam kalangan generasi muda. Tujuan pendidikan Islam ialah pembangunan karakter (Ibrahim B. Syed, 2009) .

Pertumbuhan dan pembangunan personaliti Islam perlu menjadi matlamat akhir mana-mana Sekolah Islam. Nilai-nilai Islam merupakan asas keperibadian Islam. Sebagai umat Islam matlamat pendidikan adalah untuk membangunkan personaliti anak-anak dengan tujuan supaya mereka akan menjadi sedar akan tanggungjawab mereka kepada Allah (Pencipta) dan kepada sesama manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap ibu bapa Islam adalah dinasihatkan untuk membesarkan anak-anak dengan baik dan betul. Sebahagian daripada tanggungjawab ibu bapa ialah menyediakan tempat tinggal yang selesa, penjagaan dan kasih sayang, menyediakan keperluan hidup dan pendidikan yang baik termasuk ajaran akhlak yang baik kepada anak-anak. Anak Muslim menyerap nilai-nilai Islam dari ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan, dan alam sekitar, termasuk penjaga melalui contoh tauladan dan nasihat yang baik.

Sehubungan dengan itu, ibu bapa perlu memilih sekolah yang sesuai untuk anak-anak mereka. Media audio-visual seperti televisyen, video, permainan video, filem, tekanan rakan sebaya memainkan peranan yang berkesan dalam memadamkan personaliti Islam yang sedang dibina dan faktor-faktor tersebut amat mudah mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan dari kajian yang dijalankan oleh Kim Suh dan Traiger (1999), ke atas 40,000 orang remaja di seluruh Amerika Syarikat mendapati, 80% daripada peserta kajian menyatakan bahawa ibu bapa mereka tidak menekankan tentang nilai-nilai baik di rumah. Sebaliknya, mereka percaya bahawa penerapan nilai merupakan tanggungjawab pihak sekolah. Sebahagian daripada mereka pula berpendapat bahawa adalah terlalau lewat sekiranya nilai-nilai baik di ajar pada usia remaja.

Pendidikan awal kanak-kanak di Finland agak berbeza berbanding di Amerika dan Britian. Haywood (2014) menjelaskan melalui penulisannya bertajuk *Finland's Approach to Child Care and Preschool Programs* bahawa Finland sepertinya melakukan keajaiban akademik di mana kanak-kanak mendapat markah bacaan, ujian matematik dan sains yang mengagumkan walaupun kanak-kanak ini tidak memulakan sekolah sehingga mereka berumur tujuh tahun. Walau bagaimanapun, umum mengetahui bahawa pendidikan di negara Finland amat baik kerana mempunyai program pendidikan awal yang memuaskan.

Menurut Chandler, menerusi artikelnya dalam *Washington Post*, menyatakan bahawa Finland bekerja untuk mengembangkan pendidikan awal melalui sistem penjagaan harian berorientasi secara akademik yang sudah banyak digunakan seawal usia sebelum kanak-kanak berumur enam tahun. Chandler menemu ramah Krista Kiuru, Menteri Pendidikan dan sains Finland, yang berada di sekolah-sekolah di sekitar Washington dan bertemu dengan pegawai pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kiuru menerangkan bahawa program prasekolah Finland mendaftarkan 98 % daripada kanak-kanak berumur enam tahun, dan anak-anak yang lebih muda (di bawah umur enam tahun) menghadiri program penjagaan harian. W. Steven Barnett, pengarah NIEER (Institut Penyelidikan Pendidikan Awal Nasional) melaporkan bahawa sangat jelas dari penyelidikan di Amerika Syarikat bahawa masalah dengan ketidaksamaan dan kegagalan sekolah ditetapkan ketika kanak-kanak mula memasuki alam persekolahan. Ini sebahagiannya kerana kanak-kanak berusia empat tahun yang paling miskin di Amerika Syarikat tidak mendaftar dalam program prasekolah.

Merujuk Barnett lagi, kanak-kanak akan berada dalam lingkup kegagalan, sekiranya kerajaan tidak melabur secara mencukupi sebelum mereka sampai ke tadika. Kata Barnett lagi, “kami pasti dapat belajar dari negara-negara seperti Finland”. Jika melabur dalam pendidikan awal kanak-kanak; di prasekolah dan penjagaan harian, akan membawa hasil yang lebih baik. Kiuru menyarankan "cara Finland", yang mewujudkan peluang prasekolah yang lebih inovatif dan bermakna kepada kanak-kanak.

Selain itu, terdapat satu lagi kajian yang mengemukakan pendekatan naratif untuk meneroka fungsi moral pengajar dalam prasekolah Finland. Kajian yang dilaksanakan oleh Puroila, A.M, & Haho, A. (2016). bertajuk *Moral Functioning: Navigating the Messy Landscape of Values in Finnish Preschool* mendapati secara teori terinspirasi oleh tanggapan yang diambil dari kajian feminis dan sosiobudaya, mengikut pendidikan sebagai fenomena moral sepenuhnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kerangka holistik, fungsi moral difahami sebagai konsep yang menyelaraskan pemikiran moral pendidik, tindakan mereka, keadaan, dan konteks budaya. Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan: Apakah fungsi moral yang muncul dari naratif pendidik dalam konteks prasekolah di Finland? Dapatan kajian yang dihasilkan dari empat temu bual kumpulan dan ditafsirkan melalui analisis naratif.

Hasil kajian mendedahkan bahawa terdapat empat lapisan moral yang berbeza, berkembang, bertindih, dan saling berkaitan dalam naratif pendidik. Apa yang berfungsi dalam konteks prasekolah; Apa yang memberi manfaat kepada manusia; Apa peraturannya; Dan apa yang mungkin dapat dicapai dalam kedudukan pendidik. Puroila dan Haho (2016). mengemukakan penemuan ini secara terperinci dan membincangkan implikasi teoretikal, metodologi, dan pedagogi yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Niemi, Toom, Kallioniemi, dan Ubani, (2016) melalui kajian mereka bertajuk *Religious Education in Finnish School System. Miracle of Education.The Principles and Practices of Teaching and Learning in Finnish Schools* pula mendapati bahawa pendidikan agama memberikan satu senario berbeza dalam sistem pendidikan di Finland. ‘Ciri Finland’ ini juga menjadikan Finland sebagai negara yang amat disegani dari aspek pendidikan.

Penyelesaian Finland dengan memasukkan pendidikan agama ke dalam sistem pendidikan awam adalah model yang unik jika kita bandingkan dengan penyelesaian yang digunakan di negara-negara Eropah yang lain. Di Finland, pendidikan agama diberikan berdasarkan agama murid sendiri. Model Finland ini mencadangkan idea

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat demokrasi, sivil, di mana kepercayaan, dan pandangan dunia boleh wujud bersama. Kurikulum pendidikan agama di Finland menekankan literasi keagamaan dan kecekapan agama. Selain itu, elemen-elemen warisan dan identiti kebudayaan turut dimasukkan ke dalam kurikulum. Murid-murid memerlukan kemahiran untuk dialog antara agama dan juga kemahiran untuk hidup dalam masyarakat berbilang agama.

Pendekatan Finland kepada pendidikan agama menekankan toleransi terhadap orang lain. Guru mata pelajaran Pendidikan Agama mempunyai pendidikan yang sangat baik, Mereka mempunyai ijazah sarjana dari sebuah universiti dan mereka juga layak mengajar beberapa mata pelajaran lain, biasanya psikologi. Walaupun pendidikan agama bukanlah subjek utama, namun ia mempunyai peranan dalam pendidikan komprehensif dalam menyokong pemupukan sikap murid dan pandangan dunia terhadap sekolah-sekolah di Finland. Dapatan kajian ini, menjelaskan bahawa pendidikan agama merupakan landasan utama yang menjamin kecemerlangan diri kanak-kanak dalam bidang akademik dan sahsiah.

Jika dilihat dalam konteks pendidikan di Timur pula, kajian-kajian terdahulu memperlihatkan kecenderungan para pengkaji mengaitkan pendidikan etika, moral, nilai dan akhlak dengan kepercayaan dan kepatuhan terhadap tuntutan budaya dan agama. Mengambil contoh pendidikan awal kanak-kanak di negara Jepun, pengkaji mendapati penerapan nilai moral diterapkan kepada kanak-kanak seawal usia tiga tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai contoh, kajian disertasi yang ditulis oleh Poukka, P. (2011) yang bertajuk *Moral Education in the Japanese Primary School Curricular Revision at the Turn of the Twenty-first Century: Aiming at a Rich and Beautiful Kokoro* membincangkan mengenai Pendidkan Moral di sekolah rendah Jepun menjelang abad ke-21.

Kajian ini mengkaji nilai-nilai pendidikan di sekolah-sekolah Jepun pada permulaan milenium. Topik dibincangkan berdasarkan tiga persoalan kajian iaitu mengenai latar belakang kurikulum, moral yang disampaikan melalui buku teks dan pencirian pendidikan moral dari pandangan perbandingan. Data empirikal utamanya terdiri daripada garis panduan kurikulum kebangsaan untuk sekolah rendah, yang digunakan pada tahun 2002, dan teks-teks moral, *Kokoro no nôto*, diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan dalam konteks yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh kerana pendidikan moral didekati dalam konteks reformasi pendidikan, bahan penyelidikan menengah melibatkan beberapa dokumen utama proses semakan dari pertengahan tahun 1990-an hingga 2003. Bahan penyelidikan telah dikumpulkan selama tiga masa kerja lapangan di Jepun (pada tahun 2002, 2003 dan 2005) . Analisis teks dijalankan sebagai analisis kandungan kualitatif bergantung pada teori.

Pendidikan moral Jepun dianalisis sebagai hasil daripada tradisi kebudayaannya sendiri dan jawapan masyarakat terhadap cabaran pendidikan semasa. Untuk memahami perilaku yang lebih baik, pendidikan moral sekular dipantulkan dari sudut pandang perbandingan. Teori yang dipilih untuk kerangka perbandingan, nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teori realistik pendidikan, mewakili tradisi pendidikan rasional Eropah serta tradisi nilai pendidikan Kristian dibincangkan.

Pendidikan moral, yang menjadi subjek sekolah paling penting pada permulaan sekolah moden, telah dihapuskan dari kurikulum untuk alasan politik dalam pembaharuan sekolah selepas Perang Dunia Kedua, tetapi secara beransur-ansur mendapat kedudukan yang lebih kuat sejak itu. Ia diperkuat terutamanya pada permulaan milenium, apabila semakan kurikulum cuba menanggapi masalah pendidikan dan pembelajaran dengan menekankan aspek kualitatif dan nilai.

Walaupun bilangan pelajaran moral dan status mereka sebagai subjek bukan rasmi tetap tidak berubah, Kementerian Pendidikan telah berusaha untuk meningkatkan pendidikan moral dengan penekanan kurikulum baru, bahan pengajaran baru dan kemungkinan latihan latihan tambahan untuk guru. Kandungan teks moral diringkaskan dari segi tanggungjawab moral dalam empat bidang moral iaitu intrapersonal, interpersonal, natural-supranatural dan masyarakat.

Terdapat penekanan sosial emosi dan sosial dalam apa yang diajar. Otonomi moral, yang dipelajari dari perspektif perkembangan rasional, afektif dan individu, menegaskan kebebasan dalam tindakan melalui disiplin diri dan tanggungjawab yang lebih daripada arahan diri yang rasional. Pendidikan moral Jepun boleh dicirikan sebagai pendidikan *kokoro* (jantung) dan perkembangan karakter, yang timbul dari etika yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbeza dengan pendidikan moral di negara China, pengkaji mendapati bahawa di China, pendidikan moral adalah amalan untuk mempromosikan kecekapan moral remaja, terutamanya dalam memupuk penghakiman moral dan tingkah laku moral. Jianqiang Liang (2016) menerusi kajiannya menyebut bahawa di China, di bawah perkembangan pesat amalan kerja sosial di sekolah-sekolah, pendidikan moral dapat berfungsi sebagai titik kerjasama antara guru, kaunselor sekolah, pekerja sosial dan pembuat dasar untuk mempromosikan perkembangan moral, holistik dan kesihatan . Bagaimanapun, pendidikan moral belum dinilai dengan secara meluas dan sistematik. Terutamanya butiran mengenai dasar, kurikulum, buku teks, pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang relevan, pemeriksaan dan penilaian.

Kajian ini mengambil inisiatif dengan menjalankan kajian literatur yang komprehensif dan perbincangan teoritis mengenai subjek 'Pendidikan Moral dan Karakter' *(Sixiangpinde 思想 品德)* yang merupakan subjek pendidikan moral mandatori untuk pelajar-pelajar Gred 7-9 di sekolah menengah rendah di China. Ia juga memberikan pantulan dan cadangan tentang bagaimana subjek dan pendidikan moral dapat dipromosikan di bawah konteks promosi perkembangan holistik remaja dan penglibatan amalan kerja sosial.

Beralih kepada kajian-kajian yang dilakukan di negara-negara lain di Timur Tengah pula mendapati kebanyakan kajian tertumpu kepada pendidikan berkualiti menerusi amalan nilai murni dan akhlak mulia dalam kalangan muslim. Sebagai contoh, di Kuwait, kajian yang dilakukan oleh Al-Hooli dan Al-Shammari (2009), membuktikan bahawa pengamalan nilai murni adalah tinggi dalam kalangan kanak-kanak. Kajian yang melibatkan 600 orang kanak-kanak dan 11 orang guru sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peserta kajian memberikan jawapan bahawa nilai-nilai murni seperti kejujuran, berterima kasih, kesetiaan, keadilan, murah hati dan kesabaran adalah antara nilai-nilai yang diamalkan dalam kehidupan seharian kanak-kanak samada di rumah mahu pun di sekolah.

Di Pakistan, Sayyed Farooq Shah, Safdar Rehman Ghazi , Miraj-ud-Din, Saqib Shahzad, Irfan Ullah. (2015), melalui kajian mereka bertajuk *Quality and Features of Education in the Muslim World* pula mendedahkan kualiti pendidikan di dunia Islam dan cuba untuk memperjelas salah faham di Barat dan di dunia Islam mengenai pendidikan Islam. Ia juga cuba menonjolkan usaha para sarjana Islam dalam mengisi jurang antara mereka. Pendidikan di dunia Islam dan pendidikan Islam telah banyak mendapat perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh hubungan antara isu-isu dan kebimbangan untuk pembangunan dan keselamatan di dunia Islam dan seterusnya.

Artikel ini mendefinisikan pendidikan Islam, menyediakan analisis mendalam tentang sistem pendidikan dan pendidikan Islam di dunia Islam, menggunakan pendekatan analisis politik-sejarah, sosiobudaya, dan agama, dan mengenal pasti cabaran dalam meningkatkan pendidikan Islam. Kajian ini menyimpulkan dengan sintesis pendekatan dan strategi untuk meningkatkan pendidikan di sekolah Islam dunia Islam.

Di Asia Tenggara pula, pengkaji mengambil contoh beberapa kajian terdahulu dengan mengambil kira konteks budaya negara yang hampir menyamai negara Malaysia. Ini adalah kerana, isu pendidikan moral, nilai dan akhlak dalam bidang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan awal kanak-kanak berkait rapat dengan konteks budaya dan senario pendidikan di sesebuah negara.

Di Thailand, Pagorn Singsuriya, Wipada Aungsumalin, Seree Worapong. (2014) menerusi kajian mereka yang bertajuk *Narrative approach to moral education: A case of Thailand. Education,* membincangkan mengenai Akta Pendidikan Kebangsaan (1999), Pelan Kebangsaan Pendidikan, Agama, Kesenian dan Kebudayaan (2002-2013), dan Kurikulum Teras Pendidikan Asas (2008). Pendidikan moral diberikan peranan penting bukan sahaja dalam pembangunan manusia tetapi juga dalam bangunan kewarganegaraan dan penyelesaian masalah sosiopolitik. Thailand mempunyai takrifan Buddhis yang unik tentang pendidikan moral yang pendekatannya adalah campuran pendidikan agama dan perkembangan karakter yang sebahagiannya dinyatakan berkaitan dengan Teori Moral Kohlbergian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam usaha untuk mencari alternatif, pendekatan naratif berpengaruh dikaji dan kaedah naratif ditinjau. Kaedah yang boleh menampung pendidikan moral di Thailand, dan menyelesaikan beberapa masalahnya, adalah disyorkan. Keseluruhannya, kajian ini menggambarkan interaksi antara teori Barat dan amalan tempatan.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Montgomery (2014) yang bertajuk *Child prostitution as filial duty? The morality of child-rearing in a slum community in Thailand. Special Issue: 'The good child': Anthropological perspectives on morality and childhood,* memperlihatkan bahawa terdapat matlamat universal pemeliharaan anak, seperti kelangsungan hidup anak atau promosi kemampuan mereka untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyumbang kepada peningkatan ekonomi dan sosial. Namun, dalam keadaan tertentu ibu bapa dilihat menerapkan amalan pemeliharaan kanak-kanak yang secara aktif dan membahayakan kanak-kanak, mengancam kelangsungan hidup mereka dan menghalang keupayaan mereka untuk membesar menjadi ahli dewasa dewasa yang berkesan.

Artikel ini turut membincangkan isu-isu ini dalam kes satu kumpulan pelacur kanak-kanak di Thailand dan keluarga mereka pada satu ketika tertentu. Walaupun kerja yang mereka lakukan secara fizikal berbahaya dan sukar, kedua-dua ibu bapa dan anak-anak mendakwa bahawa keluarga mereka adalah penyayang dan berfungsi dan menjual seks adalah satu cara untuk menjaga keluarga bersama. Moraliti dilihat dari segi timbal balik daripada pelanggaran seksual dan artikel ini telah meneroka moraliti pemeliharaan kanak-kanak dalam konteks dan hubungan antara ahli keluarga. Kajian ini jelas membuktikan bahawa moral dalam kalangan kanak-kanak di Thailand seolah-olah sudah tiada nilainya.

Dalam konteks yang lain, Michael (2014), telah menjalankan satu kajian berkaitan keberkesanan kurikulum Buddha, Kristian, Islam dan sekular dalam menghasilkan watak moral di peringkat 10 hingga 12 pelajar di Thailand. Isu ini telah dibincangkan, tetapi belum dipelajari sepenuhnya pada tahap kuantitatif. Dasar pendidikan di Thailand memerlukan pendidikan moral dalam konteks kebebasan beragama, memberikan penyelidik sebuah makmal yang sangat baik untuk mengkaji persoalan ini. Ahli falsafah bersetuju bahawa wujud nilai moral yang bersifat objektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menggunakan Ujian Isu Penentu (DIT-1), dan kaji selidik tindakan moral (MCMVA) yang dibangunkan oleh penyelidik, pelajar telah ditinjau di empat sekolah di Thailand yang mempunyai empat jenis program pendidikan karakter: Buddha, Kristian, Islam dan Sekular. Kajian rentas keratan ini terhad dan hanya boleh membuat kesimpulan dari data untuk mencadangkan kajian lanjut. Keputusan menunjukkan bahawa kurikulum karakter atau budaya sekolah mempunyai kesan ke atas karakter. Walau bagaimanapun, faktor sosial, keluarga dan budaya lebih penting dalam mempengaruhi watak kanak-kanak. Pembangunan karakter yang berkesan memerlukan usaha seluruh budaya, masyarakat, dan masyarakat, bukan hanya sekolah. Penyelidik mencadangkan kajian membujur, luas yang perlu dilakukan untuk lebih memahami masalah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu berkaitan nilai moral dan etika sedikit berbeza jika dibandingkan antara Thailand dengan Singapura. Charlene Tan & Chee Soon Tan. (2014). menerusi kajian mereka yang dijalankan secara kritikal membincangkan usaha Singapura untuk mengimbangi perpaduan sosial dan keberlanjutan budaya melalui kurikulum Pendidikan Karakter dan Kewarganegaraan (CCE).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa asas silibus CCE adalah ideologi negara komuniti dan *multiracialisme*. Diperkatakan bahawa ideologi komunitarian bersesuaian dengan dan mendapat sokongan dari penekanan Confucius terhadap konsep keharmonian (dia) dan advokasi nilai-nilai pemanfaatan nilai yang berkembang dari keluarga kepada masyarakat dan seluruh dunia. Pengkaji seterusnya berpendapat bahawa cabaran utama dalam mengimbangi perpaduan sosial dengan kelestarian kebudayaan di Singapura adalah untuk menjaga terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mensosialisasikan dan stereotaip berbagai kumpulan budaya melalui pendekatan silang budaya.

Sebaliknya, di negara-negara seperti Brunei dan Indonesia yang agama rasminya adalah Islam, pemahaman dan isu yang dihadapi berkaitan pendidikan nilai dan moral adalah lebih menjurus kepada pendidikan akhlak dan pembentukan sahsiah dan peribadi mulia. Perkara ini adalah lebih mirip dengan pendidikan Islam yang diajarkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Fokus kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak juga tidak menampakkan jurang yang ketara antara ketiga-tiga negara.

Kajian yang dijalankan oleh Masuriyati & Che Zarrina (2015), mendedahkan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21, Brunei Darussalam. Sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam menyumbang pembangunan dan melestari ketamadunan bangsa sesebuah negara dengan mengambil kira kepentingan aspek mental dan fizikal serta aspek rohani dan spiritual. Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) merupakan sistem pendidikan bersifat holistik.

Dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan berasaskan beberapa kajian lepas, kajian ini menghuraikan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) dalam melestari ketamadunan Islam Negara Zikir dan mengemukakan pendidikan melalui teladan serta memiliki sifat murabbi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam SPN21 yang memberi tumpuan dan fokus kepada pelajar *(student centered learning)* sebagai satu pendekatan. Dengan itu, SPN21 memberi memberi kesan dalam menangani permasalahan globalisasi yang antaranya memberi impak kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemikiran dan pembentukan akhlak individu pelajar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Sementara di Indonesia pula, kajian oleh Muhammad Yunus. (2015) membincangkan mengenai keupayaan guru membentuk karakter bangsa pada usia kanak-kanak melalui proses pembelajaran di Yayasan Raudatul Athfal (RA) Fathun Qarib. Kajian ini bertujuan untuk menggambarkan usaha guru PAUD dalam membentuk karakter bangsa pada anak usia kanak-kanak melalui proses pembelajaran.

Kajian ini dilakukan pada Raudatul Athfal (RA) Fathun Qarib Banda Aceh. Subjek kajian adalah guru dan kanak-kanak yang berada di Yayasan Raudatul Athfal (RA) Fathun Qarib, Banda Aceh. Data yang diambil adalah segala sesuatu baik berupa maklumat lisan, tulisan mahupun tindakan dari guru dan kanak-kanak. Data lisan merupakan maklumat yang dapat dikumpulkan dari guru maupun anak, tulisan berupa dokumen dan tindakan berupa perilaku guru dan kanak-kanak yang berkaitan dengan aplikasi karakter bangsa yang diusahakan oleh guru untuk wujud pada kanak-kanak.

Teknik pengumpulan data dalam penelitian ini adalah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Analisis data dilakukan dengan menganalisis semua data temu bual, dokumentasi dan rekod hasil pemerhatian, sehingga boleh menjadi satu kesatuan yang dapat disahkan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru sudah berusaha sedaya mungkin dan berjaya dengan baik dalam membentuk karakter bangsa pada usia kanak-kanak melalui proses pembelajaran. Watak yang diusahakan ada yang sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan yang ditetapkan oleh pemerintah maupun watak yang dibangunkan sesuai dengan karakter yang bersifat kearifan tempatan.

Berdasarkan, tinjauan kajian-kajian luar negara yang telah dibincangkan dapat dirumuskan bahawa aspek yang banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu adalah berkaitan dengan pendidikan moral, penerapan nilai dan pembentukan karakter yang seiring dengan pembentukan akhlak mulia dan tingkah laku positif seperti yang dibincangkan oleh pengkaji dalam kajian ini.

2.16 Kajian Dalam Negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian berkaitan pendidikan akhlak dan pembentukan tingkah laku positif dalam kalangan kanak-kanak amat kurang dibincangkan sama ada di luar mahu pun di dalam negara. Di Malaysia, kajian-kajian terdahulu lebih tertumpu kepada penerapan nilai murni dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kajian yang berfokus kepada pendidikan akhlak ternyata masih kurang kerana ia melibatkan aspek kerohanian atau spiritual yang berkaitan dengan pegangan agama khususnya agama Islam. Kalau pun ada, kebanyakannya lebih membincangkan tentang bidang pendidikan Islam itu sendiri berbanding dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang ingin diteroka oleh pengkaji.

Kajian-kajian terdahulu yang mirip dengan tajuk kajian ini antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Maisarah dan Latifah (2012) yang bertajuk Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan Bahasa Malaysia. Kajian tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membincangkan tentang pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan Bahasa Malaysia. Berdasarkan beberapa kajian lepas, ibu-bapa, rakan sebaya dan media massa seperti televisyen dan internet sering kali dikaitkan dengan pembentukan jati diri.

Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa bahan bacaan juga berperanan dalam membentuk jati diri kanak-kanak. Ini kerana, terdapat juga unsur nilai murni dalam bahan bacaan terutamanya bahan bacaan Bahasa Malaysia yang mampu membentuk jati diri kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini tertumpu pada kesan bahan bacaan Bahasa Malaysia terhadap jati diri kanak-kanak. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah gabungan metode kepustakaan dan lapangan. Instrumen kajian yang digunakan meliputi temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa bahan bacaan Bahasa Malaysia memberi kesan positif terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak.

Dapatan kajian Maisarah dan Latifah (2012), juga membuktikan bahawa jati diri kanak-kanak boleh dibentuk melalui bahan bacaan. Penggunaan bahasa yang sesuai dan bersopan santun serta berbudi bahasa mampu memberi kesan kepada pembentukan akhlak diri kanak-kanak. Selain itu, Latifah Nur Ahyani (2012) pula telah menjalankan kajian berkaitan peningkatan kecerdasan moral kanak-kanak prasekolah menggunakan cerita-cerita dongeng yang mengandungi unsur-unsur nilai moral. Kajian tersebut melibatkan sekumpulan kanak-kanak seramai 17 orang yang dijadikan sebagai kumpulan rawatan. Dapatan kajian menunjukkan kaedah penceritaan dapat meningkatkan kecerdasan moral kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan Latifah Nur Ahyani (2012) juga selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Zainab (2012) yang bertajuk Peningkatan perkembangan moral anak melalui metode cerita bergambar mendapati bahawa penggunaan medium cerita bergambar mendorong peningkatan moral dalam kalangan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, guru pendidikan awal kanak-kanak disarankan agar menggunakan cerita-cerita bergambar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, Latifah, Wan Nasyrudin, dan Nurul Hidayah (2012), telah membuktikan bahawa penerapan nilai dan pembentukan jati diri kanak-kanak prasekolah juga boleh dicapai melalui penggunaan multimedia. Kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan sebelumnya oleh Muhammad Rasyid (2009) dan kajian Mohd Sharani dan Mohamad Ibrani (2003) yang menjelaskan bahawa penggunaan bahan multimedia dan persekitaran pembelajaran berbantukan komputer berjaya memberi kesan positif terhadap pembentukan jati diri, penerapan nilai murni dan tingkah laku saling membantu dan bertanggungjawab.

Permasalahan akhlak yang wujud di kalangan pelajar sama ada berbentuk akhlak luaran mahu pun melibatkan hubungan dengan Allah sering dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan negara sekalipun kedua-duanya bukan faktor penyebab yang utama. Dalam hal berkaitan, Ab. Halim dan Khadijah (2003) mengatakan tidak dapat dinafikan lagi masalah keruntuhan akidah dan sosial seperti gejala murtad, keruntuhan akhlak, zina, rogol serta kegagalan remaja Islam untuk melaksanakan tuntutan asas sebagai seorang Islam telah menimbulkan pelbagai pandangan dan persepsi dalam kalangan masyarakat terhadap Pendidikan Islam amnya dan guru-guru Pendidikan Islam khasnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bersesuaian dengan persepsi dalam petikan di atas, kajian-kajian terkini oleh Ab Halim , Adnan, Kamisah, Shahrin Awaluddin, Zamri, dan Khadijah (2004), Ahmad (1997), Airi (2003), Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), Masribanun *(2004),* Mohd Najib (2003) dan Zahariah (2005) telah mendedahkan ketidakupayaan sesetengah guru Pendidikan Islam dalam membentuk diri mereka selaku pembimbing dan *role model* kepada pelajar.

Implikasi daripada kajian-kajian tersebut menunjukkan guru Pendidikan Islam perlu menghayati peranan mereka yang sebenar sewaktu mendidik pelajar supaya para pelajar mereka menjadi generasi yang berakhlak mulia. Apatah lagi, guru mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam pembentukan diri pelajar (Ab Halim *et al.,* 2004; Ab. Halim & Khadijah, 2003; Abdul Raof, 1985; Rosnani, 1996; Saedah, 2oo1d; Tajul Arifin & Nor Aini, 1992; Zawawi, 1984).

Rasulullah SAW bukan sahaja bertindak sebagai seorang rasul malah juga guru kepada ahli keluarga baginda dan para sahabatnya. Kesan pengajaran dan dakwah baginda terbukti telah dapat membentuk generasi yang bertakwa. Dengan itu, sejak awal Islam hingga ke hari kiamat, Rasulullah SAW menjadi model utama di dalam dunia pendidikan mahupun dakwah.

Pada awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu (kini Semenanjung Malaysia), guru telah memainkan peranan yang penting dalam mendidik, memberi ilmu dan tunjuk ajar pe1ajar-pelajarnya. Pada waktu itu, ibu bapa dan masyarakat memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penghormatan yang sangat tinggi terhadap guru-guru agama (Abdul Raof , 1993; Ishak, 1993; Rosnani, 1996; Wan Zahidi, 1993).

Sebelum abad ke-20 lagi, ibu bapa Melayu telah menghantar anak-anak mereka seawal usia lima tahun ke rumah guru-guru agama (Ismail, 1993; Rosnani, 1996). Pada waktu itu, guru agama dipandang sangat mulia kerana mereka mengajar dengan penuh keikhlasan tanpa memperoleh sebarang ganjaran daripada pemerintah (Ismail, 1993; Rosnani, 1996). Jika pun ada, ganjaran yang diterima oleh guru-guru daripada pemerintah bukannya dalam bentuk wang.

Dalam hal ini, Rosnani(1996) menjelaskan bahawa;

The pupils did not pay fees, but donated money to buy kerosene for the oil lamps that were used, if classes were held at night. More often the pupils assisted their teachers with such chores as carrying water from the well, carrying firewood, or growing and harvesting rice in the fields (Rosnani, 1996).

Selain daripada itu, kedatangan penjajah Inggeris telah menyebabkan berlaku perubahan dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu; dan ini mengakibatkan pergantungan dan sanjungan masyarakat terhadap guru agama semakin menurun (Rosnani Hashim, 1996). Selepas kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957 hinggalah ke hari ini, kebanyakan ibu bapa Melayu telah mula mengalih pandangan kepada sistem pendidikan formal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, masyarakat kita sekarang ini terus menaruh harapan yang tinggi kepada para guru yang mendidik anak-anak mereka di sekolah. Ini bermakna peranan guru sememangnya amat besar dan begitu kritikal dalam merealisasikan Pendidikan Islam kerana di atas bahu merekalah terletak kejayaan dan kegagalan pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Wan Mohd Zahid, 2003).

Dalam hal yang sama, Abdul Raof (1993) menegaskan bahawa pengaruh guru terhadap murid-muridnya adalah sama dengan pengaruh ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Dengan adanya guru yang ikhlas di sekolah akan dapat memperbaiki alam pembelajaran murid-murid. Bahkan gurulah yang mewariskan para nabi dalam membentuk dan mengembangkan ilmu pengetahuan kepada murid-muridnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru diakui mempunyai pengaruh yang amat besar terutamanya ke atas murid-murid sekolah rendah (Wan Mohd Zahid, 2003). Kajian kualitatif yang dijalankan oleh Zaharah (2001), pula menunjukkan penampilan guru adalah penting dalam membentuk akhlak pelajar. Berikut adalah sebahagian daripada pandangan pelajar terhadap guru-guru mereka:

i. Guru hendaklah memiliki sahsiah diri yang sempuma;

ii. Guru tidak patut menampakkan walaupun satu keaiban yang ketara;

iii. Guru hendaklah menjadi contoh terbaik pelajar;

Dari aspek akhlak dan sahsiah, pelajar menjadikan guru agama di sekolah sebagai contoh/ idola/ *role model* mereka; dan pengetua (dapatan di kawasan kajian sahaja) adalah model bagi pelajar kerana sikap dan peribadi mulianya meresap ke dalam jiwa (Zaharah, 2001). Guru adalah agen pendidikan yang berkesan (Ahmad,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1997). Walau sebaik mana pun sesuatu sistem pendidikan itu, jika guru yang mengajar bukannya guru yang berkesan bermakna apa yang disampaikan/diajar tidak akan difahami pelajar dan tidak mencapai matlamat pengajaran.

Oleh itu, guru, khususnya guru-guru Pendidikan Islam, perlu mengukuhkan lagi peranan mereka dalam merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Guru. Kategori peranan guru Pendidikan Islam terbahagi kepada lima kategori berikut:

i. Sebagai *mu'allim* (Ab. Halim *et.al.,2004;* Ahmad, 1997; al-Shaybani,1979; Bahagian Pendidikan Guru, 2001; Zawawi, 1984);
ii. Sebagai *murabbi* (Ab. Halim *et.al.,* 2004; Kementerian Pendidikan Malaysia,2001);
iii. Se1aku *mu'addib* (Ab. Halim *et.al.,* 2004; Ahmad Mohd SaIleh, 1997; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001);
iv. Sebagai *mursyid* (Ab. Halim, *et al.*, 2004; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001); dan
v. Sebagai *da'i* atau pendakwah (Wan Bakar, 1991).
vi. *Guru sebagai Mu 'allim*. *Mu'allim* adalah kata nama *(ism fa 'i!)* yang muncul dari kata terbitan/masdar, *ta'lim* (pengajaran).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasan Langgulung (1980) mengaitkan perkataan *ta'lim* dengan kaIimah *mengajarkan* pada AI-Qur'an 2:31: "Dan Allah *mengajarkan* kepada Adam segala nama, kemudian Ia berkata kepada malaikat: Beritahulah Aku semua nama-nama itu jika kamu benar."

Menurut Tengku Ghani (2002), *al-ta'lim* bermaksud:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Mengajar;

ii. Menjadikan seseorang individu memiliki ilmu pengetahuan; dan proses tersebut berlaku secara berperingkat-peringkat. Al-Ghazali (t.t) mengatakan *ta'lim* adalah proses menguasai ilmu yang meningkatkan manusia daripada taraf haiwan kepada taraf manusia. Manusia sememangnya memiliki sifat-sifat yang turut dimiliki oleh haiwan antaranya hawa nafsu, bermusuhan, dan sukakan kebendaan; dan pada masa yang sama manusia mempunyai sifat mereka sendiri seperti berakaI, beriman, bijaksana dan sebagainya (Saedah Siraj, 2001d).

Dalam sistem pendidikan sedia ada, para guru perlu memperkemaskan lagi peranan mereka dalam memberi ilmu kepada pelajar. Ini kerana, ilmu ini akan dijadikan panduan oleh pelajar dan juga perisai kehidupan untuk mengawal unsur-unsur kehaiwanan yang secara semula jadi ada dalam diri manusia (termasuk pelajar) dan juga meningkatkan akhlak mereka. Mengenai perkara ini, Saedah Siraj (2001d) mengatakan bahawa seorang individu yang tahu menggunakan dengan baik dan betul unsur-unsur kemanusiaannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.17 Rumusan

Bab ini menerangkan secara menyeluruh tentang pendidikan akhlak, perkaitannya dengan moral dan teori-teori yang mendasari kajian ini. Bab ini juga membincangkan tentang latar belakang dan maklumat sesuatu modul, ciri-ciri dan model pembinaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu modul. Prosedur dan proses pembinaan modul pengajaran berasaskan Model Reka bentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005) dan Model Pembinaan Modul Sidek (2005) telah diterangkan. Di samping itu, kesesuaian MPAL berdasarkan Surah Luqman juga bersandarkan teori-teori Barat yang berkaitan dan pandangan tokoh Islam telah dinyatakan dengan terperinci. Pengkaji turut merumuskan secara analitikal dan kritikal kajian-kajian lepas yang berkaitan pendidikan moral dan akhlak dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak sama ada di luar dan di dalam negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan bertujuan bagi memperolehi maklumat mengenai prosedur pembinaan modul dan melihat kesan modul terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama adalah proses pembinaan modul manakala fasa kedua adalah untuk melihat kesan modul terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak. Dalam bab ini dibincangkan pendekatan, reka bentuk, persampelan, lokasi, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian, prosedur penganalisisan data, kesahan dan kebolehpercayaan, kajian rintis, prosedur pelaksanaan kajian, triangulasi, etika penyelidikan, dan rumusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Pendekatan Kajian

Penyelidikan dalam bidang Sains Sosial dipengaruhi oleh beberapa pendekatan teoritikal yang menjadi asas kepada proses dan prosedur pelaksanaannya. Penyelidikan kualitatif sering dikaitkan dengan kerja lapangan dan semakin berkembang dalam bidang sains sosial termasuklah pendidikan (Othman Lebar, 2014). Menurut Lincoln dan Guba (1985), pendekatan kualitatif bukan bertujuan untuk membuat generalisasi tetapi bagi mendapatkan makna di samping pemahaman yang mendalam tentang sesuatu fenomena yang dikaji. Noraini Idris, (2010) pula menyatakan bahawa penyelidikan kuantitatif mementingkan keobjektifan dalam pengumpulan data manakala penyelidikan kualitatif pula merupakan usaha untuk menjawab perkara-perkara yang tidak mungkin dapat dijawab secara kuantitatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dirujuk, kebanyakan kajian dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian, kajian lapangan dan temu bual didapati amat sesuai untuk mengkaji fenomena yang berlaku terutama yang melibatkan kanak-kanak. Perkara ini dipersetujui oleh Mukherji & Albon (2010) dalam buku mereka yang bertajuk. *Research method in early childhood. An introductory guide*. Mereka mencadangkan kajian-kajian yang berkaitan bidang awal kanak-kanak sebaiknya dijalankan secara kualitatif berbanding kuantitatif. Oleh yang demikian, pengkaji turut memilih pendekatan kualitatif dalam kajian ini bagi memenuhi tujuan dan mencapai objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini pada dasarnya terbahagi kepada dua fasa iaitu fasa pembinaan modul dan fasa penilaian modul. Oleh itu, reka bentuk kajian bagi fasa pertama adalah berbentuk kajian awal (*preliminary study*) menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Isaac & Michael, 1997, kaedah tinjauan ialah;

> *to answer questions that have been raised, to solve problems that have been posed or observed, to assess needs and set goals, to determine whether or not specific objectives have been met, to establish baselines against which future comparisons can be made, to analyze trends across time, and generally, to describe what exists, in what amount, and in what context* (Isaac & Michael, 1997, p. 136).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Reka bentuk ini dipilih untuk mengenal pasti proses pembinaan modul pendidikan akhlak, menilai literatur, teori dan model terbaik, kandungan modul serta mengkaji kesan modul terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak.

Bagi menjawab soalan kajian i, pengkaji menggunakan kaedah kajian awal di samping merujuk dokumen yang berkaitan. Bagi menjawab soalan kajian ii, dan iii pula, pengkaji mendapatkan kesahan kandungan modul daripada pakar penilai dan seterusnya melalui proses bagi menentukan nilai kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan. Oleh itu, kaedah tinjauan dan kaedah temu bual pakar dilakukan untuk memperoleh maklumat berkenaan. Ini merupakan antara proses pembinaan modul bagi mengenal pasti kandungan dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian terdapat dalam Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, pendekatan kualitatif digunakan khusus untuk menjawab soalan kajian iv. Dalam hal ini, reka bentuk kajian kes digunakan bagi melihat kesan modul terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak. Di samping itu, kaedah pemerhatian merupakan kaedah utama yang digunakan bagi melihat keberkesanan modul terhadap pembentukan empat tingkah laku positif kanak-kanak yang telah ditentukan sebagai konstruk utama dalam kajian ini. Keempat-empat tingkah laku positif kanak-kanak yang dimaksudkan sebagai konstruk utama dalam kajian ini ialah berbuat baik kepada ibu bapa, rendah hati, bersederhana dan bertutur secara sopan.

Creswell (1998) menyebut bahawa kajian kes merupakan eksplorasi ke atas satu sistem yang mempunyai batasan atau satu kes (atau beberapa kes) yang diselidik dalam satu jangka masa yang agak panjang. Kajian kes bukan sahaja melibatkan kutipan data secara terperinci dan mendalam malah data juga diperoleh dari pelbagai sumber yang berbeza. Sumber maklumat yang pelbagai termasuklah data yang diperoleh dari pemerhatian, temu bual, pemerolehan bahan audio visual, dan pengumpulan dokumen dan laporan (Creswell, 1998).

Di samping itu, bagi mendapatkan data mengenai pembentukan tingkah laku kanak-kanak semasa pelaksanaan sesi pengajaran, kaedah pemerhatian menggunakan borang senarai semak digunakan (Sue C.Wortham, 2008). Oleh kerana pemerhatian dijalankan secara langsung semasa sesi pengajaran, maka pengkaji telah mengambil inisiatif untuk merakamkan sesi tersebut dengan kebenaran peserta kajian. Rakaman video (audio- visual) digunakan oleh pengkaji bagi membantu mendapatkan semula data-data yang tercicir semasa menulis laporan. Rakaman tersebut menjadi bukti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

triangulasi data. Data-data pemerhatian dianalisis secara kualitatif. Bagi mengukuhkan data yang dikutip, pengkaji mencadangkan triangulasi kaedah digunakan bagi mengayakan maklumat pemerhatian diperolehi selain catatan dalam nota lapangan.

3.4 Pensampelan Kajian

Pemilihan latar, populasi dan fenomena adalah perkaa penting dalam reka bentuk kajian Penentuan latar, populasi dan fenomena bergantung kepada soalan dan fokus kajian yang telah ditentukan oleh pengkaji (Othman Lebar, 2014). Oleh itu, pensampelan kajian perlu dirancang dan disesuaikan dengan isu-isu praktikal seperti keselesaan pengkaji, kebolehan menyesuaikan dan melibatkan diri semasa pemerhatian. Dalam hal ini, Merriam (2001), mencadangkan dalam menentukan pemilihan sampel kajian. berikut adalah beberapa soalan yang boleh dijadikan sebagai panduan pengkaji:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. di mana pemerhatian dibuat?

ii. bila pemerhatian akan dibuat?

iii. siapa yang akan diperhati

iv. apa yang akan diperhati

Berdasarkan garis panduan yang diberikan oleh Merriam (2001) di atas, pengkaji memutuskan bahawa pensampelan kajian ini adalah pensampelan bertujuan. Menurut Gay (1996), penggunaan teknik pensampelan bertujuan *(purposive sampling)* bermaksud sampel kajian dipilih dengan tujuan tertentu. Oleh kerana kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini bertujuan untuk membina modul pendidikan akhlak dan mengkaji kesan modul terhadap tingkah laku kanak-kanak, maka pastinya kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun menjadi peserta kajian dalam kajian ini.

3.4.1 Peserta Kajian

Dalam kajian ini, responden atau peserta kajian adalah merujuk kepada individu-individu yang terlibat dalam membekalkan data kepada soalan-soalan kajian. Ary, Jacobs, Razavieh & Sorenson (2006) menyebut bahawa persampelan yang dipilih dalam metadologi kualitatif adalah kecil tetapi dipercayai adalah mencukupi dalam menyediakan gambaran dan pemahaman yang maksimum tentang apa yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan peserta kajian bagi kajian ini telah dibuat pada awal tahun selepas sesi pendaftaran masuk kanak-kanak. Peserta kajian yang terlibat dalam fasa penilaian modul dipilih secara pensampelan bertujuan *(purposive sampling)* bagi memenuhi fokus kajian iaitu mengkaji kesan MPAL terhadap tingkah laku positif kanak-kanak. Menurut Kerlinger dan Lee (2000), pensampelan bertujuan membolehkan pemilihan peserta kajian secara selektif untuk memenuhi matlamat kajian dan menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam kajian.

Menurut Othman (2014), bagi pengkaji kualitatif, memilih sampel (manusia atau tempat atau latar kajian) mempunyai matlamat yang berbeza iaitu untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji dengan cara memilih kelompok manusia secara teliti dan bertujuan. Dalam persampelan bertujuan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kriteria pemilihan adalah penting supaya persampelan tersebut dapat mencerminkan tujuan kajian yang hendak dijalankan (Merriam, 2009).

Dalam kajian ini, sekumpulan kanak-kanak seramai enam orang yang terdiri daripada dua orang lelaki dan empat orang perempuan yang berumur tiga hingga empat tahun dari sebuah TASKA di negeri Kedah terlibat sebagai responden utama dalam kaedah pemerhatian yang dijalankan. Pemilihan peserta kajian berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh daripada pihak pengurusan TASKA berkenaan. Kriteria pemilihan peserta kajian yang dilibatkan dalam kajian ini ditetapkan oleh pengkaji sendiri berdasarkan beberapa pertimbangan terutamanya dari segi umur kanak-kanak yang dalam lingkungan tiga hingga empat tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara lain kriteria pemilihan kanak-kanak, mestilah mereka yang telah biasa mengikuti program TASKA sebelum ini, boleh menyesuaikan diri dengan orang lain, dan boleh memahami arahan mudah. Walaupun kanak-kanak yang dipilih adalah kecil, namun pengkaji tidak menghadapi sebarang masalah kerana peserta kajian dapat memberikan kerjasama tanpa sebarang masalah.

Oleh kerana peserta kajian adalah kanak-kanak, maka pengkaji terlebih dahulu telah meminta kebenaran secara bertulis daripada ibu bapa melalui Pengusaha TASKA bagi memaklumkan tentang penglibatan anak mereka sebagai peserta kajian. Kesemua ibu bapa yang terlibat memberikan kebenaran dan kerjasama yang amat baik. Ini memudahkan pengkaji menjalankan kajian selama tempoh tiga bulan dengan bilangan sesi pengajaran dan pembelajaran sebanyak lapan kali.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada kanak-kanak sebagai peserta kajian, terdapat beberapa pihak yang turut terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri terdiri daripada tiga kumpulan iaitu satu kumpulan pakar penilai, satu kumpulan pendidik, dan satu kumpulan ibu bapa. Berikut adalah jadual profil peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini:

Jadual 3.1

Profil Peserta Kajian

Nama (bukan nama sebenar)	Umur	Jantina	Bilangan Adik-beradik	Kedudukan dalam keluarga
Arissa	4 tahun	perempuan	1	1
Madihah	4 tahun	perempuan	5	5
Aqil	4 tahun	lelaki	3	3
Dhia	3 tahun	perempuan	3	3
Irfan	3 tahun	lelaki	4	4
Hana	5 tahun	perempuan	2	2

Pada fasa pembinaan modul, pengkaji telah melibatkan seramai lapan orang yang dikenali sebagai Panel Penilai. Mereka terdiri daripada dua orang pakar yang dipilih dari kalangan pensyarah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan berkaitan dengan bidang Pendidikan Islam memandangkan kajian ini melibatkan Surah Luqman yang terkandung dalam Al-Quran. Kedua-dua orang pakar yang dilantik adalah arif dalam bidang ini untuk memberi pandangan tentang pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL), kesesuaian kandungan, kaedah dan teknik pelaksanaan MPAL dan seterusnya membuat penilaian terhadap kesahan konstruk dan kandungan modul.

Dua orang pakar penilai lagi adalah mereka yang menilai tentang kesahan konstruk dan kandungan draf modul yang dibina. Kriteria pemilihan pakar ini juga adalah sama seperti kriteria di atas iaitu mereka yang mempunyai kepakaran dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang. Dua orang pakar yang telah dikenal pasti dan mempunyai pengetahuan yang meluas dalam bidang pembinaan modul juga dipilih untuk membuat penilaian terhadap kesahan konstruk dan kandungan modul khususnya berkaitan prosedur pembinaan modul.

Pakar penilai seterusnya terdiri daripada dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) yang dipilih dalam kajian ini sebagai penilai kesahan kandungan modul dan kebolehpercayaan. Kedua-dua orang pakar tersebut merupakan pensyarah dan bekas pensyarah dari IPTA.

Di samping itu, atas dasar untuk mengukuhkan dapatan data, pengkaji telah memilih dua orang lagi sebagai pakar penilai. Pakar yang dimaksudkan adalah mereka yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang bahasa iaitu pakar Bahasa Melayu yang telah mendapat gelaran ’Munsyi Dewan’ sementara seorang lagi ialah pakar dalam Bahasa Inggeris yang merupakan penterjemah yang diiktiraf oleh Institut Terjemahan Bahasa Negara (ITBN).

Selain dari itu, Seramai 30 orang yang terlibat dalam proses mendapatkan nilai kebolehpercayaan instrumen senarai semak pula terdiri daripada 30 guru pendidikan awal kanak-kanak dan ada di antaranya yang berperanan sebagai ustaz dan ustazah di taska dan tadika yang berhampiran lokasi kajian.

Selain dari itu, seramai enam orang pendidik TASKA juga terlibat dalam kajian ini. Pemilihan ini bertujuan mendapatkan data sokongan atau sebagai trangulasi data bagi kaedah pemerhatian. Pendidik akan menggunakan senarai semak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemerhatian tingkah laku bagi melihat fenomena kesan modul terhadap tingkah laku positif kanak-kanak dalam amalan seharian di taska. Data yang diperoleh daripada pendidik akan membantu pengkaji menyelaraskan data yang dikumpul melalui kaedah kajian lapangan yang dibuktikan melalui nota lapangan dan data pemerhatian yang diperolehi melalui rakaman video semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Bagi mengukukan lagi data yang dikumpulkan melalui pemerhatian ke atas peserta kajian dalam fasa penilaian, pengkaji mendapatkan data tambahan melalui kaedah temu bual. Temu bual adalah terdiri daripada enam orang ibu bapa yang dipilih berdasarkan penglibatan anak mereka sebagai peserta kajian utama. Ibu bapa ini lebih bersifat sebagai *informan* atau pemberi maklumat. Ibu bapa terlibat semasa sesi temu bual bagi mengesahkan kelangsungan tingkah laku positif yang dikaji dapat terus diamalkan dalam konteks persekitaran di rumah atau di luar bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Lokasi Kajian

Pemilihan lokasi kajian dibuat berdasarkan keperluan bagi memastikan lokasi yang dipilih tidak membataskan apa yang ingin dikaji. Untuk memenuhi pengumpulan data dalam kajian ini, sebuah Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) yang terletak di negeri Kedah telah dikenal pasti sebagai lokasi kajian. Pemilihan lokasi dilakukan berdasarkan kesesuaian populasi yang terdapat di TASKA tersebut dan memenuhi keperluan kajian. Pemilihan lokasi hanya melibatkan sebuah TASKA juga bertujuan untuk mengawal pembolehubah luaran seperti yang dinyatakan oleh Othman Lebar (2014) di mana hanya sebuah lokasi sahaja dalam kajian bagi mengawal subjek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian. Dalam memilih lokasi kajian ini pengkaji telah mempertimbangkan beberapa faktor lain. Antaranya kesediaan pihak TASKA dan ibu bapa yang membenarkan kajian dijalankan ke atas kanak-kanak dan kesediaan pendidik untuk bekerjasama sebagai peserta dalam kajian.

TASKA yang dicadangkan mempunyai dua buah kelas dengan jumlah seramai 12 orang kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun. Pemilihan lokasi ini dibuat berdasarkan faktor kemudahan kepada pengkaji dari segi kerjasama pihak TASKA dan jarak lokasi yang menjimatkan kos dan masa kepada pengkaji.

3.6 Kaedah Pengumpulan Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan masa yang lama untuk mengumpul pelbagai sumber data. Prosedur dan kaedah pengumpulan data bagi fasa pertama iaitu fasa pembinaan MPAL dilakukan secara berperingkat-peringkat. Prosedur Kajian rintis dijalankan bagi mendapatkan data untuk menjawab persoalan kajian i.

Prosedur dan kaedah pengumpulan data bagi fasa kedua iaitu penilaian kesan MPAL terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak pula mengambil masa selama lapan sesi dan dilaksanakan dalam tempoh dua bulan. Pengkaji mengambil masa sekurang-kurangnya 30 minit sehari dalam seminggu untuk mengutip data. Data dalam kajian ini dikumpul melalui borang senarai semak pemerhatian dan protokol temu bual separa struktur dengan ibu bapa. Data-data yang dikumpulkan ditrangulasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan data lain yang dikumpul seperti nota lapangan, rakaman video, fotografi dan rakaman audio, termasuklah perbincangan tidak formal dengan pendidik.

3.6.1 Pemerhatian

Pemerhatian adalah kaedah sering dijalankan dalam kajian kualitatif dengan tujuan membuat penerokaan untuk melihat sesuatu perkara dengan lebih spesifik. Dalam kajian ini, pemerhatian merupakan cara utama untuk mengumpul data kualitatif. Pemerhatian dalam kajian ini dijalankan secara naturalistik dengan apa yang direkodkan oleh penyelidik dan berpandukan matlamat serta perkara-perkara menarik yang dilihat semasa membuat pemerhatian (Mukherji & Albon, 2010). Dalam kajian ini, pemerhatian tertumpu kepada aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak sepanjang pelaksanaan Modul Pendidikan Luqman (MPAL). Tujuan pemerhatian ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan data bagi menjawab soalan-soalan kajian.

Kaedah pemerhatian dan temu bual bertujuan untuk menerangkan atau meramal sesuatu fenomena yang sedang berlaku secara triangulasi. Reka bentuk kajian ini juga digunakan untuk meneroka atau mengenal pasti pola sesuatu fenomena atau tingkah laku yang masih belum berkembang atau dikenali (Mohd Majid Konting, 2005). Chua (2006) pula menjelaskan di bawah triangulasi dalam kaedah kualitatif, fenomena dilihat daripada pelbagai sudut dan perspektif yang berbeza, di mana setiap perspektif dikesan menggunakan kaedah yang berlainan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik pemerhatian turut serta iaitu pengkaji mentadbir sendiri sesi pemerhatian. Dalam kaedah ini, peranan pengkaji dan tahap penyertaannya memberi kesan kepada data yang dikumpul dan kebolehpercayaan data tersebut (Graue dan Walsh,1998). Pengkaji menjadi pemerhati turut serta di mana pengkaji menghabiskan masa yang lama dengan kanak-kanak dari mula mereka menjalankan aktiviti. Pemerhatian turut serta memberi peluang kepada pengkaji untuk mewujudkan hubungan mesra dengan kanak-kanak di samping mewujudkan kepercayaan kanak-kanak kepada pengkaji kerana kanak-kanak akan mudah terganggu dengan kehadiran orang luar di dalam kelas mereka. Oleh itu untuk mewujudkan kepercayaan ini pengkaji perlu meluangkan masa bersama-sama kanak-kanak tersebut. Sepanjang sesi pemerhatian dibuat interaksi menjadi lebih baik dengan rutin bilik darjah. Penggunaan video dan rakaman kamera digital juga menjadi lebih mudah apabila kanak-kanak tersebut telah membiasakan diri dengan pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum melakukan pemerhatian, pengkaji melalui prosedur tertentu bagi memudahkan proses pengumpulan data dan maklumat dijalankan. Antaranya;

i. menyediakan alat yang digunakan dalam teknik pemerhatian seperti alat perakam/ video dan kamera digital.
ii. menyediakan buku log catatan nota lapangan
iii. menyediakan instrumen pemerhatian iaitu borang senarai semak
iv. mengkategorikan data yang diperolehi

Pengkaji menggunakan instrumen Senarai Semak Tingkah Laku Kanak-kanak Berusia 3-4 Tahun (Lampiran B) dan beberapa alat semasa membuat pemerhatian untuk pengumpulan data. Antaranya ialah perakam video, kamera dan perakam suara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rakaman video dibuat dengan tujuan untuk menyokong data yang diperolehi melalui pemerhatian. Rakaman video digunakan untuk merakam aktiviti yang terlibat sepanjang sesi kajian dijalankan. Rakaman video memberi fokus kepada aktiviti kanak-kanak yang berlaku setiap hari sepanjang pemerhatian dibuat. Setiap rakaman yang dibuat didigitalkan dan dibuat salinan untuk disimpan di dalam komputer supaya mudah untuk pengkaji membuat analisis secara mendalam berdasarkan kehendak kajian. Rakaman video ini bertindak sebagai salah satu cara untuk menyokong data yang didapati daripada pemerhatian dan temu bual.

3.6.2 Temu bual

Perbincangan dan temu bual dengan ibu bapa berlaku sepanjang kajian berdasarkan tajuk konstruk yang dilaksanakan. Pengkaji menemu bual ibu bapa pada akhir setiap fasa satu, dua dan tiga untuk mendapatkan maklumat tentang kesan MPAL terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak TASKA. Soalan temu bual iaitu Protokol Temu bual (Lampiran C) dibina untuk mendapatkan pandangan mengenai keperluan dan kesan MPAL terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak.

Soalan temu bual diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan soalan daripada kajian oleh Beneke dan Ostosky (2009). Pengkaji telah menterjemah soalan ke dalam Bahasa Melayu bersesuaian dengan kajian ini. Terjemahan ini telah disahkan sesuai dari segi bahasa dan tatabahasanya. Soalan temu bual ini berbentuk semi struktur di mana soalannya berbentuk terbuka dan juga tertutup. Ia lebih fleksibel dan membolehkan informan menghuraikan apa yang difikirkannya kepada pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum menjalankan kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian rintis dengan dua orang ibu bapa untuk menilai soalan dalam Protokol Temu bual supaya soalan temu bual ini dapat diperjelaskan dengan terperinci dan masa yang perlu untuk melengkapkan sesi temu bual ini. Soalan yang tidak bersesuaian telah digantikan dengan soalan yang lebih menepati dengan tujuan kajian ini.

Soalan temu bual ini disemak dan diperbaiki berdasarkan keputusan daripada temu bual pada fasa yang pertama dan juga melalui kaedah pemerhatian. Hasil temu bual juga dicatatkan dalam nota lapangan. Data daripada temu bual ini ditranskripsi dan dianalisa selepas temu bual yang pertama dan pengkaji menggunakan dapatan daripada analisa ini untuk menyemak semula soalan untuk digunakan dalam temu bual seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semakan utama untuk memastikan ketepatan pemerhatian bergantung kepada kualiti nota lapangan untuk meletakkan laporan tersebut mengikut perspektif yang wajar. Nota lapangan menjadi penting kerana pembaca yang berminat ingin mengetahui sebanyak mungkin idea dan pandangan daripada pengkaji. Nota lapangan merupakan maklumat yang diambil oleh pengkaji semasa membuat pemerhatian terhadap peristiwa yang berlaku di samping temu bual yang dilaksanakan. Nota lapangan ditulis berdasarkan apa yang didengar, dilihat, pengalaman dan apa yang difikirkan semasa mengumpul dan membuat refleksi terhadap data tersebut. (Franken, Wallen & Hyun, 2012).

Nota lapangan yang dibuat dalam kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan reflektif. Nota lapangan yang berbentuk deskriptif menggambarkan *setting*, subjek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian dan apa yang dilakukan oleh mereka semasa pemerhatian dibuat. Nota lapangan deskriptif juga mengandungi perkara-perkara berikut:

i. Gambaran tentang subjek iaitu bagaimana kanak-kanak dalam kajian ini bertindak, berkomunikasi dan sebagainya.
ii. Pembinaan semula dialog iaitu perbualan antara subjek dengan pengkaji.
iii. Mencatat acara yang berlaku semasa pemerhatian.
iv. Gambaran terhadap aktiviti iaitu membuat huraian terperinci terhadap apa yang berlaku.

Nota lapangan berbentuk refleksi mengemukakan pemikiran pengkaji terhadap pemerhatian termasuklah:

i. refleksi terhadap analisis iaitu spekulasi oleh pengkaji berdasarkan pemerhatian, idea atau hubungan dalam pemerhatiannya.
ii. Refleksi terhadap kaedah yang digunakan iaitu prosedur dan bahan yang digunakan dalam kajian.
iii. Refleksi kepada pemikiran pengkaji terhadap kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3 Analisis Dokumen

Analisis dokumen dilakukan ke atas pelbagai bentuk komunikasi manusia termasuklah perubahan susunan dokumen bertulis, rakaman video dan pita rakaman. Tujuan analisis kandungan ialah mengenal pasti kehadiran perkataan atau konsep tertentu dalam teks dan membuat inferensi tentang mesej dalam teks. Pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memulakan proses analisis dengan membaca nota lapangan untuk mengukuhkan sebarang tema yang telah timbul dalam fasa pengutipan data dan juga bagi menjana tema dan hipotesis yang belum menjelma (Noraini, 2010).

Menurut Creswell (1998; 2014) terdapat beberapa strategi yang digunakan untuk analisis kandungan. Antaranya ialah:

i. membaca teks beberapa kali untuk memahaminya secara menyeluruh.
ii. Menulis rumusan teks-mengurangkan data dan identitikan kod dalam margin transkrip.
iii. Perhatikan perkataan yang diguna oleh subjek. Idea atau metafora yang digunakan.
iv. Menulis nota refleksi.
v. Menulis kod tentatif
vi. Menyusun semula idea iaitu mengguna perkataaan dan urutan baru

.

3.7 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dua kategori. Kategori yang pertama ialah instrumen untuk mendapatkan data kuantitatif manakala kategori yang kedua ialah untuk mendapatkan data kualitatif. Oleh kerana kajian ini terdiri daripada dua fasa maka instrumen yang digunakan juga akan disesuaikan mengikut keperluan fasa. Bagi mendapatkan data mengenai fasa pembinaan modul, pengkaji akan menggunakan beberapa instrumen berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Borang Soal Selidik Kesahan MPAL

Borang Soal Selidik Kesahan MPAL yang dibina berdasarkan senarai kandungan yang diubahsuai daripada Soal Selidik Kesahan Modul yang diperkenalkan oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005). Pengkaji telah menyenaraikan lima item pernyataan dengan skala darjah persetujuan sebanyak 10. Peserta kajian yang merupakan pakar-pakar dalam bidang kepakaran masing-masing. Selain daripada menanda skala persetujuan berdasarkan item yang disenaraikan, peserta kajian juga digalakkan memberikan cadangan penambahbaikan secara terbuka.

3.7.2 Borang Soal Selidik Kebolehpercayaan MPAL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada Borang Soal Selidik Kesahan Modul, pengkaji juga menggunakan Borang Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul yang dikenali sebagai Borang Soal Selidik Kebolehpercayaan MPAL. Borang ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A iaitu Latar belakang peserta kajian, manakala Bahagian B pula terdiri daripada senarai 10 item penyataan dengan 10 skala darjah persetujuan untuk ditanda oleh peserta kajian. Ruang cadangan penambahbaikan juga diadakan bagi peserta kajian memberikan pandangan mereka secara terbuka.

3.7.3 Senarai Semak Tingkah Laku Kanak-kanak Berusia 3-4 Tahun

Bagi mendapatkan data melalui kaedah pemerhatian, pengkaji menggunakan Senarai Semak Tingkah laku Kanak-kanak Berusia 3-4 Tahun sebagai instrumen kajian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan semasa kaedah pemerhatian dijalankan. Senarai semak ini diadaptasi dan disesuaikan daripada senarai semak yang sedia ada iaitu *Child Behavior Checklist/ CBCL* yang dibina oleh Achenbach & Rescorla (2000) dan digabungkan dengan Skala Tingkah Laku Positif *(Positive Behavior Scale/ PBS)* yang digunakan oleh Sylvia R. Epps, Seoung Eun Park, Aletha C. Huston dan Marika Ripke (2003) dari *The University of Texas at Austin* dengan melalui proses terjemahan dan diterjemah semula oleh dua orang pakar bahasa untuk digunakan dalam kajian ini.

Instrumen ini digunakan bagi mendapatkan maklumat yang sebenar mengenai tingkah laku positif kanak-kanak. Ia ditandai sendiri oleh pengkaji dalam tempoh pemerhatian selama 30 minit sesi pemerhatian dilaksanakan di TASKA dan ditandai juga oleh pendidik bagi menunjukkan pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak di luar sesi pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maklumat yang diperolehi dari instrumen ini dianalisis menggunakan perisian Atlas. ti 8. Bagi menyokong data pemerhatian ini, pengkaji juga menggunakan rakaman video sebagai bukti pengutipan data. Bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan data berdasarkan pemerhatian, pengkaji sekali lagi menggunakan khidmat *interator* yang sama iaitu seorang pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, didapati terdapat keselarasan antara *interator* dengan pengkaji yang membolehkan pengkaji menganalisis data dan seterusnya melaporkan dapatan data kajian kualitatif ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.4 Protokol Temu bual Separa Struktur

Bagi mendapatkan maklumat tambahan, triangulasi kaedah dan data digunakan. Instrumen lain yang digunakan dalam kajian ini ialah protokol temu bual separa struktur yang diajukan kepada enam orang ibu bapa yang telah dikenal pasti sebagai peserta kajian dalan kajian ini. Panduan jawapannya dicatatkan oleh pengkaji sendiri dan ada juga yang dicatatkan sendiri oleh peserta kajian dengan bantuan pita rakaman video (audio-visual). Maklumat yang diperolehi daripada sesi temu bual ini akan dirumuskan secara deskriptif oleh pengkaji dan disesuaikan bagi menjawab persoalan kajian.

Antara ciri-ciri temu bual separa struktur ialah setiap soalan dibina secara separa struktur dan ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan tersebut adalah terbuka (Othman, 2014). Sesi temu bual dijalankan secara separa formal. Soalan temu bual adalah fleksibel dan disusun semasa sesi temu bual. Aras bahasa boleh ditambah atau dikurangkan mengikut keperluan (Chua, 2006).

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyediakan sebanyak 20 soalan dan panduan jawapan. 10 soalan yang diajukan berbentuk terbuka *(open-ended question));* yang memerlukan peserta kajian yang merupakan informan menjawab berdasarkan persepsi mereka manakala 10 soalan lagi adalah soalan tertutup *(close-ended quastion*); peserta kajian hanya perlu menjawab " ya" atau " tidak" sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Prosedur Penganalisisan Data

Data kajian pada fasa pertama iaitu pembinaan modul melibatkan dua bahagian. Bahagian pertama untuk melihat keperluan dan kandungan modul data diperoleh menerusi temu bual pakar. Data temu bual ini dianalisis secara tematik. Perisian Atlas.ti digunakan untuk memudahkan proses menganalisis dan mengorganisasikan tema-tema yang terbentuk. Temu bual yang telah dilakukan diperdengarkan semula dan ditranskripsikan satu persatu dalam bentuk dialog. Langkah seterusnya adalah membina tema-tema yang bersesuaian berdasarkan pandangan pakar terhadap keperluan pembinaan modul serta kesesuaian kandungan modul berkenaan. Hasil temu bual dikodkan satu persatu berdasarkan tema-tema yang telah dikenal pasti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian kedua dalam kajian fasa pembinaan modul ini adalah untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan modul. Kesahan modul dikenal pasti dari aspek kandungan, sesi dan aktiviti modul MPAL. Manakala bagi mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan, kaedah pekali A*lpha Cronbach* digunakan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences – SPSS. Versi 23.*

3.8.1 Pengurusan Penganalisisan Data

Dalam kajian ini data dikumpul daripada kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data yang dikumpul diperoleh daripada instrumen-instrumen yang digunakan, pita rakaman, dan nota lapangan. Data yang dikumpul ini, diurus supaya mudah untuk dianalisis. Menurut Silverman (2005) analisis data dalam kualitatif perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilakukan secepat mungkin selepas dikumpul. Untuk memudahkan pengkaji mengurus data satu sistem pengurusan yang sistematik dan mudah adalah perlu supaya data yang dikumpul lebih terurus.

3.8.2 Analisis Data Melalui Perisian Komputer

Penggunaan perisian analisis data kualitatif dengan menggunakan komputer telah memudahkan data diurus, diakses dan dianalisis untuk mendapatkan perspektif yang menyeluruh tentang set data dalam satu-satu kod ataupun mengeluarkan sebahagian daripada dokumen. Terdapat banyak pakej perisian yang boleh digunakan untuk mengurus dan menganalisis data kualitif seperti NUD*IST, Atlas.Ti, Nvivo, dan WinMax. Dalam kajian ini pengkaji memilih Atlas.ti 8 sebagai perisian untuk membantu mengurus dan menganalisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.3 Perisian Atlas.ti 8 dan *SPSS*

ATLAS.ti berasal dari perkataan Jerman "Archiv fUr Technik, Lebens Alltagssprache atau dalam Bahasa Inggeris membawa maksud "*Archive Technology, the Life World and Everyday Language"*. Terdapat penambahan selepas ATLAS yang membawa maksud "Text Interpretation" (Othman Lebar, 2014). Projek ATLAS (1989-1992) dijalankan oleh Technical University of Berlin. Perisian ini dipilih oleh pengkaji kerana versi lesen penuh untuk pelajar adalah murah dan mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sokongan *on-line* yang menyeluruh dan banyak bengkel-bengkel di adakan untuk pengguna Atlas.ti.

Fungsi yang terdapat dalam Atlas.ti ialah ianya berupaya mengekod teks termasuklah Pdf, imej, video dan audio dengan mudah, membuat link mudah dengan '*drag and drop*' dan menghasilkan model visual melalui '*network'*. Dalam kajian ini fail-fail hasil daripada pemerhatian melalui rakaman, video, temu bual dan dokumen akan disimpan dalam *'Document Manager'* atau ringkasnya. Dokumen (Doc) adalah satu unit projek atau penyelidikan yang melibatkan data kualitatif yang memerlukan pentaksiran. Pengekodan dibuat bagi kesemua fail yang disimpan dalam dokumen bagi membentuk kategori yang akan menjawab persoalan kajian. Menurut Ani Munirah (2017), dengan menggunakan Atlas.ti, teks dan kod merupakan dua kunci utama dalam memproses data. Kod boleh dibina sebelum atau selepas membaca teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini pengkaji membina kod terlebih dahulu berdasarkan teori yang digunakan dalam kajian dan berpandukan persoalan kajian. Setelah fail diimpot ke dalam dokumen, segmen-segmen yang sesuai ditandakan untuk dikodkan. Kod-kod tersebut dikategorikan mengikut tema-tema tertentu yang telah ditetapkan dalam kajian ini berdasarkan teori dan persoalan kajian. Kod-kod ini diberi perkaitan semantik dan dipaparkan dalam bentuk grafik. Paparan grafik ini dinamakan '*network*' dalam Atlas.ti. Network yang dibina adalah berdasarkan persoalan kajian yang terdapat dalam kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi maklumat-maklumat yang diperolehi daripada peserta kajian melalui instrumen Borang Soal Selidik Kesahan dan kebolehpercayaan MPAL pula dikumpulkan, disemak dan dinilai. Data-data yang diperolehi daripada soal selidik kemudiannya dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* iaitu meliputi statistik deskriptif dan statistik inferensi. Data-data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis berdasarkan tujuan dan soalan kajian (Sidek, 2002). Kaedah-kaedah yang digunakan ialah kekerapan, peratusan, skor min. Analisis statistik Nilai Alpha Croncbach juga dilaksanakan bagi melihat perbezaan dan perkaitan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini. Penganalisisan data berstatistik menggunakan perisian pengaturcaraan SPSS menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas daripada ralat (Mohd Majid Konting, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Menentukan Kesahan Modul

Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian. Ia bertujuan untuk memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan mengandungi semua ciri-ciri atau gagasan yang harus ada dalam konsep yang diukur (Sabitha, 2006).

Kesahan modul merujuk kepada ketepatan konsep dan kandungan sesuatu modul. Menurut Russel (1974), kesahan modul bagi sesuatu modul penilaian kesahan hendaklah mempunyai lima perkara iaitu;

a) menepati sasaran populasi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) situasi pengajaran atau kaedah perlaksanaan modul adalah bersesuaian,

c) masa yangdiperuntukkan untuk menjalankan atau kaedah pelaksanaan modul adalah mencukupi,

d) modul berjaya menyebabkan berlakunya peningkatan pencapaian pelajar dalam aspek yang disasarkan, dan

e) modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang. Ini bermakna kesahan modul mestilah mengandungi ciri-ciri berkenaan.

3.10 Menentukan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian penting terutamanya dalam kajian kualitatif sama seperti dalam kajian kuantitatif. Beberapa pihak mempertikaikan alat kajian yang digunakan dalam kajian kualitatif disebabkan oleh bias. Buktinya berdasarkan pernyataan "*some might argue that because "observer bias" is a consistent problem with qualitative studies, a greater emphasis on needs to placed on validity and reliability of instruments in qualitative study"* (Goodwin, 1999).

Menurut Sulaiman (2005), mutu proses dan alat pengukuran variabel boleh ditentukan oleh kebolehpercayaan dan kesahihan (kesahan). Kebolehpercayaan (*reliability)* ialah nilai yang sama apabila fenomena atau variabel diukur berulang kali. Bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif pula, pengkaji telah menggunakan kaedah ujian semula *(test-retest)* dan pengesahan dalaman *(interator)* untuk mendapat *inter- reliabiliti* bagi pengesahan semula ke atas borang soalan temu bual separa struktur dan borang senarai semak pemerhatian. Dalam kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini, pengkaji telah mendapatkan khidmat seorang pakar psikologi kanak-kanak sebagai *interator* bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan.

Menurut Mohd Najib (1999), kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan (konsistensi) keputusan ujian. Sidek (2002) menjelaskan sesuatu ujian itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperoleh individu yang sama dengan menjawab ujian yang sama pada masa yang berbeza. Alat ukur yang mengukur sesuatu pemboleh ubah dengan tekal mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, sebaliknya alat ukur yang menghasilkan markat berubah-ubah bagi mengukur gagasan yang sama dikatakan tidak tekal dan mempunyai kebolehpercayaan yang rendah (Mohd Majid Konting, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Najib (1999) juga menegaskan bahawa kesahan merupakan kesesuaian interpretasi yang dibuat daripada markah ujian dan lain-lain keputusan penilaian dengan merujuk kepada kegunaan tertentu penilaian tersebut. Tuckman (1994), dinyatakan dalam Sidek (2002) menjelaskan kesahan sesuatu ujian menggambarkan sejauh mana ujian tersebut mengukur apa yang sepatutnya diukur.

3.11 Kajian Rintis Modul Pendidikan Akhlak (MPAL)

Kajian rintis berkaitan pembinaan modul dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kualiti dan mutu draf modul yang telah dibina. Sesuatu modul masih dianggap draf sekiranya ianya masih belum ditentukan kesahan dan kebolehpercayaannya (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian rintis, pengkaji akan melihat kesesuaian kandungan yang telah ditentukan di samping aktiviti-aktiviti, kesesuaian bahasa yang digunakan, kesesuaian media serta aspek-aspek yang lain.

Kajian rintis selalunya melibatkan pengumpulan bukti dan maklumat daripada orang lain sebelum menjalankan kajian yang lebih besar (Holmes, 2011). Oleh itu adalah perlu untuk menjalankan kajian ini sebelum kajian sebenar dilaksanakan.. Kajian rintis ini dijalankan di salah sebuah TASKA yang menjadi pilihan dalam kajian ini. Tujuannya untuk membuat penambahbaikan dalam pendekatan ini terutamanya dalam instrument yang hendak digunakan dalam kajian. Menurut Merriam (2001) yang mengatakan kajian rintis memberi peluang kepada pengkaji untuk memperbaiki kelemahan yang ada pada instrumen yang akan digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji juga mendapatkan pengesahan pakar terhadap instrumen yang di gunakan dalam kajian sebenar. Instrumen ini juga telah digunakan dalam kajian rintis. Tujuan kajian rintis terhadap instrumen dilakukan ialah untuk mengetahui sama ada instrumen tersebut sesuai dan dapat digunakan dalam kajian ini. Tujuan kedua ialah untuk meningkatkan kemahiran dan teknik yang akan digunakan semasa melaksanakan analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Akhir sekali untuk membuat penyesuaian terhadap kandungan dan bahasa dalam instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.12 Prosedur Pelaksanaan Kajian

Proses pemungutan data dijalankan oleh pengkaji sendiri. Terlebih dahulu kajian awal dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan juga beberapa perpustakaan lain mengenai kajian lepas mengenai topik kajian ini. Bagi memastikan perancangan untuk menjalankan kajian ini berjalan lancar, langkah dan perkara-perkara utama akan dikenal pasti oleh pengkaji. Beberapa prosedur kajian akan dipenuhi oleh pengkaji agar kajian yang dijalankan tidak menyalahi peraturan-peraturan atau etika penyelidikan yang telah ditetapkan iaitu :

a) Memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan *(EPRD)* KPM. (Dikecualikan kerana TASKA swasta).

b) Mendapatkan kebenaran daripada Pihak Pengurusan TASKA berkenaan untuk mengambil pendidik dan kanak-kanak sebagai sampel kajian.

c) Menjalankan kajian rintis di TASKA yang dipilh untuk melihat kebolehpercayaan dan kesahan item-item soalan dalam soalan kaji selidik yang akan diguna dalam kajian ini.

d) Pengumpulan dan penganalisaan data dibuat oleh pengkaji sendiri.

Instrumen-instrumen yang telah diisi oleh peserta kajian dimansuhkan. Ini untuk menjaga kerahsiaan, seperti yang termaktub dalam etika penyelidikan. Hanya data-data keseluruhan selepas diproses digunakan. Pengkaji tidak bercadang untuk menggunakan data tersebut bagi kajian lanjut dalam bidang kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah jadual yang menunjukkan metodologi kajian bagi Fasa Pembinaan Modul yang dilaksanakan oleh pengkaji.

Jadual 3.2

Metodologi Kajian bagi Fasa Pembinaan Modul

REKA BENTUK	Kajian Awal menggunakan KaedahTinjauan
LOKASI	Di beberapa buah IPTA dan IPG
RESPONDEN Kumpulan 1:	2 orang pakar dalam bidang PAKK (P.M. Dr. Nordin Mamat & Dr. Azizah Lebai Nordin)
Kumpulan 2:	2 orang pakar dalam bidang Pendidikan .Islam (Dr. Rosnaaini Hamid & Dr. Ridzuan Ahmad)
Kumpulan 3:	2 orang pakar dalam Pembinaan dan Kandungan Modul (Dr. Md Noor Saper & Dr. Gazilah Mohd Isa)
Kumpulan 4:	2 orang pakar bahasa (BM & BI) (En. Mohd Januri Aiyub & En. Alpian Ali)
KAEDAH PENSAMPELAN	Pensampelan bertujuan
INSTRUMEN KAJIAN	Borang Soal Selidik Kesahan kandungan –mengandungi 5 item dan skala 1-10
	Borang Soal Selidik Kebolehpercayaan Instrumen(diubahsuai dari Sidek Mohd Noah & Jamaluddin Ahmad, 2005) Bahagian A: latar belakang responden Bahagian B:44 item dan skala 1-5
KEBOLEHPERCAYAAN	Nilai Pekali Cronbach Alpha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut pula adalah jadual yang menunjukkan metodologi kajian bagi Fasa Penilaian Modul yang dilaksanakan oleh pengkaji.

Jadual 3.3

Metodologi Kajian bagi Fasa Penilaian Modul

REKA BENTUK	Kajian Kes menggunakan Kaedah Pemerhatian dan Temu bual

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 (*sambungan*)

Metodologi Kajian bagi Fasa Penilaian Modul

LOKASI	sebuah TASKA di Negeri Kedah (kelas bagi 3-4 tahun)
RESPONDEN Kumpulan 1:	6 orang kanak-kanak berumur antara 3 hingga 4 tahun
Kumpulan 2:	6 orang pendidik
Kumpulan 3:	6 orang ibu/ bapa
KAEDAH PENSAMPELAN	Pensampelan Bertujuan *(Purposive Sampling*
INSTRUMEN KAJIAN	Senarai semak Tingkah Laku Positif Protokol Temu bual Separa Struktur
TRIANGULASI	Nota lapangan, rakaman video dan audio

Daripada **Jadual 3.1** dan **Jadual 3.2,** jelaslah bahawa pengkaji telah menjalankan kajian ini dengan begitu sistematik agar data-data yang dikumpulkan menjadi data imperikal yang berguna dalam kajian ini seterusnya boleh menjadi panduan kepada pengkaji lain pada masa akan datang.

Secara ringkasnya, kronologi kajian ini mengandungi dua Fasa. Fasa 1 merupakan Fasa Pembinaan Modul manakala Fasa 2 adalah Fasa Penilaian Modul. **Rajah 3.1** berikut menjelaskan lagi prosedur pelaksanaan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Kronologi Fasa Pembinaan dan Penilaian Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman (MPAL)

Berdasarkan **Rajah 3.1** yang digambarkan, secara kronologinya, bagi memenuhi keperluan pendidik terhadap keperluan modul Pendidikan Akhlak dan mengenal pasti sumber atau bahan pengajaran yang diperlukan, pengkaji membangunkan satu modul yang akan dinamakan sebagai Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL). Modul tersebut dibina oleh pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berdasarkan Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005) dan Model Pembinaan Modul Sidek (2005).

3.13 Triangulasi

Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah triangulasi dan *member checking* dalam memastikan kebolehpercayaan data dan maklumat kajian. Menurut Merriam (2009) triangulasi ialah menggunakan pelbagai cara penyelidikan, sumber data atau kaedah pengumpulan data untuk mengesahkan dan meningkatkan keyakinan terhadap penemuan baru. Dalam penyelidikan kualitatif triangulasi merupakan asas dalam kajian ini yang akan menguatkan data dalam kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Triangulasi digunakan untuk membuktikan kesahan dan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji (Franken et.al, 2012). Ia melibatkan semakan ke atas apa yang dilihat dengan membandingkan sumber-sumber yang diperolehi daripada beberapa maklumat. Triangulasi boleh meningkatkan kualiti data yang dikumpul dan mempunyai ketepatan dengan taksiran yang dibuat oleh penyelidik. Ia boleh berlaku secara semulajadi walaupun dalam perbualan tidak formal. Triangulasi juga seringkali digunakan untuk meningkatkan kepercayaan data yang dikumpul dalam penyelidikan kualitatif. Bentuk yang paling lazim melibatkan penggunaan sumber yang pelbagai atau penggunaan strategi pengumpulan data yang berbeza (Noraini, 2010).

Terdapat empat bentuk triangulasi menurut Noraini (2010) iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Triangulasi data yang melibatkan pengumpulan data melalui beberapa strategi pensampelan supaya data yang diperoleh pada masa, situasi dan sampel yang berbeza dikumpul.

ii. Triangulasi penyelidik merujuk kepada penggunaaan lebih daripada seorang penyelidik dalam bidang yang sama untuk mengumpul dan mentafsir data.

iii. Triangulasi teori merujuk kepada penggunaan lebih daripada teori dalam pentafsiran data.

iv. Triangulasi metodologi merujuk kepada penggunaan lebih daripada satu kaedah untuk mengumpul data.

3.14 Etika Pelaksanaan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam melaksanakan sebarang bentuk kajian sama ada berbentuk kuantitatif atau kualitatif perkara yang perlu diberi perhatian ialah etika. Etika kajian merupakan asas supaya maklumat serta teknik kajian tidak disalahgunakan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja (Othman, 2014). Sebelum penyelidikan dijalankan isu yang mungkin timbul perlu difikirkan dan dijelaskan terlebih dahulu supaya tidak timbul semasa atau selepas menjalankan kajian. Oleh itu segala tindakan yang sesuai perlu diambil untuk melindungi peserta yang terlibat dalam kajian supaya tidak memberi kesan terhadap diri dan kehidupan mereka.

Etika boleh didefinisikan sebagai aktiviti yang meneliti standard moral seseorang atau masyarakat dan bagaimana standard tersebut digunakan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehidupan (Othman, 2011). Terdapat beberapa strategi yang digunakan oleh penyelidik agar mematuhi dan melaksanakan etika penyelidikan. Antaranya ialah:

i. merujuk kepada sesuatu pihak pengurus bagi sesuatu organisasi dan mendapat persetujuan bertulis daripada pihak pengurusan.

ii. Mendapat kebenaran daripada ibu bapa peserta kajian yang terlibat dalam kajian dengan memaklumkan mereka tentang penyelidikan dan penglibatan mereka dalam kajian tersebut.

iii. Mendapat kebenaran daripada ibu bapa, penjaga dan guru melalui surat atau perjumpaan khas.

iv. Pengkaji menjanjikan kerahsiaan terhadap maklumat, identiti data sepanjang kajian dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15 Rumusan

Sebagai kesimpulannya, Bab 3 ini menjelaskan mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan pendekatan kualiitatif. Kaedah analisis dokumen, temu bual separa struktur dan pemerhatian digunakan bagi mengutip data kualitatif. Di samping itu, bagi mendapatkan data analisis statistik Nilai Alpha Cronbach dijalankan dalam kajian ini. Data-data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 23* manakala data kualitatif yang diperolehi, dianalisis dengan menggunakan perisisan Atlas.ti 8. Semua dapatan data yang dianalisis akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab 4 seterusnya. Segala bentuk data yang diperolehi adalah merupakan sumber primer kepada pengkaji bagi menjawab soalan-soalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa aspek berkaitan dapatan kajian berdasarkan tujuan kajian iaitu pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dan melihat kesan modul terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak. Kajian ini melibatkan dua fasa iaitu fasa pembinaan modul dan fasa penilaian modul. Pada fasa pembinaan modul, dapatan kajian diperoleh daripada panel pakar yang telah dilantik dan 30 orang guru pendidikan awal kanak-kanak manakala bagi fasa penilaian modul, dapatan kajian diperoleh daripada analisis data pemerhatian, yang ditanda oleh pendidik. Protokol temu bual yang dijawab oleh ibu bapa turut dibincangkan bagi menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Analisis Prosedur Pembinaan Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dengan Menggunakan Kaedah Analisis Dokumen

Bagi menjawab soalan kajian yang pertama, iaitu:

1. Bagaimanakah Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dari ayat 14, 18, dan 19 dibina?

   1.1 Apakah prosedur pembinaan modul yang digunakan bagi pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) dari ayat 14,18, dan 19?

Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen semasa proses pembinaan MPAL. Pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) ini didasari oleh beberapa eleman. Prosedur pembinaan model merujuk kepada dua model utama iaitu Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005) dan Model Pembinaan Modul Sidek (2005). Manakala kandungan modul pula didasari oleh Surah Luqman dari ayat 12 hingga 19. Di mana hanya tiga ayat sahaja iaitu ayat 14,18 dan 19 yang diberi penekanan kerana berfokus kepada tujuan dan hasil kajian iaitu aspek pendidikan akhlak. Di samping itu, kajian ini juga memberi fokus kepada dua fasa kajian iaitu fasa pembinaan modul dan fasa penilaian kesan modul.

Analisis dokumen merupakan salah satu kaedah yang melibatkan pelbagai bentuk komunikasi manusia termasuklah perubahan susunan dokumen bertulis, rakaman video dan pita rakaman. Tujuan analisis kandungan ialah mengenal pasti kehadiran perkataan atau konsep tertentu dalam teks dan membuat inferensi tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mesej dalam teks. Berikut adalah senarai dokumen yang dianalisis bagi menjawab soalan kajian yang pertama.

Jadual 4.1

Dapatan Analisis Dokumen semasa Proses Pembinaan Modul

Jenis Dokumen	Dapatan Analisis Dokumen
Al-Quran	Surah Luqman (Surah 31; Juzuk 21; Ayat1-34) Hanya ayat 14,18 dan 19 sahaja yang berkaitan dengan tingkah laku positif kanak-kanak iaitu: berbuat baik kepada ibu bapa, rendah hati, bersederhana dan bertutur secara sopan (seterusnya menjadi konstruk utama dalam kajian dan tajuk dalam MPAL).
Nota Lapangan	Pandangan mengenai kesesuaian Surah Luqman dengan tajuk dan tujuan kajian diperoleh daripada 2 orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam (Dr. Rosnaaini Hamid & Dr. Ridzuan Ahmad) .
Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey	Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey &Carey (1985;1996;2001;2005;2008;2014) telah dirujuk dan dianalisis secara terperinci bagi mendapatkan kesesuaian kepada prosedur pembinaan dan kandungan modul.
Model Pembinaan Modul Sidek Noah &Jamaluddin	Model Pembinaan Modul Sidek Noah &Jamaluddin telah dirujuk dan dianalisis secara terperinci bagi mendapatkan kesesuaian kepada prosedur pembinaan dan kandungan modul.
Nota Lapangan	Pandangan mengenai kesesuaian model yang digunakan bagi pembinanaan MPAL diperoleh daripada 2 orang pakar dalam Pembinaan dan Kandungan Modul (Dr. Md Noor Saper & Dr. Gazilah Mohd Isa).
Nota Lapangan	Pandangan diperoleh daripada 2 orang pakar dalam bidang PAKK (P.M. Dr. Nordin Mamat & Dr. Azizah Lebai Nordin) berkaitan pemilihan konstruk tingkah laku positif kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Dapatan Analisis Dokumen berdasarkan Instrumen Kajian

Jenis Dokumen	Dapatan Analisis Dokumen
Borang Soal Selidik Kesahan kandungan	Borang Soal Selidik Kesahan dibina dengan merujuk dan diubahsuai dari Sidek Mohd Noah & Jamaluddin Ahmad,(2005) yang mengandungi 5 item dan skala 1-10 Formula pengiraan pencapaian Kesahan Kandungan Modul yang disarankan juga digunakan.
Borang Soal Selidik Kebolehpercayaan Instrumen	Pembinaan Instrumen Borang Soal Selidik Kebolehpercayaan yang mengandungi: Bahagian A: latar belakang responden Bahagian B:44 item dan skala 1-5 juga telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan yang dibuat oleh 2 orang pakar bahasa (En.Mohd Januri Aiyub & En. Alpian)

Pembinaan sesebuah modul memerlukan pendekatan dan kepatuhan kepada prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Rusell (1974) telah memberikan garis panduan yang mantap berkaitan dengan proses pembinaan sesuatu modul. Begitu juga penulisan oleh Sidek dan Jamaludin (2005), telah menggariskan tentang bagaimana membina modul latihan dan akademik yang sempurna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman

Di Malaysia, panduan yang khusus bagi pengajaran Pendidikan Islam dalam bidang PAKK yang merujuk kepada Surah Luqman masih belum dikaji secara meluas. Oleh yang demikian, usaha untuk membina modul pendidikan yang berpandukan surah dari Al-Quran amat penting agar tidak terus tersasar dari tujuan pendidikan yang sepatutnya. Menurut Abdulrahman (1995), untuk memperoleh hasil yang sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan matlamat, metode pendidikan yang dihasilkan haruslah merupakan paduan antara aspek keillahian (ketuhanan) dan keilmiahan (akademik) sehingga dapat dijadikan pegangan para pendidik dalam membina umat manusia sebagai modal insan.

Kurikulum PAKK juga merupakan suatu yang dirancang dan tidak dirancang *(hidden curriculum).* Ia adalah pengalaman pembelajaran yang dibekalkan kepada kanak-kanak sesuai tahap perkembangan mereka. Perkara ini selaras dengan pandangan Mastura Badzis (2009) yang menyarankan pembinaan Kurikulum Intergratif dapat menyepadukan pengetahuan dengan pengalaman, aspek pengetahuan dengan potensi, dan pendekatan Barat dengan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum PAKK bukan sekadar untuk mendidik kanak-kanak supaya pandai membaca, menulis dan mengira sahaja. Tapi apa yang lebih penting, ia perlu dibentuk untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek pertumbuhan diri kanak-kanak ke arah perkembangan yang menyeluruh dan seimbang. Sehubungan dengan itu, kurikulum Pendidikan Islam bagi kanak-kanak diajarkan secara umum bertujuan untuk memantapkan akidah Islam, meningkatkan kecenderungan kepada ilmu, keimanan dan mencapai matlamat pembinaan modal insan. Walhal, hasrat dan tujuan kurikulum berkenaan tidak dapat dipastikan tahap keberhasilannya.

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasi dua model utama sebagai kerangka teoritikal kajian iaitu Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005) dan Model Pembinaan Modul oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005). Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey (2005) diadaptasi oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji mengikut kesesuaian bagi mencapai tujuan kajian iatu membina satu modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman dan mengkaji kesannya terhadap pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak. Manakala Model Pembinaan Modul Sidek (2005) pula adalah model utama yang dirujuk oleh pengkaji selain bagi tujuan menyesuaikannya mengikut prosedur, pembinaan modul yang berstruktur juga perlu untuk menghasilkan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL).

Berdasarkan kepada Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey (2005), pengkaji melalui sepuluh langkah dalam membina Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) yang boleh digunakan sebagai panduan kepada para pendidik PAKK. Sepuluh langkah pembinaan MPAL digambarkan melalui rajah berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Sepuluh Langkah Pembinaan MPAL yang disesuaikan dari Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat dua peringkat dalam pembinaan MPAL. Peringkat pertama merupakan peringkat penyediaan draf modul. Pada peringkat ini terdapat sembilan langkah yang perlu dilalui seperti yang digambarkan dalam **Rajah 4.2** berikut;



Rajah 4.2. Sembilan Langkah Pembinaan Draf Modul MPAL

Pada peringkat pertama merupakan peringkat penyediaan. Draf modul disebut kerana modul belum dibuktikan kesahan dan kebolehpercayaannya. Draf modul ini seterusnya melalui peringkat pembinaan yang kedua yang dinamakan sebagai peringkat mencuba dan menilai kesan modul. Pada peringkat ini, draf modul yang telah dibina melalui kajian rintis untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Setelah draf modul yang dibina mempunyai kesahan dan tahap kebolehpercayaan yang tinggi, maka ia boleh diterima sebagai modul yang bermutu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah-langkah pembinaan modul MPAL dibincangkan secara terperinci dengan merujuk juga kepada Model Pembinaan Modul Sidek (2005). Berikut adalah **Rajah 4.3** yang menggambarkan kerangka prosedur pembinaan dan penilaian modul yang yang lengkap yang diadaptasi oleh pengkaji daripada kedua-dua Model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey (2005) dan Model Pembinaan Modul Sidek (2005).



Rajah 4.3. Kerangka Prosedur Pembinaan dan Penilaian MPAL diadaptasi daripada Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey, 2005 dan disesuaikan dengan Model Pembinaan Modul Sidek, 2005.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses pembinaan MPAL telah melalui prosedur yang agak panjang. Pengkaji telah memulakan pembinaan modul dengan membuat analisis dokumen rujukan utama dalam kajian ini iaitu Al-Quran Surah 31 dari juzuk 21 Surah Luqman yang mengandungi sebanyak 34 ayat. Walau bagaimanapun, fokus utama yang berikan adalah perkara yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak yang memberi tumpuan kepada ayat 12 hingga ayat 19. Setelah dianalisis berdasarkan terjemahan dan tafsiran Surah, didapati hanya terdapat tiga ayat daripada Surah Luqman yang berkaitan dengan Pendidikan Akhlak iaitu ayat 14, 18 dan ayat 19. Maka dengan itu, empat tema atau tajuk utama diperoleh daripada ketiga-tiga petikan ayat tersebut sebagai konstruk utama dalam kajian ini.

Modul Pendidikan Akhlak Luqman (MPAL) ini merupakan panduan pelaksanaan pengajaran yang dibina khusus sebagai rujukan para pendidik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Modul ini mengandungi cadangan contoh aktiviti pengajaran pendidikan akhlak yang disusun dari mudah ke susah berdasarkan susunan ayat dalam Surah Luqman, iaitu ayat 14, 18 dan ayat 19.

Keistimewaan modul ini ialah setiap tajuk dimulakan dengan petikan ayat daripada Surah Luqman berserta terjemahannya. Teknik pengajaran yang disarankan juga merujuk metodologi pendidikan yang digunakan oleh Luqman kepada anaknya seperti nasihat, larangan, perintah, suruhan, penceritaan dan perumpamaan. Pendidikan yang dipamerkan oleh Luqman al-Hakim merupakan satu pendekatan bersepadu, iaitu pendidikan yang menggabungkan dua paksi iaitu hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia (Fauziah Hanim Jalal dan rakan-rakan, 2014),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah memulakan penulisan draf pembinaan modul dengan berpandukan model prosedur pembinaan modul Sidek yang telah disesuaikan dengan model Reka bentuk Pengajaran Dick, Carey & Carey bagi memenuhi keperluan dan tujuan pembinaan modul bagi kajian ini. Pembinaan draf MPAL juga dibina dengan merujuk modul-modul yang sedia ada dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak iaitu Modul PERMATA bagi Bidang Pembelajaran Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi dan Kerohanian (untuk kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun), Kurikulum PERMATA Negara (2013) dan Modul Pendidikan Islam Prasekolah (2010).

Berdasarkan kaedah analisis dokumen yang dijalankan, didapati beberapa kekuatan dan kelemahan dikenal pasti daripada modul-modul sedia ada yang telah dirujuk. Pembinaan MPAL dibina berpandukan langkah-langkah yang digariskan dalam **Rajah 4.3** di atas.

Proses pembinaan Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman (MPAL) adalah bermula dengan pembinaan matlamat. Pembinaan matlamat MPAL adalah didasari oleh matlamat yang terkandung dalam dokumen Kurikulum PERMATA Negara (2012). Berikut adalah matlamat yang termaktub dalam kurikulum PERMATA Negara;

> Matlamat Kurikulum PERMATA Negara ialah untuk menyediakan program asuhan dan didikan awal yang bersepadu untuk kanak-kanak yang berumur 0-4 tahun. Kurikulum ini juga menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk mendapat pengalaman pembelajaran awal yang berkualiti untuk melahirkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> modal insan negara yang mempunyaisahsiah mulia, kerohanian yang mantap, kecerdasan intelek yang tinggi, menghargai kepelbagaian budaya, patriotik, mengamalkan gaya hidup sihat (Kurikulum PERMATA Negara, 2012, ms. 12).

Selain itu, pengkaji turut merujuk kepada matlamat kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang menyebut bahawa;

> Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan bertujuan memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep kendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya. (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2016, ms. 2)

Berdasarkan matlamat-matlamat kurikulum pendidikan awal kanak-kanak yang dirujuk, pengkaji membina matlamat MPAL Matlamat utama MPAL dibina adalah untuk dijadikan sebagai panduan kepada para pendidik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak bagi mengajar Pendidikan Akhlak kepada kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengetahuan asas berkaitan pendidikan akhlak adalah penting sebelum kanak-kanak diajarkan mengenai perkara-perkara yang lebih mendalam seperti Rukun Iman, Rukun Islam, Sirah Rasulullah dan Asas Al-Quran. Pada peringkat awal, kanak-kanak perlu diajarkan secara berperingkat-peringkat daripada perkara yang mudah kepada yang lebih susah agar sahsiah dan akhlak mulia dapat dipupuk seawal usia ke arah menjadikan kanak-kanak sebagai modal insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

Seterusnya, pengkaji mengenal pasti teori, rasional, falsafah, konsep, sasaran dan tempoh masa. Dalam kajian ini, pengkaji telah merujuk dua pandangan tokoh falsafah Timur iaitu Imam Al-Ghazali dan Abdullah Nashih Ulwan. Di samping itu, dua teori Barat yang dirujuk oleh pengkaji ialah Teori Perkembangan Moral Piaget dan Teori Perkembangan Moral Kohlberg. Pengkaji telah menetapkan kumpulan sasaran yang menjadi peserta kajian ini iaitu enam orang kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun dan tempoh mengutip data kajian dengan menggunakan MPAL berlangsung selama tiga bulan iaitu dari bulan Januari hingga Mac 2017.

Langkah ketiga dalam prosedur pembinaan MPAL ialah kajian keperluan. Pada sesetengah prosedur pembinaan modul, kajian keperluan atau dikenali juga sebagai analisis keperluan diletakkan sebagai asas sebelum penetapan matlamat. Namun, dalam kajian ini, kajian keperluan dirujuk melalui pernyataan masalah kajian. Hasil temubual pengkaji dengan pakar bidang pendidikan awal kanak-kanak iaitu Azizah Lebai Nordin (2017), pembinaan MPAL amat diperlukan. MPAL merupakan solusi kepada permasalahan yang timbul dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak di negara ini. Pembinaan MPAL ini diharapkan dapat memenuhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompangan yang ada dan diharapkan dapat dijadikan sebagai satu sumbangan kepada bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Langkah keempat pula adalah menetapkan objektif. Pengkaji telah menetapkan objektif pembinaan modul selari dengan objektif kajian ini. Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) ini dibahagikan kepada empat tajuk utama, iaitu Berbuat Baik kepada Ibu Bapa, Rendah Hati, Bersederhana dan Bertutur Secara Sopan yang dirujuk khusus berdasarkan kandungan surah Luqman dalam ayat 14, 18 dan ayat 19. Setiap satu tajuk mengandungi dua aktiviti yang dirancangkan khusus bagi memenuhi keperluan pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak. Pengkaji tidak mengenepikan elemen amalan bersesuaian perkembangan dalam pembentukan objektif MPAL.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah objektif MPAL:

i. Memberi panduan pengajaran Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman kepada para pendidik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak bagi menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan, menyeronokkan dan bermakna.

ii. Memberi peluang kepada kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam sesi pembelajaran secara aktif melalui aktiviti-aktiviti yang berteraskan Pendidikan Akhlak.

iii. Menyediakan peluang kepada kanak-kanak seawal usia tiga hingga empat tahun untuk mencapai potensi perkembangan dari aspek kerohanian dan moral yang diharapkan.

iv. Menerapkan nilai-nilai Islam melalui aplikasi amalan kerohanian dalam kehidupan seharian kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif MPAL yang diutarakan adalah relevan dan berjaya dicapai dalam tempoh pelaksanaannya selama tiga bulan. Pengkaji tidak menghadapi sebarang masalah untuk memenuhi pencapaian objektif MPAL ini.

Berikut pula adalah langkah kelima dalam prosedur pembinaan modul iaitu pemilihan isi kandungan. Isi kandungan MPAL didasari dari Al-Quran Ayat 14,18, dan 19 dari Surah Luqman. MPAL ini dibahagikan kepada empat tajuk yang berkaitan dengan Pendidikan Akhlak. Fauziah Hanim, Nazariah, Ibrahim, dan Melati (2014) menjelaskan bahawa Dimensi Akhlak ialah pembentukan sahsiah dan keperibadian manusia. Fauziah dan rakan-rakan (2014) mengkategorikan Dimensi Akhlak kepada empat indikator, iaitu taat kepada ibu bapa, sederhana, rendah hati dan komunikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, empat tajuk kandungan dalam MPAL telah ditetapkan, iaitu Berbuat Baik kepada Ibu Bapa, Rendah Hati, Bersederhana dan Bertutur Secara Sopan. Setiap tajuk mengandungi dua aktiviti pengajaran yang boleh menjadi panduan kepada para pendidik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak bagi melaksanakan pengajaran pendidikan akhlak dengan lebih berkesan.

Berikut adalah tema utama yang disenaraikan sebagai konstruk kajian dan menjadi tajuk kandungan dalam MPAL.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Senarai Tajuk Kandungan MPAL

Bilangan	Tajuk
1	Berbuat Baik kepada Ibu bapa
2	Rendah Hati (tidak sombong)
3	Bersederhana
4	Bertutur Secara Sopan

Langkah pembinaan modul yang keenam seterusnya ialah pemilihan strategi. Menerusi MPAL, pengkaji menggarapkan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tajuk isi kandungan dan objektif yang hendak dicapai. Strategi yang dipilih adalah pelbagai iaitu strategi berpusatkan guru/ pendidik. Kebanyakan aktiviti menggunakan strategi ini kerana kanak-kanak yang berusia tiga hingga empat tahun masih memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar serta perhatian penuh daripada pendidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, terdapat juga strategi yang berpusatkan kanak-kanak yang dijalankan secara berkumpulan dan individu terutama melalui aktiviti-aktiviti seperti bermain, berlakon, menonton video, bercerita dan penguasaan kemahiran berfikir seperti membandingkan tingkah laku baik atau buruk.

Seterusnya, langkah ketujuh dalam prosedur pembinaan modul ialah pemilihan logistik. Pemilihan logistik merujuk kepada lokasi pelaksanaan modul. Dalam kajian ini, pengkaji memilih lokasi di salah sebuah TASKA di negeri Kedah. Premis TASKA tersebut merupakan sebuah rumah dua tingkat yang mempunyai empat bilik. Bagaimana pun, lokasi kajian hanya berpusat di ruang belajar yang juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan ruang tamu di premis tersebut. Ruang yang selesa dengan pengudaraan dan pencahayaan yang cukup membantu menjadikan logistik tersebut kondusif kepada peserta kajian. Hal ini juga melancarkan pelaksanaan kajian dan kajian dapat dijalankan dengan sempurna.

Pemilihan media merupakan prosedur pembinaan MPAL yang kelapan yang dilalui oleh pengkaji. Selain dari pedagogi yang dicadangkan menggarapkan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran, teknik, strategi pengajaran dan pembelajaran, pemilihan media pengajaran juga amat penting diambil kira. Alat atau bahan bantu mengajar (ABM/ BBM) yang disediakan bersama dengan MPAL terdiri daripada pelbagai bahan media termasuk bahan teknologi. Berikut adalah bahan media yang telah disediakan oleh pengkaji mengikut tajuk kandungan MPAL. Kesemua bahan media dipelbagaikan bagi memastikan MPAL dan pengajaran Pendidikan Akhlak dapat dijalankan secara berkesan dalam situasi pembelajaran yang menyeronokkan, bermakna dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Senarai Bahan Media mengikut Tajuk dan Aktiviti MPAL

Tajuk 1 - Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa (Aktiviti 1- Melafaz Doa Untuk Ibu Bapa)
Audio visual (MP4) nasyid doa untuk ibu bapa Carta doa untuk ibu bapa
Tajuk 1 - Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa (Aktiviti 2- Bercerita)
Buku cerita - Siri Modul Pendidikan Akhlak Luqman Kad cerita – Kisah Teladan 1
Tajuk 2 – Rendah Hati (Tidak Sombong) (Aktiviti 1- Bercerita)
Buku Koleksi Cerita-cerita Tauladan Dalam Islam

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4 (*sambungan*)

Senarai Bahan Media mengikut Tajuk dan Aktiviti MPAL

Tajuk 2 – Rendah Hati (Tidak Sombong) (Aktiviti 2- Berjalan Secara Sopan)
Pakaian cantik
Pakaian buruk
Karung kecil
Model wang syiling emas
Tajuk 3 – Bersederhana (Aktiviti 1- Berjalan Dan Berhenti)
Tali
Audio (MP3) - lagu Kami Berjalan dan Berhenti
Alat muzik – kompang @ alat perkusi
Tajuk 3 – Bersederhana (Aktiviti 2- Berlakon)
Pakaian – watak ahli keluarga
Alat permainan pondok @ masak-masak
Lego
Tajuk 4 – Bertutur Secara Sopan (Aktiviti 1- Bermain Telefon Pintar)
Rakaman audio (MP3) – bunyi deringan telefon
Model telefon pintar @ telefon mainan
Tajuk 4 – Bertutur Secara Sopan (Aktiviti 1- Membandingkan Baik atau Buruk)
Rakaman audio (MP3) – bunyi suara keldai
Rakaman audio (MP3) – bunyi suara manusia
Papan tanda simbol jari (*thumb up)*
Papan tanda simbol jari (*thumb down*)

Secara ringkas, pemilihan media yang pelbagai mampu menjana minat dan tumpuan kanak-kanak untuk mengikuti sesi pelaksanaan MPAL. Media yang berkesan juga menjadikan ilmu dan didikan yang diberi lebih berkesan bermakna. Pengalaman menggunakan media yang dilalui menjadikan pembelajaran lebih menarik dan mudah diingati dan dapat dihubung kait dengan kehidupan seharian kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah terakhir dalam prosedur pembinaan MPAL ialah langkah kesembilan ialah menyatukan draf modul. Pada langkah ini, pengkaji melaksanakannya dengan mengambil kira unsur-unsur kekemasan, organisasi dan tata letak kandungan modul dan grafik yang sesuai. Akhirnya draf MPAL disiapkan dan melalui proses seterusnya iaitu draf lengkap modul dihasilkan untuk dicuba dan diuji rintis sebelum diterima sebagai modul yang sempurna.

4.3. Analisis Dapatan Data dari Instrumen Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)

Pada bahagian dapatan kajian ini, pengkaji mengumpul data secara berperingkat dan menginterpritasi dapatan berdasarkan instrumen yang disediakan. Seterusnya pengkaji menjalankan kaedah tinjauan bagi mendapatkan data untuk menjawab soalan kajian kedua. Berikut adalah soalan kajian yang kedua dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Apakah nilai kesahan kandungan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

Bagi menjawab soalan kajian yang kedua ini, pengkaji menggunakan format borang soal selidik yang dicadangkan oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005). Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan MPAL terdiri dari lima pernyataan dengan skala darjah persetujuan 0 bagi sangat tidak setuju dan 10 sangat setuju. Bagi mengukur nilai pencapaian kesahan kandungan pula, pengkaji sekali lagi menggunakan formula pengiraan nilai pencapaian kesahan kandungan yang juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disarankan oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005). Oleh itu dapatan yang diperolehi bagi menjawab soalan kajian adalah 0.92% seperti berikut:

Jadual 4.5

Analisis Dapatan Data dari Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan MPAL

Bil	**Pernyataan**	**Pernyataan dan Darjah Persetujuan**										
	Item Soal Selidik Kesahan Modul	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
		1	2	3	4	5	Jum Skor	Nilai Kesahan Kandungan				
1.	Pakar Penilai (PP 1)	10	10	10	10	9	49	0.98%				
2.	Pakar Penilai (PP 2)	10	9	10	10	9	48	0.96%				
3	Pakar Penilai (PP 3)	9	9	9	9	8	44	0.88%				
4.	Pakar Penilai (PP 4)	8	8	9	9	-	34	0.68%				
5.	Pakar Penilai (PP 5)	10	10	10	10	9	49	0.98%				
6.	Pakar Penilai (PP 6)	10	9	10	10	8	47	0.94%				
7.	Pakar Penilai (PP 7)	10	9	10	10	10	49	0.98%				
8.	Pakar Penilai (PP 8)	10	9	10	10	8	47	0.94%				
				JUMLAH:			**367/400**	**0.92%**				

Formula : $\frac{\text{Jumlah Skor Pakar (X)}}{\text{Skor Maksimum}} \times 100\% =$ Pencapaian Kesahan Kandungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan data yang menunjukkan pada item pertama iaitu kandungan modul MPAL menepati sasaran populasi; enam daripada lapan orang Panel Penilai (PP) sangat setuju dengan darjah persetujuan adalah 10. Hanya seorang memberikan darjah persetujuan pada skala 9 dan seorang lagi pada skala 8. Ini menunjukkan kandungan modul adalah sangat sesuai dengan tahap umur kanak-kanak yang berusia tiga hingga empat tahun.

Bagi pernyataan soal selidik item yang kedua iaitu kandungan modul ini dibina dengan sempurna dan lengkap pula, didapati dua orang PP sangat setuju dengan menanda skala 10, lima orang bersetuju pada skala 9 dan hanya seorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersetuju dengan skala 8. Ini membuktikan bahawa MPAL yang telah dibina adalah sempurna dan lengkap dari segi proses pembinaan dan kandungannya.

Bagi pernyataan soal selidik kesahan kandungan MPAL yang ketiga pula iaitu kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan; didapati enam orang PP sangat setuju pada skala 10 dan hanya dua orang PP menanda pada skala 9. Dapatan ini menunjukkan bahawa tempoh masa yang ditetapkan dalam MPAL adalah sesuai. Pernyataan tersebut jelas terbukti apabila pengkaji berjaya melaksanakan kesemua kandungan modul dalam tempoh tiga bulan seperti yang dirancangkan dengan pelaksanaan bagi setiap satu aktiviti selama 30 minit.

Dapatan bagi pernyataan item yang keempat iaitu kandungan modul ini mudah untuk dilaksanakan, juga menunjukkan data yang sama seperti item tiga. Enam orang PP sangat setuju pada skala 10 dan hanya dua orang PP menanda pada skala 9. Oleh itu jelaslah bahawa analisis data menunjukkan bahawa kandungan MPAL mudah dilaksanakan oleh para pendidik PAKK.

Bagi pernyataan item terakhir, modul ini dapat memberi kesan terhadap tingkah laku positif kanak-kanak; hanya seorang menanda pada skala 10 sangat setuju, tiga orang menanda pada skala 9, tiga orang lagi menanda pada skala 8 dan seorang PP didapati tidak menanda pada mana-mana skala. Pengkaji telah diberitahu oleh PP berkenaan bahawa beliau sengaja tidak menanda pada mana-mana skala kerana berpandangan yang MPAL belum dilaksanakan maka kesannya tidak dapat dipastikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain dari itu, pengkaji juga mendapatkan pandangan atau cadangan penambahbaikan daripada kesemua PP bagi tujuan memantapkan kandungan modul MPAL yang dibina. Berikut adalah cadangan penambahbaikan yang diterima.

Jadual 4.6

Cadangan Penambahbaikan dari Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan MPAL

Bil	Pernyataan	Cadangan Penambahbaikan
1.	Pakar Penilai (PP1)	Kandungan modul ini memenuhi keperluan penyelidikan yang dicadangkan
2.	Pakar Penilai (PP2)	Baik, Modul dan instrumen boleh dilaksanakan kerana kesesuaian dengan bidang kajian.
3.	Pakar Penilai (PP3)	Keseluruhan kandungan dan aktiviti bersesuaian dengan objektif modul. Objektif yang diaatur jelas. Falsafah modul boleh dimurnikan daripada 2 atau 3 aspek yang ingin dicapai
4.	Pakar Penilai (PP4)	Untuk tujuan terjemahan ayat-ayat Al-Quran, sila rujuk Tafsir Pimpinan Ar-Rahman terbitan Jabatan Perdana Menteri. Item insrumen sesuai dengan kandungan modul dan dicadangkan analisis dibuat item bagi item yang menguasai aspek positif dan tingkah laku negatif
5,	Pakar Penilai (PP5)	Utamakan Pembinaan Modul untuk menunjukkan originaliti.Tunjukkan sumbangan modul dan penyelididkan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.
6.	Pakar Penilai (PP6)	Aktiviti yang dicadangkan perlu dirakam dan dibekalkan kepada guru yang mengajar TASKA supaya menjadi seragam semasa interaksi dijalankan. Contoh gambar perlu lebih besar, warna warni dan menarik minat murid belajar.
7.	Pakar Penilai (PP7)	Bahasa secara keseluruhannya menepati struktur Bahasa Melayu. Ada beberapa perkataan yang tidak menepati ejaan Bahasa Melayu dan telah dicadangkan ejaan yang betul.
8.	Pakar Penilai (PP8)	Bahasa yang digunakan mudah difahami dan boleh diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku

Keputusan kajian bagi fasa pembinaan modul berdasarkan soal selidik dan soalan terbuka. memperoleh pelbagai pandangan berdasarkan pengalaman pakar-pakar dari pelbagai bidang berkaitan pembinaan modul pendidikan akhlak ini. Seramai lapan orang pakar yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza iaitu dari bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pendidikan Islam, Psikologi, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris terlibat dalam proses pembinaan MPAL ini. Kesemua cadangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penambahbaikan yang dibuat adalah positif dan relevan. Pengkaji diberi peluang untuk berbincang dan membuat refleksi ke atas saranan yang diberikan dan membuat pembetulan sewajarnya.

Empat tema atau konstruk yang dipilih sebagai tajuk utama dalam MPAL iaitu Berbuat Baik kepada Ibu Bapa, Rendah Hati, Bersederhana, dan Bertutur Secara Sopan didapati dan dipersetujui sebagai amat relevan dengan objektif yang hendak dicapai. Kekuatan MPAL ialah kesesuaian teori dan cadangan teknik yang pelbagai dalam aktiviti yang dicadangkan.

4.4 Analisis Dapatan Data dari Soal Selidik Kebolehpercayaan Instrumen Senarai Semak Tingkah Laku Kanak-kanak Berusia Tiga hingga Empat Tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menjawab soalan kajian yang seterusnya, pengkaji melibatkan seramai 30 orang guru pendidikan awal kanak-kanak (TASKA dan TADIKA) dan ada di antara mereka yang bergelar ustaz dan ustazah. Peserta kajian ini dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan. Kaedah tinjauan dijalankan dengan peserta kajian berkumpul di dalam sebuah bilik kuliah bagi menjawab borang soal selidik yang diedarkan.

Taklimat ringkas telah diberikan dan peserta kajian ditayangkan rakaman video pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan MPAL. Rakaman video tersebut dirakamkan semasa kajian awal ditadbirkan.

Berikut adalah soalan kajian yang ketiga dalam kajian ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Apakah nilai kebolehpercayaan instrumen Senarai Semak Tingkah Laku Kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun bagi tajuk tingkah laku berbuat baik kepada kedua ibu bapa, rendah hati, bersederhana, dan bertutur secara sopan?

Borang Soal Selidik yang disediakan mempunyai empat konstruk utama iaitu Tingkah laku Berbuat Baik kepada Ibu Bapa, Rendah Hati, Bersederhana dan Bertutur Secara Sopan. Bagi konstruk Tingkah laku Berbuat Baik kepada Ibu bapa, pengkaji menyenaraikan sebanyak 12 item. Bagi konstruk Tingkah laku Rendah hati pula, sebanyak 10 item disenaraikan. Bagi konstruk yang ketiga iaitu Tingkah laku Besederhana, sebanyak 12 item disenaraikan. Akhirnya bagi konstruk keempat pula iaitu Tingkah laku Bertutur Secara Sopan, sebanyak 10 item disenaraikan. Kesemua item yang ditanda adalah berjumlah 44 item. Peserta kajian perlu menanda mengikut skala likert lima mata bagi menyatakan tahap kesesuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan data yang diperolehi dari Borang Soal Selidik yang dikumpulkan, dianalisis secara kaedah analisis statistik menggunakan Perisian SPSS versi 23, bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan *(reliability).* Pekali kebolehpercayaan bagi instrumen kajian ini diukur melalui nilai *Cronbach's Alpha*.

Berdasarkan dapatan data yang diperoleh, jelas menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan bagi item-item yang terdapat dalam instrumen Senarai Semak Pemerhatian Kanak kanak adalah tinggi iaitu .896. Menurut Creswell (2008) semakin hampir nilai *Croncbach's Alpha* kepada nilai 1.0 maka semakin tinggi tahap kebolehpercayaan. Ini menunjukkan bahawa instrumen Borang Senarai Semak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tingkah laku Kanak-kanak Berusia Tiga hingga Empat Tahun adalah tinggi dan instrumen tersebut sesuai ditadbirkan bagi mendapatkan data kajian ini pada fasa kedua iaitu menilai kesan MPAL terhadap tingkah laku positif kanak-kanak.

4.5 Analisis Data Pemerhatian Tingkah Laku Kanak-kanak Berumur Tiga hingga Empat Tahun

Oleh kerana kajian ini dijalankan melalui dua fasa iaitu fasa pembinaan modul dan fasa penilaian modul maka, pengkaji mengambil pendekatan untuk menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual bagi menjawab soalan kajian seterusnya. Berikut adalah soalan kajian yang keempat dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Sejauhmanakah tingkah laku positif kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada enam orang kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun. Dua orang kanak-kanak perempuan berumur empat tahun manakala dua orang lagi berumur tiga tahun. Kanak-kanak lelaki pula seramai dua orang; yang seorang daripadanya berumur empat tahun dan manakala seorang lagi berumur tiga tahun.

Data pemerhatian primier dalam kajian ini diperoleh daripada instrumen Senarai Semak Tingkah laku Kanak-kanak yang Berusia 3 hingga 4 Tahun yang ditanda oleh pendidik TASKA. Selain itu, pengkaji mengumpul dan menganalisis data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemerhatian dengan menggunakan nota lapangan dan disokong dengan rakaman video. Kesemua data pemerhatian dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas.ti 8. Pengkaji menjalankan pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan MPAL oleh pendidik TASKA.

Semasa sesi pemerhatian, pengkaji mencatatkan tingkah laku positif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak. Catatan nota lapangan pengkaji seterusnya melalui proses pengekodan secara deduktif ke dalam perisian Atlas.ti 8. Data dikumpulkan bersama dengan data yang diperoleh daripada rakaman video semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh pendidik TASKA.

Selesai sesi pengajaran dan pembelajaran, para pendidik TASKA meneruskan proses pemerhatian dengan membiarkan kanak-kanak berada dalam setting sebenar di TASKA. Tingkah laku kanak-kanak semasa rutin seharian di TASKA diperhatikan dan pendidik menandakan item-item tingkah laku positif yang ditunjukkan oleh kanak-kanak dalam Borang Senarai Semak Tingkah laku Kanak-kanak yang berusia tiga hingga empat tahun. Semua data-data mentah dimasukkan, diproses dan dianalisis menggunakan perisisan Atlas. ti 8.

Proses memasukkan data mentah dikenali sebagai *Document.* Tingkah laku yang dikodkan seterusnya diurus menggunakan *Code*s *Manager* dan dihubungkaitkan antara satu sama lain sebagai *network.* Laporan analisis secara visual menggunakan *Network Views* dapat menggambarkan dapatan data kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah **Jadual 4.7** yang menunjukkan data pemerhatian tingkah laku yang dapat diperhatikan dalam kalangan kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun melalui borang senarai semak pemerhatian yang ditanda oleh pendidik. Data pemerhatian disokong dengan nota lapangan dan rakaman video yang telah diambil oleh pengkaji bagi menjawab soalan kajian 4.1 iaitu:

4.1 Sejauhmanakah tingkah laku berbuat baik kepada ibu bapa kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

Jadual 4.7

Data Pemerhatian Tajuk 1

TAJUK 1- TINGKAH LAKU BERBUAT BAIK KEPADA IBU BAPA **Aktiviti 1 – Melafaz Doa Untuk Ibu Bapa** **Aktiviti 2 – Bercerita**	
TINGKAH LAKU POSITIF YANG DITUNJUKKAN	• mendengar nasihat ibu/ bapa • hormat terhadap ibu bapa • tidak degil/ tidak ingkar terhadap peraturan yang ditetapkan • menunjukkan rasa sayang dengan memeluk dan mencium ibu/ bapa • menurut suruhan/ perintah ibu bapa • mematuhi arahan ibu / bapa • membantu ibu atau bapa • membaca doa untuk kedua ibu bapa • mengucap terima kasih • berjaya mengawal perasaan marah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semasa pemerhatian dilakukan, pengkaji telah mendapati bahawa kanak-kanak yang menjadi peserta kajian telah memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Ketika pendidik sedang melaksanakan Aktiviti 1 yakni melafazkan Doa Untuk Ibu Bapa bagi Tajuk 1 iaitu Tingkah laku Berbuat Baik kepada Ibu Bapa, kanak-kanak menunjukkan respon yang positif seperti boleh memberi contoh cara berbuat baik kepada ibu bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antaranya mendengar nasihat ibu bapa, hormat dan sayangkan ibu bapa melalui pertuturan dan perbuatan. Sebagai contoh, kanak-kanak menyatakan mereka akan bersalaman dan mencium tangan ibu bapa sebagai tanda hormat serta memeluk dan mencium pipi ibu sabagai tanda sayang. Kanak-kanak juga didapati dapat melafazkan doa untuk kedua ibu bapa dengan yakin dan lancar.

Berikut adalah **Rajah 4.4** yang menggambarkan dapatan kajian bagi Tajuk 1 iaitu Tingkah laku Berbuat Baik kepada Ibu Bapa yang telah disesuaikan berdasarkan analisis menggunakan perisian Atlas.ti 8.



Rajah 4.4. Dapatan Data bagi Tingkah Laku Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan data dari pemerhatian yang ditunjukkan, dapat dirumuskan bahawa tingkah laku positif kanak-kanak telah berjaya dibentuk melalui aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan menggunakan MPAL. Tingkah laku negatif seperti suka mengamuk dan kurang responsif terhadap kasih sayang juga dapat dipositifkan menjadi lebih berjaya mengawal perasaan marah dan lebih responsif terhadap kasih sayang dengan ikhlas memeluk dan mencium tangan ibu dan bapa.

Bagi menjawab soalan kajian 4.2 seterusnya iaitu:

> 4.2 Sejauhmanakah tingkah laku rendah hati kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah dapatan kajian yang diperoleh hasil dari analisis data pemerhatian menggunakan senarai semak tingkah laku, nota lapangan dan rakaman video. Berdasarkan pemerhatian yang telah dilaksanakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan MPAL Tajuk 2 iaitu Tngkah laku Rendah Hati (Tidak Sombong), pengkaji mendapati bahawa kanak-kanak boleh menjelaskan maksud sombong dengan menunjukkan memek muka sombong dan menunjuk aksi berjalan sambil mendada dan menghentak kaki. Kanak-kanak dapat membezakan muka sombong dan memek muka baik (rendah hati) .

Dapatan dari rakaman video juga menujukkan kanak-kanak yang menjadi peserta kajian kelihatan berminat dengan Aktiviti 1 iaitu bercerita cerita yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperdengarkan oleh pendidik yang bertajuk Akibat Sombong. Bahan media yang digunakan adalah sesuai dan cerita yang diperdengarkan agak ringkas dan padat. Begitu juga dengan Aktiviti 2 iaitu aktiviti berjalan secara sopan (tidak angkuh).

Berikut adalah data yang telah diperoleh dipaparkan dalam **Jadual 4.8** berikut:

Jadual 4.8

Data Pemerhatian Tajuk 2

TAJUK 2- TINGKAH LAKU RENDAH HATI (TIDAK SOMBONG) **Aktiviti 1 – Bercerita –tajuk: Akibat Sombong** **Aktiviti 2 – Berjalan Secara Sopan (Tidak Angkuh)**	
TINGKAH LAKU POSITIF YANG DITUNJUKKAN	• menundukkan kepala semasa berjalan • tidak memaling muka / belagak sombong semasa bercakap • tidak menghentak kaki semasa berjalan • mudah mesra dan peramah • tidak membangga diri apabila dipuji • tidak suka menunjuk-nunjuk • berkongsi barang • tidak memukul orang /tidak bergaduh • mengalah jika berlaku pergaduhan • memohon maaf dan memaafkan

Berdasarkan data yang telah dinyatakan, **Rajah 4.5** berikut menggambarkan dapatan kajian bagi soalan kajian 4.2 bagi Tajuk 2 iaitu Tingkah laku Rendah Hati (tidak sombong) yang telah disesuaikan berdasarkan analisis menggunakan perisian Atlas.ti 8

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5. Dapatan Kajian bagi Tingkah Laku Rendah Hati (Tidak Sombong)

Berdasarkan dapatan data daripada pemerhatian yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa tingkah laku positif kanak-kanak telah berjaya dibentuk melalui aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan menggunakan MPAL. Tingkah laku negatif seperti memaling muka ketika bercakap dengan orang lain, suka menghentak kaki semasa berjalan, suka dipuji, suka menunjuk-nunjuk dan suka bergaduh dapat dikurangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, pengkaji membincangkan dapatan dari senarai semak, nota lapangan dan rakaman video bagi menjawab soalan kajian berikut:

4.3 Sejauhmanakah tingkah laku bersederhana kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

Bagi menjawab soalan kajian ini, pengkaji telah menganalisis dapatan data kajian seperti di dalam **Jadual 4.9** berikut:

Jadual 4.9

Data Pemerhatian Tajuk 3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAJUK 3 - TINGKAH LAKU BERSEDERHANA **Aktiviti 1 – Berjalan dan berhenti** **Aktiviti 2 – Berlakon –Hidup sederhana**	
TINGKAH LAKU POSITIF YANG DITUNJUKKAN	• bersabar dan menunggu giliran • berjalan dengan langkah sederhana • tertib apabila melakukan aktiviti • memberi respon yang positif • boleh duduk diam • tidak merosakkan alat permainan • tidak gelojoh semasa makan • tidak makan dengan tamak • berhati-hati dan cermat • berjimat cermat dan tidak boros • tidak berlebih-lebih dan membazir • bertolak ansur / bertoleransi • kehendak tidak semestinya ditepati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah **Rajah 4.6** yang menggambarkan laporan visual dapatan kajian yang diperoleh daripada senarai semak, nota lapangan dan rakaman video bagi soalan kajian 4 bagi tajuk 3 iaitu tingkah laku bersederhana yang telah dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 8.



Rajah 4.6. Dapatan Kajian bagi Tingkah Laku Bersederhana

Berdasarkan dapatan data pemerhatian dari nota lapangan dan rakaman video yang ditunjukkan, dapat dirumuskan bahawa tingkah laku positif kanak-kanak telah berjaya dibentuk melalui aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan menggunakan MPAL. Tingkah laku bersederhana dapat diterapkan melalui aktiviti yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilaksanakan. Kanak-kanak berjaya menunjukkan tingkah laku positif seperti bersabar, tertib, berjalan dengan langkah sederhana dan bersopan, tidak merosakkan barang, tidak gelojoh ketika makan, tidak tamak dan tidak membazir adalah tingkah laku yang diharapkan dan berjaya dicapai melalui MPAL. Selain dari tingkah laku positif seperti berhati-hati dan bertolak ansur yang dapat ditingkatkan.

Bagi tajuk tingkah laku yang keempat pula iaitu bertutur secara sopan, pengkaji telah menjawab soalan kajian berikut;

> 4.4 Sejauhmanakah tingkah laku bertutur secara sopan kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis dapatan data kajian yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian dengan merujuk Senarai semak Tingkah laku Kanak-kanak, nota lapangan dan rakaman video mendapati kanak-kanak telah berjaya bertutur secara sopan berbanding dengan tempoh sebelum MPAL diperkenalkan.

Kajian ini secara tidak langsung telah berjaya meningkatkan disiplin dalam kelas. Tingkah laku yang paling ketara sebelum ini ialah kanak-kanak suka menjerit dan berbuat bising menyebabkan keadaan kelas sukar terkawal. Dapatan data bagi tajuk 4 adalah seperti yang dipaparkan dalam **Jadual 4.10** berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Data Pemerhatian Tajuk 4

TAJUK 4- TINGKAH LAKU BERTUTUR SECARA SOPAN **Aktiviti 1 – Bermain telefon pintar** **Aktiviti 2 – Membandingkan baik atau buruk**	
TINGKAH LAKU POSITIF YANG DITUNJUKKAN	• berhati-hati/ tertib apabila bercakap • berbual dengan nada yang sopan • tidak menjerit/ bersuara lantang • menjawab soalan dengan yakin • mohon izin untuk meminta sesuatu • menyatakan idea atau pendapat • menerima pandangan orang lain • membuat penilaian terhadap hasil kerja • prihatin/ menyatakan rasa simpati • tidak membuat bising

Berikut adalah **Rajah 4.7** yang menggambarkan laporan visual dapatan kajian bagi soalan kajian 4.4 bagi Tajuk 4 iaitu Tingkah laku bertutur secara sopan yang telah disesuaikan dari analisis menggunakan perisian Atlas.ti.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.7. Dapatan Kajian bagi Tingkah Laku Bertutur Secara Sopan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan data daripada pemerhatian yang ditunjukkan, dapat dirumuskan bahawa tingkah laku positif kanak-kanak telah berjaya dibentuk melalui aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan menggunakan MPAL. Tingkah laku bertutur secara sopan seperti berhati-hati apabila bercakap, berbual dengan sopan, menjawab dengan yakin, memohon izin untuk mendapatkan sesuatu, menyatakan pendapat, membuat penilaian, menyatakan rasa simpati adalah tingkah laku positif yang berjaya ditunjukkan oleh peserta kajian. Selain dari itu, tingkah laku negatif yang biasa ditunjukkan oleh kanak-kanak sebelum MPAL digunakan seperti suka menjerit dan membuat bising sudah dapat dikurangkan. Kanak-kanak kelihatan lebih tenang dan terkawal sepanjang kajian dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Analisis data temu bual separa struktur berkaitan pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak berumur tiga hingga empat tahun

Bagi mengkaji kesan MPAL yang telah dibina oleh pengkaji, data secara temu bual juga telah dilakukan. Data yang diperoleh dari protokol temu bual separa struktur bertujuan untuk dijadikan sebagai triangulasi kaedah bagi mendapatkan jawapan juga kepada soalan kajian 4 yang berikut:

4. Sejauhmanakah tingkah laku positif kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun terbentuk setelah melalui Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL)?

Temu bual telah dijalankan terhadap sekumpulan informan yang terdiri daripada lima orang ibu dan seorang bapa kepada peserta kajian. Pengkaji telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengatur pertemuan bersama para ibu bapa dalam satu sesi selepas semua tajuk modul yang terkandung dalam MPAL selesai dilaksanakan. Dengan bantuan oleh Pengusaha TASKA, sesi temu bual berlangsung dengan lancar dan jayanya. Bagi menjimatkan masa dan memudahkan tadbir urus sesi temu bual, pengkaji telah menyediakan set Protokol Temu bual untuk dijawab oleh ibu bapa. Di samping itu, pengkaji mengadakan temu bual secara lisan bagi soalan-soalan terbuka yang memungkinkan jawapan yang berbeza diperolehi berdasarkan latar belakang dan pandangan informan.

Analisis data temu bual juga telah dilakukan dengan menggunakan perisian Atlas.ti 8. Bagi memudahkan pemahaman perkongsian, pengkaji menggunakan kod-kod seperti **Jadual 4.11** bagi keseluruhan laporan hasil temu bual yang telah dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Kod Informan Temu Bual

Kod	Keterangan Kod
D 1	Hasil Temu bual dengan Ibu Arissa
D 2	Hasil Temu bual dengan Ibu Madihah
D 3	Hasil Temu bual dengan Ibu Aqil
D 4	Hasil Temu bual dengan Ibu Dhia
D 5	Hasil Temu bual dengan Ibu Irfharn
D 6	Hasil Temu bual dengan Bapa Hana

Dapatan yang diperoleh daripada hasil temu bual dengan keenam-enam informan tersebut telah disimpan dalam *Document* dan diberi *Codes* seperti di atas. Melalui Protokol temu bual separa berstruktur, para informan memberi maklumat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkaitan tingkah laku kanak-kanak yang ditunjukkan semasa kanak-kanak berada di luar persekitaran TASKA khususnya di rumah.

Protokol Temu bual Separa Struktur ini mengandungi tiga bahagian iaitu:

Bahagian A: Maklumat Demografi Ibu/ Bapa/ Penjaga

Bahagian B: Soalan Umum Berkaitan Pendidikan Akhlak di Rumah

Bahagian C: Soalan Khusus Berkaitan Konstruk:

Konstruk 1: Tingkah laku Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa
Konstruk 2: Tingkah laku Rendah Hati (Tidak sombong)
Konstruk 3: Tingkah laku Bersederhana
Konstruk 4: Tingkah laku Bertutur Secara Sopan

Dapatan data daripada protokol temu bual yang dilaksanakan oleh pengkaji telah dijawab oleh ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang terlibat sebagai peserta kajian dalam kajian ini. Kesemua ibu bapa atau penjaga yang terlibat dinamakan sebagai informan atau pemberi maklumat.

Memandangkan tingkah laku positif yang ingin diperhatikan oleh pengkaji adalah terhad di taska semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sahaja maka pengkaji mengambil inisiatif dengan memilih kaedah temu bual sebagai triangulasi kaedah dalam kajian ini. Berdasarkan maklumat temu bual yang telah dikumpul dan dianalisis, berikut adalah dapatan maklumat demografi informan yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian A: Maklumat Demografi Ibu/ bapa/ penjaga

Pernyataan	Informan	1	2	3	4	5	6
Hubungan dengan kanak-kanak		ibu	ibu	ibu	ibu	ibu	bapa
Umur		35	45	38	34	44	36
Bilangan anak		1	5	3	2	4	2
Pekerjaan		guru	guru	guru	guru	ptadbir	guru
Kelulusan akademik		IS	ISM	ISM	ISM	Dip.	ISM

Berikut adalah transkrip temu bual antara pengkaji dengan enam orang informan (D1, D2,D3,D4,D5, dan D6) yang terlibat berdasarkan soalan temu bual yang diajukan.

Soalan umum berkaitan pendidikan akhlak di rumah

S1. Pada pandangan tuan/ puan, apakah peranan ibu bapa kepada kanak-anak?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Informan	Kenyataan
1	mendidik anak ilmu agama dan fardhu kifayah
2	membentuk peribadi anak dan akhlak anak-anak agar menjadi anak yang soleh dan solehah
3	membesarkan, mendidik dan mencorakkan anak-anak dalam acuan Islam
4	ibu bapa sebagai penjaga, pemimpin yang bertanggungjawab mencorakkan kehidupan anak-anak
5	sebagai pelindung dan pemberi nasihat kepada anak-anak
6	memberikan keperluan hidup, memberi didikan dan sebagai contoh untuk diteladani

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

S2. Siapakah yang paling bertanggungjawab dalam hal pembentukan akhlak anak di rumah?

Informan	Kenyataan
1	pastinya kedua-dua ibu dan ayah dan semua orang yang berada di sekeliling anak-anak bersama-sama bertanggungjawab
2	pada saya, ibu yang paling bertanggungjawab sebab anak lebih rapat dengan ibu
3	ibu dan bapa; kedua-duanya bertanggungjawab
4	saya fikir kedua-dua ibu dan ayah perlu bertanggungjawab
5	ibu dan bapa atau penjaga anak
6	bapa sepatutnya lebih bertanggungjawab sebab bapa adalah ketua keluarga

S3. Bilakah masa yang paling sesuai untuk memberikan pendidikan akhlak kepada anak-anak?

Informan	Kenyataan
1	sepanjang masa; siang dan malam
2	bila-bila sahaja; apabila perlu
3	sepanjang hari
4	malam; sebab malam masa yang paling sesuai
5	bila difikirkan perlu
6	bila-bila sahaja yang difikirkan perlu

S4. Bagaimanakah cara yang terbaik bagi memberi pendidikan akhlak kepada anak-anak?

Informan	Kenyataan
1	dengan cara menasihati dan beri teguran (jika perlu)
2	sentiasa beri nasihat dan tunjuk ajar
3	beri teguran jika buat salah
4	selalu bagi nasihat kat anak-anak
5	mesti bagi nasihat selalu
6	menasihati anak-anak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

S5. Pada pandangan tuan/ puan, mengapa pendidikan akhlak penting diberikan kepada anak-anak sejak dari kecil?

Informan	Kenyataan
1	supaya didikan dari kecil akan kekal hingga ke dewasa
2	peribahasa melentur buluh biar dari rebung; bertepatan dengan pendidikan awal kanak-kanak kerana pada usia ini, anak-anak mudah dibentuk dan cepat belajar sesuatu yang baru
3	supaya anak-anak mudah dibentuk di kemudian hari
4	untuk hasilkan tingkah laku yang baik, berbudi pekerti dan mempunyai adab susila dan bersopan sejajar dengan ajaran Islam
5	anak-anak ibarat kain putih yang perlu dibentuk dari awal usia untuk menjadi insan berilmu dan berakhlak mulia
6	setiap tingkah laku yang diamalkan secara berterusan akan menjadi tabiat. Adalah baik, tabiat positif didedahkan sejak kecil

Seterusnya dipaparkan dapatan data hasil temu bual yang dianalisis dari Bahagian C: Soalan khusus berkaitan empat konstruk yang terdapat dalam MPAL seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konstruk 1-Tingkah laku Berbuat Baik kepada Ibu Bapa

Soalan temu bual	Jawapan Informan
1. Pada pandangan tuan/puan adakah anak tuan/ puan boleh mendengar nasihat?	1 – Ya
	2 – Ya
	3 – Ya
	4 – Ya
	5 – Ya
	6 – Ya
2. Bagaimanakah anak tuan/ puan menunjukkan rasa hormat semasa berbual?	1 - dengan membalas apa yang ditanya
	2 - memandang muka apabila bercakap
	3 - memandang muka dan respon nasihat ibu
	4 - mengucap salam
	5 - mendiamkan diri dan menjawab bila ditanya
	6 - diam mendengar
3. Apakah tindakan tuan/ puan jika anak berkelakuan degil/ ingkar/	1 - ajak bersiar-siar atau tengok cerita kegemaran
	2 - beri teguran dan minta abang tunjukkan contoh yang baik seperti cara simpan mainan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak mematuhi perintah/ arahan/ suruhan tuan/ puan?	3 - beri teguran dan dendaan yang positif
	4 - mengenakan sedikit dendaan
	5 - menasihati dan kadang kala cara menghukum
	6 - teguran dan dendaan diberikan
4. Bagaimanakah cara anak tuan/puan menunjukkan nilai kasih sayang terhadap ahli keluarga?	1 - salam, cium tangan, peluk ketika salam dll
	2 - ingat dan beli makanan untuk abang-abangnya
	3 - sentiasa peluk dan cium
	4 – pelukan
	5 - memeluk dan menyatakan perasaan sayang
	6 - berkongsi benda miliknya dan ucap sayang
5. Pernahkah anak tuan/ puan menunjukkan sikap tidak responsif apabila dipeluk/ dicium? Jika ya, sila jelaskan bila dan mengapa.	1 - Ya, sebab tak dapat mainan yang dikehendaki
	2 - Ya, merajuk ketika ditegur akan kesalahannya
	3 – Tidak
	4 – Tidak
	5 - Tidak
	6 - Ya, di hadapan rakannya, kemungkinan malu
6. Adakah anak tuan/ puan kerap gagal mengawal perasaan (marah/ mengamuk/ meragam)? Bagaimana keadaan tersebut dapat diredakan ?	1 - Ya, ajak bermain di luar
	2 - Ya, pujuk dengan pelbagai cara
	3 -Ya, memeluk dan mendukungnya
	4 - Kadang-kadang, pujuk dengan pelukan
	5 - Ya, saya akan menarik dan memeluknya
	6 - Ya, pujuk atau marah. Sediakan susu dan suruh tidur
7. Adakah anak tuan/ puan rajin membantu semasa berada di rumah? Jika ya, sila berikan contoh berikan contoh tingkah laku berbuat baik kepada ibu bapa yang biasa ditunjukkan.	1 - Ya, tolong tuang bahan ketika buat kek
	2 - Ya, mengelap meja dan tolong di dapur
	3 - Ya, anak saya rajin sapu sampah
	4 - Ya, rasa nak tolong dengan tanya apa nak buat
	5 - Ya, tolong ambil penyapu/ vakum rumah
	6 - Ya, tolong mengambil barang
8. Apakah yang tuan/puan sekiranya anak tuan/ puan bertingkah laku baik seperti menghormati ahli keluarga dan membantu melakukan kerja-kerja di rumah?	1 - Puji, peluk , cium dan sayang
	2 - memuji perbuatan baiknya
	3 - memujinya dan bagi galakan
	4 - memberikan kata-kata pujian
	5 - beri upah seperti ais krim
	6 - pujian dan galakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

9. Pernahkah tuan/ puan mendengar anak tuan/ puan membaca Doa untuk Kedua Ibu Bapa?	1 – Ya 2 – Ya 3 – Ya 4 – Ya 5 – Ya 6 – Ya
10. Adakah anak tuan/ puan selalu mengucapkan terima kasih apabila menerima sesuatu pemberian / pertolongan daripada tuan/ puan atau orang lain?	1 – Ya 2 – Ya 3 – Ya 4 – Ya 5 – Ya 6 – Ya

Konstruk 2-Tingkah laku Rendah Hati (Tidak Sombong)

Soalan temu bual	Jawapan Informan
1. Sebagai ibu bapa, pernahkah tuan/puan menundukkan kepala apabila berdiri/ berjalan?	1 – Ya 2 – Ya 3 – Ya 4 – Ya 5 – Ya 6 – Ya
2. Apakah tindakan tuan/ puan jika anak tuan/ puan tidak mahu berkongsi barang miliknya dengan orang lain?	1 - beri nasihat 2 - minta dia bertolak ansur dengan cara memujuk 3 - menasihatkannya agar sentiasa berkongsi 4 - beri nasihat agar sentiasa belajar berkongsi 5 - hadkan masa dia bermain dengan sesuatu barang itu 6 - teguran diberikan dan dendaan (tu pun, jika perlu)
3. Pernahkah terjadi anak tuan/ puan memukul/ menyerang secara fizikal/ bergaduh dengan adik beradik/ orang lain semasa di rumah?	1 – Ya 2 – Ya 3 – Ya 4 – Ya 5 – Ya 6 – Ya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Jika anak tuan/puan terlibat dalam pergaduhan, adakah dia akan mengalah/ memohon maaf atau memaafkan kesalahan orang lain ?	1 - memohon maaf
	2 - mengalah dengan orang yang lebih kecil
	3 - tidak mahu mengalah
	4 - jarang mengalah tetapi lebih kepada merajuk
	5 - kadang-kadang dia akan mengalah
	6 - mengalah
5. Apakah pendapat tuan/ puan mengenai kanak-kanak yang suka dipuji/ bangga diri dan suka menunjuk/ riak?	1 - cara kanak-kanak itu sendiri
	2 - perlu ditegur
	3 - ibu bapa perlu bendung dan hindari sejak kecil lagi
	4 - kanak-kanak memang suka dipuji tetapi bukan riak
	5 - dia berasa dihargai dan diberi perhatian
	6 - bangga dengan kebolehan diri tetapi tak baik jika keterlaluan
6. Adakah anak tuan/ puan menunjukkan tingkah laku yang negatif (sombong) seperti berjalan sambil menghentak kaki/ mendada/ memaling muka semasa bercakap?	1 – Tidak
	2 – Tidak
	3 – Tidak
	4 – Tidak
	5 – Tidak
	6 – Ya
7. Pada pendapat tuan/ puan, adakah anak tuan/ puan seorang yang mudah mesra dan peramah serta disenangi oleh orang ramai?	1 – Ya
	2 – Ya
	3 – Ya
	4 - Ya
	5 – Tidak
	6 – Ya

Konstruk 3-Tingkah laku Bersederhana

Soalan temu bual	Jawapan Informan
1. Bagaimanakah anak tuan/puan menunjukkan nilai kesabaran semasa beratur/ menunggu giliran?	1 – main
	2 - dengan memberitahu supaya bersabar
	3 - tidak mengeluh penat
	4 - masih boleh ketawa, jarang menunjukkan rasa bosan seperti merengek
	5 - mendengar arahan kita dengan duduk dengan tenang tanpa mengganggu ketenteraman orang lain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	6 - kurang alami situasi seperti ini, rasa sabar tinggi kot!
2. Dalam kehiduan seharian di rumah, adakah anak tuan/ puan selalu makan dengan banyak/ tamak/ gelojoh semasa makan?	1 – Tidak
	2 – Tidak
	3 – Tidak
	4 – Tidak
	5 - Tidak
	6 – Tidak
3. Pernahkah anak tuan/ puan merosakkan barang/ alat permainan sendiri / orang lain?	1 – Ya
	2 – Ya
	3 – Ya
	4 – Ya
	5 – Ya
	6 – Ya
4. Adakah anak tuan/ puan boleh menunjukkan tingkah laku berjimat cermat/ tidak membazir/ tidak berlebih-lebih? Jika ya, sila berikan contoh.	1 - Ya, apabila makan, simpan makanan untuk abah
	2 - Ya, (tiada contoh diberi)
	3 - Ya, (tiada contoh diberi)
	4 - Ya, di kedai mainan masih boleh bertolak ansur
	5 - Ya, dia akan membuat pilihan sekiranya terdapat lebih
	6 - Ya, tidak mengambil makanan berlebihan,tidak meminta
5. Pada pendapat tuan/ puan, adakah anak tuan/ puan boleh bertolak ansur/ bertoleransi dengan orang lain semasa bermain alat permainan?	1 – Tidak
	2 - Ya
	3 – Ya
	4 - Ya
	5 – Ya
	6 – Ya
6. Cuba terangkan situasi apabila anak tuan/puan menunjukkan tingkah laku tidak boleh duduk diam/ gelisah/ tidak selesa semasa menjalankan aktiviti?	1 – bermain dengan mainan sampai ke petang
	2 - (tiada jawapan)
	3 - ketika belajar membaca
	4 - tak boleh lakukan aktiviti dalam tempoh yang lama
	5 - cetuskan macam-macam pergerakan mahupun pertuturan atau reaksi muka
	6 - Main sorok-sorak. Tidak memahami permainan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7. Apakah reaksi anak anda, jika kehendaknya tidak ditunaikan dengan segera? Sila berikan contoh reaksi anda anda.	1 - akan sebut barang yang hendak dibeli dan merajuk
	2 - merajuk dan menangis
	3 – mengamuk
	4 - akan menyatakan kehendaknya secara berulang-ulang; contoh minta susu
	5 - meronta dan menghempaskan badan ke lantai
	6 - mendesak, contoh minta dibukakan paket makanan

Seterusnya, pengkaji meminta informan menjawab soalan temu bual yang terakhir iaitu berkaitan Kostruk 4 iaitu Tingkah laku Bertutur Secara Sopan. Dapatan yang diterima dapat ditranskripsikan seperti berikut.

Konstruk 4-Tingkah laku Bertutur Secara Sopan

Soalan temu bual	Jawapan Informan
1. Pada pendapat tuan/ puan, adakah anak tuan/ puan dapat bertututr / bercakap secara sopan/ bertatasusila?	1 – Ya
	2 – Ya
	3 – Ya
	4 – Ya
	5 – Ya
	6 – Ya
2. Adakah anak tuan/ puan mempunyai kelantangan suara luar biasa/ bersuara nyaring?	1 – Tidak
	2 – Tidak
	3 – Tidak
	4 – Tidak
	5 - Tidak
	6 – Tidak
3. Adakahkah anak tuan/ puan suka membuat bising atau menjerit di rumah?	1 – Tidak
	2 – Ya
	3 – Ya
	4 – Ya
	5 – Ya
	6 – Tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Bagaimanakah tuan/ puan menangani situasi tersebut?	1 – Ya 2 – Ya 3 – Ya 4 – Ya 5 – Ya 6 – Ya
5. Semasa anak tuan/ puan berbual, bolehkah anak tuan/ puan idea dan pendapat beliau? Jika ya, sila berikan contoh situasi.	1 - Ya, bila saya tanya, nak makan apa? 2 - Ya, dari segi pemilihan baju dan warna 3 - Ya, beri cadangan menu yang hendak dibeli 4 - Ya, contohnya bila ditanya kenapa Dhia tak nak pergi ke rumah Mak Chaq? Dhia menjawab, sebab Pak Chaq suka usik *baby*. 5 - Ya, dia akan menyatakan perasaannya bila ada yang tidak disukainya 6 – Tidak
6. Apakah pendapat tuan/ puan, mengenai kanak-kanak yang boleh membuat penilaian terhadap hasil kerja sendiri/ orang lain secara positif?	1 – Baik 2 - seorang yang boleh menghargai 3 - seorang kanak-kanak yang bijak 4 - kanak-kanak mempunyai sifat jujur. Kebiasaannya apabila dia puji hasil kerja sendiri/ orang lain menunjukkan bahawa dia amat menyukainya 5 - berfikiran terbuka dan mempunyai tindak balas yang cepat 6 - seorang yang ada pengetahuan dan sentiasa berfikir perkara positif
7. Bagaimanakah tuan/ puan, mengajar anak tuan/ puan untuk berbual dengan nada suara yang sopan/ berhati-hati/ tertib?	1 – nasihat 2 - pembelajaran melalui pemerhatian-dengan melihat cara mana abang-abangnya berinteraksi 3 - Tidak menjerit-jerit ketika bercakap 4 - Sentiasa berulang-ulang menyatakan kepentingan untuk bercakap dengan cara yang bersopan selain ibu bapa juga perlu mempraktikkannya. 5 - bercakap dengan teratur dan mengatur kata patah perkataan satu persatu 6 - menegur apabila nada dan tutur kata tidak sesuai atau kurang tertib

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan transkripsi data-data temu bual yang telah dianalisis secara manual, pengkaji dapat merumuskan bahawa hampir kesemua informan memberikan kerjasama yang baik dalam menjawab soalan temu bual separa struktur yang diajukan. Walaupun terdapat beberapa soalan yang tidak dapat dijawab dengan tepat namun hasil dapatan menunjukkan semua ibu bapa yang terlibat peka terhadap tingkah laku anak-anak mereka di rumah. Malah ada yang menyedari perubahan tingkah laku anak mereka daripada yang kurang baik kepada lebih baik.

Berdasarkan temu bual bersemuka yang dijalankan, dua orang informan mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada pengkaji kerana memperkenalkan MPAL dan memilih anak mereka sebagai peserta kajian kerana akhlak anak mereka semakin baik. Respon positif ditunjukkan oleh anak-anak ketika di rumah dan kanak-kanak boleh mengaitkan pembelajaran di taska melalui cerita yang diberitahu kepada ibu bapa mereka. Ini menunjukkan MPAL berjaya mencapai objektifnya dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan menyeronokkan, berkesan dan bermakna kepada kanak-kanak.

Walaupun kanak-kanak baru sahaja berusia tiga hingga empat tahun namun mereka memahami keperluan berakhlak baik. Terdapat juga ibu bapa yang terlibat juga memberitahu kepada anak mereka bahawa jika mereka berakhlak baik maka mereka akan sentiasa disayangi oleh guru, ibu bapa dan rakan-rakan serta orang lain.

Data temu bual separa struktur juga telah dianalisis menggunakan Atlas ti 8 dan dapatan temu bual dapat dapat dijelaskan seperti yang tertera dalam **Jadual 4.12** berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Data diperoleh daripada Informan D1

Informan	Konstruk 1	Konstruk 2	Konstruk 3	Konstruk 4
D1	**Tingkah laku positif** • membantu ibu/ bapa • mengucapkan terima kasih • menunjukkan rasa sayang • mendengar nasihat • membaca/melafaz doa untuk ibu bapa	**Tingkah laku positif** • mudah mesra dan peramah • menunjukkan kasih sayang • menundukkan kepala semasa berjalan • menunjukkan rasa hormat • memohon maaf dan memaafkan	**Tingkah laku positif** • bersabar dan menunggu giliran • berjimat cermat dan tidak boros	**Tingkah laku positif** • berhati-hati dan tertib • menyatakan idea
	Tingkah laku negatif • gagal kawal perasaan marah • tidak responsif terhadap kasih sayang			**Tingkah laku negatif** • suara lantang/ nyaring • membuat bising/ menjerit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan **Jadual 4.12,** didapati Peserta Kajian (PK) 1 telah menunjukkan dua tingkah laku negatif masing-masing bagi Konstruk 1 dan Konstruk 4 iaitu gagal mengawal perasaan marah dan tidak responsif terhadap kasih sayang; bersuara lantang dan suka membuat bising atau menjerit ketika berada di rumah. Ini adalah kerana PK 1 telah biasa dengan persekitaran sedemikian menyebabkan dia terikut-ikut dengan tingkah laku tersebut. Jika tingkah laku negatif tersebut berlarutan, ibunya akan membawanya bersiar-siar bagi meredakan kemarahannya. Namun Tingkah laku positif lain yang telah dikuasai amat memberangsangkan dan menggembirakan.

Hasil dapatan temu bual dari **Jadual 4.12** dapat digambarkan melalui laporan visual yang dianalisis menggunakan Atlas. ti 8 dan disesuaikan seperti **Rajah 4.8** berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.8. Data Diperoleh daripada Informan D1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan data temu bual dengan informan D2 pula dapat dijelaskan dalam **Jadual 4.13** berikut:

Jadual 4.13

Data diperoleh daripada informan D2

Informan	Konstruk 1	Konstruk 2	Konstruk 3	Konstruk 4
D2	**Tingkah laku positif** • membaca/ melafaz doa • mengucapkan terima kasih • membantu ibu/ bapa • mendengar nasihat	**Tingkah laku positif** • menundukkan kepala semasa berjalan • menunjukkan rasa hormat • mudah mesra dan peramah • menunjukkan kasih sayang • mengalah • mudah mesra & peramah	**Tingkah laku positif** • tolak ansur dan toleransi • bersabar dan menunggu giliran •	**Tingkah laku positif** • membuat penilaian terhadap hasil kerja • berhati-hati dan tertib • berbual sopan dan bertatasusila • menyatakan idea

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Tingkah laku negatif • gagal kawal perasaan marah • tidak responsif terhadap kasih sayang	**Tingkah laku negatif** • memukul/ menyerang • suka dipuji/ memuji	**Tingkah laku negatif** • tidak boleh duduk diam/ gelisah • merosakkan barang • kehendak mesti ditepati	**Tingkah laku negatif** • suara lantang/ nyaring • membuat bising/ menjerit

Berdasarkan **Jadual 4.13**, didapati Peserta Kajian 2 telah menunjukkan empat tingkah laku positif dan dua negatif. Bagi Konstruk 2, juga terdapat lima tingkah laku positif ditunjukkan namun terdapat juga dua tingkah laku negatif iaitu memukul dan suka dipuji. Bagi Konstruk 3 pula hanya dua tingkah laku positif ditunjukkan berbanding tiga tingkah laku negatif. Bagi Konstruk 4 pula Peserta Kajian 2 sama seperti Peserta Kajian 1 iaitu gagal mengawal perasaan marah dan tidak responsif terhadap kasih sayang ; bersuara lantang dan suka membuat bising atau menjerit ketika berada di rumah. Setelah diselidiki, pengkaji mendapati,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta Kajian 2 biasanya menghabiskan masa bersama-sama abang-abangnya. Peserta Kajian 2 merupakan anak perempuan tunggal dalam keluarga. Oleh sebab itu, Peserta Kajian 2 terikut-ikut dengan sikap kasar abang-abangnya. Ibu dan bapanya mengakui yang Peserta Kajian 2 telah sedikit sebanyak berubah tingkah laku kepada lebih menghormati ahli keluarga terutamanya ibu dan bapanya selepas mengikuti sesi Pengajaran dan pembelajaran menggunakan MPAL.

Hasil dapatan temu bual dari **Jadual 4.13** dapat digambarkan melalui laporan visual yang dianalisis menggunakan Atlas. ti 8 seperti **Rajah 4.9** berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.9. Data diperoleh daripada Informan D2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, berikut adalah hasil dapatan data temu bual dengan informan D3 yang telah dianalisis dan dijelaskan dalam **Jadual 4.14** berikut:

Jadual 4.14

Data diperoleh daripada Informan D3

Informan	Konstruk 1	Konstruk 2	Konstruk 3	Konstruk 4
D3	**Tingkah laku positif** • mengucapkan terima kasih • mendengar nasihat • membaca/ melafaz doa • membantu ibu/ bapa	**Tingkah laku positif** • menunjukkan rasa hormat • menunjukkan kasih sayang • mudah mesra & peramah	**Tingkah laku positif** • bersabar dan menunggu giliran • berkongsi barang	**Tingkah laku positif** • berhati-hati dan tertib • berbual sopan dan bertatasusila • membuat penilaian terhadap hasil kerja • menyatakan idea dan pendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Tingkah laku negatif • gagal kawal perasaan marah • Degil dan ingkar	**Tingkah laku negatif** • suka dipuji/ memuji	**Tingkah laku negatif** • merosakkan barang • kehendak mesti ditepati	**Tingkah laku negatif** • suara lantang/ nyaring

Merujuk kepada dapatan kajian pada **Jadual 4.14**, didapati Peserta Kajian 3 telah menunjukkan empat tingkah laku positif dan dua negatif bagi Konstruk 1 iaitu gagal mengawal perasaaan marah dan degil/ ingkar. Ibu dan bapanya akan menggunakan peneguhan negatif iaitu menarik barang kesukaannya seperti *tablet* jika Peserta Kajian 3 bertingkah laku degil. Empat tingkah laku positif amat ketara ditunjukkan, ini kerana sebelum ini Peserta Kajian 3 merupakan seorang anak yang sukar mendengar nasihat dan tunjuk ajar ibu dan bapanya.

Setelah hampir tiga bulan, tingkah laku degil masih ada tetapi hanya sedikit berbanding sebelum ini. Bagi Konstruk 2, juga terdapat tiga tingkah laku positif ditunjukkan dan hanya satu tingkah laku negatif iaitu suka dipuji atau dalam erti kata lain suka dihargai. Bagi Konstruk 3 bersederhana; sebagai anak bongsu dalam ahli keluarga, Peserta Kajian 3 sudah boleh berkongsi barang namun kehendaknya mesti ditepati. Bagi Konstruk 4 pula Peserta Kajian 3 sama seperti Peserta Kajian 1 dan 2 iaitu bersuara lantang dan nyaring ketika berada di rumah.

Berikut adalah **Rajah 4.10** hasil dapatan temu bual dari **Jadual 4.15** dalam bentuk laporan visual yang dianalisis menggunakan Atlas. ti 8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.10. Data diperoleh daripada Informan D3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi membincangkan hasil dapatan temu bual selanjutnya, berikut dipaparkan hasil dapatan data temu bual dengan informan D4, D5 dan D6 yang masing-masing mempunyai anak yang berusia tiga tahun. Kesemua peserta kajian ini ternyata masih memerlukan bimbingan daripada ibu bapa dan pendidik namun tingkah laku yang ditunjukkan juga memberangsangkan. Terdapat peningkatan yang paling ketara terutamanya dalam menghafaz Surah Al-Fatihah dan lafaz Doa untuk Kedua Ibu Bapa.

Berikut adalah dapatan data yang telah dianalisis dan dijelaskan dalam **Jadual 4.15** seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Data diperoleh daripada Informan D4

Informan	Konstruk 1	Konstruk 2	Konstruk 3	Konstruk 4
D4	**Tingkah laku positif** • mengucapkan terima kasih • membaca/ melafaz doa • mendengar nasihat • membantu ibu/ bapa • menurut suruhan dan perintah	**Tingkah laku positif** • mudah mesra & peramah • menunjukkan kasih sayang • menunjukkan rasa hormat	**Tingkah laku positif** • berjimat cermat/ tidak boros • bersabar dan menunggu giliran • bertolak ansur • tidak makan banyak atau tamak • berkongsi barang	**Tingkah laku positif** • berbual sopan dan bertatasusila • membuat penilaian terhadap hasil kerja • berhati-hati dan tertib • menyatakan idea dan pendapat
	Tingkah laku negatif • gagal kawal perasaan marah • Tidak responsif terhadap kasih sayang	**Tingkah laku negatif** • suka dipuji/ memuji • tidak mahu berkongsi barang • memukul/ menyerang	**Tingkah laku negatif** • merosakkan barang • tak boleh duduk diam/ gelisah • kehendak mesti ditepati	**Tingkah laku negatif** • membuat bising • suara lantang/ nyaring

Dapatan kajian pada **Jadual 4.15,** telah menunjukkan bahawa Peserta Kajian 4 boleh mengamalkan tingkah laku positif yang telah dipelajari di TASKA semasa berada di rumah. Ibu dan bapanya mengakui bahawa Peserta Kajian 4 semakin berdikari berbanding dengan bersifat manja sebelum ini. Tingkah laku yang ditunjukkannya semakin positif dari masa ke semasa.

Berikut adalah **Rajah 4.11** hasil dapatan temu bual dari **Jadual 4.16** dalam bentuk laporan visual yang dianalisis menggunakan Atlas. ti 8 bagi menggambarkan tingkah laku positif yang ditunjukkan semasa berada di luar persekitaran kelas atau TASKA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.11. Data diperoleh daripada Informan D4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menjelaskan dapatan data yang ditunjukkan oleh Peserta Kajian 5, berikut adalah hasil dapatan data temu bual dengan informan D5 yang dipaparkan dalam **Jadual 4.16** berikut:

Jadual 4.16

Data diperoleh daripada Informan D5

Informan	Konstruk 1	Konstruk 2	Konstruk 3	Konstruk 4
D5	**Tingkah laku positif** • membantu ibu/ bapa • menunjukkan rasa sayang • mengucapkan terima kasih • membaca/ melafaz doa • mendengar nasihat	**Tingkah laku positif** • menunjukkan rasa hormat • mengalah • menundukkan kepala ketika berjalan	**Tingkah laku positif** • bertolak ansur • bersabar dan menunggu giliran • berjimat cermat/ tidak boros • tidak makan banyak atau tamak • berkongsi barang	**Tingkah laku positif** • membuat penilaian terhadap hasil kerja • menyatakan idea dan pendapat • berhati-hati dan tertib

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Tingkah laku negatif • gagal kawal perasaan marah	**Tingkah laku negatif** • tidak mahu berkongsi barang • memukul/ menyerang	**Tingkah laku negatif** • tak boleh duduk diam/ gelisah • merosakkan barang • kehendak mesti ditepati	**Tingkah laku negatif** • suara lantang/ nyaring • membuat bising •

Dapatan kajian pada **Jadual 4.16** menunjukkan bahawa Peserta Kajian 5 boleh mengamalkan tingkah laku positif yang telah dipelajari di TASKA semasa berada di rumah. Walau pun Peserta Kajian 5 merupakan kanak-kanak lelaki yang berumur tiga tahun, tetapi tingkah lakunya hampir setara dengan kanak-kanak yang berumur empat tahun, Ibu dan bapanya mengakui bahawa Peserta Kajian 5 semakin hari semakin matang dan bersemangat untuk ke TASKA. Ibu dan bapanya akan menggunakan kaedah nasihat sekiranya Peserta Kajian 5 menunjukkan tingkah laku yang negatif seperti jika anak mereka berkelakuan degil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah **Rajah 4.12** yang menunjukkan laporan visual yang dianalisis menggunakan Atlas. ti 8 yang menunjukkan hasil dapatan temu bual dari **Jadual 4.16.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.12. Data diperoleh daripada Informan D5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan data yang terakhir yang dibincangkan dalam Bab 4 ini adalah data temu bual separa struktur yang diperoleh daripada informan D6 yang merupakan satu-satunya informan tunggal yang mewakili kaum bapa. Penyertaan informan ini adalah disebabkan beliau sememangnya rapat dengan anak bongsu beliau yang menjadi Peserta Kajian 6 yang paling kecil dari kalangan enam orang peserta kajian. Hasil daripada temu bual yang dijalankan, didapati Peserta Kajian 6 telah menunjukkan empat tingkah laku positif dan dua tingkah laku negatif bagi Konstruk 1.

Bagi Konstruk 2, terdapat sembilan tingkah laku yang ditunjukkan semasa di rumah. Lima di antaranya merupakan tingkah laku positif sementara empat lagi adalah tingkah laku negatif. Bagi Konstruk 3 pula, didapati sebanyak tujuh tingkah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laku telah ditunjukkan yang hanya satu sahaja tingkah laku negatif. Hanya dua tingkah laku sahaja ditunjukkan bagi Konstruk 4 yang kedua-duanya adalah tingkah laku positif.

Bagi menjelaskan dapatan data yang dimaksudkan, berikut adalah hasil dapatan data temu bual dengan informan D6 yang dipaparkan dalam **Jadual 4.17** berikut:

Jadual 4.17

Data diperoleh daripada Informan D6

Informan	Konstruk 1	Konstruk 2	Konstruk 3	Konstruk 4
D6	**Tingkah laku positif** • mengucapkan terima kasih • membantu ibu/ bapa • membaca/ melafaz doa • mendengar nasihat	**Tingkah laku positif** • menunjukkan rasa hormat • mengalah • menundukkan kepala ketika berjalan • kasih sayang • mudah mesra	**Tingkah laku positif** • beri respon yang positif • bersabar dan menunggu giliran • bertolak ansur • tidak makan banyak atau tamak • berjimat cermat/ tidak boros • bertolak ansur	**Tingkah laku positif** • membuat penilaian terhadap hasil kerja • menyatakan idea dan pendapat • berhati-hati dan tertib
	Tingkah laku negatif • gagal kawal perasaan marah	**Tingkah laku negatif** • tidak mahu berkongsi • memukul • memaling muka • suka dipuji	**Tingkah laku negatif** • tak boleh duduk diam/ gelisah • kehendak mesti ditepati	**Tingkah laku negatif**

Berikut adalah **Rajah 4.13** yang memaparkan laporan visual yang dianalisis menggunakan Atlas. ti 8 yang menunjukkan hasil dapatan temu bual dari **Jadual 4.17**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.13. Data diperoleh daripada Informan D6

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Rumusan

Bab ini telah membincangkan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi dengan menggunakan instrumen kajian iaitu soal selidik, senarai semak pemerhatian dan protokol temu bual. Kaedah tinjauan, kajian lapangan , analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual yang dipilih adalah tepat bagi mencapai tujuan dan objektif kajian seterusnya dapat menjawab soalan yang diutarakan dalam kajian ini. Berdasarkan perbincangan mengenai analisis dapatan data yang dipaparkan melalui persembahan data kajian yang terperinci, jelas menunjukkan bahawa pembinaan MPAL telah berjaya meninggalkan kesan terhadap tingkah laku positif kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini membincangkan rumusan keseluruhan kajian ini yang meliputi dapatan kajian dengan mengaitkan teori-teori dan kajian-kajian terdahulu. Dapatan kajian yang dibincangkan bukan sahaja bagi menjawab soalan kajian tetapi menjurus kepada pencapaian objektif kajian. Dengan membincangkan keseluruhan kajian ini, pengkaji dapat menyatakan implikasi dapatan kajian, sumbangan yang boleh diberikan melalui kajian ini dan seterusnya dapat mencadangkan kajian lanjutan kepada pengkaji seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Perbincangan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membina satu modul pengajaran sebagai panduan kepada para pendidik pendidikan awal kanak-kanak bagi mengajar pendidikan akhlak kepada kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan usia tiga hingga empat tahun. Modul ini dinamakan sebagai Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) kerana merujuk terus kepada kandungan Surah Luqman iaitu dari Ayat 14, 18, dan 19 yang membincangkan mengenai pendekatan pendidikan akhlak yang digunakan oleh Luqman dalam mendidik anaknya. Beliau juga memiliki akhlak yang terpuji dan sentiasa menjauhkan diri daripada perkara-perkara buruk serta mungkar seperti yang dinyatakan oleh Rosnaaini, Suhanim dan Syahrul Faizaz, (2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seperti yang dinyatakan oleh Abdullah Nashih Ulwan (1996), secara umumnya, pendidikan akhlak merupakan satu proses *pentarbiyahan* yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya oleh ibu bapa sebagai pendidik pertama dan para guru sebagai pengganti ibu bapa. Amanah yang berat ini perlu dilaksanakan sebaiknya seiring dengan tuntutan agama dan masyarakat. Dari sudut kerohanian, pendidikan akhlak dituntut oleh agama Islam dan agama-agama lain di dunia ini. Sementara itu, pendidikan akhlak juga diperlukan bagi menjana modal insan pada masa depan kelak agar sesuai dengan konteks budaya dan kelangsungan hidup bermasyarakat.

Modul ini sesuai dijadikan sebagai panduan alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran di TASKA khususnya bagi komponen Perkembangan Sahsiah, Sosioemosi dan Kerohanian. Modul Kajian ini melibatkan dua fasa iaitu fasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembinaan modul dan fasa kedua sebagai fasa penilaian modul. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menentukan prosedur pembinaan modul termasuk proses mendapatkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan terhadap kandungan modul dan instrumen yang dibina. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji kesan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) terhadap tingkah laku positif kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun melalui kajian rintis dan kajian sebenar yang telah dijalankan.

Dapatan yang diperoleh dari kajian ini membuktikan bahawa pendidikan akhlak sewajarnya didasari dari Al-Quran yang merupakan dokumen utama yang menjadi rujukan utama umat Islam seluruh dunia. Kandungannya jelas tidak dapat dipertikaikan lagi kerana ternyata pengajaran yang diperolehi didalamnya amat sesuai dengan kehidupan dan keperluan manusia sepanjang zaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini sejajar dengan pandangan Hasbullah dan Auerisuli (2013) yang menyatakan bahawa asas pendidikan awal kanak-kanak atau *manhaj* telah pun dinyatakan dalam Al-Quran sebagai panduan bagi manusia sejagat untuk mewujudkan ummah yang mempunyai akhlak yang tinggi. Pernyataan tersebut juga dipersetujui oleh Shahabuddin dan Nazrul (2011) yang menyebut bahawa Al-Quran meletakkan akidah sebagai paksi sudut pandangan keseluruhan kehidupan.

Metodologi pendidikan akhlak yang dianjurkan oleh Luqman melalui Surah 31 dalam Al-Quran tersusun rapi, mengikut urutan, mantap dan sangat menarik (Rosnaaini dan Suhanim, 2012). Strategi yang digunakan oleh Luqman berkesan untuk mendidik kanak-kanak seawal usia tiga hingga empat tahun kerana beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan teknik nasihat, menekankan perkara suruhan dan larangan yang diiring dengan alasan yang munasabah. Nasihat Luqman al-Hakim yang indah dan penuh kesopanan membuatkan anak-anaknya tertarik untuk patuh terhadap segala suruhan dan larangan. Tambahan pula nasihat, suruhan dan larangan tersebut disampaikan dengan menggunakan gaya bahasa yang pelbagai seperti seruan dan kiasan.

Kebijaksanaan Luqman dalam pendidik kanak-kanak seharusnya dijadikan sebagai teladan dalam kalangan para pendidik khususnya pendidik awal kanak-kanak. Tugas dan tanggungjawab dalam mendidik akhlak kanak-kanak bukan hanya terletak ke atas pendidik semata-mata sebaliknya ibu bapa dan pendidik seharusnya berganding bahu berusaha menjadikan kanak-kanak sebagai modal insan berakhlak mulia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1 Pembinaan Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman (MPAL)

Pembinaan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) adalah didasari oleh Ayat Al-Quran Surah Luqman dari ayat 14, 18, dan 19. Pengkaji telah mengadaptasi dua buah model iaitu Model Reka bentuk Pengajaran Dick & Carey dan Model Pembinaan Modul Sidek (2005) sebagai asas kerangka kepada pembinaan MPAL.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prosedur pembinaan MPAL disesuaikan dengan Model Pembinaan Modul Sidek (2005). Prosedur pembinaan MPAL terbahagi kepada dua peringkat iaitu; Peringkat penyediaan draf modul dan fasa kedua ialah peringkat mencuba dan menilai modul. Pada peringkat pertama, terdapat sembilan langkah bermula dengan pembinaan matlamat dan diakhiri dengan penyatuan draf modul. Pada fasa pembinaan modul, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen dan tinjauan.

Pada fasa kedua, draf MPAL yang telah lengkap dibina telah melalui kajian rintis bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan. Seterusnya, pengkaji mengkaji kesan MPAL terhadap tingkah laku positif kanak-kanak melalui kaedah pemerhatian dan temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian rintis berkaitan pembinaan modul dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kualiti dan mutu draf modul yang telah dibina. Sesuatu modul masih dianggap draf sekiranya ianya masih belum ditentukan kesahan dan kebolehpercayaannya (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005).

Dalam kajian rintis, pengkaji melihat kesesuaian kandungan yang telah ditentukan di samping aktiviti-aktiviti, kesesuaian bahasa yang digunakan, kesesuaian media serta aspek-aspek yang lain. Kajian rintis berkaitan pembinaan modul dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kualiti dan mutu draf modul yang telah dibina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesuatu modul masih dianggap draf sekiranya ianya masih belum ditentukan kesahan dan kebolehpercayaannya (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Di dalam kajian rintis, pengkaji melihat kesesuaian kandungan yang telah ditentukan di samping aktiviti-aktiviti, kesesuaian bahasa yang digunakan, kesesuaian media serta aspek-aspek yang lain.

Dalam kajian rintis, pengkaji melihat kesesuaian kandungan yang telah ditentukan di samping aktiviti-aktiviti, kesesuaian bahasa yang digunakan, kesesuaian media serta aspek-aspek yang lain. Kajian rintis berkaitan pembinaan modul dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kualiti dan mutu draf modul yang telah dibina. Sesuatu modul masih dianggap draf sekiranya ianya masih belum ditentukan kesahan dan kebolehpercayaannya (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Di dalam kajian rintis, pengkaji melihat kesesuaian kandungan yang telah ditentukan di samping aktiviti-aktiviti, kesesuaian bahasa yang digunakan, kesesuaian media serta aspek-aspek yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman (MPAL)

Keputusan kajian bagi Fasa Pembinaan Modul Berdasarkan temu bual, mendapati pelbagai pandangan berdasarkan pengalaman pakar-pakar dari pelbagai bidang berkaitan pembinaan modul pendidikan akhlak ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seramai lapan orang pakar yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza iaitu dari bidang Pendidkan Awal Kanak-kanak, Pendidikan Islam, Psikologi dan Bahasa Melayu terlibat dalam proses pembinaan MPAL. Kesemua cadangan penambahbaikan yang dibuat adalah positif dan relevan. Pengkaji diberi peluang untuk berbincang dan membuat refleksi ke atas saranan yang diberikan dan membuat pembetulan sewajarnya.

Bagi menjawab soalan kajian yang kedua ini, pengkaji menggunakan format borang soal selidik yang dicadangkan oleh oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005). Bagi mengukur nilai pencapaian kesahan kandungan pula, pengkaji sekali lagi menggunakan formula pengiraan nilai pencapaian kesahan kandungan yang juga disarankan oleh Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005). Oleh itu dapatan yang diperolehi bagi menjawab soalan kajian adalah 0.92%.

Selain dari nilai kesahan kandungan modul, kajian ini juga mencari nilai kebolehpercayaan instrumen senarai semak tingkah laku kanak-kanak yang digunakan bagi mengutip data utama kajian. Terdapat empat tema atau tajuk utama dalam proses pembinaan MPAL iaitu Bebuat baik kepada ibu bapa, Rendah Hati, Bersederhana, dan Bertutur secara sopan. Kekuatan MPAL ialah kesesuaian teori dan cadangan teknik yang pelbagai dalam aktiviti yang dicadangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Harapannya adalah melalui ilmu, kemahiran dan amalan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang digarapkan dalam MPAL ini, para pendidik pendidikan awal kanak-kanak dapat menjalankan proses pengajaran dengan lebih baik dan seterusnya memberi impak kepada pencapaian hasil pembelajaran kanak-kanak dengan lebih bermakna. Semoga panduan pelaksanaan pengajaran Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman ini dapat dimanfaatkan bagi melahirkan modal insan yang ideal dan cemerlang yakni berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia pada masa hadapan. Insya-Allah.

05-4506832
pustaka.upsi.edu.my
Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
PustakaTBainun
ptbupsi

KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGENALAN	vi
MATLAMAT	viii
OBJEKTIF MODUL	ix
ISI KANDUNGAN MODUL	
TAJUK 1 Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa	10
TAJUK 2 Rendah Hati (Tidak Sombong)	23
TAJUK 3 Bersederhana	32
TAJUK 4 Bertutur Secara Sopan	42
PENUTUP	51
RUJUKAN	52

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGENALAN

Pendidikan awal kanak-kanak adalah sangat penting kerana pendidikan yang diterima pada peringkat awal kanak-kanak bakal mencorakkan kehidupan seseorang pada masa akan datang. Pendidikan yang bermula pada peringkat awal usia lagi dituntut dalam Islam seperti firman Allah SWT yang bermaksud;

> Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.
>
> (Surah An-Nahl: Ayat 78)

Sehubungan dengan itu, pendidikan dalam konteks agama Islam, hendaklah berteraskan al-Quran dan Hadis yang didasari oleh keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Kegagalan untuk meletakkan al-Quran dan Hadis dalam pendidikan akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk tingkah laku sebagai muslim yang komited terhadap tuntutan agama.

Hakikatnya, Barat dan Islam mempunyai perspektif yang sama dalam hal pendidikan pada peringkat awal kanak-kanak. Perbezaan antara kedua-duanya ialah Islam menekankan pembentukan tingkah laku seseorang kanak-kanak bukan hanya kelakuan fizikalnya tetapi akhlak perlu diterapkan seiring dengan penerapan keimanan dalam ruh dan jiwa (Mastura Badzis, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kanak-kanak pada peringkat awal, segala yang didengar dan dilihat daripada persekitarannya merupakan satu pendidikan kerana pada peringkat umur ini mereka tidak dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Dalam al-Quran terdapat banyak dalil yang menunjukkan kepentingan pendidikan akhlak pada peringkat awal kanak-kanak.

Allah telah merakamkan dalam surah Luqman khususnya pada ayat 13, kaedah Luqman al-Hakim mendidik dan membentuk keperibadian anaknya melalui firman Allah SWT yang bemaksud;

> Dan apabila Luqman berkata kepada anaknya (dalam keadaan dia menasihati dan mendidik anaknya) "Wahai anakku, janganlah kamu mensyirikkan Allah, sesungguhnya syirik itu merupakan suatu kezaliman yang amat besar".
>
> (Surah Luqman; Ayat 13)

Ayat tersebut jelas menghuraikan kaedah didikan yang berkaitan dengan Pendidikan Islam atau akidah yang perlu ditekankan pada peringkat awal kanak-kanak lagi. Oleh yang demikian, Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) ini dibina sebagai panduan kepada golongan pendidik khususnya dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak bagi melaksanakan sesi pengajaran pendidikan akhlak agar pembelajaran menjadi lebih berkesan, menyeronokkan dan bermakna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MATLAMAT

Pada peringkat awal kanak-kanak, beberapa perkara asas seperti asas aqidah, akhlak dan ibadah yang terkandung dalam Islam seharusnya diajar dengan suasana pendidikan yang menyeronokkan. Elemen-elemen ini sewajarnya diajarkan kepada kanak-kanak seawal usia lagi. Ketiga-tiga elemen ini merupakan asas kepada prinsip kerohanian, sikap dan nilai.

Matlamat utama MPAL dibina adalah untuk dijadikan sebagai panduan kepada para pendidik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak bagi mengajar Pendidikan Akhlak kepada kanak-kanak yang berumur tiga hingga empat tahun. Ia perlu kerana sebelum ini, pendidikan akhlak biasanya diajar melalui rutin secara informal. Para pendidik sering memberi alasan bahawa ketiadaaan modul menyukarkan mereka mengajar pendidikan akhlak secara formal. Pengetahuan asas berkaitan pendidikan akhlak adalah penting sebelum kanak-kanak diajarkan mengenai perkara-perkara yang lebih mendalam seperti Rukun Iman, Rukun Islam, Sirah Rasulullah dan Asas al-Quran. Pada peringkat awal, kanak-kanak perlu diajarkan secara berperingkat-peringkat daripada perkara yang mudah kepada yang lebih susah. Modul ini mengandungi tajuk dan contoh aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang mudah dan menyeronokkan kanak-kanak sesuai dengan tahap umur dan kebolehan mereka.

Adalah diharapkan dengan merujuk modul ini, pengajaran dan pembelajaran pada peringkat pendidikan awal akan menjadi lebih berkesan dan bermakna kepada kanak-kanak. Semoga para pendidik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak berupaya memanfaatkan Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) ini dengan mengaplikasikannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya dapat membentuk modal insan yang berakhlak mulia, ideal dan cemerlang pada masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

OBJEKTIF MODUL

Modul Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman (MPAL) ini dibahagikan kepada empat tajuk utama, iaitu Berbuat baik kepada ibu bapa, Rendah Hati, Bersederhana dan Bertutur secara sopan yang dirujuk khusus berdasarkan kandungan surah Luqman dalam ayat 14, 18 dan ayat 19. Berikut adalah objektif MPAL:

i. Memberi panduan pengajaran Pendidikan Akhlak berdasarkan Surah Luqman kepada para pendidik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak bagi menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan, menyeronokkan dan bermakna.

ii. Memberi peluang kepada kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam sesi pembelajaran secara aktif melalui aktiviti-aktiviti yang berteraskan Pendidikan Akhlak.

iii. Menyediakan peluang kepada kanak-kanak seawal usia tiga hingga empat tahun untuk mencapai potensi perkembangan dari aspek kerohanian dan moral yang diharapkan.

iv. Menerapkan nilai-nilai Islam melalui aplikasi amalan kerohanian dalam kehidupan seharian kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MODUL
PENDIDIKAN AKHLAK LUQMAN (MPAL)

panduan pelaksanaan pengajaran pendidikan akhlak

bagi pendidik pendidikan awal kanak-kanak

DISEDIAKAN OLEH

NOR FAUZIAN BINTI KASSIM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



MODUL
PENDIDIKAN AKHLAK LUQMAN (MPAL)
TAJUK 1: BERBUAT BAIK KEPADA IBU BAPA



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَٰلُهُۥ فِى عَامَيْنِ أَنِ ٱشْكُرْ لِى وَلِوَٰلِدَيْكَ إِلَىَّ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٤﴾

Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

14. Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

(Surah Luqman; Ayat 14)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Aktiviti 1
MELAFAZ DOA UNTUK IBU BAPA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAJUK 1	**Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa**
AKTIVITI 1	Melafaz Doa Untuk Ibu Bapa
OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak boleh: i. mendengar dengan penuh perhatian lafaz doa melalui lagu nasyid. ii. melafaz Doa Untuk Ibu Bapa dengan bimbingan iii. melafaz Doa Untuk Ibu Bapa dan maksud doa
BAHAN BANTU MENGAJAR/ BAHAN BANTU BELAJAR	Audio visual (MP4) Nasyid Doa Untuk Ibu Bapa Carta Doa Untuk Ibu Bapa
MASA	30 minit
METODOLOGI PENDIDIKAN LUQMAN	Perintah
TEKNIK	Nyanyian nasyid , hafazan, latih tubi lafaz doa
STRATEGI	Berpusatkan kanak-kanak; secara kumpulan dan individu
TAUSIAH	Berbuat baik kepada ibu dan bapa adalah akhlak mulia yang disukai oleh Allah SWT. Sesiapa yang berbuat baik kepada kedua ibu bapa akan mendapat ganjaran pahala dan balasan syurga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LANGKAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

1. Kanak-kanak memulakan pembelajaran dengan membaca Doa Sebelum Belajar.
   Pendidik memulakan pengajaran dengan lafaz Basmallah dan diikuti dengan bacaan al-Quran Surah Luqman; ayat 14 serta terjemahannya.
2. Pendidik memperdengarkan audio visual (MP4) Nasyid Doa Untuk Ibu Bapa dan mengulanginya sebanyak tiga kali.
3. Pendidik membacakan Doa Untuk Ibu Bapa dan diikuti dengan maksudnya berdasarkan carta Doa Untuk Ibu bapa yang dipaparkan di hadapan kelas.
4. Pendidik mengajar kanak-kanak melafaz Doa Untuk Ibu Bapa dengan sebutan yang betul serta maksudnya. Kanak-kanak ikut melafaz doa beramai-ramai.
6. Kanak-kanak dilatih tubi melafaz doa dan maksudnya secara berkumpulan secara berirama / bernasyid.
7. Kanak-kanak menghafaz doa dan maksudnya secara individu sebagai latihan pengukuhan dengan bimbingan pendidik.
8. Pendidik memberi pujian dan usapan di kepala dan belakang kanak-kanak yang berjaya menghafaz doa dengan sebutan yang betul serta maksudnya.
9. Pendidik mengingatkan kanak-kanak supaya sentiasa mengamalkan Doa Untuk Ibu Bapa agar kanak-kanak mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT.
10. Pendidik juga mengingatkan kanak-kanak tentang suruhan Allah SWT supaya sentiasa berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa dalam kehidupan seharian mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN

DOA UNTUK IBU BAPA

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْلِى ذُنُوْبِى وَلِوَالِدَيَّ وَارْحَمْ
هُمَا كَمَا رَبَّيَانِى صَغِيْرًا

Maksudnya:
Ya Allah! Ampunilah bagiku segala dosaku dan juga dosa dua ibu bapaku dan kasihanilah mereka keduanya sebagaimana mereka memelihara dan mendidikku di masa kecil.



© 2004 Dewan Bahasa dan Pustaka / www.karyanet.com.my

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAN TAMBAHAN:



Sumber: HasnulHadiAhmad.com (2013)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti 2
BERCERITA – KISAH TELADAN 1
BERBUAT BAIK KEPADA IBU BAPA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAJUK 1	**Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa**
AKTIVITI 2	Bercerita- Kisah Teladan 1: Berbuat Baik Terhadap Ibu Bapa
OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak boleh: i. berbual mengenai cara berbuat baik kepada ibu bapa seperti membantu ibu bapa dalam kehidupan seharian. ii. menjawab soalan berdasarkan cerita yang diperdengarkan.
BAHAN BANTU MENGAJAR / BAHAN BANTU BELAJAR	Buku Cerita -Siri Modul Pendidikan Akhlak Luqman Kisah Teladan 1: Berbuat Baik Terhadap Ibu Bapa
MASA	30 minit
METODOLOGI PENDIDIKAN LUQMAN	Perintah
TEKNIK	Penceritaan, perbualan dan penyoalan
STRATEGI	Berpusatkan pendidik dan kanak-kanak; secara kelas dan individu
FALSAFAH	Tingkah laku berbuat baik kepada ibu bapa adalah perintah daripada Allah SWT. Kita sebagai hambaNya, wajib melaksanakan perintah Allah SWT.

LANGKAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

1. Kanak-kanak memulakan pembelajaran dengan membaca Doa Sebelum Belajar.

   Pendidik memulakan pengajaran dengan lafaz Basmallah dan diikuti dengan bacaan al-Quran Surah Luqman; ayat 14 serta maksudnya.

2. Pendidik melakonkan watak sebagai ibu dan memanggil kanak-kanak dengan sebutan "Hai, anak-anakku...sila ke sini... " (nada suruhan) sambil mengajak kanak-kanak berkumpul di hadapan pendidik.

3. Pendidik dan kanak-kanak berbual mengenai cara berbuat baik terhadap ibu bapa. Pendidik memberikan beberapa contoh tingkah laku berbuat baik terhadap ibu bapa seperti menghormati ibu bapa, mencium tangan, memeluk dan membantu ibu bapa dalam kehidupan seharian.

4. Pendidik bersoal jawab mengenai peranan ibu, bapa dan anak dalam keluarga serta adab menghormati ibu bapa.

5. Pendidik bercerita dengan menggunakan buku cerita Siri Modul Pendidikan Akhlak Luqman; Kisah Teladan 1- Berbuat Baik Terhadap Ibu Bapa

6. Kanak-kanak mendengar cerita berdasarkan buku cerita yang dibacakan oleh pendidik.

7. Kanak-kanak diajukan beberapa soalan mudah berkaitan cerita yang telah diperdengarkan.

8. Pendidik memberi pujian kepada kanak-kanak yang telah berjaya menjawab dengan betul.

9. Pendidik dan kanak-kanak bersama-sama membuat rumusan mengenai tingkah laku berbuat baik kepada ibu bapa.

10. Pendidik menasihati kanak-kanak supaya sentiasa menunjukkan akhlak terpuji dengan berbuat baik kepada ibu bapa mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN



05-4506832
pustaka.upsi.edu.my
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
PustakaTBainun
ptbupsi

SIRI MODUL PENDIDIKAN AKHLAK LUQMAN

KISAH TELADAN 1: Berbuat Baik Terhadap Ibu Bapa

Ini keluarga Syafiq. Ayahnya seorang ahli perniagaan dan sering tiada di rumah. Ibunya pula seorang suri rumah tangga. Syafiq mempunyai seorang adik perempuan bernama Siti.

Syafiq dan Siti gemar bermain di ruang tamu. Mereka selalu membiarkan sahaja permainan mereka bersepah. Setiap hari, ibu menasihati Syafiq dan Siti agar menyimpan permainan mereka semula setiap kali selesai bermain. Ibu juga meminta Syafiq dan Siti agar membantunya mengemas rumah.

Namun, Syafiq dan Siti tidak mengendahkan nasihat dan permintaan ibu mereka. Syafiq dan Siti sedikit pun tidak bersimpati melihat ibu mereka penat mengemaskan rumah.

Pada suatu hari, selepas selesai sarapan, Syafiq dan Siti terus meninggalkan cawan dan pinggan kotor di atas meja. Mereka menonton televisyen sambil bermain di ruang tamu.

Syafiq dan Siti kehairanan kerana ibu mereka tidak kelihatan sepanjang hari. Ibu juga tidak memasak tengah hari dan membiarkan rumah bersepah.

Syafiq dan Siti menjenguk ke bilik ibu. Kelihatan ibu mereka terbaring lemah di atas katil. Rupa-rupanya, ibu mereka tidak sihat dan tidak berdaya untuk melakukan kerja harian seperti mengemas rumah dan memasak.

Syafiq dan Siti berasa belas kasihan apabila melihat keadaan ibu. Mereka mulai sedar bahawa sebagai anak, mereka sepatutnya mendengar nasihat dan menolong ibu di rumah.

Syafiq dan Siti menyesal kerana tidak mendengar nasihat ibu selama ini. Kini, Syafiq dan Siti akan mengemas permainan mereka setelah selesai bermain. Syafiq dan Siti juga mula mendengar nasihat dan berbuat baik kepada ibu mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



MODUL
PENDIDIKAN AKHLAK LUQMAN (MPAL)
TAJUK 2: RENDAH HATI (TIDAK SOMBONG)



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَحًا ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

18. Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.

(Surah Luqman; Ayat 18)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti 1

BERCERITA - TAJUK: AKIBAT SOMBONG

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAJUK 2	**Rendah Hati (Tidak Sombong)**
AKTIVITI 1	Bercerita – Tajuk Cerita: Akibat Sombong
OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak boleh: i. mendengar cerita Akibat Sombong dengan penuh perhatian ii.berbual dan bersoal jawab mengenai akhlak rendah hati (tidak sombong) iii. berbincang mengenai pengajaran yang diperolehi daripada cerita yang diceritakan
BAHAN BANTU MENGAJAR / BAHAN BANTU BELAJAR	Buku Koleksi Cerita-cerita Teladan Dalam Islam
MASA	30 minit
METODOLOGI PENDIDIKAN LUQMAN	Larangan dan Nasihat
TEKNIK	Penceritaan, perbualan dan perbincangan
STRATEGI	Berpusatkan pendidik dan kanak-kanak; secara kelas dan individu
FALSAFAH	Sifat sombong adalah sifat yang dibenci oleh Allah SWT. Allah melarang hambaNya bertingkah laku sombong sesama manusia.

LANGKAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN:

1. Kanak-kanak memulakan pembelajaran dengan membaca Doa Sebelum Belajar.

   Pendidik memulakan pengajaran dengan lafaz Basmallah dan diikuti dengan bacaan al-Quran Surah Luqman; ayat 18 serta maksudnya.

2. Pendidik meminta kanak-kanak meneka objek yang terdapat dalam kotak yang dipegang oleh pendidik berdasarkan klu yang diberi.

3. Pendidik menunjukkan buku cerita Koleksi Cerita-cerita Teladan Dalam Islam.

4. Pendidik memilih tajuk cerita yang akan diceritakan iaitu Akibat Sombong.

5. Kanak-kanak mendengar cerita yang disampaikan oleh pendidik dengan penuh perhatian.

6. Kanak-kanak berbual sambil bersoal jawab mengenai akhlak Rendah Hati (Tidak Sombong) berdasarkan cerita yang telah diceritakan.

7. Pendidik berbincang tentang pengajaran daripada cerita teladan yang telah diceritakan bersama kanak-kanak

8. Kanak-kanak dinasihatkan agar sentiasa berakhlak rendah hati (tidak sombong) terhadap orang lain dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

AKIBAT SOMBONG

Pada suatu hari Rasulullah duduk bersama para sahabatnya. Tiba-tiba datang seorang lelaki kaya yang berpakaian serba mewah dan indah lalu duduk di hadapan Rasulullah. Tidak lama kemudian datang pula seorang lelaki miskin yang berpakaian compang camping lalu duduk di sebelah lelaki kaya tersebut.

Lelaki kaya tersebut merasa kurang senang dengan kehadiran lelaki yang miskin itu. Dia pun menarik-narik pakaiannya supaya tidak terkena kepada lelaki miskin itu.

Rasulullah yang melihat perbuatan lelaki kaya itu lalu bersabda, "Adakah engkau takut pakaianmu kotor apabila terkena lelaki ini?"

Lelaki kaya itu merasa malu apabila menyedari perbuatannya itu telah diketahui oleh Rasulullah. Diapun berkata, "Saya tidak bermaksud begitu wahai Rasulullah.



Tetapi nafsu jahat sayalah Yang mendorong saya berbuat demikian.

Sebagai tanda bersalahdan meminta maaf saya akan menghadiahkan separuh dari harta saya kepada lelaki ini."



Rasulullah bertanya kepada lelaki miskin tersebut, "Apakah engkau menerima pemberian orang ini kepadamu?"



Tanpa ragu-ragu lelaki miskin itu menjawab, "Tidak" Semua yang hadir merasa terkejut dengan jawapan lelaki itu.

"Sebenarnya aku menolak kerana bimbang dengan harta ini aku akan menjadi sombong sebagaimana lelaki yang kaya ini," jawabnya. Lelaki kaya itu menjadi insaf dengan kata-kata lelaki miskin itu. Dia merasa menyesal dengan kesombongannya dan bertaubat di atas kesalahannya itu.

Pengajaran:
Tiada kebaikan jika bersikap sombong

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti 2
BERJALAN SECARA SOPAN (TIDAK ANGKUH)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAJUK 2	**Rendah Hati (Tidak Sombong)**
AKTIVITI 2	Berjalan dengan Sopan (Tidak Angkuh)
OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak boleh: i. melakukan aktiviti berjalan dengan sopan ii. melakonkan watak Orang Kaya dan Orang Miskin iii. menyebut semula contoh tingkah laku rendah hati iaitu berjalan dengan mengatur langkah sederhana sambil menundukkan sedikit kepala ke bawah
BAHAN BANTU MENGAJAR / BAHAN BANTU BELAJAR	Props - Pakaian cantik, pakaian buruk, karung kecil, model wang syiling emas.
MASA	30 minit
METODOLOGI PENDIDIKAN LUQMAN	Larangan dan Nasihat
TEKNIK	Lakonan, tunjuk cara, permainan dan latih tubi / latihan amali/ praktis
STRATEGI	Berpusatkan kanak-kanak; secara kumpulan dan individu
FALSAFAH	Sifat rendah hati adalah sifat terpuji yang disukai oleh Allah SWT dan juga manusia. Berjalan dengan lagak sombong adalah tingkah laku yang tidak baik dan dilarang oleh Allah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LANGKAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN:

1. Kanak-kanak memulakan pembelajaran dengan membaca Doa Sebelum Belajar.

   Pendidik memulakan pengajaran dengan lafaz Basmallah dan diikuti dengan bacaan al-Quran Surah Luqman; ayat 18 serta maksudnya.

2. Pendidik meminta kanak-kanak mengimbas kembali cerita bertajuk 'Akibat Sombong' yang telah diceritakan oleh pendidik sebelum ini.

3. Pendidik menunjukkan illustrasi cerita bertajuk 'Akibat Sombong' dari buku cerita Koleksi Cerita-cerita Teladan Dalam Islam.

4. Pendidik memilih dua orang kanak-kanak bagi memegang watak orang kaya dan orang miskin untuk aktiviti berlakon.

5. Kanak-kanak menyebut akhlak Rendah Hati (Tidak Sombong) semula berdasarkan cerita yang telah dilakonkan.

6. Pendidik menunjukkan cara berjalan secara sopan (tidak angkuh) dengan mengatur langkah sederhana sambil menundukkan sedikit kepala ke bawah di hadapan kanak-kanak. Kanak-kanak memerhati tunjuk cara yang dilakukan oleh pendidik.

7. Kanak-kanak diminta berdiri dan mencari rakan sebagai pasangan. Kanak-kanak melakukan Permainan Tiru Macam Saya, iaitu aktivti berjalan secara berpasangan dengan meniru aksi berjalan secara bersopan seperti yang telah ditunjukkan oleh pendidik.

8. Kanak-kanak melakukan aktiviti latih tubi / latihan amali/ praktis berjalan secara sopan seorang demi seorang di hadapan kelas.

9. Kanak-kanak membuat penilaian ke atas aktiviti berjalan yang dilakukan oleh rakan/ pasangan mereka sama ada bersopan atau tidak.

10. Kanak-kanak dinasihatkan agar sentiasa berjalan secara sopan (tidak angkuh) seperti yang telah dipratikkan melalui aktiviti tadi dalam kehidupan seharian mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



MODUL
PENDIDIKAN AKHLAK LUQMAN (MPAL)
TAJUK 3: BERSEDERHANA



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَٱقْصِدْ فِى مَشْيِكَ وَٱغْضُضْ مِن صَوْتِكَ ۚ إِنَّ أَنكَرَ ٱلْأَصْوَٰتِ لَصَوْتُ ٱلْحَمِيرِ ﴿١٩﴾

Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

19. Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.

(Surah Luqman; Ayat 19)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti 1
BERJALAN DAN BERHENTI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAJUK 3	**Bersederhana**
AKTIVITI 1	Berjalan dan Berhenti
OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak boleh: i. mematuhi arahan mudah seperti "berjalan"dan "berhenti" ii. berjalan dengan langkah sederhana mengikut tempo/ bunyi alat muzik/ perkusi
BAHAN BANTU MENGAJAR / BAHAN BANTU BELAJAR	Tali, lagu Kami Berjalan dan Berhenti dan alat muzik seperti kompang atau alat perkusi
MASA	30 minit
METODOLOGI PENDIDIKAN LUQMAN	Suruhan dan Nasihat
TEKNIK	Permainan
STRATEGI	Berpusatkan pendidik dan kanak-kanak; secara kelas dan individu
FALSAFAH	Tingkah laku melangkah secara sederhana semasa berjalan adalah suruhan Allah SWT. Berjalan dengan langkah sederhana ialah tidak terlalu laju dan tidak terlalu perlahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LANGKAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

1. Kanak-kanak memulakan pembelajaran dengan membaca Doa Sebelum Belajar.

   Pendidik memulakan pengajaran dengan lafaz Basmallah dan diikuti dengan bacaan al-Quran Surah Luqman; ayat 19 serta maksudnya.

2. Pendidik meminta kanak-kanak berjalan bebas di ruang hadapan kelas.

3. Kanak-kanak diingatkan tentang permainan Tiru Macam Saya seperti yang telah dipelajari sebelum ini.

4. Kanak-kanak berjalan secara sopan dalam kiraan 10 langkah seorang demi seorang berpandukan tali yang diletakkan di atas lantai kelas.

5. Pendidik memperkenalkan permainan baharu yang dinamakan sebagai 'Permainan Berjalan dan Berhenti'.

6. Pendidik menjadi model dengan menunjuk cara 'Permainan Berjalan dan Berhenti' sambil menyanyi lagu 'Kami Berjalan dan Berhenti'.

7. Kanak-kanak dibawa keluar dari kelas untuk melakukan aktiviti 'Permainan Berjalan dan Berhenti' sambil menyanyi lagu 'Kami Berjalan dan Berhenti' dengan bimbingan pendidik. Permainan diulang beberapa kali. Kanak-kanak yang masih berjalan apabila perkataan "berhenti" disebutkan akan dipilih menjadi model seterusnya.

8. Permainan Berjalan dan Berhenti diteruskan dengan mendengar arahan alat muzik seperti kompang atau alat perkusi. Apabila alat muzik diketuk sekali, kanak-kanak akan berjalan mengikut tempo sederhana dan apabila diketuk sebanyak dua kali maka kanak-kanak perlu berhenti melangkah (arah laluan untuk berjalan bergantung kepada ruang yang tersedia di luar kelas).

9. Kanak-kanak berkumpul semula di dalam kelas. Pendidik memberitahu tentang kebaikan berjalan sederhana dan mengaitkan dengan akhlak besederhana seperti berjalan dengan berhati-hati, cermat, tidak terburu-buru dalam kehidupan seharian.

10. Kanak-kanak dinasihatkan agar sentiasa berjalan secara bersopan dengan langkah yang sederhana dalam kehidupan seharian.

1. Pergerakan Berirama - Jalan

- Langkah kaki yang berselang seli dan berterusan
- Tangan diayun berlawanan dengan kaki:
  langkah kaki kanan dan tangan kiri ke hadapan
- Tempo, arah, aras: Tiada ketetapan

Tepuk: tum, tum, tum, tum



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti 2
BERLAKON – HIDUP SEDERHANA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAJUK 3	**Bersederhana**
AKTIVITI 2	Berlakon – Hidup Sederhana
OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak boleh: i. menjalankan lakonan simulasi seperti berada di rumah ii. main peranan sebagai ahli keluarga yang hidup sederhana
BAHAT BANTU MENGAJAR/ BAHAN BANTU BELAJAR	Peralatan/bahan untuk aktiviti berlakon: Pakaian yang sesuai untuk watak ahli keluarga, alat permainan pondok/ masak-masak, lego dan boneka/ anak patung
MASA	30 minit
METODOLOGI PENDIDIKAN LUQMAN	Suruhan dan Nasihat
TEKNIK	Lakonan simulasi, main peranan dan penerangan
STRATEGI	Berpusatkan kanak-kanak; secara kumpulan dan individu
FALSAFAH	Sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan bermaksud menjalani kehidupan yang sederhana seperti tidak bermewah-mewah atau berlebih-lebih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LANGKAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN:

1. Kanak-kanak memulakan pembelajaran dengan membaca Doa Sebelum Belajar.

   Pendidik memulakan pengajaran dengan lafaz Basmallah dan diikuti dengan bacaan al-Quran Surah Luqman; ayat 19 serta maksudnya.

2. Pendidik memulakan pengajaran dengan menunjukkan peralatan/ bahan untuk aktiviti berlakon sebagai sebuah keluarga. Contoh ayah berkain pelikat; ibu berbaju kurung dan berselendang, abang, kakak dan adik diberi alat permainan seperti lego dan boneka.

3. Pendidik memainkan peranan sebagai nenek dan memberikan peranan/ watak kepada kanak-kanak sebagai bapa, ibu, abang, kakak, adik dan bayi dengan situasi hidup keluarga yang bersederhana.

4. Kanak-kanak dan pendidik menjalankan aktiviti lakonan simulasi dan main peranan dalam situasi bersahaja (seperti main pondok/ masak-masak)

5. Kanak-kanak diminta mengemaskan alat permainan dan berkumpul di hadapan kelas.

6. Pendidik memberi penerangan tentang akhlak bersederhana dalam kehidupan seharian seperti tidak hidup mewah dan bermegah-megah, sentiasa berjimat cermat dan tidak membazir serta sentiasa bersyukur dengan pemberian Allah SWT berdasarkan aktiviti lakonan yang telah dilakonkan.

7. Pendidik memberi pujian " tahniah, terima kasih dan bagus" kepada kanak-kanak yang telah melakonkan watak masing-masing dengan jayanya sambil mengusap belakang kanak-kanak dan menunjukkan isyarat bagus kepada mereka.

8. Kanak-kanak dinasihatkan agar sentiasa mengamalkan amalan hidup bersederhana dalam kehidupan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



MODUL
PENDIDIKAN AKHLAK LUQMAN (MPAL)
TAJUK 4: BERTUTUR SECARA SOPAN



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَٱقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَٱغْضُضْ مِن صَوْتِكَ ۚ إِنَّ أَنكَرَ ٱلْأَصْوَٰتِ لَصَوْتُ ٱلْحَمِيرِ ﴿١٩﴾

Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

19. Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.

(Surah Luqman; Ayat 19)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti 1

BERMAIN TELEFON PINTAR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAJUK	**Bertutur Secara Sopan**
AKTIVITI	Bermain Telefon Pintar
OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak boleh: i. mendengar dan memberi respons terhadap bunyi yang diperdengarkan ii. bertutur secara sopan melalui aktiviti bermain secara berpasangan
BAHAN BANTU MENGAJAR/ BAHAN BANTU BELAJAR	Rakaman Audio (MP3) bunyi deringan telefon, model telefon pintar/ telefon mainan
MASA	30 minit
METOD DAKWAH PENDIDIKAN LUQMAN	Suruhan dan Nasihat
TEKNIK	Permainan dan perbualan
STRATEGI	Berpusatkan pendidik dan kanak-kanak; secara kelas dan kumpulan/ berpasangan
FALSAFAH	Tingkah laku bertutur secara sopan adalah suruhan Allah SWT. Sesiapa yang mematuhi suruhan Allah akan disukai Allah dan disukai oleh orang di sekeliling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LANGKAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

1. Kanak-kanak memulakan pembelajaran dengan membaca Doa Sebelum Belajar.

   Pendidik memulakan pengajaran dengan lafaz Basmallah dan diikuti dengan bacaan al-Quran Surah Luqman; ayat 19 serta maksudnya.

2. Pendidik memperdengarkan rakaman audio (MP3) bunyi deringan telefon dan meminta kanak-kanak mencari arah bunyi tersebut.

3. Pendidik menerangkan cara bermain telefon pintar. Kanak-kanak memilih pasangan dan berkongsi model telefon/ telefon mainan.

4. Kanak-kanak dibenarkan bermain sambil bertutur secara spontan dengan pasangan masing-masing.

5. Pendidik memanggil kanak-kanak ke hadapan kelas dan meminta mereka duduk dalam keadaan separuh bulatan.

6. Pendidik memilih dua orang kanak-kanak untuk memainkan peranan sebagai ibu dan anak. Setiap seorang diberi model telefon/ telefon mainan untuk bermain permainan 'Telefon Pintar'. Kanak-kanak bebas bertutur topik yang sesuai dengan peranan yang dimainkan.

7. Pendidik menegur perbualan yang telah dituturkan oleh dua orang kanak-kanak tadi. Pendidik memberikan contoh bertutur secara sopan yang sesuai diamalkan oleh kanak-kanak apabila berkomunikasi dengan orang lain terutamanya orang yang lebih dewasa.

8. Pendidik memberitahu kelebihan orang yang selalu bertutur secara sopan. Kanak-kanak yang mengamalkannya akan disukai oleh Allah dan orang lain di sekeliling mereka.

9. Pendidik memuji tingkah laku bertutur secara sopan yang ditunjukkan oleh kanak-kanak semasa aktiviti bermain 'Telefon Pintar' dan main peranan tadi. Kanak-kanak diberi ganjaran penanda buku berbentuk telefon pintar sebagai tanda penghargaan atas kerjasama mereka.

10. Kanak-kanak dinasihatkan agar sentiasa bertutur secara sopan dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

[illegible]	**Bertutur Secara Sopan**
[illegible]	Membandingkan Baik atau Buruk
[illegible]	Kanak-kanak boleh: i. membandingkan antara bunyi suara yang baik dengan yang buruk ii. memadankan simbol *'thumb up'* bagi tingkah laku bertutur secara sopan dan sebaliknya.
[illegible]	Rakaman Audio (MP3) bunyi suara keldai, rakaman pelbagai bunyi suara manusia dan papan penanda simbol jari (*thumb up* sebagai simbol untuk baik; *thumb down* sebagai simbol untuk suara yang buruk).
[illegible]	30 minit
[illegible]	Suruhan dan Nasihat
[illegible]	Permainan dan perbandingan
[illegible]	Berpusatkan kanak-kanak dan bahan; secara kumpulan dan individu
[illegible]	Tingkah laku bertutur secara sopan amat digalakkan dan sepatutnya dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LANGKAH-LANGKAH PEMBELAJARAN

1. Kanak-kanak memulakan pembelajaran dengan membaca Doa Sebelum Belajar.

   Pendidik memulakan pengajaran dengan lafaz Basmallah dan diikuti dengan bacaan al-Quran Surah Luqman; ayat 19 serta maksudnya.

2. Pendidik memperdengarkan rakaman audio (MP3) bunyi suara keldai dan meminta kanak-kanak meneka bunyi tersebut.

3. Pendidik menerangkan bahawa sesiapa yang bertutur dengan tidak bersopan, boleh menyamai suara keldai.

4. Pendidik menerangkan aktiviti Membandingkan Baik atau Buruk yang akan dijalankan.

5. Semua kanak-kanak diberikan dua papan penanda simbol jari (*thumb up* sebagai simbol baik; *thumb down* sebagai simbol buruk).

6. Apabila semua kanak-kanak telah bersedia, pendidik memperdengarkan bunyi rakaman pelbagai suara manusia.

7. Kanak-kanak diminta membandingkan suara pertuturan yang baik dengan yang buruk. Jika pertuturan yang baik didengari (bersuara lunak) maka kanak-kanak perlu mengangkat papan penanda simbol jari *thumb up* dan begitulah sebaliknya.

8. Pendidik memberitahu kelebihan orang yang selalu bertutur secara sopan. Kanak-kanak yang mengamalkannya akan disukai oleh Allah dan orang lain di sekeliling mereka.

9. Pendidik berterima kasih atas kerjasama kanak-kanak dalam membuat penilaian terhadap akhlak baik atau buruk melalui aktiviti yang dijalankan sebentar tadi.

10. Kanak-kanak dinasihatkan agar sentiasa bertutur dengan suara yang lunak dan sopan dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN

BAHAN TAMBAHAN:



Sumber: HasnulHadiAhmad.com

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENUTUP

Secara kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa Islam begitu menitikberatkan soal pendidikan dalam kehidupan manusia. Fendidikan dalam Islam seharusnya bermula dari peringkat awal kanak-kanak lagi. Ini adalah kerana kanak-kanak ibarat sehelai kain yang putih bersih maka mereka perlu dicorakkan, diasuh dan dididik dengan nilai-nilai kerohanian dan kemanusiaan agar mereka menjadi modal insan yang berguna serta mendapat keredhaan serta keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Amalan kerohanian yang kukuh dapat melahirkan ummah yang kuat dari aspek rohani, emosi, sahsiah dan jasmani.

Imam al-Ghazali (2006) berpendapat bahawa pendidikan agama harus diajar kepada kanak-kanak bermula dari seawal mungkin khususnya pendidikan yang berkaitan dengan akhlak. Pengajaran harus mengarah pembentukan akhlak yang mulia. Imam al-Ghazali mengatakan bahawa akhlak adalah suatu sikap yang mengakar di dalam jiwa yang akan melahirkan berbagai perbuatan baik dengan mudah dan tanpa perlu pemikiran dan pertimbangan. Imam al-Ghazali turut menggabungkan antara kebahagiaan di dunia dan akhirat. Berkaitan kurikulum pendidikan Islam, beliau menyatakan bahawa al-Quran mengandungi ilmu-ilmu pengetahuan yang sarat dengan manfaat kepada kehidupan manusia. Ilmu yang diturunkan oleh Allah SWT menerusi al-Quran mampu membersihkan jiwa, menjaga akhlak dan mendekatkan diri manusia kepada Allah.

Bersandarkan pendapat Imam al-Ghazali maka jelaslah bahawa tujuan akhir yang ingin dicapai melalui pendidikan ialah kesempurnaan insani yang berakhir pada pendekatan diri kepada Allah SWT dan kesempurnaan insani yang berakhir pada kebahagian di dunia dan akhirat. Disebabkan itu, beliau bercita-cita mengajar manusia agar mereka sampai pada sasaran yang merupakan tujuan akhir dan maksud dari pendidikan. Sehubungan dengan itu, Saidina Umar r.a berpesan " ajarlah anak-anakmu dengan ilmu semasa kerana sesungguhnya mereka dicipta untuk suatu zaman yang bukan lagi zamanmu". Oleh itu, pendidikan sebaiknya berlandaskan aspek kerohanian dan moral tanpa mengabaikan kehidupan duniawi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

_____ Al-Quran dan terjemahan. Tafsir Pimpinan ar-Rahman. (2016). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amir A. Rahman. (1990). *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Nasih Ulwan. (1988) *Tarbiyyatul Awlad Fil Islam* (Terjemahan: Pendidikan Anak-anak dalam Islam oleh Sayyid Ahmad Semait. Jilid Satu). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Abdullah Nashih Ulwan (1990). *Pedoman Pendidikan Anak-anak dalam Islam.*(terjemahan Klang Book Centre). Selangor: Klang Book Centre.

Al Imam al-Ghazali. (2002). *Ihya Ulumuddin.* Terjemahan. Singapura. Darel Fajr.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2010). *Modul Pendidikan Islam; Pelaksanaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.* Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia

Fauziah Hanim Jalal, Nazariah Abd Samad, Ibrahim Hashim dan Melati Sumari. (2014). *Empat Dimensi Pendidikan dalam Keibubapaan Luqman al-Hakim. Inovasi dan Kelestarian dalam Pendidikan.* Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Imam Al-Ghazali (2006). *Mukhtasar Ihya'Ulumiddin.* (terjemahan Ibnu Yasin). Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa.

Imam Al-Ghazali (2007). *Bimbingan Mu'minin: Pada Mencari Redha Rabbil-'alamin.* (terjemahan Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd.

Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara. (2012). *Kurikulum PERMATA Negara. Edisi Kedua*. Tanjong Malim: Universiti Pendidkan Sultan Idris.

Mastura Badzis. (2010). *Pendidikan Anak-anak di Peringkat Awal Umur Berasaskan Binaan Kurikulum yang Integratif.* Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia dimuat turun pada 12 Mac 2012 dari http://www.mindamadani.my

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi